# Bekalan Jalan Dakwah

# زاد على الطريق

Ustaz Mustafa Masyhur

الأستاذ مصطفى مشهور

**SEKAPUR SIRIH DARI PENTERJEMAH**

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada pemimpin kita Nabi Muhammad saw, penutup para Nabi dan para Rasul yang diutuskan untuk memimpin manusia ke jalan kebenaran, dari kegelapan jahiliyah kepada cahaya Islam, pemimpin bagi orang-orang yang beriman, komander bagi mereka yang berjihad di jalan Allah. Selawat dan salam juga kepada ahli keluarga baginda, para sahabat baginda, para tabi'in dan para penggikut dakwah ini yang sentiasa berdiri di atas landasan kebenaran, berpegang teguh kepada al-Qur'an dan as-Sunnah hinggalah hari Kiamat.

Buku ini, Zaadun Ala At-Tariq adalah merupakan koleksi dari tulisan-tulisan Shaykh Al-Ustaz Mustafa Masyhur di dalam ruangan tetapnya di dalam majalah Ad-Dakwah, lidah rasmi Ikhwanul Muslimin. Bekalan Jalan Dakwah ini ditujukan kepada para sahibuddakwah, para du'at yang menyeru manusia ke jalan Allah, supaya membawa bekalan yang cukup di dalam perjalanan di atas jalan dakwah.

Di dalam keghairahan para pencinta Islam untuk mengembalikan semula nilai-nilai Islam di dalam kehidupan seharian mereka., mereka berlumba-lumba untuk memainkan peranan masing-masing. Mereka bersungguh-sungguh menjalankan usaha-usaha dakwah tanpa penat tetapi malangnya sesetengah dari mereka ini tidak membawa bekalan ataupun tidak menyediakan bekalan yang banyak di dalam perjalanan yang amat panjang ini.

Semangat kebangkitan yang membara dan berkobar-kobar itu hanya akan menjadi satu fenomena semasa sahaja kalau mereka tidak mcmbawa bekalan. Di tengah tengah perjalanan nanti mereka yang kehabisan modal dan semangat akan mula luntur dan langsung padam. Mereka akan kehilangan pedoman dan sudah tidak lagi berupaya meneruskan perjalanan yang panjang ini dan mereka akan menjadi habuan para syaitan, dari kalangan jin dan manusia yang sentiasa menunggu saat-saat kelemahan mereka.

Sebab itulah bekalan-bekalan ini amat diperlukan oleh para du'at ila-Allah, supaya dia dapat berjalan di atas jalan yang jelas, tanpa ragu-ragu, tanpa penyimpangan dan penyelewengan, tanpa letih lesu menuju matlamat – keredhaan Allah.

Oleh,

HAJI MOHD TAHIR DAENG MENGATI

**KANDUNGAN**

## KATA-KATA ALUAN DARI USTAZ UMAR AT-TELMESANI

Kehendak Allah pasti berlaku. Allah mahukan supaya dakwah Ikhwanul Muslimin tetap berjalan dan tidak berubah sejak ia dikumandangkan oleh penyeru pertamanya Imam Hassan Al-Banna. Aqidahnya adalah aqidah para sahabat, amalan dan perlaksanaannya memiliki ruh serta menurut akhlaq Rasulullah saw, tidak bercampur dengan kesamaran dan bid'ah, tidak redha meniru Barat manakala manhaj dan jalannya adalah Al-Quran. Dia sangatlah setia mengikuti dalil-dalil yang pasti dan tetap, tanpa tafsir, tanpa takwil, tanpa tahsis. Mereka melazimkan diri mereka mengambil nas-nas qat'i dan juga nas-nas zanni yang selaras dengan ajaran Al-Quran dan tidak bertentangan di antara satu sama lain seperti yang ditegah oleh Rasulullah saw.

Mereka ini (Ikhwanul Muslimin) beriman dengan Asma'ul Husna, sifat-sifat Allah yang Maha Mulia, tanpa ta'atil, tanpa tasybih, serta tidak pernah menafikan sifat Allah malah jauh sekali untuk mensyirikkanNya. Ikhwanul Muslimin memahami ini semua adalah menurut salafus soleh, para sahabat dan para pengikutnya. Pada satu ketika Imam Malik ditanya mengenai Al-Istiwa' (bersemayam). Imam Malik menjawab: "Bersemayam Allah itu 'dapat difikirkan' tetapi bagaimana caranya tidak diketahui, beriman tentangnya adalah wajib, bertanya tentang perkara itu adalah bid'ah dan akan kusangkakan engkau adalah orang jahat, usirlah orang ini dari majlis kita." Di atas dasar penelitian inilah kita berpegang dalam membaca kitab-kitab Allah dan dalam memahami ayat-ayatnya. Demikian jugalah dalam usaha kita untuk mengikut jejak Rasulullah saw, beriman kepada hadis-hadis yang sahih, hasan dan mutawatir, hendaklah segala sabda-sabda baginda kita terima dan ikut dengan sedemikian rupa tanpa mencuba-cuba membuat penafsiran sendiri. Sesungguhnya Rasulullah saw itu telah dilengkapi dengan Al-Quran dan bersamanya diberi juga yang sama dengan Al-Quran malah kita disuruh oleh Allah supaya mengikuti Rasulullah saw, mengikuti segala perbuatannya, perkataannya dan pengakuannya.

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱبۡنِ
ٱلسَّبِيلِ كَيۡ لَا يَكُونَ دُولَةَۢ بَيۡنَ ٱلۡأَغۡنِيَآءِ مِنكُمۡۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ
وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٧

*"Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan*

*bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)."* Al-Hasyr: 7

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدۡ أَطَاعَ ٱللَّهَۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ عَلَيۡهِمۡ حَفِيظٗا ﴿٨٠﴾

*"Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)."* An-Nisa: 80

Dengan kefahaman yang luas dan sejahtera inilah Ikhwanul Muslimin hidup bersama-sama Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Itulah sebabnya Imam Hassan Al-Banna yang telah syahid itu tidak perlu mengarang kitab yang besar-besar, malah beliau menumpukan perhatiannya dalam menulis kitab-kitab dan risalah-risalah yang mengandungi dasar-dasar pegangan hidup Islam yang dilimpahkan Allah kepadanya. Risalah-risalah yang beliau telah tulis adalah ringkas tetapi padat kerana cukuplah bagi seorang mukmin itu mengambil bekalan-bekalan yang perlu saja dalam meniti perbendaharaan kitab-kitab perundangan Islam yang maha luas itu. Dengan cara ini, Allah telah memberi hidayah kepada berjuta-juta kaum muslimin di seluruh dunia melalui dakwah dan usaha Imam Hassan Al-Banna. Dengan cara ini juga Allah telah memberi hidayah kepada berjuta-juta pemuda Islam yang berminat untuk mendalami dan menghayati Islam dalam memimpin kehidupan mereka dalam rangka mencari redha Allah. Dengan cara ini juga Ikhwanul Muslimin berjalan terus serta mengeluarkan tulisan-tulisan yang ringkas dan padat serta meliputi ruang lingkup kehidupan untuk hidangan manusia. Tulisan-tulisan mereka teliti dan mudah difahami, mereka tidak menulis kitab yang besar-besar di mana hanya segelintir manusia saja yang mampu untuk memahaminya.

Di atas naungan yang bermakna dan pengertian inilah saya ingin memberikan sepatah dua, kata-kata aluan di dalam buku ini (Zaadun Ala At-Tariq). Buku ini adalah tulisan saudara Al-Fadhil, Al-Muslim, Al-Amil, saudaraku serta kekasihku Mustafa Masyhur. Demi Allah, Dialah Allah yang sangat mengetahui betapa kuat dan rapatnya tautan kasih sayang dan ikatan ukhuwwah di antara kami dalam jamaah Ikhwanul Muslimin, namun kami tidak biasa memuji-muji sahabat-sahabat kami sekiranya ia merugikan yang haq.

Bahasa yang diolah di dalam buku ini amatlah mudah difahami, tiap-tiap patah perkataan dan ayat-ayat yang digunakan menerangkan apa yang dikehendaki dan dimaksudkan, tidak menyusahkan serta tidak berbelit-belit, mudah dibaca lantas terus difahami melalui kata-kata yang ringkas dan sederhana. Apa yang perlu diperhatikan adalah kefahaman yang sahih dan cuba melaksanakan segala isinya. Buku Zaadun Ala At-Tariq ini merupakan sahabat yang karib bagi mereka yang benar-benar ingin

mengenal jalan dakwah dan langkahnya. Dengan buku ini dapat diketahui dan dikenali jalan Allah (manhaj Rabbani), jalan yang pasti selamat supaya anda tidak dikelirukan oleh pelbagai jalan yang boleh memesongkan anda dari jalan Allah sedangkan anda sangka anda masih tetap berada di atas jalan yang benar.

Buku ini dapat memberi gambaran tentang bekalan yang diperlukan untuk menuju ke matlamat yang anda cita-citakan. Allahlah tujuan kita, tiada yang lain selain Dia. Anda bersama-sama dengan saudara kita Mustafa Masyhur berpuasa, bersolat, mengeluarkan zakat dan pergi haji, bukan hanya berbahas tentang hikmah-hikmah sesuatu perintah tetapi di sini maksudnya kita tunduk dan patuh terhadap segala titah perintah Allah. Saya tidak bermaksud untuk menyuruh anda mencari-cari hikmah di dalam perintahNya tetapi laksanakanlah dahulu titah perintah itu tanpa ragu-ragu atau bersusah-payah untuk mengetahui hikmah-hikmah perintah tadi. Kelak anda akan merasai kelazatan di dalam ketaatan dan kenikmatan dalam menurut perintahNya. Kemuncak dari kenikmatan ini insha Allah, Allah akan membukakan pintu-pintu hikmah yang menambahkan ketenangan dan ketenteraman yang tiada tolok bandingnya di dalam diri anda. Seorang Muslim itu beriman dahulu dan dengan membaca kitab Allah bertambah lagi keimanannya. Inilah jalan salafus soleh yang kudus, jalan para sahabat Rasulullah saw dan para pengikut mereka. Mereka beriman tanpa ragu-ragu, mereka laksanakan rukun-rukun Islam sebagaimana yang diperintahkan dan natijah serta kesannya dapat dilihat di dalam kehidupan mereka. Solat mereka mencegah dari kejahatan dan kemungkaran, puasa merupakan benteng dan kenderaan yang membawa ke arah ketaqwaan, haji pula merupakan ibadah yang mempunyai berbagai-bagai faedah dan zakat pula menyucikan harta dan menyuburkannya.

Wahai saudara-saudaraku yang tercinta! Sebaik-baik bekalan adalah taqwa, sebaik-baik taqwa pula adalah yang membawa anda kepada tujuan yang dicita-citakan. Berbahagialah saudara kita Mustafa Masyhur kerana beliau telah menghimpunkan untuk kita berbagai corak warna pembekalan yang diambil dari hidangan Al-Quran. Beliau menghidangkan di hadapan kita bukan untuk kita pilih kerana di dalam bekal para muttaqin tidak boleh memilih-milih, tidak boleh diambil dan dibuang sesuka hati, tidak boleh dibeza-bezakan, malah semuanya merupakan ubat yang mujarab yang mesti diminum dan ditelan. Semuanya mesti diambil dan dijadikan bekalan oleh para musafir yang menuju kepada Allah melalui .jalan Allah. Bekal ini berupaya memenuhi hasrat orang yang bercinta dan bercita-cita sehinggalah mereka menjadi seorang mukmin yang berpuas hati. Mukmin yang dibekal dengan daya amal. Bekalan ini berguna untuk orang yang sihat, ia menguatkannya dan menolongnya tetapi bagi orang yang sakit jiwanya, tiada satu apa pun bekalan yang berfaedah untuknya. Ambillah bekalan ini, Firman Allah:

ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَٰتٌ ۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِى ٱلْحَجِّ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٧﴾

*"(Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadah haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (taqwa); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)."* Al-Baqarah: 197

Pohonlah kepada Tuhanmu agar dengan bekalan ini anda berjaya dan selamat dari segala yang ditakuti dan anda berjaya mencapai apa yang anda cita-citakan. Sesungguhnya Tuhanmu sentiasa menyerumu dari tujuh petala langit melalui lembaran-lembaran kitab sucinya yang mulia. FirmanNya:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

*"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-An'am: 153

Nah, perhatikanlah wasiat-wasiat dari Tuhanmu, semoga kamu bertaqwa dan di samping itu bekalan ini menambahkan kekuatan hatimu. Bukanlah ia merupakan bekalan sahaja tetapi juga merupakan satu perniagaan sebagaimana yang disebut di dalam surah As-Saf:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?"* As-Saf: 10

Wahai pembaca buku ini, bacalah, pelajarilah, bertawakkallah serta beramallah.

فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُواْ وَأَطِيعُواْ وَأَنفِقُواْ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

*"Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu; dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaranNya) serta taatlah (akan perintah-perintahNya); dan belanjakanlah harta kamu (serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."* At-Taghabun: 16

UMAR AT-TELMESANI

الأستاذ عمر التلمساني

## MUQADDIMAH – DAN DI ATAS JALAN DAKWAH, KITA MEMERLUKAN BEKALAN

وعلى طريق الدعوة , نحتاج إلى زاد

Setiap musafir di perjalanan memerlukan bekal yang mencukupi untuk meneruskan perjalanannya dan sampai kepada destinasinya. Dia tidak boleh tidak mesti memperhitungkan segala kemungkinan yang bakal merintangi perjalanannya atau sekurang-kurangnya melambatkannya untuk sampai ke arah tujuannya.

Jalan dakwah adalah merupakan satu jalan kehidupan para da'i yang menyeru manusia kepada Allah dan ke jalanNya. Oleh itu dia mestilah menyediakan segala bekalan yang mampu melindungi dirinya dari segala bentuk penyelewengan yang boleh memesongkannya dari jalanNya, supaya tidak berhenti, tidak tergelincir dan tidak tersekat. Kesan-kesan negatif ini kalau berterusan akan merugikan dan menghapuskan segala yang haq dan kejayaan yang agung tidak mungkin tercapai.

Bekalan yang sangat diperlukan dalam perjalanan ini adalah iman yang mantap serta taqwa kepada Allah. Di samping itu kita memerlukan sahabat-sahabat yang baik, sahabat yang memberi tunjuk ajar dan menghidangkan segala pengalaman-pengalaman dan percubaan-percubaan di mana dengan ini kita memperbaharui tenaga dan kekuatan iltizam serta menjauhkan kita dari penyelewengan dan kesilapan.

Sebuah kereta yang dipandu oleh seorang musafir akan berhenti dan tidak akan bergerak malah ia hanya merupakan sepotong besi di pertengahan jalan kalau ia kehabisan minyak atau tidak diberi minyak yang cukup. Demikianlah juga orang-orang yang mengikuti jalan dakwah. Apabila bekalan iman dan taqwanya kurang ataupun kehabisan tanpa ada sebarang usaha untuk menambahnya atau memperbaharuinya maka sudah tentulah da'i itu menjadi bangkai yang kaku atau sekurang-kurangnya sakit, tidak bermaya malah tidak mampu untuk bergerak. Maka benarlah firman Allah:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْكَٰفِرِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ١٢٢

*"Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman),*

*diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat)."* Al-An'am: 122

Dan firmanNya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسۡتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمۡ لِمَا يُحۡيِيكُمۡۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيۡنَ ٱلۡمَرۡءِ وَقَلۡبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ٢٤

*"Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan."* Al-Anfal: 24

Sesungguhnya bekalan iman dan taqwa kepada Allah itulah yang akan memancarkan segala mata air kebaikan dari hati seseorang, melahirkan tenaga, memupuk ketinggian cita-cita, menambahkan keazaman lantas memudahkan segala gerakan, meringankan tarikan, melintasi segala rintangan, menjauhi segala kesalahan dan menerangi segala petunjuk di sepanjang jalan. Puncak dari itu lahirlah kebenaran, keikhlasan, keazaman, ketahanan dan kadang-kadang menghasilkan peristiwa-peristiwa luar biasa di dalam perjalanan.

Perkara pertama yang diperlukan sebagai bekalan di atas jalan dakwah ini adalah merasai kehadiran Allah di dalam setiap jejak langkah dan di dalam setiap pergerakan dan kerehatan, malah Allah ada bersama kita di dalam setiap detik. Barangsiapa yang Allah bersama-samanya, dia tidak akan kehilangan sesuatu apa pun dan barangsiapa yang dibiarkan oleh Allah keseorangan sudah tentulah dia akan hilang dan tersesat. Penyertaan Allah ini hanyalah diberikan kepada orang yang beriman, bertaqwa serta beramal soleh. Dalam hal ini Allah telah berfirman:

وَٱصۡبِرۡ وَمَا صَبۡرُكَ إِلَّا بِٱللَّهِۚ وَلَا تَحۡزَنۡ عَلَيۡهِمۡ وَلَا تَكُ فِي ضَيۡقٖ مِّمَّا يَمۡكُرُونَ ١٢٧ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحۡسِنُونَ ١٢٨

*"Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan." "Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."* An-Nahl: 127-128

FirmanNya lagi:

إِن تَسْتَفْتِحُوا۟ فَقَدْ جَآءَكُمُ ٱلْفَتْحُ ۖ وَإِن تَنتَهُوا۟ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَإِن تَعُودُوا۟ نَعُدْ وَلَن تُغْنِىَ عَنكُمْ فِئَتُكُمْ شَيْـًٔا وَلَوْ كَثُرَتْ وَأَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٩﴾

*"Jika kamu (hai orang-orang musyrik) memohon supaya diberi kemenangan (bagi pihak yang benar) maka sesungguhnya kemenangan (yang kamu pohonkan) itu telah datang (dan disaksikan oleh) kamu; dan jika kamu berhenti (daripada memusuhi Nabi Muhammad) maka yang demikian amat baik bagi kamu, dan jika kamu kembali (memusuhinya), Kami juga kembali (menolongnya mengalahkan kamu); dan golongan (angkatan perang) kamu tidak sekali-kali akan dapat menyelamatkan kamu sedikitpun, sekalipun ia lebih ramai; dan (yang demikian itu adalah kerana) sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang beriman."* Al-Anfal: 19

serta firmanNya lagi:

إِنَّ عِدَّةَ ٱلشُّهُورِ عِندَ ٱللَّهِ ٱثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ مِنْهَآ أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ ۚ فَلَا تَظْلِمُوا۟ فِيهِنَّ أَنفُسَكُمْ ۚ وَقَٰتِلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ كَآفَّةً كَمَا يُقَٰتِلُونَكُمْ كَآفَّةً ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

*"Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa."* At-Taubah: 36

Di atas jalan dakwah ini kita sangat perlu kepada nur Ilahi bagi menerangi jalan kita supaya kita sentiasa melangkah di atas basirah dan berpandangan jauh, jelas dan terang tanpa penyelewengan, kesilapan atau gelinciran yang mungkin menyekat kita untuk berjalan terus. Nur hanya diberikan oleh Allah kepada orang-orang yang dibekal dengan taqwa dan iman, bertepatanlah seperti firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَءَامِنُوا۟ بِرَسُولِهِۦ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِن رَّحْمَتِهِۦ وَيَجْعَل لَّكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِۦ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٨﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada RasulNya (Muhammad), supaya Allah memberi kepada kamu dua bahagian dari rahmatNya, dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya, serta diampunkanNya dosa kamu; dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Al-Hadid: 28

Dan firmanNya lagi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ إِذَا مَسَّهُمۡ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبۡصِرُونَ ٢٠١

*"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar)."* Al-A'raf: 201

FirmanNya lagi:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِي مُسۡتَقِيمٗا فَٱتَّبِعُوهُۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمۡ عَن سَبِيلِهِۦۚ ذَٰلِكُمۡ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ١٥٣

*"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-An'am: 153

Sentiasalah kita berada di atas jalan dakwah, supaya kita berkeupayaan untuk mengubah realiti yang batil demi menegakkan yang haq. Untuk itu wajiblah kita merasai kemuliaan, kekuatan, ketinggian serta menjauhkan diri dari perasaan lemah, hina dan rendah diri, semuanya ini tidak akan dapat digarap tanpa bekalan iman.

Seperti firman Allah:

وَلَا تَهِنُواْ وَلَا تَحۡزَنُواْ وَأَنتُمُ ٱلۡأَعۡلَوۡنَ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١٣٩

*"Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman."* Ali Imran: 139

Dan firmanNya lagi:

يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

*"Mereka berkata lagi: Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah (pihak Islam). Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi RasulNya serta bagi orang-orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."* Al-Munafiqun: 8

Dan firmanNya lagi:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik."* Ali Imran: 110

Di atas jalan dakwah ini kita sangat perlu kepada penyertaan dalam jihad fi sabilillah serta melakukan pengorbanan segala yang kita miliki dari harta kita, usaha kita, buah fikiran kita, masa kita malah jiwa kita sekalipun. Tidaklah mampu untuk dilakukan kesemua ini melainkan oleh orang yang memiliki bekalan iman kerana mereka lebih mengutamakan apa yang ada di sisi Allah dan segala yang susah dipandang ringan dan mudah pada jalan Allah.

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

*"Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan taghut (syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan*

*pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."* An-Nisa: 76

Dan firmanNya lagi:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ ۚ فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

*"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (balasan syurga yang demikian ialah) Sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."* At-Taubah: 111

Di atas jalan dakwah ini kita terdedah kepada penyiksaan, cubaan dan ujian kerana ini semua adalah sunnatullah di dalam dakwah. Tiada siapa yang dapat menolong kita memikul beban ini dan bersabar padanya kecuali bekalan iman dan taqwa.

Dari firman Allah:

۞ لَتُبْلَوُنَّ فِىٓ أَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِكُمْ وَمِنَ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوٓا۟ أَذًى كَثِيرًا ۚ وَإِن تَصْبِرُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

*"Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar dari orang-orang yang telah diberikan kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik: banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)."* Ali Imran: 186

Sedangkan Rasulullah saw sendiri menghadapi cercaan dan celaan tetapi dengan penuh tawakkal, Rasulullah saw menjawab dengan membaca sepotong ayat dari Al-Quran:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى ٱللَّهِ وَقَدۡ هَدَىٰنَا سُبُلَنَاۚ وَلَنَصۡبِرَنَّ عَلَىٰ مَآ ءَاذَيۡتُمُونَاۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلۡيَتَوَكَّلِ ٱلۡمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

*"Dan mengapa pula kami tidak berserah diri kepada Allah padahal Dia telah menunjukkan jalan untuk tiap-tiap seorang dari kami menjalaninya? Dan demi sesungguhnya, kami akan bersabar terhadap segala perbuatan kamu menyakiti kami. Dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah."* Ibrahim: 12

Begitu juga apa yang terjadi terhadap tukang-tukang sihir Firaun. Mereka telah beriman kepada Allah dan berpaling tadah dari Firaun, ini membuatkan Firaun berang serta mengecam mereka dan menjatuhkan hukuman yang paling kejam sekali. Namun begitu mereka tetap dengan pilihan mereka lantas menjawab dengan berani terhadap Firaun yang disebut di dalam Al-Quran:

قَالُواْ لَن نُّؤۡثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلۡبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِي فَطَرَنَاۖ فَٱقۡضِ مَآ أَنتَ قَاضٍۖ إِنَّمَا تَقۡضِي هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَآ ﴿٧٢﴾ إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغۡفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكۡرَهۡتَنَا عَلَيۡهِ مِنَ ٱلسِّحۡرِۗ وَٱللَّهُ خَيۡرٞ وَأَبۡقَىٰٓ

*"Mereka menjawab: Kami tidak sekali-kali akan mengutamakanmu daripada apa yang telah datang kepada kami dari mukjizat-mukjizat yang terang nyata, dan (tidak akan mengutamakanmu daripada) Tuhan yang telah menjadikan kita semua. Oleh itu, hukumkanlah apa sahaja yang engkau hendak hukumkan, kerana sesungguhnya engkau hanyalah dapat menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja." "Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami, supaya diampunkanNya kesalahan-kesalahan kami, dan dosa-dosa sihir yang engkau paksakan kami melakukannya. Dan Allah jualah yang lebih baik dan lebih kekal balasan pahalaNya."* Taha: 72-73

Di atas jalan dakwah ini kita sangat perlu kepada Allah, supaya Dia memantapkan kita dalam perjalanan ini tanpa bimbang dan ragu, tanpa menjauhkan diri dari amal, tanpa meninggalkan amal dan kewajipan walau bagaimana berat dan banyak sekalipun, dan Allah hanya akan mengurniakan kurnia ini kepada orang yang beriman, seperti di dalam firmanNya:

يُثَبِّتُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱلۡقَوۡلِ ٱلثَّابِتِ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِۖ وَيُضِلُّ ٱللَّهُ ٱلظَّٰلِمِينَۚ وَيَفۡعَلُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ﴿٢٧﴾

*"Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendakiNya."* Ibrahim: 27

Dan firmanNya lagi:

إِذْ يُوحِى رَبُّكَ إِلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ أَنِّى مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ۚ سَأُلْقِى فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ فَٱضْرِبُوا۟ فَوْقَ ٱلْأَعْنَاقِ وَٱضْرِبُوا۟ مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿١٢﴾

*"(Ingatlah) ketika Tuhanmu wahyukan kepada malaikat: Sesungguhnya Aku menyertai kamu (memberi pertolongan), maka tetapkanlah (hati) orang-orang yang beriman. Aku akan mengisi hati orang-orang yang kafir dengan perasaan gerun; oleh itu, pancunglah leher mereka (musuh) dan potonglah tiap-tiap anggota mereka."* Al-Anfal: 12

Wahai Tuhan kami! Tetapkanlah pendirian kami di atas jalanMu. Para pendakwah kepada Allah yang melangkah di atas jalan dakwah adalah terdedah kepada gangguan, cercaan, ancaman dan siksaan demi siksaan dari musuh Allah. Ini semua sangat ditakuti manusia biasa. Mereka menjauhkan diri darinya malah lari dari jalan dakwah. Bagi para da'i yang telah membekali diri dengan iman dan taqwa kepada Allah, perkara seumpama ini tidak akan terjadi.

Seperti di dalam firman Allah:

۞ يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ ٱللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٧١﴾ ٱلَّذِينَ ٱسْتَجَابُوا۟ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ مِنۢ بَعْدِ مَآ أَصَابَهُمُ ٱلْقَرْحُ ۚ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا۟ مِنْهُمْ وَٱتَّقَوْا۟ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٢﴾ ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾ فَٱنقَلَبُوا۟ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوٓءٌ وَٱتَّبَعُوا۟ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾ إِنَّمَا ذَٰلِكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَآءَهُۥ فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

*"Mereka bergembira dengan balasan nikmat dari Allah dan limpah kurniaNya; dan (ingatlah), bahawa Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang beriman." "Iaitu orang-orang yang menjunjung perintah Allah dan RasulNya (supaya keluar menentang musuh yang menceroboh), sesudah mereka mendapat luka (tercedera di medan perang Uhud). Untuk orang-orang yang telah berbuat baik di antara mereka dan yang*

*bertaqwa, ada balasan yang amat besar." "Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya. Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami)." "Setelah (pergi mengejar musuh), mereka kembali dengan mendapat nikmat dan limpah kurnia dari Allah, mereka tidak disentuh oleh sesuatu bencana pun, serta mereka pula menurut keredhaan Allah dan ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar." "Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan yang (bertujuan) menakut-nakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya (kaum kafir musyrik). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu (jangan cuaikan perintahKu), jika betul kamu orang-orang yang beriman."* Ali Imran: 171-175

Dalam perjalanan di atas jalan dakwah ini kita sangat memerlukan kekuatan ikatan ukhuwwah dan kasih sayang kerana Allah. Ini jelas boleh menyempurnakan konsep tolong menolong dan persefahaman dalam perlaksanaan tugas dakwah dengan mudah. Perjumpaan yang kerap pula menjalin perasaan kasih sayang dan ukhuwwah itu sendiri. Ini akan hanya berlaku di dalam realiti kehidupan orang mukmin. Seperti yang telah digambarkan oleh Allah di dalam firmanNya:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* At-Taubah: 71

Dan lagi firmanNya:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

*"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."* Al-Hujurat: 10

Sehingga Rasulullah saw mensyaratkan kesempurnaan iman hanya akan tercapai dengan merealisasikan perasaan kasih sayang ini, seperti sabda baginda:

"لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه"

*"Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehinggalah dia mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri."* Al-Hadis

Para pendakwah kepada Allah dan mereka yang berada di atas jalan dakwah terdedah kepada sifat-sifat malas, lesu dan jemu serta berbagai-bagai penyakit hati. Kalau sifat-sifat ini berterusan menguasai diri akan membawa kerenggangan dari dakwah itu sendiri, kelekaan dan terus pasif tidak mahu bergerak. Sikap para da'i yang sentiasa berpesan ke arah kebaikan dan yang haq dan sentiasa berpesan supaya bersabar seperti yang selalu disarankan oleh Al-Quran inilah yang boleh menghindarkan mereka dari penyakit-penyakit tadi. Memberi peringatan yang berfaedah kepada orang beriman serta nasihat menasihati sesama sahabat akan menghindarkan saudara kita dari lupa dan leka. Menolong di saat-saat mereka memerlukan pertolongan serta menutupi kecacatan dan kelemahannya, serta menolong saudara kita dari dihinggapi penyakit-penyakit negatif tadi.

Mereka yang berada di atas jalan dakwah selalu terdedah kepada peristiwa-peristiwa serta realiti kehidupan yang susah dan getir yang boleh menjadikannya bingung, di saat sebeginilah dia mesti bertegas di atas ajaran Islam dan nilai-nilai Islam, serta terus maju untuk memperkatakan yang haq walaupun menerima ancaman dan bahaya. Sudah tentu di dalam saat-saat genting ini tiada siapa yang dapat menolong kecuali bekalan iman dan taqwa kepada Allah. Allah berfirman:

وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

*"Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."* At-Talaq: 3

Dan firmanNya lagi:

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي لَمۡ يَحِضۡنَۚ وَأُوْلَٰتُ ٱلۡأَحۡمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعۡنَ حَمۡلَهُنَّۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مِنۡ أَمۡرِهِۦ يُسۡرٗا ﴿٤﴾

*"Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh iddah mereka) maka iddahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya."* At-Talaq: 4

FirmanNya lagi:

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَمَن يُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ يَهۡدِ قَلۡبَهُۥۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١١﴾

*"Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."* At-Taghabun: 11

إِذۡ أَوَى ٱلۡفِتۡيَةُ إِلَى ٱلۡكَهۡفِ فَقَالُواْ رَبَّنَآ ءَاتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحۡمَةٗ وَهَيِّئۡ لَنَا مِنۡ أَمۡرِنَا رَشَدٗا ﴿١٠﴾

*"(Ingatkanlah peristiwa) Ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisimu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami."* Al-Kahfi: 10

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ﴿٧٠﴾ يُصۡلِحۡ لَكُمۡ أَعۡمَٰلَكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدۡ فَازَ فَوۡزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara)," "Supaya Dia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan."* Al-Ahzab: 70-71

Rasulullah saw telah bersabda:

"من أفضل الجهاد عند الله كلمة حق عند سلطان جائر"

*"Jihad yang utama di sisi Allah ialah perkataan yang haq di hadapan pemerintah yang zalim."*

Di atas jalan dakwah ini kita mestilah menghayati Islam pada perkataan serta perbuatan menurut syariah Islam. Tidak menyalahi titah perintah Allah, tidak bertentangan dengan sunnah Rasulullah saw dalam segala keadaan dan suasana. Dia mestilah sentiasa berusaha menjaga kesatuan barisan jamaah Islam serta tidak keluar darinya. Tiada siapa yang sanggup berbuat demikian kecuali orang-orang yang mempunyai iman yang benar-benar mampu melindungi dan memeliharanya dari sebarang kecuaian, menyalahi syariat serta pengurangan iltizam.

Dari firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَـٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."* Al-Ahzab: 36

Dan firmanNya lagi:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَـٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah

menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya." Ali Imran: 103

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman ialah mereka yang beriman kepada Allah dan RasulNya, dan apabila mereka turut bersama-sama dengan Rasulullah dalam sesuatu perkara yang memerlukan perhimpunan ramai, tidaklah mereka meninggalkan majlis perhimpunan itu sebelum mereka meminta izin kepadaNya. Sesungguhnya orang-orang yang meminta izin kepadamu (wahai Muhammad) itulah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya. Maka apabila meminta izin kepadamu untuk pergi menjalankan sesuatu urusan mereka, maka izinkanlah bagi sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka, dan mintalah ampun kepada Allah untuk mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* An-Nur: 62

Di atas jalan dakwah ini kita sangat perlu kepada ilmu yang bermanfaat, yang perlu bagi pendakwah kepada Allah di atas hujjah yang nyata. Tidaklah mencukupi dengan membaca kitab dengan banyaknya kecuali disertai dengan taqwa kepada Allah dan niat ikhlas kerana Allah, kelak Allah akan menambahkan kurniaan ilmu, nur dan taufiqnya. Benarlah seperti firmanNya:

وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱللَّهُ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

*"... Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."* Al-Baqarah: 282

Di atas jalan dakwah ini kita benar-benar memerlukan kehadiran Allah, sangat memerlukan pertolonganNya, terutama di saat-saat kita menghadapi tipu daya yang berbagai serta tentangan demi tentangan dan serangan dari musuh-musuh Allah.

FirmanNya:

أَمۡ حَسِبۡتُمۡ أَن تَدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ وَلَمَّا يَأۡتِكُم مَّثَلُ ٱلَّذِينَ خَلَوۡاْ مِن قَبۡلِكُمۖ مَّسَّتۡهُمُ ٱلۡبَأۡسَآءُ وَٱلضَّرَّآءُ
وَزُلۡزِلُواْ حَتَّىٰ يَقُولَ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ مَتَىٰ نَصۡرُ ٱللَّهِۗ أَلَآ إِنَّ نَصۡرَ ٱللَّهِ قَرِيبٞ ٢١٤

*"Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan harta benda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah? Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)."* Al-Baqarah: 214

Pertolongan Allah dan kemenangan agamaNya tidak akan menjadi kenyataan kecuali dengan usaha gigih dan jihad sepenuh hati dengan segala pengorbanan dari barisan mukminin dan mujahidin. Jelas sekali bekalan iman dan taqwa menjadi satu perkara asasi dan persoalan yang lazim dalam mendapat pertolongan Allah dan kemenangan agamaNya.

FirmanNya:

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوۡمِهِمۡ فَجَآءُوهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمۡنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْۖ وَكَانَ
حَقًّا عَلَيۡنَا نَصۡرُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٤٧

*"Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) Rasul-Rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya keterangan-keterangan yang jelas nyata; kemudian Kami menyeksa orang-orang yang berlaku salah (mengingkarinya); dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman."* Ar-Rum: 47

FirmanNya lagi:

إِنَّا لَنَنصُرُ رُسُلَنَا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَيَوۡمَ يَقُومُ ٱلۡأَشۡهَٰدُ ٥١

*"Sesungguhnya Kami tetap membela serta mempertahankan Rasul-Rasul Kami dan orang-orang yang beriman - dalam kehidupan dunia ini dan pada saat bangkitnya saksi-saksi (pada hari Kiamat)"* Al-Ghafir: 51

FirmanNya lagi:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسۡتَخۡلِفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ كَمَا ٱسۡتَخۡلَفَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمۡ دِينَهُمُ ٱلَّذِي ٱرۡتَضَىٰ لَهُمۡ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعۡدِ خَوۡفِهِمۡ أَمۡنٗاۚ
يَعۡبُدُونَنِي لَا يُشۡرِكُونَ بِي شَيۡـٔٗاۚ وَمَن كَفَرَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٥٥

*"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadah kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."* An-Nur: 55

Akhir sekali, kita mesti terus menerus memperkotakan janji kita dengan Allah dan manusia, tidak mungkir janji, tidak mengubah dan tidak cuba menggantikan agama Allah sehingga kita menemui Allah di atas jalan dakwah dalam keadaan yang setia dan taat kepadaNya. Iman dan taqwa adalah sebaik-baik bekalan yang menolong kita berbuat demikian.

Allah berfirman:

بَلَىٰ مَنۡ أَوۡفَىٰ بِعَهۡدِهِۦ وَٱتَّقَىٰ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَّقِينَ ٧٦

*"Bahkan (Mereka berdosa memakan hak orang, kerana), sesiapa yang menyempurnakan janjinya (mengenai hak orang lain) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa."* Ali Imran: 76

FirmanNya lagi:

مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ رِجَالٞ صَدَقُواْ مَا عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ عَلَيۡهِۖ فَمِنۡهُم مَّن قَضَىٰ نَحۡبَهُۥ وَمِنۡهُم مَّن يَنتَظِرُۖ وَمَا
بَدَّلُواْ تَبۡدِيلٗا ٢٣

*"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di*

*antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."* Al-Ahzab: 23

Nah, renungilah diri kita, bagaimana lemahnya kita, betapa kita benar-benar memerlukan bekalan di atas jalan. Bagaimana kita mampu melangkah, membuat satu kebaikan apatah lagi beramal soleh tanpa bekalan iman dan taqwa. Lantaran itu, marilah kita bersama-sama memperbaiki perbekalan iman dan taqwa dan selalulah memperbaharuinya di sepanjang perjalanan, usah dibiarkannya berkurang atau terus habis sebaliknya kita bekerja untuk menambah dan terus menambahkannya.

Dan di sekitar pengenalan kepada sumber-sumber bekalan dan bagaimanakah cara menambah dan memperbaharuinya maka itulah yang akan kita bincangkan seterusnya dengan izin Allah. Kita memohon taufiq dan pertolongan Allah.

## BAB 1 MARILAH KITA MENGAMBIL BEKALAN DARI AL-QURAN

فلنتزود من القرآن

Saya merasa terlalu lemah untuk menulis tentang perkara bekalan di sepanjang jalan, terutama tentang cara pengambilan bekalan iman dan taqwa, bekalan hidayah dan nur. Sesungguhnya urusan ini bukan urusan kepandaian, bukan urusan pengalaman, bukan urusan pengetahuan tetapi adalah urusan Allah, semuaNya terpulang kepada limpah kurniaNya yang Maha Pemurah.

Dari firmanNya:

يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِۦ مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

*"Allah menentukan pemberian rahmatNya itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan (ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang besar."* Ali Imran: 74

Dan firmanNya lagi:

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا ۖ قُل لَّا تَمُنُّوا عَلَىَّ إِسْلَٰمَكُم ۖ بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَىٰكُمْ لِلْإِيمَٰنِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

*"Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tidak melawan dan tidak menentang). Katakanlah (kepada mereka): "Janganlah kamu mengira keIslaman kamu itu sebagai budi kepadaku, bahkan (kalaulah sah dakwaan kamu itu sekalipun maka) Allah jualah yang berhak membangkit-bangkitkan budiNya kepada kamu, kerana Dialah yang memimpin kamu kepada iman (yang kamu dakwakan itu), kalau betul kamu orang-orang yang benar (pengakuan imannya)."* Al-Hujurat: 17

FirmanNya lagi:

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

*"Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatupun yang dapat menahannya; dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak*

*ada sesuatupun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan (ingatlah) Dialah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Fatir: 2

Kesimpulannya, apabila Allah memberi rahmat kepada manusia, maka tiada siapa yang berupaya menahannya dan sesiapa yang tidak mendapat rahmatNya, maka tiada siapa yang berupaya memberinya.

### 1.1 Allah Sumber Segala Kebaikan

Sesungguhnya Allah itulah sumber segala kebaikan kerana limpah kurniaNya kepada kita, Dialah yang menunjukkan segala saluran dan cara dalam memperolehi bekalan dari Allah ini. Kalau kita teliti di peringkat awalnya segala-galanya bergantung kepada hal keadaan hamba itu sendiri, dia berdiri menghadap Allah dan memohon kepadaNya, lalu Allah melihat hambanya, penuh khusyuk, pasrah, merasa tawaddhu dan hina diri, penuh dengan pengharapan kepada Allah, penuh taqwa, benar-benar menunjukkan kesungguhannya terhadap Allah, dan ini semua diperhatikan oleh Allah. Itulah pokok utamanya, kemudian barulah datang jalan-jalannya dan sebab musababnya, sejauh mana kesungguhan dan benarnya seseorang di dalam keadaan ini, maka sebanyak itulah rahmat kurnia Allah kepadanya.

Dalam hal ini, saya merasa kasihan pada diri saya dan kadang-kadang saya merasa takut tatkala mengajar orang tentang perkara ini kerana kemungkinan saya tidak punya kelayakan berbuat demikian tetapi kerana saya rasakan bahawa bekalan ini adalah perlu, malah sangat mustahak untuk orang-orang yang melalui jalan dakwah, maka saya hanya mohon pertolongan dari Allah untuk menulis beberapa pandangan-pandangan yang boleh dipelajari dan dijadikan panduan.

Oleh kerana bekalan ini – seperti jalan tiap-tiap bekalan – terdedah kepada tambahan dan kekurangan, bahkan terdedah kepada kemusnahan, maka wajiblah kita berusaha terus menerus memperbaharuinya dan menambahinya serta memeliharanya dari segala kekurangan dan kemusnahan dan kita akan dapat melihat dan mengetahui bahawa Allah telah mempermudahkan segala jalannya kepada kita di setiap masa tanpa rintangan.

### 1.2 Al-Quran

Cara, alat, senjata yang paling penting dan mujarab dan melimpah ruah adalah kitabullah, inilah mata air yang tidak mungkin kering dari bekalan. Malah dari sinilah kita dapati arahan-arahan tentang jalan untuk mempergunakan bekalan itu. Kita akan dapati di dalamnya nur, hidayah, rahmat dan zikir.

Al-Quran membimbing kita bahawasanya melalui membacanya itu adalah jalan yang paling utama dalam rangka meraih bekalan iman dan taqwa kepada Allah.

Membaca Al-Quran, mempelajarinya, memahaminya adalah merupakan ibadah dan amal para muttaqin dan inilah jalannya menuju ke arah taqwa kepadaNya.

Itulah yang membimbing kita kepada mentauhidkan Allah, yang memberi kesejahteraan dan melahirkan ketenteraman di dalam jiwa. Al-Quran itulah yang mengajarkan kepada kita ibadah, dengan ini dapatlah kita bekalan-bekalan yang sentiasa segar dari bekalan taqwa kepada Allah. Membaca Al-Quran itulah yang mendorong kita memikirkan ciptaan-ciptaan Allah, lalu dengan ini kita dapat mengenal sifat-sifat Allah, lantaran itu kita mengagungkanNya, kita menyucikanNya (bertasbih kepadaNya), pada yang demikian itu terdapat sebaik-baik bekalan iman dan taqwa kepada Allah. Di dalam Al-Quran, kita perolehi pengajaran, contoh dan teladan yang baik dari kisah-kisah golongan terdahulu dari kalangan para Rasul bersama dengan kaum mereka yang semuanya membekalkan kita kepintaran serta hikmah kebijaksanaan dalam rangka usaha kita menyeru kepada Allah.

Al-Quranlah yang memupuk ketaatan kita kepada Rasulullah saw dan mengikut sunnahnya. Itulah sebaik-baik pengajaran dan bimbingan sepanjang jalan. Al-Quran mengarahkan supaya kita membuat kebaikan, malah sentiasa memberi dorongan ke arah itu dan memberi amaran kepada kita dari kejahatan, malah melarang kita dari mendekatinya.

Al-Quran mengingatkan kita tentang hari Kiamat, hari kebangkitan, hari perhitungan (hisab) dan hari pembalasan. Al-Quran membawa berita gembira tentang syurga dan segala nikmat-nikmat di dalamnya dan juga berita duka tentang neraka dan segala siksaan di dalamnya yang maha dahsyat tidak terperi. Ringkasnya, kita akan dapati segala macam kebaikan yang dikehendaki oleh manusia untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat malah memelihara mereka dari segala kecelakaan dunia dan azab di hari akhirat kelak.

Di dalam Al-Quranlah kita akan dapati segala aspek-aspek tarbiyyah yang akan membentuk rijal-rijal aqidah yang nantinya mampu meledakkan tenaga kebaikan.

FirmanNya:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar."* Al-Israa: 9

Juga firmanNya:

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِـَٔايَةٍ قَالُواْ لَوْلَا ٱجْتَبَيْتَهَا ۚ قُلْ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ مِن رَّبِّى ۚ هَـٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

*"Dan apabila engkau (wahai Muhammad) tidak membawa kepada mereka sesuatu ayat Al-Quran (sebagaimana yang mereka kehendaki), berkatalah mereka (secara mengejek): Mengapa engkau tidak bersusah payah membuat sendiri akan ayat itu? Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menurut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanku. Al-Quran ini ialah panduan-panduan - yang membuka hati - dari Tuhan kamu, dan petunjuk serta menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman."* Al-A'raf: 203

Lagi firmanNya:

هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾

*"(Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia, dan petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa."* Ali Imran: 138

Lagi firmanNya:

وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ۙ وَلَا يَزِيدُ ٱلظَّـٰلِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

*"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua."* Al-Isra: 82

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ قَدْ جَآءَتْكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman."* Yunus: 57

يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ قَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمۡ كَثِيرٗا مِّمَّا كُنتُمۡ تُخۡفُونَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَيَعۡفُواْ عَن كَثِيرٖۚ قَدۡ جَآءَكُم مِّنَ ٱللَّهِ نُورٞ وَكِتَٰبٞ مُّبِينٞ ﴿١٥﴾ يَهۡدِي بِهِ ٱللَّهُ مَنِ ٱتَّبَعَ رِضۡوَٰنَهُۥ سُبُلَ ٱلسَّلَٰمِ وَيُخۡرِجُهُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذۡنِهِۦ وَيَهۡدِيهِمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿١٦﴾

*"Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul kami (Muhammad) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari kitab suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya." "Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredhaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus."* Al-Maidah: 15-16

### 1.3 Dari Jahiliyah Kepada Islam

Apakah gerangan (perkara baru itu) yang datang ke semenanjung Tanah Arab 14 abad yang lalu, yang telah mengubah bangsa Arab dari jahiliyah, jahiliyah yang menjerumus mereka ke lembah kerosakan dan kesesatan kepada Islam lantas menjadikan mereka sebaik-baik umat yang dikeluarkan dari golongan manusia, serta membentuk mereka sebagai satu generasi paling istimewa, menjadi contoh teladan yang tiada tolok bandingnya yang telah meninggalkan berbagai-bagai contoh (uswah hasanah) di segala jurusan kebaikan?

Jika diselidiki, kita akan dapati bahawa perkara baru yang datang kepada bangsa Arab pada waktu itu adalah Al-Quran, yang diwahyukan kepada Rasulullah saw melalui malaikat Jibril lantas disampaikan Al-Quran itu kepada manusia. Manusia menerima Al-Quran dan beriman kepadanya, dididik dan dibentuk pula oleh Rasulullah saw di madrasah baginda menurut acuan Al-Quran. Puncak dari itu satu perubahan berlaku, lahirlah dari situ satu generasi Al-Quran, sebaik-baik umat yang membawa contoh dan merekalah yang kemudiannya mendirikan daulah Islamiyah, sebuah negara Islam yang dipimpin oleh Rasulullah saw. Kemenangan Islam telah sempurna melalui tangan-tangan mereka. Mereka telah berjaya menawan dunia yang bertamadun sama ada di timur dan di barat, mampu pula membebaskan manusia dari penindasan kuasa jahiliyah kepada rahmat dan keadilan Islam. Dengan jihad dan pengorbanan mereka, mereka sanggup dengan rela hati menanggung segala bentuk azab sengsara dan penderitaan tanpa mundur dan menyeleweng. Mereka korbankan harta malah nyawa

mereka sebagai tebusan demi ketegasan terhadap aqidah mereka. Kita telah lihat betapa Yasir, Sumayyah, Bilal, Suhaib dan para sahabat yang lain radhiyallahuanhum ajma'in telah menunjukkan contoh teladan yang hebat dan agung yang sentiasa menjadi ingatan dan perumpamaan di sepanjang masa.

Mereka merupakan satu generasi, satu angkatan yang menjadi contoh dan ikutan, bagaimana mereka mampu menguasai diri mereka di mana dengan itu mereka dapat mengangkat martabat mereka dari segala kejahatan dan keburukan, dan menghiasi diri mereka dengan akhlak-akhlak yang mulia dan terpuji. Mereka menjadi contoh dalam kebenaran, kesetiaan, amanah, bersopan santun, zuhud, berkasih sayang, mengutamakan orang lain, berjihad, perjuangan melawan musuh, bermurah hati, penegakan keadilan dan perasaan bertanggungjawab terhadap segala tugasan. Dari kalangan merekalah lahirnya beberapa pemuda yang menjadi pemimpin angkatan tentera seperti Usamah bin Zaid.

### 1.4 Al-Quran di Hadapan Kita

Nah, ini dia Al-Quran terbentang di hadapan kita tanpa perubahan ataupun pindaan kerana Allahlah yang memelihara kitabNya. Seperti di dalam firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."* Al-Hijr: 9

Di sana pula terpampang madrasah Rasulullah saw di dalam sejarahnya dan sunnahnya. Bolehkah kita berubah dan membuat perubahan seperti para sahabat yang telah berubah dari jahiliyah kepada Islam dan mampu pula mengubah dunia jahiliyah kepada dunia Islam?

Menurut perhitungan saya, perkara ini boleh berlaku, jika kita membaca Al-Quran, memahaminya bersungguh-sungguh dan melaksanakan isi kandungannya tanpa ragu. Membentuk diri dan keluarga serta masyarakat secara amnya menurut bentuk Al-Quran, mengikut sunnah Rasulullah saw seperti kelakuan para sahabat. Mereka menghormati Al-Quran, mereka mengagungkan Al-Quran, mereka mengkagumi Al-Quran tatkala mendengarnya, membacanya kerana mereka tahu bahawa itu semua adalah kalamullah, kalam Tuhan Yang Maha Agung dan Maha Tinggi. Mereka muliakan Al-Quran malah bersyukur pula dengan kurniaan Al-Quran sebagai rahmat dari Allah. Kemuncak dari itu, mereka menyampaikan Al-Quran dan pengertiannya kepada manusia. Mereka mendengar Al-Quran bukan hanya dengan telinga malah dengan hati mereka, mereka renung serta memahami Al-Quran kerana Al-Quran itu memberi tunjuk ajar, berupa larangan dan perintah kepada mereka. Mereka terpengaruh dan

tertawan dengan nasihat, pengajaran, berita gembira dan dukacita berupa ancaman serta iktibar yang terkandung di dalam Al-Quran. Setiap kali mereka mendengar seruan: “Wahai orang-orang yang beriman”, mereka akan dengar dengan penuh teliti, menanti-nanti perintah dan larangan, apakah gerangan arahan-arahan selepas seruan tadi. Mereka perhatikan dengan sepenuh perhatian untuk diikuti dan dilaksanakan sepenuh taat, sepenuh hati, sepenuh penyerahan dan ketundukan, redha dan ikhlas yang bulat tanpa ragu, tanpa berdolak dalik malah tanpa bertangguh. Pokoknya semua itu bukan panggilan atau seruan manusia, malah seruan dan panggilan dari pencipta manusia. Dia mempunyai segala kuasa dan kekuatan yang agung. Nah, demikianlah keadaan mereka, demikianlah sikap mereka terhadap kitabullah dan sunnah Rasulullah saw. Sesungguhnya mereka yakin sepenuhnya bahawa Rasulullah saw bukan berkata-kata dari dalam dirinya malah mendapat wahyu dari Ilahi, dan arahan dari Allah. Seperti di dalam firmanNya:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

*"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan Kami taat. Dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan."* An-Nur: 51

Dan firmanNya lagi:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."* Al-Ahzab: 36

Dan firmanNya:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

*"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya."* An-Nisa: 65

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

*"Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu dari melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)."* Al-Hasyr: 7

FirmanNya:

مَّن يُطِعِ ٱلرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ ٱللَّهَ ۖ وَمَن تَوَلَّىٰ فَمَآ أَرْسَلْنَـٰكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

*"Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)."* An-Nisa: 80

Demikianlah bagaimana para sahabat berjaya membentuk diri mereka menjadi Al-Quran yang hidup dan berjalan di muka bumi, mereka minta pertolongan dari Allah melalui amalan-amalan menurut Al-Quran bukan hanya semata-mata hafazan Al-Quran tanpa mengerti apa-apa.

Realiti kehidupan umat Islam hari ini adalah merupakan satu umat yang mewarisi Islam turun temurun, tanpa susah, tanpa usaha malah tanpa kerja berat. Mereka mempusakai Islam secara juz'i (Islam yang telah dipecah-pecahkan) malah Islam yang telah disadurkan dengan segala bid'ah, khurafat dan karut-marut jahiliyah. Mereka mempusakai Islam yang tidak mempunyai roh dan nyawa, mereka mempusakai Islam dalam kelesuan, kelemahan dan kemunduran. Mereka telah hilang rasa mulia diri sebagai pendokong agama yang benar ini. Mereka hanya merasakan kebesaran dan keagungan Al-Quran kerana mereka memandang Al-Quran itu hanyalah kalamullah semata-mata. Realitinya mereka meninggalkan Al-Quran dan berpaling daripadanya. Apabila mereka mendengar Al-Quran, mereka tidak memikirkannya, hati mereka tidak terusik dengannya, mereka tidak lagi setia mengikutinya, mereka hanya tertawan dengan suara dan lagu merdu para qari dan qari'ahnya seolah-olah mengkagumi penyanyi lalu riuh rendahlah suara mereka memperkatakan kekaguman mereka terhadap qari dan qari'ah itu. Kalaulah mereka memerhatikan dan memikirkan akan kalam Tuhan itu sudah tentu mereka akan terdiam serta menjadi khusyuk mendengar secara langsung perintah dari Tuhan mereka. Seperti firmanNya:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

*"Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat."* Al-A'raf: 204

Celakalah qari itu kerana merasa bangga dengan tepuk sorak orang ramai yang mengkaguminya. Jika sekiranya dia menghormati Al-Quran sudah tentulah dia sanggup menyuruh para pendengar berhenti dari kebisingan dan terus diam atau dia bertindak sendiri memberhentikan bacaannya.

Sebahagian kaum muslimin hari ini telah mabuk dengan kesenangan dunia, cintanya pada dunia telah memenuhi akal fikiran dan hati nurani mereka, pokoknya mereka telah dikuasai oleh dunia. Ini merupakan satu tembok tebal yang menghalang nur Al-Quran dari menyinari hati mereka, sinaran iman gagal menembusi mereka lagi.

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ ٱلْقُرْءَانَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَآ ﴿٢٤﴾

*"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?"* Muhammad: 24

كَلَّاۖ بَلْۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

*"Sebenarnya! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan."* Al-Mutaffifin: 14

**1.5 Contoh-contoh Yang Mungkin Berulang**

Pun begitu, Allah masih menghendaki supaya kebaikan itu berada di kalangan umat hinggalah ke hari Kiamat. Kini Allah hendak memperbaharui urusan-urusan Islam melalui tangan Imam Hassan Al-Banna yang mengetahui rahsia-rahsia Al-Quran dan pengaruhnya di dalam diri manusia. Beliau telah menubuhkan Ikhwanul Muslimin dengan berlandaskan Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Beliau membimbing dan mendidik mereka ini menurut apa yang dilalui para salafus soleh dari hal beramal dengan Al-Quran, beradab dengan adab-adab Al-Quran serta melaksanakan segala arahan Al-Quran. Di samping itu mereka mempelajari sirah Rasulullah saw dan para sahabat dan mampu pula melahirkan satu angkatan, generasi istimewa yang boleh dijadikan contoh, mereka ini menyerupai generasi yang pernah dibentuk oleh Rasulullah saw pada satu ketika dulu. Kini kita dapati bentuk generasi Al-Quran yang pertama dulu berulang kembali. Lahirlah satu generasi yang menyerupai generasi sahabat Rasulullah saw. Mereka lahir di berbagai jurusan, di dalam jihad peperangan, di dalam pengorbanan, di dalam kerinduan untuk mengecapi syahid di pertempuran Palestin. Lahirlah manusia-manusia contoh yang hebat dalam melaksanakan ajaran Islam. Mereka dipercayai kerana kebenaran mereka, kerana kesetiaan mereka, kerana amanah mereka dan kerana kebaikan akhlak mereka. Lahirlah pula di kalangan mereka yang sanggup menahan azab sengsara, celaan dan cercaan, ujian dan penyiksaan dari musuh-musuh Allah serta boneka mereka yang menguasai umat Islam.

Mereka tetap bertahan serta tidak berganjak dari aqidah mereka. Allah telah mengambil sebahagian dari mereka sebagai syuhada di dalam penyiksaan taghut yang menguasai umat Islam. Pun begitu bendera Islam masih berkibar tinggi di tangan mereka yang nanti akan diserahkan kepada generasi akan datang apabila mereka syahid kelak. Mereka mempertahankan Islam dengan darah, malah nyawa mereka dan segala kepunyaan mereka, tanpa merasa lemah semangat, putus asa ataupun merasa hina. Mereka lakukan semua tanpa cuai, mereka tetap tidak berubah dan tidak berganjak. Firman Allah:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَـٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِۖ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

*"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."* Al-Ahzab: 23

FirmanNya lagi:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَـٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسۡتَكَانُواْۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

*"Dan berapa banyak dari Nabi-Nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."* Ali Imran: 146

### 1.6 Marilah Kita Melayani Al-Quran Dengan Sebaik-baiknya

Setelah nyata dan terang kepada kita bagaimana kesan dan pengaruh Al-Quran dalam mengubah jiwa dan bagaimana Al-Quran mampu menerangi jalan dan memimpin manusia ke arah Siratul Mustaqim dan setelah diketahui dengan membacaa Al-Quran itu dapat menambahkan iman orang mukminin dan tawakkalnya kepada Allah, seperti firmanNya:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتۡ قُلُوبُهُمۡ وَإِذَا تُلِيَتۡ عَلَيۡهِمۡ ءَايَـٰتُهُۥ زَادَتۡهُمۡ إِيمَـٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمۡ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah."* Al-Anfal: 2

Sekiranya orang yang membaca Al-Quran itu benar-benar menghargai dan menghayatinya dengan penuh ketaqwaan dan takut kepadaNya, nescaya dia akan mudah diresapi oleh ajarannya, tertawan hatinya, gementar jiwanya dan kecut pula kulitnya tatkala membacanya atau mendengarnya.

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحۡسَنَ ٱلۡحَدِيثِ كِتَٰبٗا مُّتَشَٰبِهٗا مَّثَانِيَ تَقۡشَعِرُّ مِنۡهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُمۡ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمۡ وَقُلُوبُهُمۡ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهۡدِي بِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَمَن يُضۡلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنۡ هَادٍ ﴿٢٣﴾

*"Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadaNya."* Az-Zumar: 23

Dan firmanNya lagi:

لَوۡ أَنزَلۡنَا هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ عَلَىٰ جَبَلٖ لَّرَأَيۡتَهُۥ خَٰشِعٗا مُّتَصَدِّعٗا مِّنۡ خَشۡيَةِ ٱللَّهِۚ وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*"Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya."* Al-Hasyr: 21

Sekiranya kita memperbaiki hubungan kita dengan tiap-tiap patah ayat dari kitabullah ini nescaya mengalirlah kesan pengaruhnya dan terusiklah perasaan kita dan akan bersinarlah hati kita laksana aliran elektrik tatkala bersentuhnya cas positif dan negatif lalu melahirkan tenaga cahaya dan memancarkan sinarannya. Tetapi kalau terpisah, tentu ia tidak dapat mengalirkan tenaga dan tidak dapat memancarkan sinarannya malah tidak terjadi apa kesan pun.

Al-Quran menyelesaikan masalah iman dan cabang-cabangnyanya dan membentangkan berbagai keterangan mengenainya di berbagai tempat dalam Al-Quran. Ini memudahkan manusia untuk beriman serta menambahkan iman kepada orang yang telah beriman, setiap kali dia membaca Al-Quran ataupun pada waktu mendengarnya.

Al-Quran menentukan apakah risalah kita, tugas kita dan amanah yang mesti kita tunaikan di dunia ini. Kita tidak boleh lari daripadanya. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu."* Az-Zariyat: 56

Al-Quran menjaga kita dan memberi tunjuk ajar kepada kita bagaimana sepatutnya keadaan orang beriman, sikap dan pendiriannya di dalam menghadapi berbagai keadaan dan situasi supaya kita tetap melalui jalan orang-orang yang beriman di dalam setiap perkataan dan perbuatan. Kita berlindung kepada Allah dan memohon kepadanya tatkala menjadi fakir, sakit, sempit, sulit, susah dan tatkala berhadapan dengan musuh dan juga di dalam segala keadaan. Kita bersyukur kepada Allah tatkala menerima rahmat dan kurniaNya, demikianlah seterusnya Firman Allah:

فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

*"Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan."* Al-Qasas: 24

FirmanNya lagi:

۞ وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَىٰ رَبَّهُۥٓ أَنِّى مَسَّنِىَ ٱلضُّرُّ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٨٣﴾

*"Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani."* Al-Anbiya: 83

FirmanNya lagi:

وَذَا ٱلنُّونِ إِذ ذَّهَبَ مُغَٰضِبًا فَظَنَّ أَن لَّن نَّقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ أَن لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٨٧﴾

*"Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan*

*mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri."* Al-Anbiya: 87

FirmanNya lagi:

وَلَمَّا بَرَزُواْ لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ قَالُواْ رَبَّنَآ أَفۡرِغۡ عَلَيۡنَا صَبۡرًا وَثَبِّتۡ أَقۡدَامَنَا وَٱنصُرۡنَا عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

*"Dan apabila mereka (yang beriman itu) keluar menentang Jalut dan tenteranya, mereka berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir."* Al-Baqarah: 250

FirmanNya lagi:

وَوَصَّيۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيۡهِ إِحۡسَٰنًاۖ حَمَلَتۡهُ أُمُّهُۥ كُرۡهًا وَوَضَعَتۡهُ كُرۡهًاۖ وَحَمۡلُهُۥ وَفِصَٰلُهُۥ ثَلَٰثُونَ شَهۡرًاۚ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَبَلَغَ أَرۡبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنۡ أَعۡمَلَ صَٰلِحًا تَرۡضَىٰهُ وَأَصۡلِحۡ لِي فِي ذُرِّيَّتِيٓۖ إِنِّي تُبۡتُ إِلَيۡكَ وَإِنِّي مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿١٥﴾

*"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadaMu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadaMu)."* Al-Ahqaf: 15

Kita mendapati Al-Quran sentiasa memperingatkan kita dan menjaga kita dari terjerumus di dalam lembah putus asa atau putus harapan dari rahmat Allah. Ia menimbulkan di dalam diri kita segala pengertian ketenangan, kepuasan jiwa,

menyalakan harapan dan cita-cita serta keinginan yang sungguh-sungguh untuk mencapai rahmat kurnia Allah. Firman Allah:

۞ قُلْ يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟ مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Az-Zumar 53

Para pendakwah ke jalan Allah mendapati di dalam Al-Quran sebaik-baik penolong dan sebaik-baik bekalan di atas jalan dakwah. Malah Al-Quran boleh menolong kita mengenali pendekatan dakwah yang benar melalui kata-kata dan pengalaman-pengalaman para Rasul Allah dan bagaimana mereka bersabar di atas penentangan, celaan dan penyiksaan kaum mereka. Al-Quran menggembirakan mereka di dalam iman dan menjauhkan mereka dari kekufuran dan kederhakaan. Membaca dan menghafaz Al-Quran itu adalah sebaik-baik bekalan bagi para du'at yang menyeru manusia kepada Allah. Ini menolong mereka di dalam mengambil dalil dan bukti dari ayat-ayat Al-Quran tatkala berbicara di dalam satu-satu perkara dan menjadikan ucapannya lebih berkesan dan lebih menawan hati manusia.

### 1.7 Mengikut dan Melaksanakannya

Marilah kita renung dan fikir akan isi Al-Quran semasa membacanya. Sekiranya kita tidak dapat berbuat demikian sekali baca, maka hendaklah kita berulang-ulang kali membacanya. Seperti yang telah diriwayatkan oleh sanad yang sahih, bahawasanya Rasulullah saw bangun solat dan membaca ayat Al-Quran dan mengulang-ulang bacaan itu berupa firman Allah:

إِن تُعَذِّبْهُمْ فَإِنَّهُمْ عِبَادُكَ ۖ وَإِن تَغْفِرْ لَهُمْ فَإِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١١٨﴾

*"Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Al-Maidah: 118

Marilah kita tanam cita-cita dan keinginan kita yang pertama di dalam membaca Al-Quran iaitu mengikut Al-Quran dan melaksanakan segenap ajarannya.

ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ وَلَا تَتَّبِعُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

*"(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad): Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah; (tetapi sayang) amatlah sedikit kamu mengambil peringatan."* Al-A'raf: 3

Ikutlah arahan Rasulullah saw tatkala kita membaca Al-Quran sebagaimana sabda Rasulullah saw:

"إقرأ والقرآن ما ائتلفت عليه قلوبكم ولانت له جلودكم , فإذا اختلفتم فلستم تقرأونه (فإذا اختلفتم فقوموا عنه)"

*"Bacalah Al-Quran selagi berpadu hati-hati kamu di atasnya, dan lembut kepadanya kulit-kulit badanmu. Maka sekiranya kamu berselisih, maka tidaklah kamu membacanya. Di dalam riwayat lain: sekiranya kamu berselisih, bangunlah kamu daripadanya."*

Janganlah kita hanya berhati-hati dengan masalah makhraj huruf dan hukum tajwid bacaan, lantas kita lupa memahami dan merenung kandungan Al-Quran.

Janganlah kita hanya memikirkan hukum-hukum bacaan tanpa memperhatikan pengertian Al-Quran dan tidak terpengaruh dengannya.

Bacalah Al-Quran terus menerus siang dan malam, jangan sekali-kali kta tinggalkan Al-Quran, bacalah dengan renungan yang mendalam supaya bekalan iman dan taqwa kita sentiasa baru, segar dan bertambah terus menerus. Teruskan dan kekalkan hubungan kita dengan Allah dengan membaca Al-Quran kalamullah. Hafazlah Al-Quran sebanyak kemampuan kita supaya ia dapat menolong kita di dalam solat dan qiyamullail. Ini juga akan menolong kita ketika melaksanakan dakwah dan berbicara di hadapan orang ramai. Adakalanya kita terhalang dari membaca Al-Quran melalui mushaf, tatkala itu kita merujuk kepada ayat-ayat yang telah kita hafaz. Firman Allah:

وَلَقَدۡ يَسَّرۡنَا ٱلۡقُرۡءَانَ لِلذِّكۡرِ فَهَلۡ مِن مُّدَّكِرٍ ﴿١٧﴾

*"Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"* Al-Qamar: 17

## BAB 2 MEMIKIRKAN CIPTAAN ALLAH DAN TANDA-TANDANYA

التفكر فى خلق الله ... وآياته

"Apabila seorang pekerja tram yang tugasnya adalah memindahkan landasan dan merubah haluan dan arah tram itu, dia tidaklah perlu mengangkat dan membawa seluruh tram lalu diarahkan ke arah mana yang dikehendaki, tetapi cukuplah hanya dengan menggunakan sebatang besi (tongkat) kecil sebagai tongkat pemindah. Maka dengan menyentuh atau mengumpil sedikit saja, dia boleh memindahkan landasannya, dengan itu bertukarlah haluan tram tersebut tanpa susah. Demikianlah juga hati manusia di dalam mengenal Allah. Makrifatullah adalah ibarat tongkat pemindah tadi. Apabila makrifat tadi telah menyentuh hati manusia, maka berubahlah hati manusia dari satu keadaan ke satu keadaan. Apabila hati seorang insan berubah, akan berubahlah hati manusia secara menyeluruh pula, lantas berubah pula satu umat. Sekiranya kita mahu membuat pembaikan, perbaikilah hati manusia itu dahulu dengan memperkenalkan Allah kepadanya dengan pengenalan yang sebenar-benarnya." Petikan dari ucapan Imam Hassan Al-Banna.

Kita sangat perlu kepada makrifatullah dengan pengenalan yang sebenar-benarnya supaya hati kita menjadi baik dan mampu mengubah keadaan kita, supaya keadaan umat keseluruhannya berubah.

Bekalan untuk makrifatullah adalah dengan bertafakkur dan merenung ciptaan Allah dan bukti serta tanda-tanda kejadiannya di alam buana ini, juga dengan memikirkan nama-nama Allah serta sifat-sifatNya yang maha suci dan maha tinggi.

Al-Quran yang mulia mendorong kita di beberapa ayat-ayatnya untuk bertafakkur dan merenungkan tanda-tanda penciptaan makhluk Allah yang terpampang luas di seluruh alam.

Seperti firmanNya:

إِنَّ فِي خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٠﴾ ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ
ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا
بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

*"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;" "(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula*

*memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini di atas al-batil, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."* Ali Imran: 190-191

Juga firmanNya:

قُلِ ٱنظُرُواْ مَاذَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَمَا تُغۡنِي ٱلۡأٓيَٰتُ وَٱلنُّذُرُ عَن قَوۡمٖ لَّا يُؤۡمِنُونَ ١٠١

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keEsaan Allah dan kekuasaanNya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadaNya."* Yunus: 101

Juga firmanNya:

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ١٧ وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ رُفِعَتۡ ١٨ وَإِلَى ٱلۡجِبَالِ كَيۡفَ نُصِبَتۡ ١٩ وَإِلَى ٱلۡأَرۡضِ كَيۡفَ سُطِحَتۡ ٢٠

*"(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan?" "Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya?" "Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan?" "Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?"* Al-Ghashiyah: 17-20

Juga firmanNya:

وَإِنَّ لَكُمۡ فِي ٱلۡأَنۡعَٰمِ لَعِبۡرَةٗۖ نُّسۡقِيكُم مِّمَّا فِي بُطُونِهِۦ مِنۢ بَيۡنِ فَرۡثٖ وَدَمٖ لَّبَنًا خَالِصٗا سَآئِغٗا لِّلشَّٰرِبِينَ ٦٦

*"Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (Iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya."* An-Nahl: 66

*"Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"* Az-Zariyat: 21

Al-Quran mencela golongan-golongan yang tidak menggunakan aqal dan fikiran mereka untuk memikirkan segala ciptaan Allah di sekitar mereka. Seperti di dalam firmanNya:

وَكَأَيِّن مِّنْ ءَايَةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾

*"Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pagi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukan dan memikirkannya."* Yusuf: 105

Lagi FirmanNya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

*"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai."* Al-A'raf: 179

Memikirkan makhluk Allah dan tanda-tanda kekuasaanNya di alam ini adalah satu perkara yang sangat mustahak kepada orang mukmin demi menambahkan iman dan taqwa mereka kepada Allah. Jurusannya banyak tidak terkira kerana ia meliputi segala sesuatu.

## 2.1 Setiap Sesuatu Terdapat Tanda-Tanda

Setiap sesuatu ada tandanya, tanda-tanda kekuasaan dan keagungan Allah yang menunjukkan bahawa Allah itu Maha Esa. Kita tidak akan mampu memperkatakan dan memikirkan semuanya. Oleh itu cukuplah kita hanya mengambil beberapa contoh-contoh sahaja sebagai pokok ataupun dasar perbincangan kita dalam membuka pemikiran kita terhadap alam yang luas ini. Di dalam kitabullah Allah telah membentangkan kebesaranNya dan kudrat kekuasaanNya yang tidak terbatas terhadap makhlukNya.

Banyak buku-buku yang telah membicarakan sedikit sebanyak tentang rahsia alam ini. Bukti-bukti yang nyata telah ditunjukkan dengan keterangan-keterangan yang cukup untuk menunjukkan kewujudan Allah, kekuasaanNya yang bersifat dengan segala sifat-sifat yang sempurna.

**2.2 Alam Cakerawala**

Bukalah pandangan kita di alam yang luas ini. Apabila kita memandang kepada bebola bumi, kita akan dapati ia merupakan satu makhluk Allah yang sangat besar jika dibandingkan dengan diri kita. Tetapi apabila kita memandang pula ke angkasa lepas dengan segala bintang-bintang dan planet-planet yang ada padanya, tidak terbilang jumlahnya, tidak terkira besarnya dan tidak terukur jaraknya antara satu sama lain. Apabila kita dapat tahu pula dari apa yang telah dituliskan atau dijumpai oleh pengetahuan moden tentang bintang-bintang, tentang bilangan planet-planet, tentang saiznya, tentang beratnya, tentang jaraknya, tentang perjalanannya yang laju, nescaya lemahlah segenap akal kita untuk mengetahuinya.

Sebagai contoh matahari. Saiznya lebih besar dari bumi sebanyak 1,000,250 kali ganda, malah di alam luas ini masih terdapat lagi bintang-bintang yang lebih besar berkali-kali ganda dari matahari.

Semuanya ini beredar di orbit masing-masing dengan teratur, dengan sistem peraturan yang cukup rapi tanpa perubahan dan tanpa berlakunya perlanggaran. Itulah sunnatullah yang Maha Kuasa dan Maha Bijaksana.

Unit ukuran bagi jarak antara bintang-bintang ialah tahun cahaya, iaitu jarak yang dilintasi oleh cahaya di dalam setahun padahal halaju cahaya adalah 300,000 km sesaat, jadi berapa juta kilometerkah dalam setahun? Allahu Akbar.

Ahli falaq berkata bahawa di sana ada beberapa banyak bintang yang jauhnya dari kita beratus-ratus juta tahun cahaya. Benarlah Allah yang Maha Besar yang telah berfirman:

*"Maka Aku bersumpah: Demi tempat-tempat dan masa-masa turunnya bintang-bintang."* Al-Waqi'ah: 75

Hari ini telah berlalu 14 abad dari turunnya Al-Quran, mulalah kita mengetahui sedikit demi sedikit akan tempat letaknya bintang-bintang, bagaimana besarnya, bagaimana banyaknya, bagaimana jauhnya di antara satu sama lain dan bagaimana...

Dan firman Allah:

وَٱلسَّمَآءَ بَنَيْنَـٰهَا بِأَيْيْدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ﴿٤٧﴾ وَٱلْأَرْضَ فَرَشْنَـٰهَا فَنِعْمَ ٱلْمَـٰهِدُونَ ﴿٤٨﴾

*"Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami (dalam bentuk binaan yang kukuh rapi). Dan sesungguhnya Kami adalah mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga." "Dan bumi pula Kami hamparkan (untuk kemudahan kamu mendiaminya); maka Kamilah sebaik-baik yang menghamparkannya."* Az-Zariyat: 47-48

Apabila kita memandang akan ketelitian dan kesenian yang sangat halus di dalam sunnatullah (di dalam undang-undang yang telah ditentukan Allah) kepada matahari, bumi dan bulan dari segi jaraknya, cepatnya, serta beratnya. Kecondongan pusingan bumi, kecepatan pusingan dan peredarannya di sekitar dirinya dan di sekitar matahari. Peredaran bumi di sekitar matahari sebenarnya adalah memudahkan kehidupan di muka bumi ini dengan udara dan suhu yang sesuai. Ia memudahkan kita mengetahui bilangan tahun. Maha Suci Allah yang menjadikan segala sesuatu, lalu dia mengatur dan menentukan dengan tepat.

Sekarang marilah kita mengalihkan pandangan kita dari alam luas kepada alam juz'i dan atom yang seni dan bagaimana pembentukannya. Apakah unsur-unsur dan kadar ketentuan yang membentuk sesuatu sebatian dan molekul. Pembentukan ini menurut teori dan hipotesis (hypothesis) ahli sains adalah sebagai hasil dari kajian dan eksperimen yang mereka lakukan.

Saya telah membaca satu artikel yang baik di dalam perkara ini. Ia menyimpulkan bahawa manusia itu walau bagaimana sekalipun kesungguhan mereka bertungkus lumus berusaha untuk mengetahui rahsia ciptaan benda-benda, mereka tidak akan dapat mengetahui dengan sebenar-benarnya kerana sesungguhnya rahsia ini hanya diketahui oleh Allah.

**2.3 Alam Tumbuhan dan Serangga**

Di alam tumbuhan terpampang kebesaran Allah dan kuasaNya dengan bentuk yang nyata. Tiap-tiap biji dari tumbuh-tumbuhan itu mengandungi beberapa ketentuan jenisnya yang membezakan dia dengan yang lainnya. Ia berbeza pada batangnya, pada daunnya, pada bunganya, pada buahnya, pada warnanya dan pada rasa serta baunya. Benarlah Allah yang Maha Agung, yang telah berfirman:

وَفِي ٱلۡأَرۡضِ قِطَعٞ مُّتَجَٰوِرَٰتٞ وَجَنَّٰتٞ مِّنۡ أَعۡنَٰبٖ وَزَرۡعٞ وَنَخِيلٞ صِنۡوَانٞ وَغَيۡرُ صِنۡوَانٖ يُسۡقَىٰ بِمَآءٖ وَٰحِدٖ وَنُفَضِّلُ بَعۡضَهَا عَلَىٰ بَعۡضٖ فِي ٱلۡأُكُلِۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ﴿٤﴾

*"Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya."* Ar-Ra'd: 4

Dan firmanNya lagi:

*"Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya?"* Al-Waqi'ah: 64

Di sana ada pula perbezaan di antara berbagai-bagai tumbuh-tumbuhan, berbeza masa pertumbuhannya, masa pembiakannya, peringkat-peringkat perkembangannya dan udara yang sesuai dengannya. Ada yang telah diketahui oleh manusia dan banyak lagi yang tidak diketahui oleh manusia.

Walau bagaimana pandai pun ahli-ahli sains, sudah tentu mereka tidak akan mampu mencipta satu biji benih tumbuhan-tumbuhan yang boleh hidup apabila ditanam di bumi walaupun ia disiram dengan air yang banyak dan didedahkan kepada cahaya matahari kerana sesungguhnya rahsia pertumbuhan dan kehidupannya hanyalah menjadi hak mutlak Allah sahaja. Manusia mungkin mampu mencipta sesuatu benda tetapi mereka tidak akan mampu meletakkan nyawa yang membolehkan benda rekaan itu hidup dan membesar. Bahkan mereka tidak mampu mencipta satu benda walau bagaimana mudah daripada tiada menjadi ada. Sebab yang demikian itu hanyalah hak mutlak Allah, Pencipta segala sesuatu.

Di alam serangga pula kita menemui berbagai macam keajaiban. Mana-mana serangga walau bagaimana kecil pun tetap mempunyai anggota-anggota, pancaindera dan sistem yang istimewa di dalam hidupnya sebagaimana yang telah diciptakan oleh Allah.

Para saintis terus menerus menemui berbagai-bagai keajaiban yang mengkagumkan akal di waktu meneliti peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam masyarakat tiap-tiap jenis serangga. Serangga-serangga itu bekerja terus menerus

menurut disiplin yang teliti dan masing-masing mempunyai tugas tertentu yang tidak dicampuri oleh petugas di jurusan yang lain. Juga kita lihat kesenian pertukangan mereka di dalam membina tempat kediaman dan sarang mereka yang dapat disesuaikan menurut perubahan musim. Umpamanya lebah dan sarangnya yang indah dan berseni. Bagaimana mereka mengatur urusan mereka dengan disiplin yang cukup teliti? Inilah ciptaan Allah dan rahmat kurniaNya yang diberikan kepada makhlukNya yang kecil itu.

Firman Allah:

هَٰذَا خَلْقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦۚ بَلِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِي ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

*"Ini (semuanya adalah) ciptaan Allah, maka cubalah kamu tunjukkan kepadaKu apakah yang telah diciptakan oleh makhluk-makhluk yang lain daripadanya (yang kamu sembah itu)? (Tidak ada sesuatu pun) bahkan orang-orang yang zalim (dengan perbuatan syiriknya) itu berada dalam kesesatan yang jelas nyata."* Luqman: 11

FirmanNya lagi:

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِيٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

*"Nabi Musa menjawab: Tuhan kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu: kejadian semulajadinya yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberi petunjuk kepadanya akan cara menggunakannya."* Taha: 50

Menurut pendapat ahli-ahli kaji serangga bahawa tiap-tiap tahun telah ditemui lebih kurang 10,000 jenis serangga. Juga telah dijumpai 30,000 jenis kumbang. Sesungguhnya manusia tidak akan mampu menciptakan walau seekor serangga pun kerana penciptaan hanyalah hak mutlak Allah saja.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَٱسْتَمِعُواْ لَهُۥٓۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُواْ ذُبَابًا
وَلَوِ ٱجْتَمَعُواْ لَهُۥۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُۚ ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾ مَا
قَدَرُواْ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٧٤﴾

*"Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat*

*walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya)." "Mereka (yang kafir musyrik) itu tidak menghormati Allah menurut penghormatan yang selayaknya (sebagaimana yang ditetapkanNya); sesungguhnya Allah adalah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa."* Al-Haj: 73-74

**2.4 Alam Kehidupan Di Langit dan Di Lautan**

Di alam burung-burung, terdapat beraneka jenis yang wujud dan terdapat banyak perbezaan di antara satu jenis dengan yang lainnya. Perbezaan dari segi bentuk dan saiz, warna, suara, bulu, umur dan kadar bilangan bagi tiap-tiap jenisnya. Perbezaan bagaimana burung-burung itu mengeram telur dan bagaimana caranya ia menjaga serta membela anak-anaknya. Perbezaan dari segi cara memberi makan pada anak-anaknya dengan makanan yang sesuai dengan perkembangan umur mereka. Begitu juga penerbangan dan perpindahan yang jauh yang dilakukan oleh burung-burung yang tertentu, pada musim-musim yang tertentu, ke tempat-tempat yang tertentu, dan kepulangan mereka ke tempat masing-masing tanpa menggunakan peta dan kompas walhal mereka melintasi benua dan lautan yang luas.

Di kalangan burung-burung, kita melihat cemburu burung jantan terhadap pasangannya yang betina yang mana tidak didapati pada sebahagian besar manusia.

Sekiranya kita memperhatikan perkembangan anak-anak burung dalam telurnya sehingga sempurna menjadi seekor anak burung kemudian ia menetas dan bersedia menghadapi hidup, nescaya terpampang kepada kita kudrat kuasa Allah dengan rahmat kurniaNya yang tidak dapat diragui oleh orang yang masih ragu di dalam beriman kepada Allah.

Di alam kehidupan di bumi terdapat satu daerah (kingdom) yang maha luas, tidak terbilang jenis binatangnya, kecil besarnya, halus kasarnya, kepelbagaian jenisnya, bentuk rupanya, warna serta bulunya, saiz dan tabiatnya, umur masing-masing serta kegiatannya sama ada yang liar mahupun yang jinak, tidak ketinggalan pula dengan jenis makanannya yang sesuai dengan diri masing-masing. Sistem penyusuan di dalam badannya, setiap anggota yang mempunyai fungsi masing-masing, membentuk anak di dalam perut ibunya, lantas tumbuh dan terus berkembang, bagaimana susu ditapis di antara darah dan kotoran untuk diminum oleh sang anak. Malah ahli kaji haiwan sentiasa menemui sesuatu yang baru yang semuanya itu membuktikan penciptaan Allah terhadap makhlukNya. Hikmatnya sangat mendalam bagi orang yang berfikir dan mahu mendengar yang mana dia sendiri menjadi saksi.

Apabila kita melihat ke lautan, maka kelihatanlah betapa luas dan banyak keajaiban di dalamnya. Hanya sedikit sahaja yang telah diketahui oleh manusia kerana masih terlalu kurang alat-alat yang ada untuk menyelami daerah-daerah lautan yang sangat luas. Sesetengah pendapat mengatakan bahawa benda-benda, hidupan-hidupan, ikan-ikan, binatang-binatang dan segala apa yang ada di dalam laut berjumlah lebih banyak dari apa yang ada di atas daratan. Perhatikanlah bagaimana lautan itu menjernihkan awan mendung lalu menjadi air hujan turun ke bumi, jatuh di pergunungan lantas mengalir menjadi sungai-sungai.

Kita lihat bagaimana bumi ini diselaputi oleh berbagai lapisan udara yang mengandungi berbagai-bagai jenis gas menurut kadar yang tertentu yang melahirkan keadaan yang sesuai untuk kehidupan di muka bumi. Sekiranya kadar kandungan gas-gas itu berubah nescaya binasalah kehidupan di muka bumi. Akan musnahlah segala binatang dan tumbuhan-tumbuhan.

Perubahan udara, kesan dan pengaruh suhu cahaya matahari, perbezaan tekanan udara yang menggerakkan angin, pembentukan awan, turunnya hujan, kesemua fenomena ini membolehkan ahli kaji cuaca menemui satu bidang ilmu kaji cuaca.

Firman Allah:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

*"Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Dia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan."* An-Nur: 43

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلْمَآءَ ٱلَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾ ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ ٱلْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾ لَوْ نَشَآءُ جَعَلْنَٰهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

*"Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum?" "Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?" "Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan ia masin, maka ada baiknya kalau kamu bersyukur."* Al-Waqi'ah: 68-70

Juga firmanNya lagi:

*"Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"* Az-Zariyat: 21

Sekiranya kita perhatikan diri kita, bagaimana bentuknya, berapa banyak anggota dan organ-organnya, sistem peredaran darahnya, sistem penghadamannya, sistem pernafasannya, sistem urat sarafnya dan sistem perkumuhannya dan lain-lain lagi. Masing-masing menjalankan tugasnya dengan teratur menurut sunnatullah. Semuanya itu tidak terkira oleh kita. Ini menunjukkan kekuasaan dan keagungan Allah.

Firman Allah:

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

*"Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap-tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; sesungguhnya Dia amat mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan."* An-Naml: 88

Rahmat dan kekuasaan Allah terserlah pada perkembangan bayi di dalam rahim. Bagaimana ia membesar beransur-ansur selama sembilan bulan di dalam rahim ibunya dan pemeliharaan Allah terhadapnya di situ. Begitu juga akal manusia dan otaknya bagaimana ia bekerja dan berfikir serta daya ingatannya, bagaimana ia boleh menyimpan dan mengumpulkan berbagai maklumat dan ilmu dan bagaimana dia mengeluarkan dan memperkatakan maklumat-maklumat itu. Kita tidak mampu memperkatakan kesemua perkara yang terdapat pada diri manusia lahir dan batinnya. Kita hanya mampu membentangkan beberapa contoh sahaja.

Ini hanya terlalu sedikit. Pada umumnya segala penyelidikan dan eksperimen terhadap diri manusia menunjukkan sifat-sifat sempurna Allah. Segala rahsia alam yang telah ditemui hanyalah sebahagian kecil sahaja jika dibandingkan dengan rahsia-rahsia yang tidak terkira banyaknya yang masih menjadi misteri.

Firman Allah:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

*"Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja."* Al-Israa: 85

Juga firmanNya:

۞ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَـٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

*"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata."* Al-An'am: 59

FirmanNya lagi:

سَنُرِيهِمْ ءَايَـٰتِنَا فِى ٱلْـَٔافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

*"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"* Fussilat: 53

Firman Allah:

ٱقْرَأْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلَّذِى خَلَقَ ﴿١﴾

*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),"* Al-Alaq: 1

Sesungguhnya ilmu mendorong kepada iman kepada Allah. Demikianlah dengan berfikir tentang ayat-ayat Allah (tanda-tanda kekuasaan Allah) dan makhluk-makhlukNya akan lahirlah makrifatullah (pengenalan kepada Allah). Akan bersinarlah hati kita dengan nur iman dan iman kita akan bertambah lantas kita mengagungkan dan mensucikan Allah.

Semakin kuat iman kita kepada Allah, maka semakin hampirlah kita kepada redha Allah. Kita tidak mampu untuk mengetahui Allah menurut kadarNya kerana tiada yang mengetahui Allah selain Dia. Orang-orang yang membicarakan sifat-sifat Allah pada hakikatnya mereka tidak dapat menepati sifat-sifat Allah yang sebenarnya.

## BAB 3 MEMIKIRKAN TENTANG NIKMAT-NIKMAT ALLAH

التفكر في نعم الله

Kita dapati manusia memuji seseorang yang telah memberi pertolongan kepadanya walaupun pertolongan itu kecil. Tetapi kebanyakan manusia tidak memuji Allah yang telah memberikan berbagai nikmat yang tidak terhitung banyak dan besarnya seolah-olah nikmat-nikmat itu adalah hak yang telah mereka dapati menurut ilmu dan usaha mereka. Mereka menganggap yang demikian itu bukan kurnia rahmat Allah pada mereka. Bahkan sebahagian besar dari nikmat-nikmat itu dipergunakan untuk melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah.

Kadangkala nikmat-nikmat itu dihabiskan untuk memusuhi Allah dan merosakkan manusia. Itulah yang dinamakan kelalaian, keingkaran, penafian dan mengkufuri nikmat Allah. Mereka tidak menghargai segala nikmat itu kecuali apabila ia hilang dari mereka. Apabila mereka mendapat bala bencana, barulah mereka sibuk memohon dan berdoa kepada Allah. Di antara mereka ada yang merasa tersepit dan tertekan hidupnya dan merasa terlalu susah untuk hidup lagi. Dunia telah menjadi gelap gelita dan dia menjadi seorang yang putus asa lalu membunuh dirinya sendiri. Firman Allah:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾ ثُمَّ إِذَا كَشَفَ ٱلضُّرَّ عَنكُمْ إِذَا فَرِيقٌ مِّنكُم بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾ لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَـٰهُمْ ۚ فَتَمَتَّعُوا۟ ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٥٥﴾

*"Dan apa-apa nikmat yang ada pada kamu maka adalah ia dari Allah; kemudian, apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepadaNyalah kamu meraung meminta pertolongan." "Kemudian, apabila Dia menghapuskan kesusahan itu daripada kamu, tiba-tiba sepuak di antara kamu mempersekutukan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka." "(Mereka melakukan yang demikian) kerana mereka kufur, tidak bersyukur akan nikmat-nikmat yang Kami berikan kepada mereka. Oleh itu, bersenang-senanglah kamu (dengan nikmat-nikmat itu bagi sementara di dunia), kemudian kamu akan mengetahui (balasan buruk yang akan menimpa kamu)."* An-Nahl: 53-55

Dan firmanNya lagi:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

*"Dan ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan*

*bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya."* Ibrahim: 34

Oleh kerana itu kita dapati Al-Quran menyeru kita supaya memikirkan dan mengenali nikmat-nikmat Allah yang tidak terkira banyaknya. Kita hendaklah menghargainya, merasai limpah kurnia Allah kepada kita dan mensyukuri Allah yang telah memberi nikmat-nikmatnya kepada kita lalu kita pergunakannya untuk mencari keredhaan Allah. Marilah kita berhenti dan berdiri untuk berfikir dan merenung sejenak. Dari tafakur ini, di hadapan ayat-ayat dan tanda-tanda kekuasaan Allah akan lahirlah satu pengakuan akan kesempurnaan dan keagungan Allah yang telah menciptakan seluruh alam buana dan mentadbirkannya serta mengaturnya dengan satu sistem yang paling istimewa. Barulah kita akan menghargai dan mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan kepada kita dan bagaimana kita yang lemah dan kerdil ini sentiasa berhajat kepada Allah setiap saat, di segala gerakan dan diam kita. Dengan itu juga akan lahirlah penyesalan atas segala kelalaian dan kecuaian kita, kurang berterima kasihnya kita kepada Allah dan betapa perlunya kita mempergunakan segala nikmat Allah yang telah dikurniakan kepada kita. Lantas kita mentaati Allah dan menjauhi segala maksiat.

Pertama-tama marilah kita memperkatakan tentang nikmat Allah yang paling besar sekali iaitu Islam. Seperti di dalam firmanNya:

ۚ ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ فِي مَخۡمَصَةٍ
غَيۡرَ مُتَجَانِفٖ لِّإِثۡمٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣

*"... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Al-Maidah: 3

Dan firmanNya lagi:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ وَمَا ٱخۡتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ
بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ١٩

*"Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama*

*Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya."* Ali Imran: 19

Juga firmanNya:

وَمَن يَبۡتَغِ غَيۡرَ ٱلۡإِسۡلَٰمِ دِينٗا فَلَن يُقۡبَلَ مِنۡهُ وَهُوَ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ٨٥

*"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."* Ali Imran: 85

Hanya dengan Islam kita beroleh kebahagiaan, ketenangan, ketenteraman, keamanan dan sakinah. Dengan itu jugalah kita akan mendapat kemenangan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Tanpa Islam kita tidak akan memperoleh satu apa pun kecuali bahaya, bencana, malang, celaka, porak-peranda dan kehancuran dalam segala jurusan hidup kita. Sebaliknya kita akan kehilangan segala-galanya di dunia dan mendapat kerugian, siksaan dan kehampaan dari redha Allah serta kehilangan nikmat syurga lalu dilemparkan ke dalam neraka jahanam (na'uzubillahi min zalik).

Sebahagian besar dari kaum muslimin tidak menghargai nikmat Islam ini, Islam yang agung, Islam yang sempurna. Walhal Islam adalah nikmat yang paling agung yang telah diberikan kepada kita. Mengapakah terjadi demikian?

Kemungkinannya mereka itu menerima Islam secara warisan, menerima warisan Islam tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dalam mengenali Islam, tidak mahu mempelajari dan mendalami Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw yang akan membawa mereka kepada kejayaan di dunia dan kebahagiaan akhirat. Sesungguhnya nikmat Islam itu merangkumi segala-galanya. Tanpa Islam, segala-galanya tidak akan bererti. Segala bencana yang mungkin menimpa harta, anak-anak, alat pancaindera mahupun segala nikmat dunia ini, nilainya adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan musibah dan bencana yang menimpa kita pada agama kita. Inilah bencana yang paling besar. Itulah sebabnya Rasulullah saw mengajarkan kita supaya berdoa:

"Ya Allah! Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan musibah kami pada agama kami dan janganlah Engkau jadikan dunia ini sebesar-besar keinginan kami dan janganlah jadikan dunia ini sasaran ilmu kami."

Marilah kita sentiasa bersyukur dan memuji Allah di atas nikmat Islam ini. Dengan penuh rasa terima kasih kita selalulah membaca doa:

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ تَجْرِي مِن تَحْتِهِمُ ٱلْأَنْهَٰرُ ۖ وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى هَدَىٰنَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِىَ لَوْلَآ أَنْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ ۖ لَقَدْ جَآءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلْحَقِّ ۖ وَنُودُوٓا۟ أَن تِلْكُمُ ٱلْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

*"Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka, (di dalam syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing, dan mereka pula bersyukur dengan berkata: Segala puji tertentu bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya); Sesungguhnya telah datang Rasul-Rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran. Dan mereka diseru: Itulah syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan."* Al-A'raf: 43

Allah menyeru kita supaya memelihara nikmat Islam ini dengan sepenuh kesungguhan dan keikhlasan hingga kita menemui Allah di dalam kita berada dalam agama Islam.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam."* Ali Imran: 102

Sesungguhnya segala urusan itu diperhitungkan dengan akhir kesudahannya (khatimah). Itulah sebabnya Nabi Yusuf setelah diberi oleh Allah kekuasaan di bumi, baginda berdoa kepada Allah supaya dia diwafatkan sebagai seorang Muslim.

Firman Allah:

۞ رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

*"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau penguasa dan pelindungku di dunia dan*

*di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh."* Yusuf: 101

Supaya nikmat ini sempurna untuk kita, marilah kita berusaha berterusan tanpa henti, menjadikan diri kita muslimin yang sejati dan muslimin yang hakiki. Bukanlah setakat muslim pada nama, muslim warisan atau hanya muslim secara geografi, menurut Amir Syakib Arsalan, seorang pujangga dan mujahid Islam.

Nikmat persaudaraan Islam, persaudaraan kerana Allah dan cinta-mencintai di antara orang beriman itulah ikatan yang kuat yang semata-mata kerana Allah. Itulah yang memberikan kebahagiaan dan kepuasan yang tidak dirasai dan tidak dihargai kecuali oleh orang yang mengenali dan merasainya iaitu mereka-mereka yang telah merasai kemanisan tolong-menolong di atas taqwa dan kebaikan, nasihat menasihati, ingat mengingati, sokong menyokong, bantu membantu dan berkasih sayang di kalangan mukmin.

Allah mengingatkan kita akan nikmat persaudaraan Islam itu di dalam firmanNya:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

*"Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Al-Anfal: 63

FirmanNya lagi:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan*

*nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya."* Ali Imran: 103

Alangkah bahagianya manusia yang hidup dan menikmati nikmat persaudaraan Islam. Alangkah malangnya manusia yang hidup di tengah-tengah satu kaum yang dipenuhi hati-hatinya dengan perasaan hasad dengki, benci, sengketa dan dendam kesumat. Itu adalah kehidupan yang tidak tertanggung kerana semuanya merupakan penderitaan, kesengsaraan dan kesusahan (semoga Allah menjauhkan yang demikian itu dari kita).

Setelah kita membentangkan nikmat besar ini, marilah kita membicarakan nikmat-nikmat Allah yang lain, memikirkannya supaya kita mengetahui nilainya. Saya anjurkan untuk saudara bersunyi-sunyi seorang diri dan cubalah gambarkan yang diri saudara ditimpa bencana yang menyebabkan mata saudara menjadi buta. Para doktor tidak berupaya mengubati mata saudara itu. Bayangkanlah perubahan yang akan terjadi pada diri saudara; perubahan ilmu saudara serta perubahan aktiviti harian saudara. Betapa susah dan deritanya saudara dan tentu saudara akan merasakan kehilangan segala-galanya. Pada waktu itu saudara mungkin berjanji akan taat setia kepada Allah dengan sesungguhnya sekiranya Allah memulihkan semula penglihatan saudara. Saudara juga akan berjanji untuk menggunakan mata itu kepada perkara yang diredhai oleh Allah dan menjauhi larangan Allah.

Kenapa kita tidak berbuat demikian - taat setia kepada Allah - sebelum kita ditimpa bencana? Kenapa kita hanya akan berjanji untuk mentaati Allah setelah kita ditimpa bencana?

Saudaraku, bayangkanlah sesudah itu saudara ditimpa bencana pada telinga, lalu hilanglah pendengaran saudara setelah saudara kehilangan penglihatan. Bagaimana keadaan saudara pada waktu itu? Sudah tentu saudara mendapati seperti orang yang di dalam penjara yang gelap gelita tidak dapat mendengar dan melihat persekitaran saudara.

Bertambahlah kesusahan dan kesempitan hidup saudara serta terkongkonglah saudara dari segala urusan hidup. Di kala itu barulah saudara menyedari akan nikmat-nikmat itu. Bagaimana besarnya limpah kurnia Allah kepada saudara dan bagaimana bergantungnya kita kepada Allah. Sesungguhnya walaupun saudara solat sepanjang malam, berpuasa sepanjang hari dan menghabiskan seluruh umur ini untuk taat kepada Allah nescaya saudara belum dapat menyempurnakan hak bersyukur kepada Allah di atas dua nikmat ini – nikmat pendengaran dan penglihatan.

Janganlah bersusah hati wahai saudaraku, marilah kita terus membayangkan yang saudara kehilangan suara dan menjadi bisu setelah kehilangan penglihatan dan pendengaran. Bayangkanlah betapa deritanya keadaan saudara ketika itu. Waktu itu penjara saudara bertambah gelap dan ikatannya bertambah kuat mengongkong saudara dan semakin susahlah saudara melaksanakan urusan-urusan di dalam kehidupan ini. Jika saudara mahu berhubung dengan seseorang atau pun orang mahu menghubungi saudara, sudah tentu saudara dan orang itu merasa susah untuk melaksanakannya. Tanyalah diri saudara sejauh manakah kesabaran dan keredhaan saudara menerima penderitaan ini. Sekiranya saudara tidak menikmati iman kepada Allah nescaya saudara tidak akan mampu menanggung penderitaan seperti ini. Kenapakah kita tidak mahu mempergunakan nikmat-nikmat ini - nikmat pendengaran, pandangan dan suara - untuk taat kepada Allah dan berterima kasih kepadanya lalu kita memandang kecuali pada yang halal, tidak mendengar kecuali yang halal dan tidak berkata melainkan yang baik sahaja.

Nikmat aqal: Alangkah besarnya nikmat Allah ini. Sekiranya tiga pancaindera tadi dikembalikan semula kepada saudara tetapi saudara tertimpa pula bencana pada akal saudara (andaian sahaja) - pada hal saudara berakal sempurna. Kalau tidak tentu saudara tidak dapat membaca tulisan ini dan saya tidak perlu bersusah payah hendak bercakap dengan saudara. Bagaimana keadaan saudara sekiranya saudara kehilangan akal? Gila. Tidak ada ikatan, tidak ada kesedaran, tidak ada pemikiran dan tidak mengetahui satu bahasa pun. Tidak ada persefahaman, tidak ada keamanan di dalam satu perkara dan tidak ada urusan dapat dilaksanakan pada setiap waktu. Akhirnya orang seperti ini terpaksa dipenjarakan hingga ke akhir hayatnya di dalam penjara, sekiranya tidak mendapat rahmat kurnia dari Allah yang Maha Kuasa dan disembuhkan Allah dari kegilaannya.

Kenapa kita tidak mahu merasai nilai akal dan tidak mahu menghargainya lalu kita terus menerus mempergunakannya untuk mengenali Allah dan kita gunakan pada perkara yang berfaedah kepada kita dan kepada agama kita dan kita tidak gunakannya pada perkara yang dimurkai oleh Allah.

Begitu juga apabila kita memikirkan nikmat-nikmat Allah yang lain dari itu, seperti nikmat-nikmat Allah pada tangan kita beserta jari jemarinya, kaki kita beserta jari jemarinya dan segala anggota dan organ-organ di dalam badan kita. Sekiranya satu sahaja dari padanya rosak atau sakit tentu segala gerakan dan usaha kita terhenti serta merta dan boleh jadi kita akan terlentang tidak bermaya di atas katil. Mungkin seminggu, mungkin sebulan mungkin bertahun-tahun dan boleh jadi terus ke kubur. Ini bukan cerita kosong dan bukannya khayalan tetapi kenyataan yang terpampang di sekitar kita setiap masa.

Sebagai contoh, salah satu dari urat saraf otak kita terputus dan tidak dapat berfungsi. Apakah yang akan terjadi? Mungkin kita akan mendapat sakit otak atau gila,

atau tidak dapat berkata-kata atau mungkin akan menghidapi penyakit-penyakit lain lagi. Adakah kita selalu memuji Allah yang telah memberi nikmat sihat? Adakah kita membaca firman Allah dengan penuh kesedaran perhatian, tafakur dan khusyuk.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ﴿٦﴾ ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾ فِىٓ أَىِّ صُورَةٍ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

*"Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu Yang Maha Pemurah?" "Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya;" "Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendakiNya, Dia menyusun kejadianmu."* Al-Infitar: 6-8

Di sana terdapat nikmat-nikmat Allah yang banyak yang diperlukan oleh tubuh manusia seperti makannya, minumnya, udara untuk pernafasannya, pakaian-pakaiannya, rumah, binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan, burung-burung dan lain-lain lagi nikmat Allah yang tidak terhitung. Sekiranya semua ini ditahan dari kita, kita akan terdedah kepada bahaya besar dan terus membawa maut. Lihat pulalah air yang telah diciptakan oleh Allah dan segala sesuatu yang terjadi daripadaNya. Pernahkah anda fikirkan bagaimanakah ia boleh sampai kepada anda? Bagaimanakah ia berubah melalui proses perjalanannya dari bentuk wap air yang ringan lalu dibawa oleh angin menjadi awan mendung yang berarak ke sana ke mari lalu turun sebagai hujan menyirami bumi. Bumi yang basah menghidupkan tumbuh-tumbuhan yang subur untuk kemudahan segala kehidupan di muka bumi. Air ini juga meresap di gunung-ganang dan bukit-bukau lalu mengalir menjadi sungai dan terus sampai kepada kita. Lihatlah udara dan segala jenis gas yang perlu untuk kehidupan. Bagaimanakah keadaan kita sekiranya tidak mendapat udara, makanan dan tempat tinggal yang melindungi kita dari panas dan sejuk? Sudah pasti kita tak dapat hidup walaupun hanya 1 jam.

Alangkah indahnya sunnah Rasulullah saw yang memperingatkan kita akan nikmat-nikmat Allah dan limpah kurniaNya kepada kita, supaya dengan ini kita sentiasa ingat kepada Allah setiap kali kita mempergunakan nikmat-nikmat itu. Bersyukurlah kepada Allah dengan mempergunakan semuanya itu semata-mata untuk mencari keredhaan Allah. Buatlah segala perkara-perkara yang diredhai Allah dan taat setialah kepadaNya sepanjang hayat kita.

Lupakah kita akan nikmat isteri yang solehah? Alangkah susahnya kita kalau tidak mempunyai isteri yang solehah. Ataupun tidak punya isteri langsung, jelaslah kita akan terdedah kepada berbagai kesusahan, fitnah dan pesona.

Seperti firman Allah:

وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبۡ لَنَا مِنۡ أَزۡوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعۡيُنٖ وَٱجۡعَلۡنَا لِلۡمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

*"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."* Al-Furqan: 74

Alangkah susahnya seseorang kalau dia mepunyai isteri yang rendah akhlaknya dan menderhaka kepada suaminya. Demikian juga zuriat anak cucu kalau mereka derhaka kepada Allah dan derhaka pula kepada ibu bapa. Alangkah menderitanya kita. Bandingkanlah pula alangkah bahagianya kalau kita mempunyai isteri yang solehah dan anak-anak yang soleh. Bagaimana pula susahnya kalau kita tidak mempunyai anak. Alangkah rindunya kepada anak-anak. Tidakkah kehidupannya merasa hampa dan kosong.

Di atas nikmat-nikmat seperti ini marilah kita memuji Allah dan bersyukur kepadaNya. Bertaqwalah kepada Allah yang mengurniakan isteri dan anak-anak kita dengan melaksanakan tugas kita terhadap mereka dan membimbing mereka ke jalan Allah Sirat Al-Mustaqim. Benarlah Allah yang telah berfirman:

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنۡ خَلَقَ لَكُم مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ أَزۡوَٰجٗا لِّتَسۡكُنُوٓاْ إِلَيۡهَا وَجَعَلَ بَيۡنَكُم مَّوَدَّةٗ وَرَحۡمَةًۚ إِنَّ فِي
ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."* Ar-Rum: 21

Sudahkah kita memikirkannya? Firman Allah lagi:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْفُلْكَ لِتَجْرِىَ فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلْأَنْهَٰرَ ﴿٣٢﴾ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ دَآئِبَيْنِ ۖ وَسَخَّرَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ﴿٣٣﴾ وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

*"Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya)." "Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu." "Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya."* Ibrahim: 32-34

Memang benarlah Tuhan kita, kita tidak dapat menghitung nikmat-nikmatNya kepada kita, malah kita tidak terdaya memenuhi tanggungjawab kita memuji Allah sebagaimana yang sepatutnya. Engkau ya Allah, Ya Rabbi menurut sebagaimana pujianMu kepada DiriMu. Pernahkan saudara fikirkan nikmat malam dan siang, nikmat tidur? Bagaimana susahnya saudara kalau dicabut nikmat ini. Alangkah indahnya firman Allah tatkala memperingatkan kepada kita akan nikmat-nikmat ini.

Firman Allah:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾ قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾ وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

*"Katakanlah: Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari Kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)?" "Katakanlah lagi:*

*Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari Kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan malam kepada kamu untuk kamu berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)?" "Dan di antara rahmat pemberianNya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurniaNya, dan juga supaya kamu bersyukur."* Al-Qasas: 71-73

Sesungguhnya kita tidak mampu untuk terus membicarakan segala nikmat-nikmat Allah kepada kita yang tidak terhitung itu. Akan tetapi wahai saudaraku sedarilah, rasailah nikmat-nikmat Allah di segala sesuatu tatkala saudara bergerak, diam, berbicara, makan, minum, memakai pakaian, tidur, bangun, melihat, mendengar, mencium, berusaha dan lain-lain lagi urusan hidup ini. Sesungguhnya sekiranya tidak ada rahmat-rahmat dan limpah kurnia Allah, sudah pasti saudara tidak dapat membuat sesuatu apa pun juga. Bertaqarrublah kepada Allah, ingatlah Dia setiap masa. Jadikanlah segala kerja dan urusan saudara semata-mata kerana Allah dengan nama Allah yang sesuai dengan syariat Allah.

Ramai manusia tersalah faham kerana membatasi pandangan mereka terhadap nikmat Allah hanyalah kepada berapa banyaknya wang masuk mereka setiap bulan, setiap tahun, berapa banyaknya harta mereka atau yang serupa dengan itu. Padahal itu hanyalah sebahagian kecil sahaja dari nikmat-nikmat Allah yang telah diberikan kepada mereka. Juga mereka melupakan segala nikmat Allah yang lain-lainnya dan yang besar-besar yang tak terkira banyaknya. Benarlah Allah yang telah berfirman:

فَأَمَّا ٱلۡإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبۡتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكۡرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّيٓ أَكۡرَمَنِ ﴿١٥﴾ وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبۡتَلَىٰهُ فَقَدَرَ عَلَيۡهِ رِزۡقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّيٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾

*"(Dalam pada itu manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian, maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhannya dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (ia tidak mahu bersyukur tetapi terus bersikap takbur) serta berkata dengan sombongnya: Tuhanku telah memuliakan daku!" "Dan sebaliknya apabila ia diuji oleh Tuhannya, dengan disempitkan rezekinya, (ia tidak bersabar bahkan ia resah gelisah) serta merepek dengan katanya: Tuhanku telah menghinakan daku!"* Al-Fajr: 15-16

Salah faham seperti ini perlu kita perbetulkan dengan segera dan kita fahami bahawa kehidupan kita di dunia ini hanyalah semata-mata untuk diduga dan diuji dengan kebaikan, kejahatan, kesenangan, kesusahan dan sebagainya.

Firman Allah lagi:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

*"Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan."* Al-Anbiya: 35

Setelah kita berfikir panjang seperti ini, merenungi berbagai nikmat Allah kepada kita, saya kira kita memperoleh satu bekalan makrifat mengenal kurnia Allah kepada kita dan bagaimana baik dan banyaknya budi Allah kepada kita. Bagaimana baik ihsan Allah kepada kita, bagaimana banyak limpah rahmat kurniaNya kepada kita, bagaimana besar hajat kita kepada Allah dan bagaimana fakir kita kepada Allah.

Ini adalah bekalan yang mendorong kita mengagungkan Allah, mengkagumiNya, menyembahNya, mentaati perintahNya dan berterima kasih kepadaNya. Kita akan beribadah bersungguh-sungguh dengan sebaik-baiknya kepadaNya. Semoga dengan itu Dia akan memelihara kita dari kufur, nifaq, mungkar dan segala perkara-perkara yang dimurkaiNya. Sekiranya Allah menahan rahmatNya dari seorang manusia, nescaya segala nikmat itu berubah menjadi celaka dan kutukan yang membawa kecelakaan, dosa dan bencana kepadanya.

## BAB 4 MEMIKIRKAN TENTANG PERKARA GHAIB YANG MENUNGGU MEREKA

التفكر في الغيب ... الذي ينتظرهم

Ramai di kalangan manusia tidak mahu memikirkan perkara-perkara ghaib, enggan memikirkan sasaran matalamat kehidupan yang mereka lalui tanpa hentinya, kelak akhirnya, sama ada mahu atau tidak mahu mereka akan sampai juga ke sana. Mereka sibuk dengan urusan duniawi semata-mata. Seolah-olah perkara-perkara ghaib tidak perlu diambil perhatian, diberi perhitungan yang sungguh-sungguh, walhal itulah yang terpenting sekali untuk dititik beratkan kerana perkara ini pasti akan ditemui dan dihadapi, malah hari demi hari kita semakin hampir kepadanya. Di sanalah kehidupan yang kekal abadi, itulah kehidupan yang hakiki. Di dalam kehidupan itu manusia dibahagikan kepada dua golongan, golongan pertama adalah ahli syurga yang penuh nikmat dan bahagia sementara golongan kedua pula adalah ahli neraka yang penuh azab dan derita.

Adakah mereka meragui akan kewujudan dan waktu ketibaannya? Adakah kerana mereka tidak dapat merasai dengan pancainderanya? Atau mungkinkah mereka telah tertipu dengan dunia? Ataupun mereka memang tidak mempercayainya? Kepada orang-orang seperti ini perbaikilah iman mereka! Bertaubatlah bersungguh-sungguh sebelum luput masanya, supaya tidak menyesal pada hari yang tidak berguna segala penyesalan. Sesungguhnya beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, beriman kepada hari akhirat merupakan syarat yang wajib untuk menegakkan iman di dalam hati, iman tidak akan bererti tanpa keimanan kepada yang ghaib. Mengapakah kita tidak mahu beriman dengan penuh keyakinan, padahal Allah telah berfirman:

فَوَرَبِّ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ مِّثْلَ مَآ أَنَّكُمْ تَنطِقُونَ ﴿٢٣﴾

*"Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya (apa yang tersebut) itu tetap benar, (tidak patut diragu-ragukan) sebagaimana (tidak sepatutnya diragukan) benarnya kamu dapat berkata-kata."* Az-Zariyat: 23

Sikap tidak memperdulikan perkara yang ghaib ini adalah kelalaian dan kelekaan. Oleh sebab sibuk dengan urusan dunia dan segala perhiasannya, manusia tidak sempat memikirkan hari akhirat dan perkara yang ghaib. Perkara ini menunggu mereka dan tanpa disedari mereka berjalan menghampirinya tanpa henti.

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh, tidak kira siang ataupun malam untuk cuba melepaskan diri kita dari ikatan kelalaian dan kelekaan. Memikirkan perkara-perkara ghaib dan menghitungkan seolah-olah kita melalui dan mengalaminya. Kita hidup seolah-olah dalam satu kenyataan yang digambarkan oleh Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Dengan berbuat begitu, dapatlah kelak melahirkan penilaian

yang hakiki terhadap perkara-perkara ghaib; lantas mendorong kita untuk beramal dan berusaha menurut ajaran Islam dan membuat persediaan yang diperlukan untuk menghadapi perkara ghaib supaya kita mendapat kebahagiaan yang sebenarnya di sana nanti. Detik-detik alam ghaib itu bermula menurut detik-detik berikut; mati, masuk ke kubur, hidup di alam barzakh, kebangkitan dari kubur, berhimpun di padang mahsyar, menghadapi hisab (perhitungan), melalui sirat (titian yang terbentang antara neraka dan syurga), sebahagian jatuh dari jambatan tersungkur ke dalam neraka dan sebahagian selamat melintasinya lantas masuk syurga.

**4.1 Sisa umur**

Kita semua tidak tahu berapakah sisa umur yang masih tinggal, adakah masih panjang atau sudah pendek? Mampukah kita mempergunakan sisa umur ini untuk menurut dan mentaati perintah Allah? Mampukah kita membuat sebanyak-banyak kebajikan dan amal soleh? Atau di dalam masa singkat ini kita terjerumus ke lembah fitnah pesona, penyelewengan, kesesatan dan maksiat? Di dalam harap, cemas, rasa takut dan waspada serta bercampur rasa minat kepada Allah ini kita berusaha dan berharap kepada Allah sepanjang masa. Ini boleh menjadi pendorong yang kuat kepada kita, desakan yang mendalam untuk kita memenuhi baki umur dengan amal kebaikan dan pembersihan diri dan jiwa dari segala kekufuran dan kemungkaran. Semoga jadilah kita mukmin yang bertakwa kepada Allah, Muslim yang hakiki dan sejati bersih dari segala noda dan suci dari segala dosa. Kelak kita redha kepada Allah dan Allah redha pula pada kita.

Firman Allah:

وَمَا تُقَدِّمُواْ لِأَنفُسِكُم مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًاۚ وَٱسْتَغْفِرُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

*"... dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya. Dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Al-Muzzammil: 20

Untuk memikirkan tentang perkara ini, cubalah saudara duduk seorang diri kemudian bayangkanlah diri saudara, atau salah seorang dari sahabat saudara jatuh sakit lalu berubat dengan seorang doktor. Menurut penelitian doktor itu, penyakit itu boleh membawa maut dalam waktu enam bulan saja lagi. Si sakit pula yakin bahawa masanya juga sudah hampir. Dia terasa umurnya semakin berkurangan dari sehari ke sehari, dari bulan berganti bulan. Bayangkanlah bagaimana perasaan si sakit tadi jika sekiranya dia seorang yang beriman? Tidak syak lagi kita akan dapati, bahawa si sakit

akan bersegera membuat segala kebaikan dan ketaatan kepada Allah dengan segala kesungguhan dan keikhlasan setiap detik. Tidak membuang masa walaupun sesaat kepada perkara yang tidak berguna. Kita akan dapati si sakit tadi mengorbankan harta, segala usaha ikhtiar, buah fikiran, tenaga dan jiwa raganya bahkan segala yang ada padanya pada jalan Allah tanpa bimbang dan ragu malah dengan segala kemurahan hati. Saya kira si sakit tadi tidak berani untuk melakukan sebarang maksiat pun, bahkan tidak terbayang langsung di fikirannya untuk melakukannya, tidak terlintas di hatinya untuk melakukan sebarang dosa. Bagaimanakah dia akan melakukan maksiat, walhal dia tahu sedikit masa lagi dia akan menemui Allah, bersedia untuk dihisab dan terus mendapat pembalasan di hari akhirat?

Saudara yang dikasihi,

Adakah di antara saudara yang berani mengatakan bahawa dirinya akan hidup hanya enam bulan lagi? atau beberapa hari saja? atau akan mati beberapa jam lagi? Kenapakah kita enggan menghampirkan diri kita ke hal-hal yang demikian, kerana dengan itu ia boleh menimbulkan rasa kecintaan terhadap Allah, merindui pertemuan denganNya dan bersedia untukNya kerana ajal akan datang di luar jangkaan kita. Datangnya kadangkala dengan mengejut sekali dan tiba-tiba. Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلۡمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡأَرۡحَامِۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٞ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسُۢ بِأَيِّ أَرۡضٖ تَمُوتُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرُۢ ٣٤

*"Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari Kiamat. Dan Dialah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuanNya."* Luqman: 34

Marilah kita pergunakan segala masa lapang yang ada dengan melakukan amal soleh, kerjakanlah terus tanpa tangguh kerana dengan bertangguh, kemungkinan ada halangan yang menanti. Usahlah ditunggu-tunggu peluang yang baik saja datang kepadamu tetapi carilah dan usahakanlah peluang-peluang itu. Jadilah diri saudara termasuk golongan yang berlumba-lumba membuat kebaikan yang disebut oleh Allah di dalam firmanNya:

أُوْلَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِ وَهُمۡ لَهَا سَٰبِقُونَ ٦١

*"Mereka itulah orang-orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya."* Al-Mukminun: 61

Kita melihat ramai orang yang merantau, bercengkang mata tidak tidur malam, berusaha dan berpenat lelah mencari kesenangan hidup duniawi terkadang sehingga lupa diri, sibuk, lupa makan dan minum lantaran hatinya terlalu kuat untuk mencapai kemewahan duniawi. Mengapakah kita tidak mengambil pengajaran seperti ini untuk kita gunakan usaha yang gigih untuk berniaga dengan Allah yang tak mungkin rugi. Ayuh! Bersegeralah ke arah usaha-usaha ini. Manakan sama dua jenis perniagaan ini, manakan sama dua keuntungan ini!

Marilah saudara-saudaraku, kita sama-sama berusaha dengan gigih, berbuat amal soleh dengan segala kemampuan kita semata-mata kerana Allah, semata-mata kerana taatkan titah perintahNya. Sentiasalah kita tegak dan lurus berjalan di jalanNya supaya kelak kita tidak menanggung hutang kepadaNya apabila maut datang memanggil. Pastikan! Hutang-hutang kepada Allah telah dilunaskan sebelum menemuiNya. Semoga di dalam pertemuan itu, hati kita aman dan sejahtera dan redha terhadap semua saudara kita kaum muslimin. Ketahuilah, serendah-rendah tingkatan persaudaraan kerana Allah adalah bersih jiwa dan bersangka baik kepada kaum muslimin dan setinggi-tinggi tingkatannya adalah mengutamakan kepentingan saudara kita di atas kepentingan kita sendiri. Janganlah tidur satu malam pun kecuali saudara berada di dalam keadaan demikian.

Marilah kita bertaubat seberapa segera dan selalu memohon ampun dari Allah sebelum ajal maut menjemput kita kerana pintu taubat akan tertutup di saat nyawa akan dicabut.

Seperti firman Allah:

إِنَّمَا ٱلتَّوْبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ بِجَهَٰلَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٍ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَيْهِمْ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾

*"Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."* An-Nisa: 17

### 4.2 Tahap Kematian

Tahap kematian merupakan batas pemisah di antara dua peringkat di dalam urusan perkara ghaib yang menunggu kita. Tiada siapa pun dari kalangan kita yang meragui bahawa kita pasti akan mati. Dalam firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۖ فَمَن زُحْزِحَ عَنِ ٱلنَّارِ وَأُدْخِلَ
ٱلْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَٰعُ ٱلْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

*"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya."* Ali Imran: 185

Tidak ada seorang pun yang dapat melarikan diri dari maut. Pun begitu kebanyakan manusia sering melupakan tentang maut ini seolah-olah mereka menganggap kematian itu untuk orang lain, bukan untuk mereka. Mengapakah terjadi begini? Ini kerana mereka telah mabuk dengan dunia dan segala perhiasannya. Kita hendaklah sentiasa mengingati maut dan sentiasa bersedia untuk menemui Allah dengan hati yang bersih dari segala dosa zahir dan batin.

Apabila seseorang yang sentiasa mengingati maut, cuba digoda oleh syaitan untuk membuat maksiat, dia akan ingat bahawa kematian boleh datang pada bila-bila masa. Dia tidak akan tergamak untuk mengakhiri hidupnya ketika membuat dosa. Bagaimanakah dia akan menemui Tuhannya sedang dia bergelumang dengan dosa? Tidak syak lagi dengan mengingati kematian pada waktu-waktu seperti itu akan menolong dia mengelak dari tipu daya syaitan, menjauhkan dirinya dari maksiat lalu bertaubat terus menerus dan taat kepada Allah.

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh supaya kita akan mati dalam keadaan berbuat baik dan taat mengikut perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Oleh itu jadikanlah diri kita seorang yang sentiasa beristiqamah pada jalan Sirat Al-Mustaqim dan menjadi orang yang bertaqwa kepada Allah hinggalah kita menemui Allah dalam keadaan kita redha kepada Allah dan Allah redha kepada kita.

Rasulullah saw mengajarkan kita untuk selalu mengingati maut, seperti di dalam doa sewaktu hendak tidur, sewaktu bangun tidur dan di dalam lain-lain doa lagi.

Orang yang beriman sentiasa berusaha supaya mati ketika dalam ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah.

Firman Allah:

ٱلَّذِينَ تَتَوَفَّىٰهُمُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ طَيِّبِينَ ۙ يَقُولُونَ سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمُ ٱدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٣٢﴾

*"(Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka bersih suci (dari kufur syirik dan maksiat), sambil malaikat itu berkata kepada mereka: Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan."* An-Nahl: 32

Saudara menangis tatkala saudara dilahirkan, padahal orang-orang di sekitar tertawa lantaran gembira menyambut kelahiran saudara, maka berusahalah supaya saudara bergembira tatkala saudara menemui Allah dan mereka menangis kerana saudara meninggalkan mereka. Sesungguhnya barang siapa yang suka menemui Allah, Allah juga akan suka menemui mereka.

Jadikanlah kematian saudara pada jalan Allah, bahkan jadikanlah mati syahid itu cita-cita saudara yang paling tinggi. Berusahalah sungguh-sungguh supaya kematian saudara berubah menjadi kehidupan.

Firman Allah:

وَلَا تَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمۡوَٰتَۢا ۚ بَلۡ أَحۡيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمۡ يُرۡزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

*"Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."* Ali Imran: 169

Wahai saudaraku,

Ikatlah perjanjian jual beli dengan Allah sekiranya saudara belum berbuat demikian. Juallah diri dan harta kepada Allah untuk mendapat harga yang paling mahal iaitu syurga yang luasnya seperti langit dan bumi. Sekiranya ajal datang menjemput saudara setelah saudara membuat perjanjian itu, saudara akan berjaya dan mendapat harga yang paling mahal. Sekiranya umur saudara belum habis, sempurnakanlah janji saudara dengan Allah dan janganlah saudara ragu-ragu ataupun bakhil. Firman Allah:

هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ تُدۡعَوۡنَ لِتُنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَمِنكُم مَّن يَبۡخَلُ ۖ وَمَن يَبۡخَلۡ فَإِنَّمَا يَبۡخَلُ عَن نَّفۡسِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ ٱلۡغَنِيُّ وَأَنتُمُ ٱلۡفُقَرَآءُ ۚ وَإِن تَتَوَلَّوۡاْ يَسۡتَبۡدِلۡ قَوۡمًا غَيۡرَكُمۡ ثُمَّ لَا يَكُونُوٓاْ أَمۡثَٰلَكُم ﴿٣٨﴾

*"(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadanya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma) Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu."* Muhammad: 38

FirmanNya lagi:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ ۚ فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

*"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."* At-Taubah: 111

**4.3 Kubur Dan Kehidupan Di Alam Barzakh**

Saudaraku,

Marilah kita pergi menziarahi kubur ketika kita masih hidup, sebelum kita dimasukkan di situ semasa kita mati kelak. Janganlah kita dilekakan dengan perlumbaan melonggokkan harta dunia. Marilah kita ziarahi kubur untuk mengetahui dan mengenali kehidupan di dalamnya. Kita sediakan kubur untuk menyambut kita bukan dengan membuat tembok dan batu marmar yang cantik di atas kubur kerana semua itu tidak berguna kepada para penghuni kubur. Dengan lawatan kita moga-moga kita dapat mengambil iktibar dan pengajaran yang boleh mendorong kita supaya selalu membuat amal soleh. Amal soleh inilah yang menjadi sahabat kita yang setia di dalam kubur. Amal-amal perbuatan kita yang mengubah kubur yang sempit menjadi syurga yang luas atau menjadi lubang neraka penuh azab. Kehidupan di dalam kubur yang pendek itu seolah-olah merupakan satu lawatan yang bersambung pula dengan hari

kebangkitan dari kubur kemudian ke perhimpunan di padang mahsyar dan pembalasan. Benarlah Firman Allah:

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ۝١ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ۝٢

*"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh)," "Sehingga kamu masuk kubur."* At-Takathur: 1-2

Kita memang tidak mampu mengetahui tabiat kehidupan di dalam kubur. Tidak syak lagi bahawa kehidupan di dalam kubur berbeza dengan kehidupan di atas muka bumi kerana roh telah terpisah dari jasad yang fana ini. Apa yang telah disebut di dalam Al-Quran dan sunnah adalah merupakan bayangan sekitar kehidupan di dalam kubur. Para syuhada yang mati syahid sebenarnya hidup di sisi Tuhan mereka dan diberi rezeki. Hanya Allah yang mengetahui hakikat kehidupan mereka dengan pelbagai fitnah dan pertanyaan di dalam kubur. Oleh itu Rasulullah saw telah mengajarkan kita supaya memohon perlindungan kepada Allah dari fitnah dan azab kubur. Al-Quran telah mengingatkan kepada kita tentang kisah Firaun dan keluarganya. Di mana Allah telah berfirman:

ٱلنَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا ۖ وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ أَدْخِلُوٓا۟ ءَالَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ ٱلْعَذَابِ ۝٤٦

*"Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya Kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!"* Ghafir: 46

Rasulullah saw telah memberitahu kita akan azab di dalam kubur. Riwayat dari Ibnu Abbas bahawasanya Rasulullah saw semasa melalui dua buah kubur telah bersabda:

"إنهما يعذبان وما يعذبان في كبير - أي يكبر ويشق عليهما فعله أما أحدهما فكان لا يستنزه من البول , وأما الآخر فكان يمشي"

*"Dua orang ini disiksa di dalam kubur, keduanya disiksa bukan kerana dosa besar, seorang daripadanya tidak bersih dari kencing dan yang kedua pula suka menjadi batu api untuk melaga-lagakan di antara dua orang atau dua golongan. Hendaklah kamu selalu mengingati kubur dan kehidupan di dalamnya. Biasanya kita melihat seseorang di waktu pagi bersama keluarga di rumahnya, tiba-tiba di waktu petang kita melihat dia dihantar ke kubur keseorangan."*

Pada suatu hari seorang sahabat saya memberitahu pengalamannya tatkala dia dimasukkan di dalam penjara yang gelap oleh tentera toghut. Dia merasa seolah-olah di dalam kubur, menghadapi hisab dan pembalasan. Amalannya tidak dapat menjaminnya masuk syurga dan tidak dapat menyelamatkannya dari azab neraka. Di sana dia gementar dan sangat takut, bercita-citalah dia supaya dihidupkan semula di dunia untuk taubat dan melakukan perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Setelah dia keluar, dia sedar bahawa itu semua adalah khayalan. Pun begitu dia melipatgandakan ketaatan kepada Allah dan memperbanyakkan amal baiknya, malah dia merasa puas hati menjadi penghuni penjara bertahun-tahun. Setelah keluar dari penjara semakin bertambah iman dan taqwanya kepada Allah. Penjara dan segala pengalaman pahit di sana menjadi sekolah baginya untuk menjadi hamba Allah yang soleh dan bertaqwa kepada Allah. Keadaan dirinya adalah lebih baik daripada sebelum dia dipenjarakan.

Ini hanyalah merupakan lintasan fikiran tentang tahap-tahap perkara ghaib yang menunggu kita. Semoga dengan ini kita membaca dan mengingatinya supaya kita dapat satu lagi bekalan yang mampu memelihara dan menolong kita di atas jalan dakwah di sepanjang hidup kita. Allah sahajalah pemberi pertolongan.

## BAB 5 MEMIKIRKAN TENTANG HARI AKHIRAT

التفكر في اليوم الآخر

Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa kebanyakan dari kaum muslimin tidak memperhitungkan hari akhirat seperti perhitungan mereka untuk dunia. Malah ada di antara mereka tidak mengambil hirau langsung hari yang besar ini, di mana manusia berdiri menghadap Tuhan sekalian alam. Lihatlah betapa sibuknya manusia bertungkus lumus membuat persediaan menyambut musim panas dan musim sejuk, tetapi mereka tidak sibuk untuk membuat persediaan menghadapi panas api neraka dan kesejukan yang tidak tertanggung. Walaupun Allah dan Al-Quran berkali-kali menyebut perkara beriman kepada Allah dan hari akhirat, tetapi kebanyakan manusia muslimin terus melupakannya. Mereka merasakannya bahawa hari besar itu terlalu jauh. Dunia yang dekat inilah mesti diberi perhitungan yang sepenuhnya.

Sesungguhnya dengan mendengar nama-nama hari akhirat itu sahaja, sudah cukup untuk menggoncangkan perasaan, mendebarkan jantung dan membangunkan jiwa yang lalai: Al-Qari'ah (penggegar), As-Sa'iqah (petir azab), Al-Haqqah (yang tentu datang), Al-Waqi'ah (kejadian yang besar), As-Shah (suara yang memekakkan telinga), Tammat Al-Kubra (malapetaka yang besar), Al-Ghasyiah (kejadian yang dahsyat), Ar-Rajpah (gempabumi) dan lain-lain lagi nama hari Kiamat serta sifat-sifatnya.

Sifatnya serta peristiwa-peristiwa dahsyat yang akan terjadi di hari itu, nescaya kita tidak dapat tidur nyenyak, kita tidak mampu hendak ketawa dan selalu menangis lantaran insaf dan rasa takut. Semua fenomena yang menggerunkan ini telah diberitahu oleh Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Siapakah yang tidak tergugat perasaan dan tidak tersedar dari khayalan apabila membaca ayat-ayat ini atau mendengarnya?

Seperti di dalam firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ ﴿١﴾ يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ ﴿٢﴾

*"Wahai umat manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari Kiamat itu suatu perkara yang amat besar." "Pada hari kamu melihat (peristiwa-peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu penyusu akan melupakan anak yang disusukannya, dan tiap-tiap perempuan yang mengandung akan gugurkan anak yang*

*dikandungnya; dan engkau akan melihat manusia mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat, mengerikan."* Al-Hajj: 1-2

Wahai saudaraku,

Marilah kita fikirkan dengan sewajarnya tentang hari akhirat dengan segala peristiwa dan pemandangan yang maha dahsyat, yang menjadikan anak-anak muda beruban. Bayangkanlah keadaan tatkala ditiupkan sangkakala, kebangkitan dari kubur dan perhimpunan paling agung di padang mahsyar. Ketika itu matahari sangatlah hampir di atas kepala manusia, sekalian manusia dihadapkan di hadapan Al-Qadi Rabbul Jalil, untuk dihisab dan dijatuhkan hukuman, lalu ditanyakan kepada mereka segala perkara kecil atau besar, semuanya ditanya lalu ditimbang kemudian ditentukan ke mana mereka akan dibawa, menuju jambatan yang melintasi neraka jahanam. Satu golongan dimasukkan ke syurga penuh nikmat dan bahagia, segolongan lain pula jatuh tersungkur dimasukkan ke neraka jahanam, penuh azab siksa dan derita sangat pedih. Di sana mereka menerima segala ganjaran-ganjaran seadilnya dari Tuhan Rabbul alamin.

Sesungguhnya kita tidak mampu untuk membayangkan di sini segala peristiwa dan pemandangan di hari agung itu. Kita hanya mampu membayangkan sebahagian sahaja daripadanya untuk kita mengambil pengajaran dan peringatan sebagai contoh yang boleh membawa kita berfikir, semoga boleh menambahkan iman kita dan perhatian kita pada hari Kiamat.

**5.1 Tiupan Sangkakala**

Pemandangan pada hari agung itu dimulai dengan tiupan sangkakala pertama. Tiupan ini mematikan segala apa yang di langit dan di bumi kecuali sesiapa yang dikehendaki oleh Allah. Peristiwa dahsyat ini diikuti dengan berkecainya langit, bintang-bintang berguguran, gunung-gunang dicabut dan dihancurkan, lautan membuak-buak, bumi digempakan, kubur dibongkar kemudian bumi diganti dengan bumi yang baru begitu juga langit.

Tiupan sangkakala yang kedua diikuti dengan kebangkitan manusia dari kubur lalu mereka dihimpunkan di padang mahsyar laksana belalang yang bertaburan dan dalam keadaan tidak berpakaian dan berkaki ayam. Seperti firman Allah:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِي ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُۖ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخۡرَىٰ فَإِذَا هُمۡ قِيَامٞ يَنظُرُونَ ﴿٦٨﴾

*"Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki*

*Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)."* Az-Zumar: 68

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾ تَتْبَعُهَا ٱلرَّادِفَةُ ﴿٧﴾ قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾ أَبْصَٰرُهَا خَٰشِعَةٌ ﴿٩﴾
يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِى ٱلْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

*"Pada masa berlakunya tiupan sangkakala yang pertama yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah-ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan)," "Tiupan yang pertama itu diikuti oleh tiupan yang kedua, (yang menyebabkan orang-orang yang mati semuanya hidup semula serta keluar dari kubur masing-masing);" "Hati (manusia) pada hari itu berdebar-debar takut" "Pemandangannya tunduk gerun." "Mereka (yang ingkar) berkata: Sungguhkah kita akan dikembalikan hidup seperti keadaan di dunia dahulu?"* An-Nazi'at: 6-10

Dan firmanNya lagi:

فَإِذَا بَرِقَ ٱلْبَصَرُ ﴿٧﴾ وَخَسَفَ ٱلْقَمَرُ ﴿٨﴾ وَجُمِعَ ٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ﴿٩﴾ يَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ
ٱلْمَفَرُّ ﴿١٠﴾

*"Maka (Jawabnya: hari Kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut)," "Dan bulan hilang cahayanya," "Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama," "(maka) pada hari itu, berkatalah manusia (yang ingkarkan hari kiamat): Ke manakah hendak melarikan diri?"* Al-Qiyamah: 7-10

Juga firmanNya:

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾ وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾ لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ
يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾ وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾ ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾ وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾
تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَفَرَةُ ٱلْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

*"Pada hari seseorang itu lari dari saudaranya," "Dan ibunya serta bapanya," "Dan isterinya serta anak-anaknya;" "Kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu, ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sahaja." "Muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri," "Tertawa, lagi bersuka ria;" "Dan muka (orang-orang yang ingkar) pada hari itu penuh berdebu," "Diliputi oleh*

*warna hitam legam dan gelap-gelita." "Mereka itu ialah orang-orang yang kafir, yang derhaka."* Abasa: 34-42

Demikianlah manusia pada hari itu diselubungi rasa ngeri, cemas, takut, panas, berpeluh-peluh, bingung dan kelam kabut. Bersabda Rasulullah saw:

"يوم يقوم الناس لرب العالمين حتى يغيب أحدهم في رشحه إلى أنصاف أذنيه"

"*Pada hari manusia bangun menghadap Tuhan seluruh alam, manusia tenggelam di dalam peluhnya hingga sampai ke telinganya."* Muttafaqun Alaih

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh menuju keredhaaan Allah supaya kita masuk di dalam golongan yang bergembira, yang berseri-seri mukanya pada hari tersebut.

**5.2 Di Hadapan Pengadilan Untuk Dihisab Dan Ditimbang**

Marilah kita bayangkan diri kita mengadap Allah untuk dihisab dan diperiksa segala perkataan dan perbuatan yang telah kita lakukan di dunia. Seseorang akan menggeletar tatkala ditanya oleh ketuanya berkenaan kesalahan yang telah dilakukan di dunia ini, maka bagaimana keadaan kita tatkala kita berhadapan dengan Allah pada hari perhitungan?

FirmanNya:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

*"Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi."* Al-Haqqah: 18

Juga firmanNya:

يَوْمَئِذٍ يَوَدُّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَعَصَوُاْ ٱلرَّسُولَ لَوْ تُسَوَّىٰ بِهِمُ ٱلْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ ٱللَّهَ حَدِيثًا ﴿٤٢﴾

*"Pada hari itu orang-orang yang kafir dan menderhaka kepada Rasulullah, suka jika mereka disama ratakan dengan tanah (ditelan bumi), dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sepatah kata pun dari pengetahuan Allah."* An-Nisaa: 42

Juga firmanNya:

بَلِ ٱلْإِنسَـٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾ وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

*"Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri," "Walaupun ia memberikan alasan-alasannya (untuk membela diri)."* Al-Qiyamah: 14-15

Pada hari itu, anggota-anggota kitalah yang akan menjadi saksi:

Firman Allah:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

*"Pada hari lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka lakukan."* An-Nur: 24

Pada hari itu segala kezaliman yang telah dilakukan di dunia akan dibicarakan dengan adil, yang zalim dihukum dan yang teraniaya akan disempurnakan haknya. Bersabda Rasulullah saw:

"هل تدرون من المفلس -- قلنا : المفلس فينا يا رسول الله من لا درهم له ولا دينار ولا متاع . قال : المفلس منأمتي من يأتي يوم القيامة بصلاة وصيام وزكاة ويأتي وقد شتم هذا وقذف هذا , أكل مال هذا , وسفك دم هذا وضرب هذا , فيعطى هذا من حسناته وهذا من حسناته فإن فنيت حسناته قبل ان يقضى ما عليه أخذ من خطاياهم فطرحت عليه ثم طرح في النار"

*"Tahukah kamu siapa yang muflis dan bankrap? Kami (sahabat) berkata: Yang muflis dari kalangan kita ialah orang yang tidak punya dirham dan dinar - wang perak dan wang emas - dan tidak punya harta. Lalu baginda bersabda: Yang muflis dari ummatku ialah orang yang datang pada hari Kiamat dengan solat, dengan puasa dan dengan zakat dan dia datang pada hari Kiamat dengan memaki ini, dan menuduh ini, dan telah makan harta ini dan menumpahkan darah ini dan telah memukul ini lalu diberi ini dari kebaikannya dan ini dari kebaikan sekiranya telah habis sebelum selesai perkaranya, maka diambil kesalahan-kesalahan orang yang telah dizalimi lalu diberikan kepadanya kemudian dia dilemparkan masuk ke neraka."* (ini maksudnya: umat Rasulullah saw)

Di waktu hisab itu lahirlah penyesalan, ketakutan, kesengsaraan dan malu besarlah para pembuat kesalahan dan berkatalah mereka seperti firman Allah:

يَـٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾ لَّقَدْ أَضَلَّنِى عَنِ ٱلذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَآءَنِى ۗ وَكَانَ ٱلشَّيْطَـٰنُ لِلْإِنسَـٰنِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾

*"Wahai celakanya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si dia itu menjadi sahabat karib!" "Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan (Al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)."* Al-Furqan: 28-29

Di samping itu, di sana ada segolongan manusia di dalam keadaan aman bergembira dan berseri-seri mukanya kerana mereka telah mendapat keampunan dan keredhaan Allah.

**5.3 Sirat (Titian)**

Setelah manusia dihisab, mereka dibawa untuk melintasi titian terpanjang yang terbentang di atas neraka jahanam. Sekiranya saudara bayangkan pemandangan itu sebagai satu kenyataan di hadapan saudara, tentu gementar hati saudara kerana memikirkan bagaimana kita hendak menyeberangi sirat yang sangat panjang itu. Cuba kita baca satu hadis Rasulullah saw yang memberitakan hal sirat itu?:

*"Manusia akan melalui sirat yang terpanjang, yang terbentang di atas neraka jahanam, dan di atasnya ada duri dan penyangkut-penyangkut dan penyambar-penyambar yang menyambar manusia, dan di kiri kanannya beberapa malaikat berkata: Hai Tuhanku! selamatkan! Hai Tuhanku selamatkan! Maka sebahagian dari manusia yang melalui seperti kilat, dan sebahagian dari mereka seperti angin, dan sebahagian dari mereka lalu seperti menunggang kuda, sebahagian dari mereka melaluinya berlari anak, dan sebahagian dari mereka melaluinya berjalan bersungguh-sungguh, sebahagian dari mereka lalu dengan merangkak-merangkak, dan sebahagian lagi merayap-merayap. Adapun orang yang jatuh ke neraka yang menjadi penghuninya, maka mereka tidak mati dan tidak hidup, adapun segolongan manusia dihukum oleh kerana dosa-dosa dan kesilapan-kesilapan mereka lalu terbakar menjadi arang, kemudian mereka diizinkan mendapat syafaat - lalu mereka masuk ke syurga."* Riwayat dari Abu Said Al-Khudri - Muttafaqun Alaih

**5.4 Syafaat**

Sebahagian dari muslimin yang berdosa dan layak masuk neraka dibebaskan dari neraka dan mendapat keampunan dari Allah kerana mendapat syafaat yang diterima dari para Nabi, siddiqqin, syuhada dan solihin. Rasulullah saw telah diberi syafaat menurut hadisnya yang bermaksud: "Telah diberi kepadaku lima perkara yang tidak pernah diberi kepada seseorang sebelumku, syafaat adalah satu daripadanya". Dalam

hadis lainnya yang bermaksud: “Setiap Nabi mempunyai doa yang mustajab. Aku mahu simpan satu doaku untuk menjadi syafaat kepada umatku pada hari Kiamat”. Muttafaqun Alaih

Ini adalah satu kemuliaan dan keutamaan kepada Rasulullah saw dan umatnya.

**5.5 Kolam (Al-Haudh)**

Al-Haudh adalah satu lagi keutamaan bagi Rasulullah saw dan umatnya. Menurut hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Muslim, yang bermaksud:

*"Tatkala turunnya surah Al-Kauthar kepada Rasulullah saw bertanyalah baginda kepada sahabat sambil berkata: Tahukah kamu apa itu Al-Kauthar? Mereka menjawab: Allah dan RasulNyalah yang lebih mengetahui. Baginda berkata: Sesungguhnya ia adalah sebuah sungai yang telah dijanjikan Tuhanku kepadaku di atasnya banyak kebaikan padanya dan ada sebuah kolam yang didatangi umatku pada hari akhirat bejana-bejananya sebanyak bilangan bintang-bintang di langit."*

**5.6 Neraka jahanam**

Bagaimanakah caranya kita hendak memikirkan tentang hari Kiamat supaya ia dapat mempengaruhi jiwa kita supaya kita merasa takut kepada neraka dan berharap serta rindukan syurga? Cuba kita fikir dan bayangkan diri kita berada di hadapan syurga dan neraka dengan isi kandungannya.

Jika kita membaca satu sahaja dari ayat Al-Quran yang membicarakan hal neraka, lantas kita fahami dan renungi dalam-dalam dan bersungguh-sungguh sudah tentu hati kita akan bergegar dan kulit kecut-kecut ketakutan.

Marilah bersama-sama saya membaca ayat-ayat ini setelah hati dan akal dikosongkan dari segala kegiatan duniawi;

Firman Allah:

۞ هَٰذَانِ خَصۡمَانِ ٱخۡتَصَمُواْ فِي رَبِّهِمۡۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ قُطِّعَتۡ لَهُمۡ ثِيَابٞ مِّن نَّارٖ يُصَبُّ مِن فَوۡقِ رُءُوسِهِمُ ٱلۡحَمِيمُ ﴿١٩﴾ يُصۡهَرُ بِهِۦ مَا فِي بُطُونِهِمۡ وَٱلۡجُلُودُ ﴿٢٠﴾ وَلَهُم مَّقَٰمِعُ مِنۡ حَدِيدٖ ﴿٢١﴾ كُلَّمَآ أَرَادُوٓاْ أَن يَخۡرُجُواْ مِنۡهَا مِنۡ غَمٍّ أُعِيدُواْ فِيهَا وَذُوقُواْ عَذَابَ ٱلۡحَرِيقِ ﴿٢٢﴾

*"Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang berbantah-bantahan tentang Tuhan mereka. Maka orang-orang yang kafir akan disediakan untuk mereka pakaian dari api*

*neraka, serta dicurahkan atas kepala mereka air panas yang menggelegak," "Yang dengannya dihancurkan apa yang ada dalam perut mereka, dan juga kulit badan mereka." "Dan mereka pula disediakan batang-batang besi untuk menyeksa mereka." "Tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, disebabkan mereka menderita azabnya, mereka dikembalikan padanya, serta dikatakan: Rasalah kamu azab seksa yang membakar!"* Al-Hajj: 19-22

Dan firmanNya lagi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَـٰتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُم بَدَّلْنَـٰهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِيَذُوقُواْ ٱلْعَذَابَ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan membakar mereka dalam api neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* An-Nisa: 56

Juga firmanNya:

وَٱسْتَفْتَحُواْ وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿١٥﴾ مِّن وَرَآئِهِۦ جَهَنَّمُ وَيُسْقَىٰ مِن مَّآءٍ صَدِيدٍ ﴿١٦﴾ يَتَجَرَّعُهُۥ وَلَا يَكَادُ يُسِيغُهُۥ وَيَأْتِيهِ ٱلْمَوْتُ مِن كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ ۖ وَمِن وَرَآئِهِۦ عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿١٧﴾

*"Dan (Rasul-Rasul serta umatnya yang beriman) memohon pertolongan (kepada Allah, untuk mendapat kemenangan); dan terkecewalah tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bersikap degil (dalam keingkarannya)." "Di belakangnya disediakan neraka jahanam, dan ia akan diberi minum dari air danur (yang keluar dari tubuh ahli neraka)." "Ia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya), dan ia didatangi (penderitaan) maut dari segala arah, sedang ia tidak pula mati (supaya terlepas dari azab seksa itu); dan selain dari itu, ada lagi azab seksa yang lebih berat."* Ibrahim: 15-17

Lagi firmanNya:

إِنَّ شَجَرَتَ ٱلزَّقُّومِ ﴿٤٣﴾ طَعَامُ ٱلۡأَثِيمِ ﴿٤٤﴾ كَٱلۡمُهۡلِ يَغۡلِي فِي ٱلۡبُطُونِ ﴿٤٥﴾ كَغَلۡيِ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٤٦﴾
خُذُوهُ فَٱعۡتِلُوهُ إِلَىٰ سَوَآءِ ٱلۡجَحِيمِ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ صُبُّواْ فَوۡقَ رَأۡسِهِۦ مِنۡ عَذَابِ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٤٨﴾ ذُقۡ إِنَّكَ
أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡكَرِيمُ ﴿٤٩﴾

*"(Ingatlah), Sesungguhnya pokok Zaqqum," "(Buahnya) menjadi makanan bagi orang yang berdosa (dalam neraka)." "(Makanan ini pula panas) seperti tembaga cair, mendidih dalam perut," "Seperti mendidihnya air yang meluap-luap panasnya." "(Lalu diperintahkan kepada malaikat penjaga neraka): Renggutlah orang yang berdosa itu dan seretlah dia ke tengah-tengah neraka." "Kemudian curahkanlah di atas kepalanya - azab seksa - dari air panas yang menggelegak." "(Serta dikatakan kepadanya secara mengejek): Rasalah azab seksa, sebenarnya engkau adalah orang yang berpengaruh dan terhormat (dalam kalangan masyarakatmu)."* Ad-Dukhan: 43-49

Jika terjadi satu kebakaran di dunia ini, di sebuah rumah yang tinggi dan penghuninya tidak dapat lari melalui tangga, mereka akan melompat melalui tingkap-tingkap rumah lantaran takut api walaupun mereka tahu akan bahaya yang mungkin membawa maut kepada mereka akibat terjatuh. Mengapakah mereka tidak merasa takut kepada neraka jahanam seperti ketakutan mereka kepada api dunia padahal api jahanam jauh lebih panas dari api dunia dan lebih patut ditakuti?

Bagaimana pula iblis dengan para pengikutnya pada hari Kiamat? Mereka akan berlepas tangan dan melepaskan diri dari manusia yang derhaka yang sedang menerima azab neraka. Malah mereka akan menyalahkan penghuni-penghuni neraka yang dahulunya mereka perdaya.

Firman Allah:

وَقَالَ ٱلشَّيۡطَٰنُ لَمَّا قُضِيَ ٱلۡأَمۡرُ إِنَّ ٱللَّهَ وَعَدَكُمۡ وَعۡدَ ٱلۡحَقِّ وَوَعَدتُّكُمۡ فَأَخۡلَفۡتُكُمۡۖ وَمَا كَانَ لِيَ
عَلَيۡكُم مِّن سُلۡطَٰنٍ إِلَّآ أَن دَعَوۡتُكُمۡ فَٱسۡتَجَبۡتُمۡ لِيۖ فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوٓاْ أَنفُسَكُمۖ مَّآ أَنَا۠
بِمُصۡرِخِكُمۡ وَمَآ أَنتُم بِمُصۡرِخِيَّۖ إِنِّي كَفَرۡتُ بِمَآ أَشۡرَكۡتُمُونِ مِن قَبۡلُۗ إِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَهُمۡ
عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٢﴾

*"Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu: Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkiri janjiku itu kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru*

*menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku denganNya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya."* Ibrahim: 22

### 5.7 Syurga dan segala nikmatnya

Wahai syurga, semerbaknya baumu, alangkah rindunya kami kepada mu!

Segala nikmat kesenangan dan kebahagiaan yang terkandung di dalammu telah diberitahu oleh Al-Quran, kitabullah dan sunnah Rasulullah saw. Walaupun begitu, hakikat sebenarnya adalah jauh lebih tinggi mutunya dari nikmat dunia. Nikmat syurga adalah satu nikmat yang tidak dapat kita bayangkan oleh otak kita, tidak pernah mata memandang seumpamanya, tidak pernah telinga mendengar sepertinya. Cubalah saudara baca cerita-cerita gembira dari Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw dan pejamkanlah mata lalu saudara bayangkanlah diri saudara berada di tengah-tengah syurga dengan segala nikmat dan kebahagiaan yang ada padanya. Pupuklah rasa cinta dan rindu kepadanya. Di sanalah tersedianya segala keamanan, kebahagiaan diri, segala nikmat yang tidak terkira dan tidak terbatas, di sana tiada takut, gerun, tidak ada susah payah, tidak ada kehinaan, tidak pernah putus asa, tidak ada dengki mendengki dan tidak ada benci, tidak ada sengketa dan tidak ada hasad, bahkan kedapatan para saudara yang berkasih sayang duduk di atas dipan-dipan yang berhadap-hadapan. Di sini terdapat istana-istana yang indah, kebun-kebun yang penuh dengan pohon-pohon rendang dengan buah-buahan yang sangat enak rasanya, berkasih sayang dengan bidadari rupawan yang cantik jelita yang sunyi dari segala noda. Bidadari yang sentiasa muda dan mencintai penghuni syurga dengan cinta sejati yang tidak pernah luntur. Di dalam syurga tersedia segala jenis makanan dan minuman yang disukai, berbagai-bagai jenis buah-buahan dan pakaian-pakaian yang indah-indah. Kesemuanya itu diminati oleh manusia. Yang paling istimewa dari itu semua ialah keredhaan Allah yang Maha Pengasih, Maha Penyayang dan Maha Indah.

Firman Allah:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّٰتِ عَدۡنٍۚ وَرِضۡوَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٧٢

*"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam syurga Adn serta keredhaan dari Allah*

*yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar."* At-Taubah: 72

Allah redha kepada mereka dan mereka redha kepada Allah. Lebih-lebih lagi pula kita akan bersahabat dengan nabi-nabi, rasul-rasul Allah, para siddiqin, para syuhada dan solihin. Merekalah sebaik-baik sahabat. Oleh itu marilah berlumba-lumba bagi sesiapa yang mahu berlumba.

Untuk itu marilah kita mengorbankan segenap daya usaha kita berjihad pada jalan Allah, menolong agamanya, mengembangkan dakwah Islam, membangun masyarakat Islam, melaksanakan syariah Islam dan membangunkan daulah Islamiyah menurut contoh Khulafa Ar-Rasyidin.

Marilah kita sebarkan dakwah Islam di mana kita berada dan bersabarlah dalam menghadapi segala bencana dan ujian di jalan Allah ini kerana mengharap redha Allah. Itulah jalannya menuju syurga Jannatun Naim.

Saya tidak lupa seorang doktor berjiwa Islam dan berjihad bersama kita dan kemudiannya dipenjarakan kerana jihadnya pada tahun 1948. Ketika dipenjarakan beliau tidak berdukacita. Pada satu hari dia berkata kepada sahabat-sahabatnya di dalam penjara, "Nabi Musa bekerja keras lapan atau sepuluh tahun kerana membayar mas kahwin isterinya. Jadi berapa banyakkah mas kahwin yang mesti kita sediakan untuk bidadari di dalam syurga? Berapa banyak lagi jihad dan pengorbanan yang mesti kita lakukan untuk mencapai keredhaan Allah".

Untuk menjawabnya, bacalah Al-Quran dengan tenang dan penuh perhatian dan kesedaran.

Ada satu kisah yang telah saya baca yang ingin saya ceritakan kepada saudara. Ada seorang Muslim yang telah melakukan dosa, kemudian dia bertaubat, kemudiannya dia kembali membuat maksiat berulang kali. Kemudiannya dia mengadukan halnya ini kepada seorang soleh. Berkatalah orang soleh itu kepadanya, "Sekiranya saudara mampu membuat lima perkara ini, tidak perlulah saudara risau tentang perbuatan maksiat saudara."

"Apakah dia perkara-perkara itu?", tanya Muslim yang berdosa tadi.

"Sekiranya saudara mahu menderhaka kepada Allah, janganlah saudara tinggal di daerah kekuasaan Allah", kata orang soleh tadi. "Saya tidak mampu berbuat demikian. Apakah perkara yang kedua?", tanya Muslim yang berdosa tadi.

"Apabila saudara hendak menderhakai Allah, buatlah di tempat yang tidak dilihat oleh sesiapa pun", kata orang soleh tadi. Muslim yang berdosa, "Tidak akan tersembunyi

dari Allah". Orang soleh, "Saudara tinggal di dalam kekuasaan Allah, makan rezeki Allah, lalu saudara derhaka kepadaNya. Ini paling engkar kepada Allah."

Muslim yang berdosa, "Apakah yang ketiga?"

Orang soleh, "Apabila malaikat maut datang kepada saudara, mintalah kepadanya supaya ia membenarkan saudara bertaubat terlebih dahulu."

Muslim yang berdosa, "Sudah tentu ia tidak mahu menerima permintaan saya."

Orang soleh, "Kalau begitu kenapa saudara tidak mahu bertaubat segera?"

Orang soleh, "Tatkala saudara diheret masuk ke dalam neraka, jangan pergi ke sana."

Muslim yang berdosa, "Ini mustahil."

Baru sampai di situ, Muslim yang berdosa tadi terus bertaubat sungguh dengan taubat nasuha dan tidak pernah lagi kembali membuat maksiat.

Apa yang terjadi pada Muslim tadi ialah segala pengertian iman di dalam dirinya telah padam lalu dinyalakan kembali oleh orang soleh itu dengan cara yang bijaksana melalui cara yang dapat menawan hati orang yang berdosa tadi dan terus menjadi Muslim yang soleh.

Kita benar-benar mengharap untuk mendapat kesan seperti ini. Kesedaran seperti ini, kebijaksanaan seperti ini lantaran fikiran yang kita paparkan di dalam kitab ini.

Marilah kita berterusan berusaha membentuk diri kita dan keluarga kita menurut acuan Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Kemudiannya kita akan bangkit di tengah-tengah masyarakat manusia, menyeru mereka dan membawa mereka ke jalan Allah, mengeluarkan mereka dari gelap gelita jahiliyah kepada sinar rahmat Islam yang lengkap dan sempurna itu.

Berbahagialah sesiapa yang dapat berbuat demikian dengan taufik dari Allah.

## BAB 6 DAN DI DALAM KEHARUMAN SIRAH, ADA BEKALAN

وفي السيرة العطرة ... زاد

Para da'i ke jalan Allah seharusnya mendapat bekalan dari sirah Rasulullah saw, dari perjalanan hidup perjuangan Rasulullah saw. Ia adalah merupakan sebaik-baik bekalan untuk berjalan terus di atas jalan dakwah. Jalan dakwah yang kita lalui adalah sama dengan jalan dakwah yang telah dilalui oleh Rasulullah saw dan dialami oleh para sahabat peringkat pertama dakwah Rasulullah saw kerana Islam pada zaman ini telah kembali dagang semula. Jahiliyah pula telah kembali mencengkam dan mengancam masyarakat dari segala penjuru kehidupan. Para da'i ditentang dari kiri dan kanan, mereka diserang dengan serangan yang tidak mengenal ampun, tiada maaf untuk mereka sama ada dari dalam atau dari luar oleh puak jahiliyah, mereka disiksa, dipenjarakan, dikejar di mana-mana, ditindas malah ada yang dibunuh, dihukum gantung oleh boneka-boneka jahiliyah yang menguasai negara Islam. Para da'i, para pendokong tugas dakwah, tidak boleh lari dari intipan, ancaman dan berbagai-bagai tuduhan yang jahat.

Itulah sebabnya mengapa kita perlu mencari bekalan dari sirah Rasulullah saw di dalam pelbagai peringkat dan jurusan dakwah serta perjuangan Rasulullah saw dan para sahabat baginda. Rasulullah saw adalah pemimpin kita, ikutan kita dan juga pemandu kita. Seperti di dalam firman Allah:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"* Al-Ahzab: 21

Begitu juga para sahabat Rasulullah saw, mereka berjalan di atas jalan dakwah yang sama. Mereka bersama-sama Rasulullah saw membangunkan Daulah Islamiyah yang pertama di atas kehancuran kuasa jahiliyah. Mereka adalah contoh-contoh teladan kita di atas jalan dakwah dan perjuangan Islam yang wajib kita ikuti.

Sirah Rasulullah saw dan para sahabat baginda adalah merupakan satu zaman gemilang dan cemerlang penuh dengan segala kebaikan. Satu zaman yang mendapat kurnia dari Allah dan disinari dengan Nur Ilahi yang menerangi seluruh manusia. Di zaman itulah turunnya wahyu Al-Quran.

Sirah Rasulullah saw mengajarkan kita untuk hidup di dalam Islam di segala jurusan hidup. Bagaimanakah Rasulullah saw membentuk para sahabat menurut acuan

Al-Quran? Bagaimanakah Rasulullah saw mengubah jahiliyah dan menggantikannya dengan Islam? Bagaimanakah Rasulullah saw mengatur negara Islam Madinah Al-Munawwarah menurut syariat Allah dan Al-Quran sebagai perlembagaan?

Di atas sebab-sebab di ataslah yang memerlukan kita mengkaji semula dan mempelajari dengan lebih terperinci akan sirah Rasulullah saw. Dari sinilah kita akan menggali segala hikmat dan mutiara yang terpendam untuk dijadikan bekalan di sepanjang jalan dakwah. Marilah kita teliti segala peringkat sirah baginda dan para sahabat dari segi akhlak, jihad, pengorbanan dan bagaimana mereka mampu membebaskan hidup mereka dari cengkaman tradisi jahiliyah dan masuk kepada Islam secara keseluruhan dan akhirnya mereka mendapat kebahagiaan dan kejayaan yang luar biasa di dalam segenap jurusan hidup. Semuanya ini merupakan bekalan yang tidak akan habis, tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas malah tidak kunjung padam.

Qudwah amaliyah (contoh yang praktikal) yang sangat berkesan ini amat mempengaruhi jiwa dan ia adalah lebih baik dari nasihat-nasihat tanpa model dan teladan. Inilah sebaik-baik bekalan.

Sememangnya kita tidak dapat membentangkan dengan secara teliti di dalam buku kecil ini, segala pengajaran, iktibar dan teladan dari sirah nabawiyah. Hanya sebahagian sahaja sebagai contoh adalah mencukupi untuk menjadi pendorong kepada kita mengkaji dan mempelajari semula sirah Rasulullah saw ini, bukan setakat membaca saja.

Perkara yang paling penting dan utama sekali dalam pengambilan bekalan dari sirah Rasulullah saw adalah persediaan jiwa dan bekalan rohani. Faktor-faktor inilah yang bakal menolong kita memikul tugas-tugas dakwah, untuk mengatasi segala rintangan dan kesulitan dan menjauhkan diri dari segala penyelewengan. Kita telah pun maklum bagaimana Allah telah memimpin RasulNya, di mana Rasulullah saw membawa dirinya seorang bersunyi-sunyi di gua hira' selama beberapa bulan dengan penuh tekun, sebelum baginda dilantik oleh Allah menjadi RasulNya. Kita juga telah melihat dari sejarah bagaimana baginda tanpa henti mengerjakan solat di malam hari (solat tahajjud), sejurus setelah baginda dilantik menjadi pembawa risalah. Seperti FirmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلاً ﴿٢﴾ نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلاً ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلاً ثَقِيلاً ﴿٥﴾ إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلاً

*"Wahai orang yang berselimut!." "Bangunlah sembahyang tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat)," "Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu," "Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan tartil." "(Sayugialah sngkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadah yang berat kepada hawa nafsu, kerana) Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya)." "Sebenarnya solat dan ibadah malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya."* Al-Muzzammil: 1-6

Sesungguhnya menghampirkan (taqarrub) diri kepada Allah dan memperbaiki hubungan denganNya adalah sebaik-baik bekalan di sepanjang jalan dakwah.

Dalam kita membaca sirah Rasulullah saw, kita akan dapati baginda telah menghadapi berbagai bencana dan menanggung azab penyiksaan dari puak jahiliyah. Namun baginda menghadapinya dengan penuh kesabaran dan terus menerus tanpa jemu menyampaikan hidayah kepada kaumnya. Demikian juga kita dapat bekalan dari kisah kesabaran Yasir dan Sumaiyyah menanggung azab siksaan dari puak jahiliyah yang kemudiannya membawa mereka menikmati syahid. Kita lihat pula bagaimana kuat dan utuh pegangan iman Bilal ketika menerima siksaan dari mereka. Kesemua ini adalah merupakan bekalan dan kekuatan yang mampu menyalakan iman kepada generasi Islam sepanjang masa dalam menegakkan al-haq.

Lihatlah saudaraku,

Bagaimana kisah ketegasan Rasulullah saw memberi kesan yang mendalam ke dalam jiwa kita, bagaimana baginda menolak mentah-mentah tawaran kekuasaan, kekayaan dan pimpinan yang diajukan oleh para pemimpin Quraisy di kala itu.

Sabda baginda:

"والله يا عم لو وضعوا الشمس في يميني والقمر في يساري على أن أترك هذا الأمر ما تركته حتى يظهره الله أو أهلك دونه"

*"Demi Allah, wahai bapa saudaraku, jika mereka letakkan matahari di tangan kananku, dan bulan di tangan kiriku supaya aku meninggalkan urusan ini, namun aku tidak akan berhenti, sehinggalah Allah memberikan kemenangan untuknya atau aku mati bersamanya."*

Inilah caranya baginda mencabar dan menentang pujukan jahiliyah dan baginda tidak ambil hirau tentang pangkat dan harta dunia.

Rasulullah saw pernah dituduh dengan berbagai tuduhan yang menyedihkan. Baginda dituduh sebagai orang gila, tukang sihir dan penipu. Baginda semakin bertambah sabar dengan cemuhan-cemuhan itu. Baginda tidak pernah marah tetapi kenyataan menunjukkan bahawa cerita dan cacian itu adalah palsu belaka. Nabi Musa juga dahulu dituduh sebagai pembawa malapetaka dan kerosakan dan Firaun sahajalah yang membawa petunjuk dan hidayat kepada manusia.

Tidak hairanlah di zaman ini, para da'i juga mendapat dugaan dan mehnah. Mereka dituduh dengan berbagai tuduhan, dituduh mengganggu keamanan, berjuang bertopengkan agama dan berbagai-bagai lagi tuduhan lain. Jelas sekali tuduhan-tuduhan itu adalah palsu belaka. Walaupun begitu para da'i hendaklah bersabar dan janganlah mereka merasa lemah semangat, hina dan putus asa. Usahlah berduka cita, takut dan menyerah bulat-bulat kepada taring-taring dan ancaman-ancaman jahiliyah.

Kenangilah kembali wahai saudaraku,

Bagaimana sabar dan tabahnya para sahabat menahan kelaparan, pemulauan selama 3 tahun hingga mereka sanggup memakan daun-daun kayu. Namun begitu tidak terlintas di fikiran mereka untuk berganjak dari aqidah mereka. Mereka lebih mengutamakan risalah mereka dari buaian kelekaan duniawi.

Setiap para du'at akan mendapat banyak bekalan yang amat berguna dari peristiwa lawatan Rasulullah saw ke Taif. Baginda berjalan kaki dari jauh untuk membawa risalah kepada kaum Taif namun baginda disambut dengan penuh kehinaan sekali. Baginda diazab dan disiksa di sana. Pun begitu baginda sempat juga berdoa:

"رب اهد قومي فإنهم لا يعلمون"

*"Ya Tuhanku! Berilah hidayah kepada kaumku sesungguhnya mereka tidak mengerti."*

Baginda mengadu nasibnya hanyalah kepada Allah. Mengadukan kelemahan dan kekurangan tenaga. Ini semua menunjukkan kepada kita bahawa hanya Allah sahajalah tempat kita mengadu dan memohon perlindungan dari Allah serta penyerahan yang bulat kepada Allah. Tiada siapa yang berdaya selain dari Allah dan tiada siapa yang perlu ditakuti selain Allah. Pengaduan baginda ini mendorong kita untuk terus mendokong tugas dakwah tanpa rasa kecewa dan putus asa.

Kisah Siti Khadijah, isteri pertama Rasulullah saw adalah merupakan bekalan. Beliau merupakan sebaik-baik teladan bagai setiap wanita Islam. Beliau adalah orang yang pertama memeluk Islam, orang yang pertama menyokong perjuangan Rasulullah saw. Dialah orang yang menjadi penghibur hati Rasulullah saw dan memberi ketenteraman jiwa baginda. Dia tidak pemah membiarkan Rasulullah saw berseorangan

dalam segala perjuangan dan sengketa. Dia sanggup sehidup semati malah mengorbankan segala hartanya demi dakwah Rasulullah saw.

Peristiwa Isra' dan mi'raj juga tidak kurang dalam memberikan bekalan kepada kita. Alangkah perlunya bagi umat Islam memikirkan kembali persoalan mengambil kembali Masjid Al-Aqsa dan kawasan yang sekitar dengannya dari tangan terkutuk Zionis Yahudi. Dengan ini nanti akan dapatlah kita bangun serentak membebaskan rantau itu dari cengkaman Zionis Yahudi dan kuncu-kuncu jahiliyahnya.

Peristiwa hijrah yang bersejarah pula banyak memberikan teladan serta pengajaran dan bekalan yang tidak ternilai dan tidak terkira banyaknya. Ini adalah kerana setiap individu yang terlibat dalam peristiwa besar itu menjadi contoh dan teladan yang baik untuk diikuti para du'at di jalan Allah. Ketenangan Rasulullah saw, kepercayaan baginda yang bulat kepada Allah, kerelaan Abu Bakar memberi perlindungan terhadap Rasulullah saw dari segala bentuk bahaya, kegigihan Ali yang sanggup menggadai nyawa, keberanian Abdullah bin Abu Bakar dan kakaknya Asma' dalam mengatur strategi keselamatan Rasulullah saw di tengah-tengah bahaya yang memuncak ketika itu adalah antara contoh yang baik.

Dalam bahaya yang sedang bergejolak itu, Rasulullah saw sempat pula, malah berani menjanjikan kepada Suraqah bahawa pada satu ketika nanti apabila umat Islam menawan negara Parsi, ia berjaya mengambil gelang Kisra (raja parsi).

Lihat pulalah bagaimana kecintaan dan kerinduan penduduk Madinah menanti-nanti kedatangan tiba Rasulullah saw. Semuanya ini memberi pengajaran kepada para du'at yang menjalankan usaha-usaha dakwah kepada manusia. Semuanya merupakan bekalan untuk kegunaan kita di sepanjang jalan.

Di kota Madinah pula, kita lihat bagaimana sikap Rasulullah saw terhadap Yahudi dan sikap Yahudi terhadap baginda. Pada permulaan dakwah baginda di Madinah, baginda mengadakan perjanjian perdamaian dengan mereka dan memberi kebebasan terhadap harta dan agama mereka tanpa diganggu gugat. Memang menjadi sifat Yahudi, mereka khianat dengan perjanjian itu dan mengadakan pakatan sulit (konspirasi) untuk memerangi baginda dan membunuh baginda. Akhimya Rasulullah saw terpaksa mengangkat senjata memerangi kaum Yahudi dari Bani Nadhir, kemudian dalam saat-saat genting peperangan Ahzab, mereka sekali lagi mengkhianati perjanjian, lantas baginda memerangi pula Bani Quraizah. Selepas peristiwa ini mereka mengadakan pakatan secara besar-besaran, mengumpulkan senjata dari segala penjuru dan mengatur strategi yang rapi untuk menghancurkan negara Islam Madinah beserta umatnya sekali. Inilah yang mencetuskan peperangan Khaibar dan diakhiri dengan kekalahan teruk pihak musuh. Tembok-tembok yang mereka bina juga dapat ditawan oleh Rasulullah saw. Ini adalah satu pengajaran yang sangat jelas kepada kita bahawa orang Yahudi memang tidak boleh dipercayai sejak dahulu sehingga sekarang.

Janganlah kita mudah tertipu dengan janji-janji manis mereka. Jadikanlah ia satu bekalan di sepanjang jalan.

Marilah kita singkap kembali peristiwa perang Tabuk, bagaimana iman yang mendalam itu mampu membakar semangat jihad di dalam setiap jiwa para mukmin. Memberi dorongan yang kuat untuk mereka mengorbankan harta mereka di jalan Allah? Betapa sabar dan tabahnya mereka membawa bekalan yang pahit, susah dan getir di dalam perjalanan demi mencari keredhaan Allah.

Lihat pulalah bagaimana sebahagian sahabat sangat rindukan medan perjuangan, berjihad bersama-sama di sisi Rasulullah saw tetapi Rasulullah saw terpaksa menolak kehadiran mereka kerana kekurangan kelengkapan perang. Lantaran itu mereka menangis kerana tidak dapat memperolehi kemuliaan perjuangan dan tidak dapat mencapai darjah kemuliaan mati syahid, padahal biasanya manusia suka bersenang-senang di rumahnya dan menjauhkan diri dari medan perang. Itulah natijah iman yang benar yang menjadikan kematian di dalam jihad sebagai syahid dan segala azab yang ditanggung pada jalan dakwah sebagai satu kemuliaan dan segala bencana diterima dengan rela lantaran mengadakan Islah (pembaikan) sebagai satu kehidupan yang kekal abadi.

Alangkah perlunya para du'at ini, meneliti kembali sirah Rasulullah saw mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar dengan tali persaudaraan Islam. Ini membuktikan cinta dan kasih sayang yang tiada tandingan. Bagaimana kaum Ansar lebih mengutamakan kepentingan saudaranya di atas kepentingan mereka sebagaimana kisah ini diabadikan di dalam Al-Quran. Dari Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَـٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

*"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."* Al-Hasyr: 9

Di dalam peperangan-peperangan yang diharungi oleh Rasulullah saw dan para sahabatnya kita melihat berbagai bentuk keberanian di dalam jihad dan pengorbanan dan kerinduan untuk syahid di dalam setiap pertempuran fi sabilillah.

Kita melihat di dalam peperangan Badar, bagaimana Allah menolong orang-orang yang beriman dengan bilangan yang sedikit, kurang persiapan mengalahkan golongan yang banyak dari golongan yang kafir dan zalim itu.

Kita melihat semasa penaklukan kota Mekah bagaimana Rasulullah saw merendah diri tatkala memperolehi kemenangan, baginda tidak terpedaya, tidak sombong dan tidak membanggakan diri, semuanya adalah kisah-kisah yang menjadi bekalan kepada kita.

Di dalam peperangan Uhud dan Hunain, kita peroleh berbagai pengajaran dan iktibar. Betapa perlunya kita taat kepada pemimpin Islam selagi tidak bertentangan dengan perintah Allah, terutama di saat-saat yang kritikal. Di dalam peperangan Tabuk, kita dapat mengambil beberapa pelajaran, bagaimana orang-orang beriman rela menyahut panggilan jihad di waktu yang sangat getir, di bawah panas terik matahari melintasi padang pasir yang sangat jauh tanpa mempedulikan kempen-kempen jahat kaum munafiqin dan pujuk rayu mereka untuk menghalang kaum Muslimin menyertai peperangan Tabuk. Mereka (kaum Munafiqin) berkata: "Janganlah kamu keluar berperang di waktu yang sangat panas ini."

Di dalam sirah Rasulullah saw, kita lihat juga betapa cintanya kaum Muslimin dan kesungguhan mereka mengikuti baginda di dalam segala perkara sama ada kecil ataupun besar. Kita melihat juga mereka menerima baik segala arahan Rasulullah saw tanpa dalih seperti mana sikap mereka tatkala turunnya larangan minum arak dan turunnya perintah menutup aurat kaum wanita dan lain-lain lagi.

Bagi kaum wanita Islam pula mendapat teladan dan bekalan dari sirah Rasulullah saw contohnya sikap Nusaibah Ummu Ammarah Al-Ansariah. Di dalam peperangan Uhud beliau sangatlah gigih mempertahankan Rasulullah saw, tatkala Rasulullah saw dikepung oleh kaum Musyrikin yang nyaris-nyaris membunuh Rasulullah saw. Di samping baginda ketika itu juga ada sebilangan sahabat seperti Abu Dujanah yang menerima sasaran anak-anak panah musuh.

Lantas Nusaibah dengan beraninya menyerang di tengah-tengah musuh yang banyak itu untuk melindungi Rasulullah saw. Rasulullah saw memuji kehandalan Nusaibah dan bersabda, yang bermaksud: "Apabila aku menoleh ke kanan dan ke kiriku di peperangan Uhud, kulihat dia (Nusaibah) berperang membelaku. Akibat dari peristiwa itu, Nusaibah mendapat luka parah sebanyak 12 liang luka-luka.

Para pemuda Islam perlulah mengambil bekalan dan teladan di peristiwa perlantikan Usamah bin Zaid sebagai panglima perang. Bagaimana Islam membuka peluang kepada para pemuda untuk menunjukkan kemampuan mereka dalam memimpin, jika mampu berbuat demikian? Kita lihat juga bagaimana kepatuhan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali terhadap pimpinan Usamah. Ini adalah berkat dan hasil kemenangan roh Islam di dalam diri dan jiwa mereka, dan hasil dari ketinggian akhlak mereka. Semua ini adalah hasil dari tarbiyah Rasulullah saw dan bimbingan baginda serta hidayah dari Allah.

Oleh itu saudaraku, dalam pengkajian sirah Rasulullah saw ini, melalui pembacaan kembali sirah baginda, marilah kita menelitinya seolah-olah kita berada di kalangan mereka, di zaman mereka dan berjuang bersama-sama mereka. Kelak kita akan mendapat faedah yang amat besar.

Jadi, tatkala kita menghadapi peristiwa dan tentangan seperti zaman Rasulullah saw di dalam dakwah Islam dan perjuangan Islam, kita perlulah bersikap seperti sikap Rasulullah saw dan para sahabatnya kerana mereka adalah ikutan dan model kita.

## BAB 7 DAN DI DALAM IBADAH SOLAT, ADA BEKALAN

وفي العبادات زاد (الصلاة)

Ibadah membolehkan seseorang muslim itu bertaqwa kepada Allah dan taqwa kepada Allah itulah bekalan yang sebaik-baiknya.

FirmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعۡبُدُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِي خَلَقَكُمۡ وَٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

*"Wahai sekalian manusia! Beribadahlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa."* Al-Baqarah: 21

Juga firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسۡتَعِينُواْ بِٱلصَّبۡرِ وَٱلصَّلَوٰةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

*"Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar."* Al-Baqarah: 153

Juga firmanNya:

وَٱسۡتَعِينُواْ بِٱلصَّبۡرِ وَٱلصَّلَوٰةِۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلۡخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾

*"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk;"* Al-Baqarah: 45

Lagi firmanNya:

ٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِۗ وَلَذِكۡرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ ﴿٤٥﴾

*"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."* Al-Baqarah: 45

Lagi firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-Baqarah: 183

FirmanNya lagi:

خُذۡ مِنۡ أَمۡوَٰلِهِمۡ صَدَقَةٗ تُطَهِّرُهُمۡ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيۡهِمۡۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٞ لَّهُمۡۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

*"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."* At-Taubah: 103

Lagi firmanNya:

ٱلۡحَجُّ أَشۡهُرٞ مَّعۡلُومَٰتٞۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلۡحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي ٱلۡحَجِّۗ وَمَا تَفۡعَلُواْ مِنۡ خَيۡرٖ يَعۡلَمۡهُ ٱللَّهُۗ وَتَزَوَّدُواْ فَإِنَّ خَيۡرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقۡوَىٰۖ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُوْلِي ٱلۡأَلۡبَٰبِ ﴿١٩٧﴾

*"(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadah haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (taqwa); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)."* Al-Baqarah: 197

Demikianlah kita dapati bahawa ibadah-ibadah itu merupakan sumber-sumber asasi, kekal dan sentiasa baru untuk menjadi bekalan yang menyucikan jiwa, mengangkatnya dari segala tarikan duniawi dan menolong kita mengatasi segala rintangan dan menjauhi segala kelemahan dan penyelewengan.

Tiap-tiap ibadah itu merupakan bekalan-bekalan yang mempunyai keistimewaan, pengaruh, kesan dan faedah tersendiri yang sebahagiannya menyempurnakan sebahagian yang lain.

Ibadah-ibadah itu meliputi sudut keperibadian dan kehidupan muslim. Kita dapati daripadanya ada yang dilaksanakan berulang-ulang setiap hari seperti solat lima waktu sehari, ada pula yang mesti dilakukan selama sebulan dalam setahun seperti berpuasa di bulan Ramadhan dan ada pula yang disempurnakan menurut keadaan seperti zakat dan haji.

Di sana pula terdapat ibadah-ibadah sunat selain dari ibadah-ibadah yang fardhu untuk menambah bekalan taqwa dan menghampirkan diri kepada Allah. Rasulullah saw menggalakkan kita melakukan demikian adalah kerana kasih baginda kepada kita, supaya kita bertambah hampir kepada Allah, sentiasa hampir dengan keredhaan Allah lantas terus mendapat keredhaan Allah.

### 7.1 Solat

Kita akan cuba berusaha sedaya upaya untuk menerangkan sebahagian dari bentuk-bentuk bekalan di dalam ibadah ini untuk memudahkan sesiapa yang ingin mengambil bekalan darinya. Marilah kita berbincang tentang solat, semoga Allah memberi hidayah dan taufiqNya.

Solat merupakan perhubungan kita dengan Allah, jambatan hubungan kita dengan Allah. Kita hubungi Allah di dalam solat kita untuk memohon hidayah kehidupan dan peningkatan. Melalui solat, kita dapat menghampirkan diri denganNya, bermesra, bermunajat dan berbicara denganNya. Tidak hairanlah kalau kita lihat Rasulullah saw bersolat tahajjud ketika qiyamullail dengan begitu lama sekali berdiri hingga bengkak-bengkak kaki tanpa penat dan lelah. Begitu juga para sahabat, kerana mereka telah merasai nikmat dan keenakan bahagia semasa bermunajat kepada Allah. Sesungguhnya sesiapa yang meningkat jiwa dan perasaannya kepada Allah, akan hilanglah kepenatan diri dan kesusahannya.

Solat itu merupakan sumber yang mampu mengalirkan tenaga yang sentiasa baru dan bekalan baru kepada jiwa. Pembahagiaan waktu solat pada siang dan malam adalah bertujuan supaya kita terus menerus mengambil bekalan dan sentiasa mendapat bekalan baru yang istimewa dari Allah. Allah memudahkan kita melakukannya supaya kita tidak keputusan bekalan pada setiap waktu dan suasana, ketika aman damai, di

dalam perjalanan, pada waktu sihat dan sakit dan di mana-mana saja kita berada. Inilah limpah kurnia Allah kepada kita.

Di dalam solat kita berpeluang mendapat kerehatan, kesenangan dan kebebasan dari segala kesibukan hidup dan segala kesulitan supaya kita berdiri di hadapan Allah dengan khusyuk dan rendah diri, ruku' dan sujud. Kita membaca dan mendengar kalam Allah, kita bertasbih dan mengagungkan Allah. Kita memohon dan meminta ampun kepada Allah.

Solat itu mikraj roh kita kepada Allah, membawa kita hampir kepada Allah, jauh dari desakan duniawi dan fitnah kehidupan. Solat difardhukan di dalam israk dan mikraj.

Sesiapa menghadap Allah di dalam solatnya dengan hati bersih dan niat ikhlas kerana Allah semata-mata, Allah melimpahkan kepadanya nur, hidayah, sakinah (ketenteraman) dan rahmat yang akan menolongnya menghadapi cabaran hidup dengan penuh ketenangan, keteguhan hati dan penuh ketabahan tanpa takut, gusar, risau, resah gelisah, dukacita dan lemah lesu. Solat merupakan perisai dan benteng yang kebal dalam menghadapi fitnah, kejahatan, kemungkaran dan hasutan syaitan lalu dia berada di bawah peliharaan Allah. Dia sentiasa merasa-rasa kehadiran Allah bersamanya di mana pun dia berada, ketenteraman di sisi Allah bertawakal kepadaNya, menyerahkan urusannya kepada Allah, percaya sungguh-sungguh kepadaNya dengan penuh ketaatan kepadaNya. Disertai dengan penyerahan yang total dan iltizam yang cukup kepada tiap-tiap perintah dan larangan tanpa bimbang dan ragu.

Demikianlah hidup pengabdian yang sebenarnya kepada Allah. Itulah kebahagian yang hakiki dan keredhaan yang sempurna bagi orang yang takut pada Allah kerana Allah redha kepadanya dan dia redha kepada Allah.

Dengan mendirikan solat, seseorang itu dapat merasakan bahawa, dia baru saja berdiri di hadapan Allah dan tidak lama lagi akan berdiri lagi di hadapan Allah dan demikianlah seterusnya siang dan malam sekurang-kurangnya lima kali sehari semalam. Oleh itu adalah tidak wajar untuk kita melupai Allah di antara dua waktu solat. Demikianlah keadaan dan suasana orang yang sentiasa memelihara waktu solat. Dia sentiasa bernaung di bawah naungan Allah, di bawah rahmat Allah hampir tidak pernah jauh dari Allah. Lantaran itu syaitan tidak mempunyai ruang untuk mengganggu dan tidak sempat memesongkannya dari Sirat Al-Mustaqim.

Firman Allah:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا ٱطْمَأْنَنتُمْ فَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۚ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتْ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ كِتَـٰبًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

*"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah solat itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."* An-Nisaa: 103

Apabila Rasulullah saw yang tercinta itu menghadapi sesuatu masalah, baginda terus melakukan solat, melaluinya baginda menemui kerehatan, kedamaian, ketenteraman dan penyelesaian. Jadi solat itu bagi orang yang beriman seperti tempat berteduh yang rendang di tengah padang pasir kehidupan yang membakar.

Merendahkan diri kepada Allah dan ruku' di hadapannya di dalam solat melimpahkan kepada kita segala pengertian kemuliaan kerana orang yang melakukan solat tidak ruku' dan tidak tunduk kecuali di hadapan Allah sahaja. Hanya kepada Allah dia tunduk penuh khusyuk dan pasrah serta tidak akan tunduk kepada manusia, tidak tunduk kepada sebarang makhluk dan tidak takut kepada sesiapa pun. Dia hanyalah takut kepada Allah sahaja. Firman Allah:

ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَـٰلَـٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

*"(Nabi-Nabi yang telah lalu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka)."* Al-Ahzab: 39

Setiap kali kita mengagungkan Allah dan mengabdikan diri kepadaNya dengan bersungguh-sungguh, kita akan bertambah taat kepadaNya, berlindung kepadaNya, tenteram di sisiNya dan jauh dari segala maksiat dan larangan Allah. Di situlah kita mendapat bekalan.

Sujud kepada Allah di dalam solat adalah setinggi-tinggi darjat kerana di situlah letaknya perhambaan yang hakiki, di situlah kita merendahkan diri semata-mata kerana Allah, di situlah hamba menghampirkan diri kepada Tuhannya dan di situlah hamba bermesra dengan Tuhannya. Rasulullah saw menghayati hakikat sujud kepada Allah dan merasai kelazatan, keenakan dan kebahagiaan menghampirkan diri kepada Allah dalam sujudnya. Itulah sebabnya baginda memanjangkan waktu sujud di dalam

solat tahajjud sehingga saidatina Aisyah menyangka baginda telah wafat. Lantaran itu jugalah Rasulullah saw mendorong kita supaya selalu melakukan Qiyamullail. Ketika sujudlah seorang hamba itu sangat dekat kepada Tuhannya. Seperti sabda Rasulullah saw yang bermaksud: "Seorang hamba itu akan lebih hampir kepada Tuhannya ketika dia sujud."

Inilah maqam yang paling tinggi dan mulia kerana kehampirannya kepada Tuhannya tatkala sujud di dalam solat. Inilah bekalan baru.

Duduk tasyahud mempunyai segala pengertian yang tinggi dan perasaan yang memuncak. Kita menghampirkan diri kepada Allah dengan ucapan:

"السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركا ته"

"Salam sejahtera ke atasmu dan sekalian Nabi dengan rahmat Allah dan barakahNya."

Ucapan ini kita ucapkan semata-mata kepada Rasulullah saw kemudian kita ucapkan salam sejahtera kepada diri kita dan seluruh para solihin. Akhirnya kita mengucapkan dua kalimah syahadah dan berselawat serta salam sejahtera kepada Nabi kita yang tercinta. Alangkah agungnya makam dan kudusnya suasana di kala itu. Kita bersimpuh penuh pasrah di hadapan Allah dan RasulNya dan dikelilingi pula oleh para solihin dari umat Muhammad saw. Allah memandang kepada kita dan seolah-olah berkata-kata dengan kita dari ArasyNya dengan redha dan mengabulkan permohonan kita. Inilah kebahagiaan yang sejati. Setelah kita selesai menikmati kelazatan solat kita keluar pula darinya untuk menghadapi hidup ini dengan jiwa yang redha penuh ketenteraman. Di samping itu kita memperolehi faedah kesihatan dan kesegaran badan dari gerakan-gerakan anggota kita dalam solat.

Segala gerak-geri dalam solat adalah menurut ajaran Rasulullah saw sebagaimana kita diajarkan supaya ruku' sekali dan dua kali sujud bukan dua kali ruku' dan sekali sujud. Komitmen ini menunjukkan pengabdian diri yang mutlak untuk Allah dan kerana Allah, dan penyerahan yang total kepada segala perintahNya walaupun kita belum tahu hikmah sebenamya. Sebenarnya Iblis tidak diusir dari rahmat Allah hanya kerana maksiatnya terhadap perintah Allah supaya dia sujud kepada Adam tetapi juga kerana menentang kehendak dan hikmah Allah kepada sujud itu.

Sesungguhnya kebersihan badan, pakaian dan wudhu sebelum solat, mendidik muslim itu kepada kebersihan, kejernihan dan perasaan yang sejahtera. Jijik kepada segala kekotoran yang nyata dan tersembunyi sama ada lahir atau batin. Kebersihan lahir yang disertai dengan kesucian batin dan kemurniaan hati dari segala yang mungkar adalah sangat penting bagi setiap pendakwah. Ini adalah disebabkan kerana hati itu pusat pandangan Allah di dalam solat, lantaran itu tidak ada hasad dengki,

tiada benci membenci dan permusuhan di antara seorang muslim kepada seorang muslim yang lain. Ini adalah bekalan yang sangat perlu kepada setiap muslim umumnya dan kepada para du'at khususnya.

Syarat sah solat adalah dengan masuk waktunya dan menyempurnakannya sebelum luput waktu adalah merupakan satu latihan bagi setiap muslim. Mereka menjaga dengan teliti segala janji dan menyempurnakannya menurut waktunya. Waktu-waktu solat itu menyedarkan mereka dan membangunkan mereka dari kelalaian lantaran itu mereka tidak rela membiarkan solatnya, ingatan kepada Allah, amalnya, jihad perjuangannya pada jalan Allah diganggu-gugat atau diketepikan oleh kepentingan duniawi. Inilah sifat-sifat yang perlu ada pada setiap orang yang melalui jalan dakwah di mana mereka terikat dengan segala amal soleh, janji dan berbagai perjumpaan untuk urusan Islam dan jihad fi sabilillah.

Arah qiblat yang satu ketika solat mengajar muslim untuk mengetahui segala arah dan geografi. Di samping itu dia juga merasai bahawa semua saudaranya dari seluruh pelusuk dunia menghadap satu qiblat. Ini menambahkan lagi rasa kasih kepada saudaranya itu. Ini merupakan satu tarbiyyah yang penting yang mesti direalisasikan di kalangan muslimin supaya mereka bersatu-padu menghadapi musuh-musuh Islam. Menghadap qiblat ketika solat mestilah disertakan dengan hati yang bulat menghadap Allah dengan penuh keikhlasan dan membersihkan diri dari segala riya dan syirik.

Menyahut seruan solat tatkala mendengar azan dan meninggalkan segala urusan dunia adalah merupakan satu perjuangan. Perjuangan menentang nafsu demi menguatkan kemahuan dan cita-cita. Ini semuanya merupakan bekalan dan tarbiyyah yang mempunyai kesan yang praktikal di dalam kehidupan para du'at.

Mengatur saf (barisan) dalam solat, meluruskannya, mematuhi imam tanpa mendahuluinya dan menegur imam tatkala lupa atau silap adalah merupakan satu komitmen yang diperlukan dalam penyempurnaan solat. Semuanya ini membawa kesan tarbiyyah dalam jiwa. Tarbiyyah ketenteraan dan disiplin, taat setia kepada pemimpin dan nasihat serta peringatan kepada pemimpin. Ini adalah penting dalam kehidupan para du'at dan para mujahidin fi sabilillah.

Di dalam solat juga kita dapat melihat konsep sama rata di hadapan Allah. Tidak ada bezanya di antara yang kaya dan yang miskin, yang jahil dan yang alim, antara pemimpin dan rakyat jelata. Tidak ada sombong dan tinggi dan semuanya sama di hadapan Allah. Kadangkala kita melihat si kaya meletakan dahinya tatkala sujud hampir kepada telapak kaki si miskin yang berada di barisan depan tanpa rasa susah dan rasa jijik. Ini semua merupakan tarbiyyah yang penting dan bekalan yang sangat perlu untuk menyatupadukan kaum muslimin dan menguatkan perhubungan ukhuwwah sesama mereka.

Perhimpunan umat Islam dalam solat lima waktu, solat Jumaat dan solat dua hari raya memberi kesempatan kepada muslimin satu tempat atau satu bandar untuk berkenal-kenalan, bersatu padu dan tolong menolong. Dari situlah akan berputik kasih sayang dan berjinak-jinak sesama mereka. Mereka memberi pertolongan kepada yang memerlukan menziarahi orang yang sakit dan bekerjasama ketika waktu gembira dan dukacita.

Solat mereka di masjid itulah yang akan mengikat mereka kepada masjid. Ia menghidupkan kembali risalah masjid dan peranannya yang sangat penting dan istimewa serta sebagai pusat segala kegiatan harakah Islam, dakwah Islam dan jihad fi sabilillah seperti di zaman Rasulullah saw dan Khulafa Ar-Rasyidin. Sesungguhnya masjid Rasulullah saw di Madinah adalah tempat Rasulullah saw membentuk tentera mujahidin, mengatur taktik dan strategi peperangan dan mengkaji segala rancangan untuk kepentingan ummah ketika itu. Alangkah perlunya muslimin hari ini menghidupkan kembali peranan masjid dan risalahnya seperti yang telah dibuat oleh Rasulullah saw.

Wahai umat Islam kembalilah kepada masjid supaya kamu berjaya. Demikianlah kita dapati solat itu merupakan bekalan sepanjang jalan.

Di sini, saya tidak berani mengaku telah menerangkan segala kebaikan dan bekalan di dalam solat, hanya inilah yang terdaya. Marilah kita memohon kepada Allah supaya memberikan kepada kita keikhlasan hati dan menerima baik usaha kita.

## BAB 8 DI DALAM IBADAH PUASA, ADA BEKALAN

وفي العبادات زاد (الصوم)

Kita telah pun tahu bahawa ibadah solat, puasa, zakat dan haji dipandang sebagai sumber-sumber yang penting dan sentiasa baru dan segar sebagai perbekalan sepanjang jalan. Kita telah pun berusaha menjelaskan urusan solat.

Marilah kita berusaha pula menerangkan urusan puasa dengan pertolongan Allah.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ١٨٣

*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-Baqarah: 183

Jadi puasa itu menjadi pakaian taqwa kepada orang yang berpuasa. Puasa juga adalah merupakan perisai yang mampu melindunginya dari segala kejahatan dan fitnah. Malah puasa adalah merupakan ibadah yang istimewa dari ibadah yang lain. Dari Abu Hurairah telah bersabda Rasulullah saw:

*"Allah telah berfirman: Tiap-tiap amal anak Adam itu adalah untuknya, kecuali puasa. Puasa itu adalah bagiKu dan Akulah yang akan memberi balasan dengannya. Puasa itu adalah perisai maka apabila seseorang dari kamu berpuasa janganlah dia menyentuh isterinya, janganlah dia mencaci maki, janganlah dia berkata tidak menentu, dan janganlah kamu membuat hiruk pikuk. Maka sekiranya dia dimaki oleh seseorang ataupun diserangi dengan kata-kata kesat, maka hendaklah dia berkata "Aku ini berpuasa". Demi Allah yang diri Muhammad di dalam genggamanNya, sesungguhnya bau busuk mulut orang yang berpuasa di sisi Allah lebih harum dari bau kasturi. Bagi orang yang berpuasa dua kegembiraan yang akan dicapainya, yang pertama di waktu berbuka puasa dan yang kedua ialah waktu dia bertemu dengan Tuhannya."*

Kewajipan berpuasa telah dihubungkan dengan bulan Ramadhan. Jika disebut saja bulan Ramadhan, seolah-olah kita diperingatkan dengan sebuah kebun bunga yang semerbak baunya yang dilalui oleh muslimin tatkala dia mengharungi padang pasir kehidupan yang panas dan penuh keletihan. Sekiranya puasa itu merupakan kebaikan dan bekalan, maka adanya berpuasa di bulan Ramadhan lebih menjadikan puasa itu dapat melipatgandakan bekalan dan menambahkan keindahan dan kebaikan ibadah puasa. Allah sebenarnya memberi keistimewaan kepada bulan Ramadhan dengan hikmah yang banyak. Kalaulah sekiranya kita mengetahui hikmah tersebut nescaya kita akan

bercita-cita supaya sepanjang tahun menjadi bulan Ramadhan. Al-Quran diturunkan di bulan Ramadhan.

Seperti firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ
ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ
بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

*"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur."* Al-Baqarah: 185

Di dalam bulan Ramadhan terdapat pula lailatul qadar. Tahukah saudara apakah itu lailatul qadar? Malam yang mulia itu lebih baik dari seribu bulan. Di dalam bulan puasalah dibuka pintu-pintu syurga, dirantai segala syaitan, dilipatgandakan pahala, lantas muslimin digalakkan untuk beriktikaf dan bangun bersolat Tarawih. Demikianlah gambaran-gambaran kehidupan muslim ketika menyambut ketibaan puasa.

Betapa gembira dan senang hatinya menerima limpahan rahmat dari Allah di sepanjang bulan tersebut. Orang-orang yang beriman menyenangkan dirinya dari kesusahan hidup dan dari situ memperoleh bekalan dan memperbaharui kecergasan untuk meneruskan perjalanan di sepanjang jalan. Hanyalah orang-orang yang menghayati bulan Ramadhan dan berpuasa menurut ajaran Rasulullah saw yang akan mendapati kebaikan yang demikian rupa.

Di dalam bulan Ramadhan juga kita digalakkan malah disuruh memperbanyakkan membaca Al-Quran serta menghafaznya dan membacanya pada waktu solat malam. Dengan itu kelak kita akan mendapat curahan nur, hikmah, hidayah, pengajaran dan penawar segala penyakit jiwa dan hati yang tidak mungkin kering. Ini adalah merupakan bekalan yang paling istimewa.

Di dalam bulan Ramadhan, orang yang berpuasa akan menunaikan salat Tarawih setiap malam di sepanjang bulan mulia itu. Itu juga satu lagi bekalan yang istimewa. Dengan ini dia membiasakan dirinya beribadah dan bersabar, meneruskan hubungannya dengan Allah, merasakan dekat kepada Allah dan tunduk khusyuk kepadaNya.

Di dalam bulan Ramadhan disunatkan beriktikaf. Iktikaf ini memberikan kesan yang mendalam dan pengaruh yang memuncak kepada diri orang yang beriktikaf kerana ketika itu dia menjadi tetamu Allah dan langsung membebaskan dirinya dari segala kesibukan duniawi. Di sinilah dia menumpukan sepenuh perhatian untuk taat kepada Allah dan bertaqarrub kepadaNya. Ketika inilah dia tidak berhenti berfikir kerana mengingati Allah dengan hati dan mulutnya, mengucapkan selawat dan salam kepada Rasulullah saw, berbisik-bisik dengan Allah serta bermunajat kepadaNya, membaca Al-Quran, beristigfar kepadaNya, bertaubat kepada Allah dan menangis kerana takut kepadaNya.

Pada waktu seperti inilah Allah memuliakan tetamu-tetamuNya dengan melimpahkan nur dan hidayah. Apabila mereka keluar dari iktikaf, dari rumah Allah mereka mendapat bekalan taqwa, iman dan hidayah. Di tengah-tengah munajat itu kita dapati Allah berfirman:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟ بِى

لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

*"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul."* Al-Baqarah: 186

Puasa menyuburkan sifat ikhlas kepada Allah semata-mata, menyintai Allah dengan sebaik-baiknya kerana sesungguhnya puasa itu adalah rahsia di antara hamba dan Tuhannya. Ikhlas kerana Allah adalah sebesar-besar bekalan dan mesti ada di dalam tiap-tiap diri muslim di sepanjang jalan dakwah. Segala amalan yang tidak ikhlas kerana Allah semata-mata tidak akan mendapat sebarang balasan baik dari Allah. Oleh itu, sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dari segala sekutu dan kongsi oleh itu Dia tidak akan menerima sesuatu amal pun kecuali yang dibuat secara ikhlas semata-mata keranaNya.

Di dalam ibadah puasa ada mujahadah. Perjuangan memerangi keinginan hawa, syahwat dan keselesaan tubuh badan, oleh itu ini memerlukan suatu keazaman yang kuat di dalam diri muslim. Ini adalah merupakan bekalan yang penting bagi para

pendakwah dan mujahidin fi sabilillah. Orang yang berpuasa menahan dorongan hawa dan syahwatnya dari yang halal setiap hari sepanjang bulan Ramadhan dan demikian itu menolong dia menahan dirinya dari yang haram sepanjang hidup di segala tempat dan suasana.

Puasa itu menghiasi orang-orang yang berpuasa dengan satu kemuliaan. Kemuliaan itu adalah sifat sabar, sifat sabar ini merupakan sifat yang sangat penting kepada para da'i dan para pendokong dakwah yang menyeru manusia kepada Allah. Sifat sabar ini mampu menolong mereka melintasi segala halangan dan meneruskan perjalanan mereka di sepanjang jalan tanpa merasa lesu dan mundur.

Firman Allah:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسْتَكَانُواْ ۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

*"Dan berapa banyak dari Nabi-Nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar."* Ali Imran: 146

Jelas dalam ayat ini bahawa orang Muslim tidak dapat digoda oleh pujuk rayu serta tidak dapat diancam dengan azab dan hentaman serta sebarang ancaman dan tidak boleh diperkotak-katikkan.

Puasa menghias orang yang berpuasa dengan sifat hilm, sifat penyantun dan dapat menahan marah tatkala ia memuncak. Apabila seseorang menghina atau mencacinya, atau cuba menaikkan kemarahannya, dia dapat menahan marahnya dengan sepontan berkata: "Aku ini sedang berpuasa". Alangkah perlunya seorang mujahid dakwah mempunyai sifat mulia seperti ini, sentiasa berlapang dada, mudah memberi maaf serta penyantun pula. Ini merupakan satu pakaian taqwa dan merupakan bekalan yang berguna.

Firman Allah:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّواْ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

*"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya."* Ali Imran: 159

Dengan ini juga kita menjimatkan masa pencapaian dan usaha (tenaga). Segala usaha dan tenaga tidak hilang begitu sahaja di kala kemarahan sedang membuak serta jauh dari pertengkaran. Malah boleh menjadikannya orang yang soleh, mendamaikan hatinya dan lantas menjadi sahabat karibnya.

Seperti Firman Allah:

وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

*"Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib."* Fussilat: 34

Puasa juga menyuburkan sifat pengasih kepada orang yang berpuasa. Pengasih kepada faqir miskin, pemurah terhadap orang yang memerlukan sebarang pertolongan. Jadi apabila mereka ini tersangat lapar dan dahaga, tanpa bertangguh lagi mereka terus menghulurkan bantuan. Kemudian datanglah zakat fitrah untuk memperkuatkan ikatan dan perasaan ini. Ini merupakan satu tarbiyyah jiwa-jiwa muslim supaya mereka berkasih sayang antara satu sama lain dan sentiasa merasa belas terhadap saudaranya yang berada di dalam kesusahan.

Puasa mengosongkan perut dari makan dan minum oleh itu perut menjadi ringan, jiwa meningkat tinggi, hati bertambah jernih dan hilanglah hijab (tabir antara hamba dengan Tuhannya), hasilnya lahirlah kejernihan jiwa terbayang di muka-muka, bersinarlah nur Allah di dalam hati nurani manusia. Lantas bersedialah jiwa untuk dibersihkan dengan zikir, pembacaan Al-Quran, istighfar, taubat dan doa. Itulah kebahagiaan yang hakiki, kelazatan rohani yang qudus dan mengecap kenikmatan

menghampirkan diri kepada Allah. Pengertian yang demikian rupa telah pun diperkuat oleh Rasulullah saw dengan sabdanya:

"إن الشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم فضيقوا مجاريه بالجوع"

*"Sesungguhnya syaitan berjalan di dalam diri anak Adam seperti perjalanan darah, maka sempitkanlah perjalanan itu dengan kelaparan."* Muttafaqun Alaih

Berpuasa ketika panas yang terik lebih menambahkan perasaan sabar terutama di saat-saat kita berada di tengah medan perjuangan menghadapi musuh serta memupuk ketabahan ketika menghadapi berbagai kesulitan dan kesusahan di medan dakwah. Segala tuntutan jasad dan hawa nafsu serta buaian duniawi tidak mampu menghalangnya dari terus berjalan di atas jalan dakwah.

Puasa mengajar orang-orang yang berpuasa untuk merasai kegembiraan iaitu orang mukmin yang berjaya mendapat taufiq dan pertolongan Allah untuk menunaikan ibadah puasa dengan penuh keikhlasan. Seperti yang telah disabdakan oleh Rasulullah saw yang bermaksud: "Orang yang berpuasa itu mendapat dua kegembiraan, sekali di waktu berbuka puasa, dan kali keduanya di kala bertemu dengan Tuhannya". Seperti firman Allah:

قُلْ بِفَضْلِ ٱللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلْيَفْرَحُوا۟ هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)."* Yunus: 58

Puasa itu memperkuatkan ikatan jamaah di dalam jiwa setiap umat Islam. Ketika itu semua kaum muslimin di seluruh dunia berpuasa serentak di bulan Ramadhan dan mereka memperolehi kebaikan di bulan tersebut seperti saudara-saudara mereka yang lain yang berpuasa bersama-sama. Tanpa membezakan bangsa dan warna kulit mereka berpuasa serentak dan bersama-sama. Ini mengukuhkan lagi tali persaudaraan dan ikatan kesatuan mereka. Ini adalah bekalan yang penting dalam arena dakwah, harakah Islamiyah dan jihad fi sabilillah.

Oleh kerana berbagai kebaikan yang terkandung di dalam ibadah puasa ini, Rasulullah saw menggalakkan supaya kita berpuasa sunat pada hari-hari yang lain dari bulan Ramadhan. Baginda sangat bergembira kalau umatnya mendapat barakah dan rahmat dari ibadat ini.

Pun begitu Allah sangatlah mengasihani hamba-hambaNya kerana di dalam ibadah puasa terdapat keringanan-keringanan bagi orang-orang yang sakit dan orang yang bermusafir. Seperti juga keringanan yang diberikan ketika solat, orang yang sakit dan merantau dan di dalam peperangan boleh mengqadhakan puasanya atau membayar fidyah tanpa menghilangkan rahmat bulan Ramadhan daripada mereka.

Puasa juga membuat kita sedar tentang hubungan kita dengan alam cakerawala. Di malam awal Ramadhan kita dikehendaki untuk melihat anak bulan dalam penentuan tarikh bermulanya berpuasa, begitu juga dalam penentuan awal syawal untuk menentukan bermulanya kita berhari raya. Dengan penelitian di angkasa raya ini, sekaligus kita dapat meneliti kejadian-kejadian lain yang telah diciptakan oleh Allah dan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah dan kebesaranNya di alam buana.

Seperti di dalam solat, puasa juga melatih kita menjaga waktu dan janji. Ini terlihat jelas semasa kita hendak berbuka puasa, kita benar-benar memerhatikan bilakah terbenamnya matahari dan waktu imsak supaya tidak terbatal puasa lantaran kecuaian dan ketidak telitian dalam penjagaan masa. Ini merupakan tarbiyah kepada mujahid dakwah yang terlibat secara langsung di dalam gerakan Islam. Di dalam hal ini mereka mestilah menghayati ketepatan masa (punctuality) dalam setiap usaha dan perjumpaan supaya tidaklah tergendala segala urusan, program dan tidaklah membuang masa saudara-saudara mereka yang lain.

Dari segi kesihatan pula, puasa tidak ketinggalan memberikan sahamnya. Menurut pakar perubatan moden, banyak penyakit-penyakit dapat diubati dengan berlapar. Ringkasnya puasa dapat menyelesaikan masalah-masalah penyakit yang berpunca dari perut. Kita akan hanya mendapat pengajaran dan bekalan dari berpuasa di bulan Ramadhan ini hanyalah apabila kita berpuasa menurut sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah saw tentang puasa dan adab-adabnya. Bukanlah adab kebiasaan orang di zaman ini, di bulan puasalah merupakan masa makan sepuas-puas hati dengan berbagai jenis makanan dan kuih-muih, terutama apabila berbuka puasa. Perbelanjaan yang terlibat bukanlah kecil. Mereka tidak memahami konsep berpuasa, di mana ketika ini kita dilatih untuk berlapar dan merasa dahaga serta mengurangkan makanan. Mereka menjadikan bulan Ramadhan, bulan ibadah dan salat tarawih sebagai bulan berfoya-foya dan perbualan-perbualan yang tidak berfaedah. Kebiasaan seperti ini memang jelas bertentangan dengan hikmat puasa. Kebiasaan seperti ini patutlah diubah dan dibanteras supaya tidak menjadi orang-orang yang rugi kerana apa yang mereka dapat hanyalah lapar dan dahaga saja.

Demikian juga para seniman dan seniwati menjadikan malam-malam bulan Ramadhan sebagai bulan mengaut untung. Mereka menghidupkan malam di bulan Ramadhan dengan mungkar dan maksiat. Perbuatan mereka ini menodai kesucian bulan Ramadhan dan menyelewengkan ramai umat Islam terutama para pemuda dan pemudinya. Perbuatan mereka ini tidak diredhai Allah dan RasulNya. Para mujahid

dakwah tidaklah boleh mendiamkan diri tentang perkara ini, mereka hendaklah maju ke depan untuk mengubah dan membanteras perkara ini dari terus berleluasa, supaya bulan Ramadhan dibersihkan dari dosa dan mungkar.

Akhirnya, saya memohon kepada Allah supaya Dia memberikan kita barakah dan bekalan di bulan Ramadhan. Semoga apa yang saya perkatakan ini dapat memberi faedah sedikit sebanyak, walaupun saya tidak mampu untuk memperkatakan dengan luas tentang perkara ini, saya bincangkan setakat yang terdaya, walaupun sedikit, semoga dapat memberi pengajaran.

## BAB 9 DAN DI DALAM IBADAH ZAKAT, ADA BEKALAN

وفي العبادات زاد (الزكاة)

Az-zakah, sebagaimana yang ternyata pada namanya, adalah pembersihan terhadap jiwa dan dengannya jiwa meningkat tinggi dari tarikan duniawi dan menyucikan jiwa dari segala noda dan dosa. Allah swt menetapkan demikian di dalam firmanNya:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

*"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."* At-Taubah: 103

Membersihkan jiwa dan menyucikannya adalah bekalan yang besar dan kejayaan yang agung. Seperti di dalam firmanNya:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

*"Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)," "Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)."* Ash-Shams: 9-10

Pengeluaran zakat dan mengorbankan harta pada jalan Allah adalah merupakan satu ibadah yang sangat penting dalam usaha mentaqarrubkan diri kepada Allah. Ini merupakan bekalan rohani dan cara tarbiyah yang amat mustahak sekali. Fitrah manusia memang sangat mencintai harta, mahukan semua longgokan harta menjadi miliknya. Sebagaimana sifat ini telah Allah jelaskan dalam firmanNya:

وَتُحِبُّونَ ٱلْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

*"Serta kamu pula sayangkan harta secara tamak haloba!"* Al-Fajr: 20

Menurut tujuan hadis Rasulullah saw: Sekiranya seorang manusia mempunyai lembah emas, nescaya dia akan bercita-cita untuk mempunyai lembah yang lain seperti itu. Tidak ada yang dapat memenuhi mata anak Adam itu kecuali tanah. Fitrah manusia yang paling ketara adalah sifat bakhil, seperti firmanNya:

۞ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

*"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut);" "Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah;" "Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut;"* Al-Ma'arij: 19-21

Juga firmanNya:

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟ وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

*"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."* Al-Hasyr: 9

Kita seringkali melihat manusia yang bermati-matian dan mabuk di dalam mencari harta dunia. Mereka sanggup bunuh membunuh, bersifat ego dan mementingkan diri sendiri, bersengketa antara satu sama lain, berperang dengan berterusan, hasad dengki, benci membenci, melakukan keganasan laksana binatang buas. Ini merupakan fenomena-fenomena di dalam masyarakat yang telah kosong dari pengertian iman dan manusianya telah jauh dari panduan syari'at Allah.

Islam datang mendidik umat dan mengangkat jiwa mereka supaya hubungan mereka dengan harta berada di dalam konteks yang betul. Mereka diajar bahawa harta yang mereka miliki itu adalah milik Allah dan mereka hanyalah wakilNya. Harta itu akan hilang dan musnah bila-bila masa sahaja. Harta itu hanyalah alat yang boleh digunakan untuk menyempurnakan tugas dan menyampaikan risalah yang telah diberikan oleh Allah. Inilah ibadah kepada Allah. Allahlah yang berkuasa mengagihkan rezeki menurut

ilmu dan hikmahNya. Islam mengatur pembahagian harta umatnya agar mereka dapat bertolong-tolongan, tanggung-menanggung di antara satu dengan lain. Cara demikian adalah cara terbaik, tiada tandingannya, mampu membina satu suasana kehidupan yang harmonis, mulia, kudus dan bahagia. Susasana demikian bersih dari hasad dengki, benci membenci dan persengketaan. Di samping itu Islam, menyediakan hukuman-hukuman bagi mereka yang mabuk dengan syahwat harta sehingga sanggup mencerobohi hak-hak orang lain.

Islam juga telah menggariskan jalan-jalan yang lurus dan halal serta mulia untuk mencari harta dan bagaimana membelanjakannya di jalan yang diredhaiNya.

Di dalam pengeluaran zakat dan pengorbanan harta di jalan Allah, terdapat satu tarbiyah dan latihan jiwa supaya kita mampu melawan rasa cinta kepada harta. Zakat itu mendorong kita menolong kaum yang susah, fakir miskin dan golongan yang lemah, menyuburkan perasaan tanggungjawab kepada masyarakat, bekerjasama dengan mereka untuk menguruskan urusan umat, negara dan jihad di jalan Allah dengan jiwa dan harta. Zakat juga mampu membangunkan keperibadian Islam di dalam diri seorang Muslim, satu keperibadian yang sempurna dan berfaedah kepada manusia lainnya. Para mujahid dakwah perlu membekalkan diri mereka dengan bekalan ini.

Orang-orang yang melaksanakan perintah Allah dengan mengeluarkan zakat, bersedekah dan mengorbankan harta pada jalan Allah, mereka ini akan dapat merasakan bahawa harta itu adalah harta Allah yang mesti diuruskan, dikumpulkan dan dibelanjakan menurut ajaranNya. Mereka tidak akan berani mencari harta dan membelanjakannya dengan cara yang salah.

Muslim memandang harta sebagai wasilah atau alat untuk menurut perintahNya dan bukan merupakan tujuan. Itulah sebabnya dia menggunakan harta yang berada di tangannya untuk taat kepada Allah. Harta tidak melalaikannya dan tidak memperdayakannya. Mereka tidak mudah mabuk harta sehingga sibuk menghitung harta tidak kira siang atau pun malam tanpa mempedulikan dari mana datangnya, dengan cara apa dan ke mana harta itu mahu dihabiskan kerana perbuatan seperti ini adalah perbuatan orang yang telah menjadi hamba harta.

Firman Allah:

*"Kamu telah dilalaikan (daripada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh)," "Sehingga kamu masuk kubur."* At-Takathur: 1-2

Juga firmanNya:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾ ٱلَّذِى جَمَعَ مَالاً وَعَدَّدَهُۥ ﴿٢﴾ يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُۥٓ أَخْلَدَهُۥ ﴿٣﴾ كَلَّا ۖ
لَيُنۢبَذَنَّ فِى ٱلْحُطَمَةِ ﴿٤﴾

*"Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji," "Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya;" "Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)!" "Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam Al-Hutamah."* Al-Humazah: 1-4

Zakat telah mengajar muslim bahawa perbezaan di dalam rezeki Allah adalah urusan Allah, takdirNya dan menurut hikmah dan budi bicaraNya kerana Dia mengetahui hamba-hambaNya supaya hidup ini berjalan di antara manusia di dalam suasana tolong menolong dan sebahagiannya berkhidmat kepada bahagian yang lain. Firman Allah:

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۚ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُم مَّعِيشَتَهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ
دَرَجَٰتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُم بَعْضًا سُخْرِيًّا ۗ وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿٣٢﴾

*"(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara kerohanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan."* Az-Zukhruf: 32

Dan firmanNya lagi:

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ ۚ أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِۦ مِنَ ٱلْقُرُونِ مَنْ هُوَ
أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۚ وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

*"Qarun menjawab (dengan sombongnya): Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku. (Kalaulah Qarun bijak pandai) tidakkah ia mengetahui dan pandai memahami, bahawa Allah telah membinasakan sebelumnya, dari umat-umat yang telah lalu, orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan? Dan (ingatlah) orang-orang yang berdosa (apabila mereka diseksa) tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka, (kerana Allah sedia mengetahuinya)."* Al-Qasas: 78

FirmanNya lagi:

۞ وَلَوْ بَسَطَ ٱللَّهُ ٱلرِّزْقَ لِعِبَادِهِۦ لَبَغَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَـٰكِن يُنَزِّلُ بِقَدَرٍ مَّا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ بِعِبَادِهِۦ خَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٢٧﴾

*"Dan kalaulah Allah memewahkan rezeki bagi setiap hambaNya, nescaya mereka akan melampaui batas di bumi (dengan perbuatan-perbuatan liar durjana); akan tetapi Allah menurunkan (rezekiNya itu) menurut kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia mengetahui dengan mendalam akan segala keadaan hambaNya, lagi melihat dengan nyata."* Asy-Syura: 27

Zakat itu mendidik orang yang mengeluarkan zakat supaya dia menaruh sepenuh kepercayaan kepada Allah dan lebih mempercayai apa-apa yang ada pada Allah daripada apa yang ada pada dirinya. Pada lahirnya zakat itu diambil dari harta dan menguranginya tetapi orang-orang yang mengeluarkan zakat mempercayai sebaliknya. Pada hakikatnya zakat menambah harta dan memperbanyakkan barakahnya. Berbeza dengan riba yang pada lahirnya kelihatan menambahkan harta tetapi pada hakikatnya menghapuskan, meruntuhkan dan membinasakan harta serta merosakkan manusia. Benarlah firman Allah yang bermaksud:

وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن رِّبًا لِّيَرْبُوَا۟ فِىٓ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ فَلَا يَرْبُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن زَكَوٰةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

*"Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda."* Ar-Rum: 39

Orang yang memakan riba dan yang terlibat dalam riba diancam dengan satu peperangan dari Allah dan RasulNya sekiranya mereka tidak mahu berhenti membuat kerja yang keji dan terkutuk itu.

Zakat itu mendorong kaum muslimin mengembangkan harta mereka untuk memberi faedah kepada muslimin yang lain. Pengembangan ini merupakan kekuatan Islam dan umatnya dan mendorong mereka mengusahakan bumi mereka supaya mereka mendapat rezeki dari nikmat Allah. Dengan yang demikian orang-orang yang bukan Islam tidak berpeluang membolot dan memonopoli ekonomi umat Islam di negara mereka sendiri.

Orang-orang yang tidak beriman mengagungkan harta dan para hartawan walaupun orang-orang itu sesat dan membuat kerosakan di muka bumi. Tetapi orang yang beriman mempunyai ukuran yang tersendiri. Ukuran rabbani, ukuran bersifat ketuhanan.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha endalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."* Al-Hujurat: 13

Mereka meletakkan harta di tempat yang sesuai sebagai perkara yang boleh hilang dan boleh musnah di dalam jangka masa yang ditentukan Allah bukan sebagai dasar untuk kepentingan diri.

Orang yang tidak beriman sangat bergembira tatkala benda-benda dan harta dunia mengalir kepada mereka padahal yang demikian itu belum tentu membawa kebahagiaan kepada mereka, malah selalunya membawa kehancuran kepada mereka dan menambahkan kesesatan mereka. Mereka sangat resah dan gelisah tatkala harta itu meninggalkan mereka. Kadang-kadang kegelisahan yang tidak menentu lantaran kehabisan harta membawa mereka kepada perbuatan yang sangat kejam dan membunuh diri kerana putus asa.

Adapun orang yang beriman itu tidak mabuk kerana mendapat harta dan tidak susah dan tidak gelisah tatkala kehabisan harta dan tidak merasa putus asa kerana dia yakin Allah Maha Pengasih dan Penyayang. Hatinya tenang dan tenteram di dalam segala suasana. Semuanya itu adalah menurut iradah dan qudrat Allah dan dia redha menerima segala qadar Allah. Dia mendapat kebaikan dari segala suasana yang berubah-ubah; ketika susah dia bersabar dan ketika senang dan lapang dia bersyukur. Dia gembira menerima limpahan kurnia dan rahmat taufiqNya. FirmanNya:

قُلۡ بِفَضۡلِ ٱللَّهِ وَبِرَحۡمَتِهِۦ فَبِذَٰلِكَ فَلۡيَفۡرَحُواْ هُوَ خَيۡرٞ مِّمَّا يَجۡمَعُونَ ﴿٥٨﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpunkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)."* Yunus: 58

Harta itu boleh menjadi alat yang boleh digunakan untuk memperolehi kebaikan dan pahala yang banyak jika diperoleh dengan cara yang halal dan dibelanjakan pada jalan Allah dan ditunaikan hak Allah padanya. Harta juga boleh menjadi alat membuat kejahatan dan perkara yang dikutuk Allah dan membawa manusia kepada azab Allah di dunia dan di akhirat sekiranya harta itu diperoleh dengan cara yang haram dan dibelanjakan kepada jalan taghut, syaitan dan hawa nafsu dan tidak pula ditunaikan hak Allah padanya.

Golongan yang berusaha mencari harta, mengumpulkannya lalu menyimpannya sebenarnya sudah tersalah jalan. Mereka menyalahgunakan harta sebab hakikat memelihara dan mengembangkannya ialah dengan membelanjakannya pada jalan Allah. Firman Allah:

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمۡوَٰلَهُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتۡ سَبۡعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنۢبُلَةٖ مِّاْئَةُ حَبَّةٖۗ وَٱللَّهُ يُضَٰعِفُ لِمَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

*"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya."* Al-Baqarah: 261

Rasulullah saw telah bersabda:

"ليس لك يا ابن آدم من مالك إلا ما أكلت فأفنيت أو لبست فأبليت أو تصدقت فأبقت"

*"Tidaklah bagimu wahai manusia hartamu kecuali apa yang telah engkau makan lalu engkau habiskan, ataupun engkau pakai lalu engkau lucutkan ataupun engkau sedekahkan lalu engkau kekalkan."*

Orang yang berzakat merasai bahawa apa yang mereka berikan kepada fakir miskin dan yang layak menerima zakat bukanlah kemurahan daripadanya tetapi adalah hak yang telah maklum yang Allah bahagikan kepada mereka melalui tangannya. Mungkin kedudukan bertukar ganti lalu orang yang tadinya menerima zakat memberi zakat kepada orang yang telah memberi zakat kepadanya.

Al-Quran melarang kita membatalkan pahala zakat dan sedekah dengan mengungkit, menunjuk-nunjuk dan menyakiti hati orang yang telah ditolongnya. Ini adalah satu pengajaran kepada kita supaya kita dapat mengembangkan sifat ikhlas di dalam diri kita dan menahan diri kita dari menyakiti manusia, malah sebaliknya kita mestilah membawa rahmat kasih sayang kepada mereka. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُبۡطِلُواْ صَدَقَٰتِكُم بِٱلۡمَنِّ وَٱلۡأَذَىٰ كَٱلَّذِي يُنفِقُ مَالَهُۥ رِئَآءَ ٱلنَّاسِ وَلَا يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۖ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ صَفۡوَانٍ عَلَيۡهِ تُرَابٞ فَأَصَابَهُۥ وَابِلٞ فَتَرَكَهُۥ صَلۡدٗاۖ لَّا يَقۡدِرُونَ عَلَىٰ شَيۡءٖ مِّمَّا كَسَبُواْۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٢٦٤

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir."* Al-Baqarah: 264

Orang-orang beriman hanya mengharapkan keredhaan Allah semata-mata.

Allah itu suci, tidak akan menerima melainkan yang suci (baik). Al-Quran mengarahkan supaya kita memberikan harta kita yang baik, yang suci dan yang paling kita cintai dan tidak akan memberikan yang kotor dan buruk. Ini adalah satu sudut pendidikan yang penting untuk memerangi sifat ananiyah (egoisme) di dalam diri kita dan sifat mementingkan diri sendiri, firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَنفِقُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبۡتُمۡ وَمِمَّآ أَخۡرَجۡنَا لَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِۖ وَلَا تَيَمَّمُواْ ٱلۡخَبِيثَ مِنۡهُ تُنفِقُونَ وَلَسۡتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغۡمِضُواْ فِيهِۚ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ٢٦٧

*"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji."* Al-Baqarah: 267

FirmanNya lagi:

لَن تَنَالُواْ ٱلۡبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٞ ٩٢

*"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."* Ali Imran: 92

Alangkah indahnya jika perasaan manusia yang bersedekah itu meningkat naik lebih tinggi lagi lalu merasai bahawa dia lebih berhajat memberi sedekah kepada fakir miskin dan kepada orang yang berhajat daripada berhajatnya fakir miskin kepada sedekah dan bantuan. Dengan memberi sedekah itu menunjukkan mereka lebih berhajatkan ganjaran Allah di hari akhirat daripada berhajatnya fakir miskin itu kepada harta di dunia ini. Memberi sedekah itu berhajat kepada ganjaran Allah untuk melepaskan dia dari api neraka dan membawanya masuk ke syurga Allah. Oleh kerana itu dia mestilah berusaha memberi pertolongan kepada yang layak menerima pertolongan tanpa mengharapkan balasan dan terima kasih daripada orang yang telah menerima pertolongan darinya. Lebih dari itu dialah yang patut bersyukur kepada orang yang telah menerima bantuannya kerana dia telah memberi peluang kepadanya untuk mendapat bekalan yang berfaedah baginya di akhirat.

Banyak orang yang tersilap dan salah faham kerana mereka mengukur nikmat Allah kepada mereka dengan kemasukan wang di saku mereka setiap minggu, setiap bulan dan setiap tahun, lalu melupakan berbagai nikmat Allah yang lain yang jauh lebih besar daripada itu. Di antara nikmat itu ialah pendengaran, penglihatan, akal, pertuturan dan banyak lagi seolah-olah itu semua adalah hak yang mereka dapat dari usaha mereka dan bukannya dari limpah kurnia Allah kepada mereka. Alangkah

perlunya kita memperbaiki dan memperbetulkan kesalahan dan salah faham ini dan menyedari nikmat-nikmat Allah kepada kita. Sekiranya kita disuruh untuk memilih di antara emas dan perak yang berpikul-pikul dengan nikmat mata atau nikmat akal, nescaya kita akan pilih mata atau akal.

Orang yang mengeluarkan zakat perlu menyedari tatkala memberi zakat kepada fakir miskin, bahawasanya dia memberi zakat dan sedekah itu hanyalah kerana Allah sahaja. Di dalam firman Allah:

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَأْخُذُ ٱلصَّدَقَٰتِ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ

*"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat dari hamba-hambaNya, dan juga menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalasnya), dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?"* At-Taubah: 104

Sesungguhnya orang mukmin yang benar-benar merasa malu kepada Allah yang telah memberi nikmat yang tidak terhitung kepadanya tatkala dia dipanggil di pengadilan Allah supaya dia memberi pinjaman kepada Allah seperti di dalam firmanNya:

مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

*"Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan."* Al-Baqarah: 245

Barangsiapa yang dapat menyahut seruan ayat ini maka tidak ada jalan lain baginya kecuali menyahut seruan Allah kerana dia malu kepada Allah kalau dia tidak dapat berbuat demikian. Lalu dia maju dan terus menunaikan apa yang ada padanya pada jalan Allah kerana mencari keredhaan Allah.

Alangkah baik dan perlunya kita mencontohi Rasulullah saw dan para sahabatnya di dalam kemurahan dan infaq (membelanjakan harta dijalan Allah) kerana sesungguhnya Rasulullah saw lebih pemurah bagaikan angin yang bertiup dan lebih pemurah lagi di bulan Ramadhan. Begitu juga di kalangan para sahabat, di mana mereka

telah mengorbankan harta mereka ke jalan Allah dan untuk tentera muslimin. Salah seorang dari sahabat-sahabatnya yang mengorbankan hartanya pada jalan Allah lalu disesali oleh kerabatnya, maka berkatalah sahabat tersebut: "Saya telah membiasakan satu adat makhluk Allah dan Allah membiasakan padaku satu adat iaitu kemurahan. Jadi saya takut merubah kebiasaanku sebagai makhluk Allah lalu Allah merubah kebiasaanNya terhadapku."

Uslub Al-Quran mendorong kita supaya kita bersegera membelanjakan harta pada jalan Allah sebelum luput masa dengan kematian. Ini adalah satu sudut tarbiyyah yang penting, yang menyuburkan sifat bersegera kepada kebaikan. Firman Allah:

أُوْلَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِ وَهُمۡ لَهَا سَٰبِقُونَ ٦١

*"Mereka itulah orang-orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya."* Al-Mukminun: 61

FirmanNya lagi:

وَأَنفِقُواْ مِن مَّا رَزَقۡنَٰكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ أَحَدَكُمُ ٱلۡمَوۡتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوۡلَآ أَخَّرۡتَنِيٓ إِلَىٰٓ أَجَلٖ قَرِيبٖ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١٠ وَلَن يُؤَخِّرَ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِذَا جَآءَ أَجَلُهَاۚ وَٱللَّهُ خَبِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ١١

*"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadaNya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh." "Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya; dan Allah amat mendalam pengetahuannya mengenai segala yang kamu kerjakan."* Al-Munafiqun: 10-11

Sesungguhnya, fardhu zakat yang meliputi beberapa jenis buah-buahan, hasil-hasil binatang ternakan dan lain-lainnya adalah mengandungi pengertian bahawa fakir miskin mempunyai hak di dalamnya dan tidak boleh menghampakan mereka daripadanya lantaran kemiskinan mereka.

Demikianlah kita dapati zakat dan infaq pada jalan Allah itu sebagai pengajaran dan bekalan kepada siapa yang mahu mengambil bekalan.

Saya tidaklah berani untuk mengakui bahawa apa yang telah saya huraikan di atas tadi adalah menyeluruh. Jadi sesiapa yang merasakan ingin mendapat lebih dari itu, boleh mencarinya dari sumber-sumber lain yang lebih menyeluruh. Hanya kepada Allah kita memohon taufiq dan hidayah.

## BAB 10 DI DALAM IBADAH HAJI, ADA BEKALAN

وفي العبادات زاد (الحج)

Firman Allah:

ٱلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَٰتٌ ۚ فَمَن فَرَضَ فِيهِنَّ ٱلْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِى ٱلْحَجِّ ۗ وَمَا تَفْعَلُوا۟ مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ ۚ وَٱتَّقُونِ يَٰٓأُو۟لِى ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩٧﴾

*"(Masa untuk mengerjakan ibadah) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadah haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (taqwa); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)."* Al-Baqarah: 197

Bekalan dari ibadah haji adalah merupakan satu bekalan yang besar dan banyak yang telah dikurniakan Allah kepada orang yang menziarahi Baitullah. Limpah kurnia Allah di musim haji dan tempat-tempat yang suci dan tatkala menunaikan syiar-syiar itu adalah limpah kurnia dari Allah yang penuh dengan nur, hidayah, taqwa, rahmat, keamanan dan sakinah (ketenangan) terutamanya dirasakan oleh para jemaah haji yang sejahtera hatinya dan jernih serta suci lagi ikhlas kerana Allah semata-mata. Segala perasaan yang menguasai jemaah haji sebelum berlayar diselimuti dengan perasaan penuh gembira, bahagia dan kerinduan yang mendalam untuk menunaikan fardhu haji, menziarahi Baitullah, menziarahi kubur Rasulullah saw, sentiasa memuncak di tengah-tengah perjalanan apa lagi tatkala memandang dengan pandangan pertama akan Baitullah, Kaabah yang mulia. Alangkah besar dan hebatnya pandangan itu seolah-olah bagai pancaran rohani yang membanjiri hati jemaah haji lalu memenuhinya dengan taqwa kepada Allah, khusyuk dan takut kepada Allah, mengagungkan Allah dan hatinya penuh kehebatan dengan kehebatan Baitullah. Tatkala mencium hajarul aswad, tangan kanan Allah di bumi, tatkala berdiri di samping kaabah di dekat Multazam dan tatkala mengalirkan air mata lantaran takut, khusyuk, taubat dan menyesali segala kesalahan yang telah dilakukan pada masa lalu. Di sana di padang Arafah Allah, di atas Bukit Rahmah Allah, mereka diliputi limpahan rahmat dari Allah. Semuanya berhimpun di satu padang dan meminta perlindungan kepada Allah dengan doa. Mereka datang dari segala penjuru bumi. Haji itu adalah Arafah menurut sabda Rasulullah saw. Di sana Allah memuliakan para jemaah haji yang menziarahi Baitullah. Allah tidak menghampakan mereka. Allah menerima taubat mereka, mengampunkan dosa-dosa mereka, memperkenankan doa dan permohonan mereka dan Allah menurunkan sakinah

serta ketenteraman kepada mereka. Hati mereka dilimpahi nur Allah dan taqwa kepadanya. Mereka mendapat kebahagiaan yang hakiki, menggambarkan kebahagiaan ahli syurga.

Bekalan solat, bekalan zakat, bekalan puasa adalah berulang-ulang dan diperbaharui kerana ibadah ini dilakukan setiap hari, setiap bulan dan setiap tahun. Akan tetapi ibadah haji hanya difardhukan sekali seumur hidup. Oleh kerana itu Allah memberi keistimewaan kepadanya dengan memberi limpahan rahmat kurnia yang banyak dan bekalan yang banyak dan berfaedah kepada orang yang menunaikan ibadah haji. Dibersihkan dari segala dosa seperti bersihnya tatkala dilahirkan oleh ibunya. Seolah-olah dia diringankan dari segala bebanan yang berat dan disucikan dari segala noda.

Sesungguhnya bagi orang yang menunaikan ibadah haji bermula dari waktu keluarnya dari rumah, dia hidup semata-mata kerana Allah, bebas dari segala kesibukan urusan dunia. Dia menghayati ibadah haji dengan perasaan, hati, akal, tubuh, segala anggota dan seluruh dirinya. Diserahkan seluruh waktu, usaha, harta dan segala apa yang ada padanya untuk urusan ibadah haji. Demikianlah dia menyerahkan segala nikmat Allah untuk Allah, untuk taat kepada Allah dan menjauhi segala maksiat. Di dalam penyerahan yang sedemikian, dia mendapat bekalan, diberi didikan dan pengajaran yang berterusan, berkesan dan berpengaruh di sepanjang hidupnya.

Sesungguhnya kewajipan ibadah haji tiba masanya kepada seseorang apabila dia telah mampu menunaikannya. Ini secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada setiap muslim, mendorong dia memerhatikan keadaannya dan memerhatikan Allah di waktu tersedia kemampuan untuk menunaikan haji. Maka apabila saja dia mampu, dia tidak akan berlengah-lengah atau merasa ragu-ragu atau menangguhkannya. Dia terus berusaha menunaikan fardhu haji sebab dia tidak dapat menjamin berapa panjangkah umurnya lagi. Dia mesti menunaikan fardhu haji pada waktu itu juga, pada musim itu juga kerana kalau tidak dia terdedah kepada azab Allah dan samalah dia dengan orang yang menangguhkan solat, puasa dan zakat, lalu dia tidak menunaikannya tatkala tiba waktunya.

Sesungguhnya Allah itu suci dan Dia tidak akan menerima kecuali yang suci. Barangsiapa berniat hendak menunaikan haji, dia mesti berusaha bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal, bersih dari segala yang haram dan syubhat hingga segala bekalan dan persiapannya untuk haji semuanya datang dari rezeki yang halal. Ini mendidiknya supaya terus mencari rezeki halal; melalui cara yang diredhai oleh Allah dalam segala urusannya untuk menyempurnakan segala tugasnya sebagai hamba Allah di sepanjang hidupnya.

Orang yang telah keluar dari rumahnya untuk menunaikan ibadah haji setelah mandi dan memakai pakaian ihram telah meninggalkan segala urusan dunia dan sepenuh

hati ikhlas kerana Allah semata-mata. Dia meninggalkan keluarga, harta dan anak-anak serupalah dengan orang yang telah meninggalkan dunia ini untuk menemui Tuhannya. Mandinya serupalah dengan mayat yang dimandikan. Memakai ihram serupalah dengan orang yang dikapankan. Meninggalkan urusan dunia serupalah dengan keluarnya dari dunia ini untuk masuk ke alam kubur. Mengucapkan selamat tinggal kepada keluarganya, harta dan rumah untuk ibadah haji serupalah dengan perihal orang mati yang meninggalkan dunia ini. Alangkah baiknya pengajaran ini direnung kembali dan diingat oleh para jemaah haji supaya dia sentiasa bersiap sedia untuk menemui Allah dalam keadaan bersih dan suci lahir dan batin dari segala dosa. Lantas dia tanpa bertangguh lagi memulangkan segala barang-barang yang telah diambil melalui jalan yang salah, meminta maaf kepada sesiapa yang telah dizaliminya serta membayar hutang dan bertaubat kepada Allah. Boleh jadi dia akan mati di dalam perjalanan ini. Adalah lebih baik baginya untuk membereskan segala urusan-urusan tersebut dan memulakan perjalanannya dengan permulaan yang bersih dan mulia.

Semoga Allah memberi selawat dan selamat sejahtera kepada engkau ya Rasulullah saw. Sesungguhnya engkaulah yang telah mengajar kami satu doa di dalam perjalanan. Sekiranya kami menghayatinya dan menikmati segala kebaikan yang terkandung di dalamnya, nescaya kami memperoleh bekalan pendidikan yang banyak. Doa itu:

"أللهم إنا نسألك في سفرنا هذا البر والتقوى ومن العمل ما ترضى"

*"Hai Tuhan kami, sesungguhnya kami memohon kepadaMu dalam perjalanan kami ini kebaikan, taqwa dan amal yang Engkau redhai."*

Betulkan niat dan arah tujuan kepada kebaikan, taqwa dan amal soleh dengan tujuan semata-mata mencari redha Allah. Yang demikian itu kita akan memohon kepada Allah dengan penuh perasaan dan pengakuan bahawasanya ini tidak akan menjadi kenyataan kecuali dengan taufiq dan kehendak Allah. Bayangan ini jelas dari sambungan doa di atas tadi:

"اللهم أنت الصاحب في السفر والخليفة في الأهل والمال والولد"

*"Hai Tuhan kami, Engkaulah sahabat di dalam perjalanan dan Engkau jugalah khalifah (pengganti) di kalangan ahli kami, harta kami dan anak kami."*

Alangkah besarnya kesan dan pengaruh doa ini kepada orang yang beriman dan merasai penyertaan Allah dan persahabatanNya di dalam perjalanan. Sentiasalah dia berada di dalam pemeliharaan, ri'ayah dan jaminan Allah. Dia akan merasa tenang dan tenteram kerana Allah yang menggantikan dia menguruskan ahlinya, hartanya dan anak-anaknya. Tidak akan ada lagi gelisah dan keluh kesah dalam dirinya kerana dia meyakini bahawa semuanya adalah selamat di dalam jaminan Allah.

Demikianlah terbuktinya penyerahan diri kepada Allah dan tawakkal yang bulat kepadaNya dalam bentuk amali dan di alam realiti. Kemudian doa itu disambung lagi dengan:

"اللهم هون علينا سفرنا هذا واطو عنا بعده"

*"Hai Tuhan kami, permudahkanlah perjalanan kami ini dan dekatkanlah jarak jauhnya kepada kami."*

Permohonan kepada Allah ini adalah supaya Dia memudahkan segala kesulitan dan meringankan segala keberatan. Sesungguhnya segala urusan itu bagi Allah. Janganlah kita menyangka bahawa kenderaan itu merupakan suatu kemudahan semata-mata kerana semuanya itu tidak akan menjadi mudah kecuali ianya telah dipermudahkan oleh Allah. Kadang kala kita melihat kenderaan itu menjadi sebab kepada sesuatu kesulitan, bukan menjadi sebab kesenangan jika Allah menahan rahmatNya dan menyerahkan segala urusan kepada diri kita sendiri. Dan doa itu disambung lagi:

"اللهم إنا نعوذ بك من وعثآء السفر وكآبة المنظر وسوء المنقلب في الأهل والمال"

*"Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepadaMu dari kesusahan perjalanan, kedukaan pandangan dan keburukan dalam perjalanan pulang dari ahli keluarga dan harta."*

Di sini kita benar-benar merasakan kelemahan kita dan memerlukan perlindungan Allah dari segala yang boleh menggugat dalam perjalanan kita, kepenatan dan bahaya semasa dalam perjalanan atau di kalangan ahli keluarga kita dan harta yang kita tinggalkan tatkala kita kembali kepadanya.

Tatkala kita memulakan perjalanan menunaikan haji, kita mestilah merasakan bahawa kita sedang menjadi tetamu Allah dan semua orang yang bersama kita juga tetamu Allah dan merupakan jemaah yang menziarahi Baitullah. Dengan itu kita akan merasa aman tenteram di dalam pemeliharaan Allah dan ri'ayahNya. Kita mestilah bergaul mesra dengan tamu-tamu Allah itu dengan penuh adab sopan, lemah lembut, kasih sayang dan tolong-menolong. Si kuat menolong si lemah serta menyempurnakan hajat orang yang berhajat. Tiada caci maki dan perbualan kosong. Semuanya baik-baik belaka dan tidak ada pertengkaran di waktu menunaikan ibadah haji. Ini merupakan satu tarbiyah. Sepanjang perjalanan merupakan satu didikan yang sangat perlu dalam hidup seorang muslim terutama para du'at yang menyeru kepada Allah.

Sementara itu ada juga doa yang patut diucapkan sewaktu mengucapkan selamat jalan dan selamat tinggal terhadap ahli keluarga dan sahabat-sahabat yang hendak

belayar dan yang ditinggalkan. Doa yang diajarkan oleh Rasulullah saw ini banyak mengandungi kebaikan dan pengertian yang penting:

"Saya tumpangkan agamaMu, umatMu dan hujung akhir ilmumu kepada Allah."

Demikian juga ada doa yang patut diucapkan semasa menghantar musafir iaitu:

"زودك الله التقوى"

*"Semoga Allah membekalkan taqwa kepadamu."*

Dan ditambah lagi:

"لا تنسنا يا أخى من دعائك"

*"Jangan lupakan kami dalam doamu."*

Doa ini diucapkan oleh Rasulullah saw kepada Umar Al-Khattab dalam perjalanannya. Orang yang musafir pula hendaklah membalas ucapan tadi dengan doa:

"أستودعكم الله الذي لا تضيع ودائعه"

*"Aku menumpangkan kamu kepada Allah yang tidak akan hilang tumpangan yang ada padaNya."*

Suasana yang harmonis ini penuh dengan zikrullah, berpisah pada yang diredhai Allah, di dalamnya ada pesan memesan pada kebenaran dan ketahanan dalam segala urusan dan bersungguh-sungguh dan dengan kesudahan yang baik. Semuanya mengandungi perasaan cinta kepada kebaikan yang berkisar di kalangan mereka. Kita tidak akan berjumpa yang seperti ini kecuali di kalangan umat muslimin.

Di dalam sesuatu rombongan pelayaran, kita memilih seorang amir sebagai ketua untuk memimpin kita di dalam perjalanan sebagaimana yang telah diajarkan oleh Rasulullah saw. Maka dengan ini kita dapat merealisasikan pengertian persatuan, disiplin dan memelihara rombongan dari tipu daya syaitan dengan berkat jemaah yang terpimpin itu.

Di kala kita menaiki kenderaan, kita diajar pula oleh Rasulullah saw supaya berdoa dengan Bismillah, Tahmid dan Takbir tiga kali, kemudian diikuti pula dengan doa:

لِتَسْتَوُۥا۟ عَلَىٰ ظُهُورِهِۦ ثُمَّ تَذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا ٱسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا۟ سُبْحَـٰنَ ٱلَّذِى سَخَّرَ لَنَا

هَـٰذَا وَمَا كُنَّا لَهُۥ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنقَلِبُونَ ﴿١٤﴾

*"Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan: Maha Suci Tuhan yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya." "Dan sesungguhnya kepada Tuhan kamilah, kami akan kembali!"* Az-Zukhruf: 13-14

Di dalam doa di atas tadi kita mengingati dan mengenang kembali kurnia Allah yang telah memberi kemudahan kenderaan. Kurnia ini bukanlah dari pembuat kenderaan itu sahaja bahkan kurnia ini pada hakikatnya dari Allah yang telah memberi akal kepada orang yang telah membuat kenderaan itu.

Talbiyah dengan segala pengertiannya adalah merupakan satu akuan bahawa kita menyahut seruan Allah dan mensucikannya dari segala sekutu dan segala puji hanyalah untuk Allah. Nikmat dan kekuasaan hanyalah kepunyaan Allah sahaja. Kemudian kita menyebut talbiyah ini berulang-ulang kali dengan lidah dan sepenuh perasaan menikmati kelazatan makna yang terkandung di dalamnya. Meresaplah makna tauhid dan iman terhadap kurnia Allah ke dalam jiwa dan terasalah bagaimana besarnya hajat kita kepada Allah.

*"Ku sambut seruanMu ya Tuhanku! Ku sambut seruanMu, ku sambut seruanMu! Tidak ada sekutu bagiMu. Ku sambut seruanMu, sesungguhnya segala puji, nikmat dan kekuasaan hanyalah bagiMu. Tidak ada sekutu bagiMu."*

Assalamualaikum yang diucapkan dan sambutannya tatkala jemaah haji bertemu muka dan berjumpa, memberi satu pengertian dan peringatan yang mendalam dan bermakna. Ini menguatkan perhimpunan dan kesatuan aqidah tauhid dan perasaan perkongsian bersama di dalam ibadah haji.

Setiap peningkatan jiwa ahli jemaah haji akan mengurangkan rasa kepenatan, bahkan perasaan itu akan bertukar menjadi sumber pahala dan rahmat dari Allah.

Semakin mereka menghampiri Baitullah, semakin kuat kerinduan melanda diri mereka, bertambahlah rasa pergantungan diri mereka kepada Allah seperti tarikan besi berani yang semakin dekat semakin kuat daya tarikannya. Itulah salah satu dari perkara yang jelas yang telah Allah limpahkan kepada hati-hati orang-orang yang beriman kepada Allah dengan penuh keikhlasan. Ini boleh juga diambil sebagai satu bukti kecintaan Allah kepada jemaah haji yang menziarahi Baitullah.

Apabila sahaja pandangan mereka hinggap di Kaabah, mereka seolah-olah dikuasai oleh satu kuasa yang maha hebat, kagum dan agungnya pandangan di depan mata mereka. Takut bercampur gembira hingga tidak ada perkataan seindahnya untuk menggambarkan perasaan yang mereka rasai. Hanyalah orang-orang yang telah pergi ke sana dan merasainya sahajalah yang dapat merasakan perasaan yang sedemikian rupa. Kemudian doa ma'thur ini dibaca:

*"Ya Tuhanku, tambahkanlah kemuliaan, kebesaran dan kebaikan untuk rumah ini. Engkaulah As-Salam (Yang Sejahtera) dan daripadaMulah segala kesejahteraan dan hidupkanlah kami di dalam kesejahteraan."*

Perjalanan untuk menunaikan haji tidaklah serupa dengan perjalanan yang lain-lain. Ia bukanlah merupakan perjalanan jasad ke Mekah semata-mata, atau ke Kaabah atau ke Arafah, tetapi perjalanan ini adalah perjalanan rabbani, perjalanan hati dan nurani dan perjalanan rohani ke arah menemui Allah penciptanya. Supaya dapat berkomunikasi secara langsung dengan rabbani, meminta kehidupan, menambah kebahagiaan dan memperoleh bekalan taqwa yang merupakan sebaik-baik bekalan.

Baitullah pula bukanlah sebarang rumah, bukanlah seperti rumah yang lainnya yang wujud di muka bumi ini. Ia adalah rumah Allah yang dibuat dari batu yang serupa dengan batu-batu yang lain. Gunung Arafah tidaklah sama dengan gunung-gunung yang lain. Allah telah memberi berbagai-bagai keistimewaan kepadanya, berbagai rahsia yang terpendam bersamanya, limpah kurniaNya, kesan-kesan yang tersendiri sebagaimana Allah telah mengkhususkan keistimewaan-keistimewaan yang tertentu terhadap Al-Quran yang penuh rahsia, kurnia, mukjizat dan kesan serta pengaruh yang tersendiri. Walaupun kita dapati setiap patah kalimah dan ayat-ayatnya adalah serupa dengan tiap patah kalimah dan ayat yang kita pergunakan sehari-hari di dalam per-cakapan kita. Kelebihan ini adalah merupakan rahmat dan kemudahan kepada kita, kerana sebenarnya kita tidak mampu memikul kalamullah pada hakikatnya secara langsung, seperti di dalam firmanNya:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا
لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*"Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya."* Al-Hasyr: 21

Begitulah juga kita tidak akan mampu menanggung tajalla Allah (Allah menampakkan diri) seperti didapati di dalam kisah Nabi Musa di dalam firmanNya:

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَـٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ أَرِنِىٓ أَنظُرْ إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَن تَرَىٰنِى وَلَـٰكِنِ ٱنظُرْ إِلَى ٱلْجَبَلِ فَإِنِ ٱسْتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوْفَ تَرَىٰنِى ۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا ۚ فَلَمَّآ أَفَاقَ قَالَ سُبْحَـٰنَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

*"Dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (ZatMu yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu. Allah berfirman: Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu, setelah Tuhannya Tajalla (menzahirkan kebesarannya) kepada gunung itu, (maka) TajalliNya menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku)"* Al-A'raf: 143

Dengan haji ini sebenarnya Allah memudahkan kita menziarahiNya, menghampirkan diri kepadaNya, bermunajat kepadaNya serta mendapat limpahan rahmat dan hidayah daripadaNya dengan berziarah ke rumahNya Al-Haram yang Dia bertajalla padanya dan kita akan mendapat nurNya menurut kemampuan kita menerimanya.

Limpahan nurNya dan limpahan ketuhanan yang kita dapati adalah sesuai dengan ketaqwaan kita, bertambah taqwa kita bertambahlah cahaya dan limpahan ketuhanan yang kita dapati dari Allah, seperti di dalam firmanNya:

ٱللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ ٱلْحَدِيثِ كِتَـٰبًا مُّتَشَـٰبِهًا مَّثَانِىَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدَى ٱللَّهِ يَهْدِى بِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِنْ هَادٍ ﴿٢٣﴾

*"Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan Al-Quran itu kepada*

*sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadaNya."* Az-Zumar: 23

Wahai saudaraku,

Hayatilah perjalanan di tengah-tengah pandangan rabbani sebagai satu perjalanan rohani dan hati, bukanlah pandangan mata secara lahiriah semata-mata, supaya tujuan kita tidak terpesong dari Allah dan dari bekalan rahmat dan ihsan Allah. Puncak dari itu kita harapkan untuk mendapat haji mabrur, bekalan yang banyak dan penuh berkat dengan dosa-dosa yang telah diampunkan oleh Allah. Sekembalinya kita nanti dari menunaikan fardhu haji kelak, kita akan benar-benar suci seperti sucinya kita semasa kita dilahirkan dahulu.

Dengan pandangan seperti ini, saudara akan dapat mengenali segala perasaan yang melimpah ruah teradun dari rasa takut kepada Allah, kagum denganNya, rasa gembira dan bahagia sejati tatkala jatuh pandangan pertamanya ke Kaabah.

Bertawaf di sekeliling Kaabah kerana menghormati Masjidil Haram dan memulakan istiadat ini dengan mencium hajarul aswad adalah menurut sunnah Rasulullah saw. Dengan perbuatan demikian bermakna kita mengukuhkan lagi perjanjian dengan Allah, berjanji untuk terus beriltizam dengan mengikuti dan melalui jalanNya yang lurus serta tegak berdiri dan istiqamah, patuh serta taat serta mengikuti segenap kewajipan dan ajaran Islam. Bersedia untuk berjihad dan berkorban untuk menolong agama Allah dengan penuh keazaman, menyempurnakan janji, dan menyempurnakan penjualan diri dan harta kepada Allah dan benar-benar merasakan betapa besarnya dosa kalau melanggar janji tersebut. Ini adalah satu bekalan yang banyak di sepanjang jalan dakwah.

Bertawaf dengan mengelilingi Kaabah adalah solat dalam bentuk pergerakan langkah-langkah dan pusingan jasadiah yang disertakan dengan doa-doa. Pelaksanaannya seperti solat dari segi khusyuknya kehadiran hatinya, adab-adabnya dan berlemah lembut dengan kaum muslimin semasa upacara tawaf. Saudara akan dapat merasakan bahawa Allah melihat saudara dan memerhatikan saudara melaksanakan ibadah itu sekitar Kaabah di dalam Masjidil Haram. Di hatilah tempat letaknya pandangan Allah. Oleh itu kosongkanlah hati dari segala sesuatu kecuali Allah dan rasa kecintaan kepadaNya. Ikhlaskan hati semata-mata keranaNya, itulah yang mengangkat darjah hati saudara, seolah-olah hati saudaralah yang bertawaf bukan hanya tapak kaki. Di kala itu perbanyakkanlah zikir dan doa. Doa untuk saudara, untuk para muslimin seluruhnya, untuk dakwah Islam dan dakwah saudara.

Tatkala saudara berada di Multazam setelah tawaf, rasakanlah percantuman saudara dengan Baitullah serta keinginan yang melonjak untuk menghampiri Allah.

Dengan pergantungan saudara dengan kelambu Kaabah menunjukkan saudara benar-benar menggantungkan untung nasib saudara kepada kebijaksanaan Allah, sangat berhajat kepada keampunanNya dan keredhaanNya. Di kala berdiri di ambang pintu Kaabah, rasakanlah seolah-olah saudara berdiri di pintu Allah yang Maha Luas, Kaya, Pengasih dan Pemurah. Hendaklah saudara dipandang oleh Allah sebagai hambaNya yang benar-benar mengadap, menyembah kepadaNya, penuh keikhlasan, penuh harap penuh takut, bertaubat sungguh-sungguh, merasakan tiada tempat perlindungan kecuali kepada Allah, tiada tempat lari kecuali kepada Allah. Di situlah akan terasanya kelazatan taat dan kenikmatan menghampirkan diri kepadaNya. Di dalam adunan perasaan yang berbagai-bagai, perasaan-perasaan yang baik, suci dan tinggi, tambahilah doa dengan linangan air mata dan perbaharuilah janji dengan Allah, perbaharuilah azam untuk berjihad di jalanNya. Seolah-olah saudara tidak mahu meninggalkan pintu Allah itu, kecuali untuk memberi kesempatan kepada saudara-saudara muslimin yang lain.

Tatkala berdiri di maqam Ibrahim, hendaklah saudara bersolat dua rakaat. Ingatlah hubungan ruhi antara saudara denganNya yang terentang melalui beberapa abad dan generasi dan ingatlah pula penerimaan doa nabi Ibrahim yang memohon kepada Allah supaya Dia mengutus kepada kita nabi Muhammad saw yang menjadi rahmat kepada sekelian alam.

Air zamzam bukanlah serupa dcngan air-air lain. Allah telah mengkhususkan berbagai keistimewaan dan kebaikan yang banyak untuknya. Tatkala meminum air zamzam, ingatlah peristiwa ketabahan Siti Hajar dan Nabi Ismail. Bagaimana susahnya mereka mencari air dan bagaimana deritanya mereka menanggung dahaga yang bersangatan di lembah yang kering kontang dan tandus serta sunyi sepi yang tak berpenghuni pula. Mereka berdua tinggal di sana adalah kerana mematuhi perintah Nabi Ibrahim, mereka hanyalah berbekalkan dengan tawakkal kepada Allah dan mengharapkan belas ihsan dariNya. Marilah kita melatih diri kita dalam mengharungi berbagai kesulitan di jalan dakwah dan di medan jihad.

Tatkala melakukan ibadah sa'i (berlari anak) di antara Safa dan Marwa janganlah kita hanya menganggap ianya berjalan sahaja dan hanyalah merupakan rukun semata-mata. Tetapi hendaklah kita ingat akan peristiwa pencarian air oleh Siti Hajar. Bagaimana dia berlari-lari anak di antara Safa dan Marwa kerana mencari air untuk anak kecilnya Nabi Ismail yang hampir-hampir mati kehausan. Alangkah wajar dan perlunya kita memikirkan kembali dan mencari pengajaran dari situ. Pengajaran di mana kita sanggup menanggung kesusahan dan kepenatan di dalam menjalani jalan dakwah. Segala kesusahan itu merupakan ibadah, bertaqarrub kepadaNya, membersihkan kesihatan kita dan menyebukkan badan kita dengan taat kepada Allah.

Tatkala saudara tinggal selama beberapa hari atau beberapa minggu di Mekah dan di halaman Kaabah, alangkah bagusnya kalau saudara mempergunakan kesempatan

keemasan itu untuk menunaikan segala solat saudara di hadapan Kaabah. Di tengah kesepian malam, bertahajjud dan bermunajatlah kepada Allah, khusyuk kepadanya, mengetuk-ngetuk pintu rahmatNya yang Maha Pemurah dan Maha Mulia dan rukuk dan sujud, penuh doa dan aliran air mata lantaran takut kepadaNya. Di dalam suasana rabbani ini, janganlah lupa untuk meminta kepada Allah supaya memuliakan tenteraNya, menolong agamaNya dan mengalahkan seluruh musuh-musuh agama Islam di mana-mana tempat.

Tatkala berjalan-jalan di dalam lingkungan kota Mekah, berziarah di Gua Hira dan Gua Thur, segarkanlah kembali kenangan di hari-hari berputiknya dakwah Islam yang pertama yang telah dibawa oleh Rasulullah saw dan juga ingatlah kembali perintis-perintis Islam yang terawal. Mereka yang telah merasai penentangan, ancaman, rintangan dan penyiksaan yang hebat semata-mata kerana kekuatan aqidah tauhid mereka. Ingatlah pula bagaimana sabarnya, tetapnya iman mereka dan kesungguhan mereka dalam menyampaikan dakwah mereka. Ingat pula rumah Arqam Ibn Abi Al-Arqam, di situ Rasulullah saw mendidik dan membentuk para sahabat menjadi pahlawan-pahlawan agung lagi bijaksana, menjadi satu angkatan yang berjaya menghapuskan segala kesesatan, menghancurkan segala patung-patung jahiliyah, penyembah-penyembah patung dan penyembah api, Rom dan Yahudi, mereka ini semuanya melutut dan menyerah kalah di hadapan mereka. Cubalah bayangkan dan rasailah bahawa saudara berjalan bersama Rasulullah saw di atas bumi yang pernah dilalui oleh Rasulullah saw dan para sahabat baginda.

Sesungguhnya perhimpunan haji ini merupakan peluang keemasan untuk kita mengukuhkan ikatan persaudaraan Islam di kalangan umat muslimin dari segala bangsa, untuk berkenal-kenalan, untuk mengetahui hal ehwal dan suasana negeri mereka, saling bertukar-tukar fikiran dan perasaan, pahit manis yang mereka hadapi di dalam jihad dan dakwah mereka. Tanya-bertanyakan cita-cita dan rancangan supaya mereka benar-benar menjadi satu umat yang bersatu padu laksana sebuah bangunan yang menyokong dan menguatkan antara satu sama lain. Bersama-sama mengkaji sesuatu masalah, urusan dan pergolakan yang dialami di negeri masing-masing dan di seluruh pelusuk dunia. Mengetahui dengan lebih mendalam nasib keadaan umat Islam yang minoriti di bawah pentadbiran orang kafir, dan bagaimana tipu daya musuh-musuh Islam yang diatur rapi untuk menipu dan menghancurkan umat Islam di seluruh dunia. Alangkah baiknya kalau para jemaah haji mengadakan komunikasi secara bertulis surat di antara mereka setelah mereka pulang ke negeri masing-masing. Ini boleh mengekalkan lagi perhubungan antara mereka dan sentiasa mengikuti perkembangan terakhir mereka yang bertaburan di seluruh dunia. Dengan ini dapatlah menjaga kesatuan umat Islam untuk menghadapi pergolakan dunia dan segala tipu dayanya. Firman Allah:

*"Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu - agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kamu kepadaKu."* Al-Mukminun: 52

Bukit Arafah adalah Arafah Allah yang tidak ada sebarang bukit yang mempunyai kebaikan sepertinya. Allah mencurahkan rahmat dan kurnia kepada para tetamuNya tatkala mereka berhimpun di dalam satu perhimpunan raksasa di atas bukit itu. Di sinilah mereka dengan pakaian seragamnya dan masing-masing berdoa, mengingatkan kita tentang padang mahsyar di hari akhirat. Ini adalah satu pemandangan yang agung di hari yang agung. Dari riwayat Muslim dari Aisyah yang bermaksud: Bahawasanya Rasulullah saw telah bersabda yang bermaksud:

*"Tidak ada suatu hari di mana Allah memerdekakan lebih banyak hambaNya dari api neraka kecuali di hari Arafah. Sesungguhnya pada hari ini Allah mengetahui hamba-hambaNya lalu Allah memuji-muji mereka di hadapan para Malaikat dan berfirman:*

*"Apakah yang mereka kehendaki lagi?"*

Hari Arafah juga memberikan kebaikan kepada mereka yang tidak berkesempatan naik haji, jika mereka ini berpuasa pada hari wuquf di Arafah, Allah mengampunkan dosa setahun selepas dan sebelumnya. Dari Abu Qatadah dia berkata: Telah ditanya kepada Rasulullah saw tentang puasa di hari Arafah. Rasulullah saw men-jawab:

"قال يكفر السنة الماضية والباقية"

*"Allah hapuskan dosanya tahun lalu dan tahun hadapan."* Riwayat Muslim

Setelah selesai menyelesaikan wuquf di Arafah, para jemaah haji dengan perasaan yang berkobar-kobar mengucapkan selamat tinggal kepada Arafah yang di-sayangnya, hari penuh berkat, tempat hati benar-benar berpaut kepada Allah dan mengharap supaya Allah menerima baik amalnya.

Melempar jamrah pula melambangkan kepatuhan, taat setia serta melahirkan perasaan pengabdian kepada Allah. Kadangkala akal tidak mampu untuk mencari atau mengkaji hikmat-hikmatnya. Di kala ini ingatlah peristiwa gangguan syaitan terhadap Nabi Ibrahim di mana syaitan cuba untuk menggoda Nabi Ibrahim supaya mengundur diri dari melaksanakan titah perintah Allah. Ingatlah juga bagaimana Nabi Ibrahim tidak mempedulikannya lantas terus melaksanakan tugas tersebut. Di sini kita boleh mengambil pengajaran; cubalah bayangkan bagaimana hebatnya gangguan dan tipu daya syaitan dan bagaimana perlunya kita mesti menentang tipu dayanya dengan seberapa daya di kala melempar syaitan yang terkutuk itu.

Menyembelih binatang sebagai korban serta membahagi-bahagikan kepada fakir miskin, adalah untuk menghampirkan diri kepada Allah dengan harapan supaya Allah membebaskan kita dari api neraka. Ini juga melahirkan sifat kasih sayang kepada fakir miskin dengan memberi mereka makanan. Firman Allah bermaksud:

وَٱلْبُدْنَ جَعَلْنَٰهَا لَكُم مِّن شَعَٰٓئِرِ ٱللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۖ فَٱذْكُرُوا۟ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا صَوَآفَّ ۖ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْقَانِعَ وَٱلْمُعْتَرَّ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرْنَٰهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٣٦﴾

*"Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Mekah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur."* Al-Hajj: 36

Tatkala tawaf wida', kita merasakan perpisahan dengan semulia-mulia tempat dan yang paling kita kasihi dan kita berharap bersungguh-sungguh supaya Allah menerima baik ibadah haji kita dan berharap supaya kita dapat kembali ke Mekah di masa akan datang.

Tatkala menziarahi Madinah, kenangkanlah kembali sejarah hijrah Rasulullah saw dan jarak-jarak perjalanan yang baginda lalui di saat yang paling genting dan cemas di tengah-tengah buruan kaum Musyrikin. Kita merasakan bagaimana penduduk Madinah menyambut gembira kedatangan Rasulullah saw. Di situlah Rasulullah saw membina masjid bersama para sahabat. Cubalah rasakan keharuman peristiwa manis, di mana di situlah terbinanya sebuah negara Islam yang agung, terlaksananya berbagai rancangan yang besar-besar oleh salafus soleh di bawah pimpinan Rasulullah saw. Mereka mengharungi peperangan demi peperangan yang hebat lalu mencapai kemenangan demi kemenangan yang gemilang, akhir sekali seluruh Semenanjung Tanah Arab dibersihkan dari segala bentuk syirik dan berhala, dibersihkan dari puak-puak Yahudi pengkhianat yang memang telah sebati dengan sifat khianatnya sebagaimana yang selalu diberitakan di dalam Al-Quran.

Tatkala memasuki masjid An-Nabawi, kita ingat-ingatkanlah kembali sebuah hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Bukhari:

"ما بين بيتي ومنبري روضة من رياض الجنة ومنبري على حوضى"

"Di antara rumahku dan mimbarku adalah sebuah taman dari taman-taman syurga."

Cubalah saudara bayangkan, saudara menikmati kebahagiaan rohi ini yang lebih hampir kepada kebahagiaan penghuni syurga. Nikmatilah hubungan rohani dengan Rasulullah saw yang tercinta, nabi yang telah bersungguh-sungguh membawa kebaikan dan hidayah kepada kita, yang pengasih dan penyayang kepada mukmin, yang merasa susah apabila mukmin yang lain mendapat kesusahan. Berdoalah supaya Allah memberi ganjaran yang sebanyak-banyaknya kepada Rasulullah saw, sebaik-baik ganjaran yang diberikan Allah lantaran ihsannya kepada umat Islam. Demikian juga untuk khalifah Abu Bakr dan Umar dan berdoalah kepada Allah supaya kita semua dihimpunkan bersama mereka yang mulia itu.

Ziarahilah Masyahid tempat bersejarah di Madinah di mana berlakunya peristiwa-peristiwa besar yang merubah sejarah dunia. Ziarahilah Baqi', tempat terhimpunnya pahlawan-pahlawan agung dan suci. Ziarahilah gunung Uhud tempat meletusnya peperangan Uhud dan ingatilah pengajaran-pengajaran dan iktibar-iktibar yang ada padanya.

Demikianlah bagaimana saudara merasakan dan seolah-olah menghayati masa-masa silam, masa-masa kebangkitan Islam yang pertama yang harum dan gemilang yang dapat memberikan bekalan-bekalan, pengajaran-pengajaran dan iktibar-iktibar kepada kita semua di waktu-waktu yang sangat diperlukan, di kala berjalan di atas dakwah, sebagai bekalan mengharungi jihad fi sabilillah.

## BAB 11 DAN DI DALAM QIYAMULLAIL, ADA BEKALAN

وفي قيام الليل زاد

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

*"Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan solat tahajjud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaanNya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaanNya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa dang Kami beri kepada mereka." "Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan."* As-Sajdah: 16-17

Malam itu adalah ketenangan dan ketenteraman. Di dalam ketenteraman dan suasana damai itu dapat ditumpukan dan dipusatkan ingatan kepada Allah. Waktu malam adalah waktu yang jernih, hening dan sunyi sepi, manusia tidur nyenyak dibuai mimpi, di kala itu dapatlah bersolat tahajjud jauh dari riya. Malamlah waktu yang paling tepat untuk bersunyi-sunyi dengan Allah, menghampirkan diri kepadaNya, bermesra-mesra denganNya dan bermunajat kepadaNya.

Solat itu adalah bekalan, tetapi dengan bangun di tengah-tengah malam hari menambahkan lagi bekalan, hampir denganNya dan limpah kurniaNya. Itulah sebabnya orang yang telah asyik kepada Allah sangat merindukan kedatangan malam hari. Orang-orang yang rajin bertahajjud sentiasa dilanda kerinduan untuk bertemu dengari Allah. Di tengah keheningan malam mereka berdiri menghadapNya, rukuk, sujud, berzikir, bertasbih, tilawah Al-Quran, bertaubat, beristighfar, bermunajat, berdoa dan menangis kerana takutkan Allah. Semuanya merupakan bekalan. Seperti di dalam firman Allah yang bermaksud:

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

*"Dan (dengan apa keadaan pun maka) pada sebahagian dari waktu malam sujudlah kepada Tuhan (dengan mengerjakan solat), dan (seboleh-bolehnya) bertasbihlah memujiNya (dengan mengerjakan solat tahajjud), pada sebahagian yang panjang dari waktu malam."* Al-Insan: 26

Orang-orang yang berjalan di atas jalan dakwah adalah merupakan orang yang paling wajar dan paling mustahak untuk bertahajjud di waktu malam hari untuk menambahkan bekalan. Allah telah menyuruh Rasulullah saw bertahajjud untuk memberi kelengkapan kepada baginda untuk memikul amanah dakwah yang berat itu di waktu permulaan misi baginda. FirmanNya di dalam Al-Quran:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلاً ﴿٢﴾ نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلاً ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾ إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلاً ثَقِيلاً ﴿٥﴾ إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلاً ﴿٦﴾

*"Wahai orang yang berselimut!." "Bangunlah solat tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat)," "Iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu," "Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan Tartil." "(Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya)." "Sebenarnya solat dan ibadah malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya."* Al-Muzzammil: 1-6

Bangun di waktu malam itu adalah mujahadah serta memperkuatkan kemahuan dan keazaman, mengalahkan syaitan dan melatih diri untuk taat kepadaNya. Sebenarnya meninggalkan tempat tidur dan masa rehat, tilam empuk, melawan keinginan tubuh lantas terus bangun dan bersuci walaupun di waktu itu sejuk sekali, adalah merupakan pertolongan kepada kita untuk memikul tugas dakwah dan menolong kita sentiasa berada di jalan dakwah.

Bangun di tengah-tengah malam, walhal manusia tidur nyenyak adalah merupakan kelepasan dan pembebasan diri dari segala tarikan duniawi, dapat mengikhlaskan diri kepadaNya dengan sungguh-sungguh dan mensucikan diri dan jiwa dari sifat riya. Ikhlas adalah merupakan satu sifat yang paling utama dan patut ada di kalangan para du'at di mana tanpa keikhlasan, segala ibadah dan amal adalah sia-sia belaka.

Banyak ayat-ayat Al-Quran yang menggalakkan kita supaya berjaga malam dan bertahajjud. Ayat-ayat tersebut tidak ketinggalan menerangkan berbagai-bagai keistimewaan yang akan diberikan kepada orang yang tekun melakukan solat tahajjud. Firman Allah:

وَعِبَادُ ٱلرَّحْمَـٰنِ ٱلَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى ٱلْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلْجَـٰهِلُونَ قَالُوا۟ سَلَـٰمًا ﴿٦٣﴾ وَٱلَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَـٰمًا ﴿٦٤﴾

*"Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini;" "Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang tekun mengerjakan ibadah kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri,"* Al-Furqan: 63-64

FirmanNya lagi:

أُو۟لَـٰٓئِكَ يُجْزَوْنَ ٱلْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا۟ وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَـٰمًا ﴿٧٥﴾

*"Mereka itu semuanya akan dibalas dengan mendapat tempat yang tinggi di syurga disebabkan kesabaran mereka, dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan selamat di dalamnya,"* Al-Furqan: 75

Orang-orang yang bertahajjud di tengah malam dapat membuat berbagai-bagai ibadah kepada Allah, mereka berdiri di hadapan Allah dengan penuh khusyuk, mereka membaca Al-Quran dengan tafakkur dan tadabbur, merenungi segala apa yang terkandung di dalam ayat-ayat Al-Quran yang dibacanya. Mereka rukuk, sujud, berzikir, bertasbih memohon ampun kepada Allah, memohon hidayah dan rahmat kepada Allah. Firman Allah:

أَمَّنْ هُوَ قَـٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْـَٔاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَـٰبِ ﴿٩﴾

*"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna."* Az-Zumar: 9

Ayat ini memperingatkan kepada kita keadaan orang yang bertaqwa yang takut kepada azab Allah di akhirat, takut kepada hisab, harap kepada nikmat Allah di syurga. Lalu mereka merasa takut kepada Allah, berharap kepadaNya di dalam sujud dan di

waktu berdirinya di dalam solat tahajjud yang membawanya bertaqwa kepada Allah sepanjang hidupnya di dalam segala suasana. Ini adalah bekalan yang menolong orang bertaqwa untuk terus menerus beramal soleh dan membuat persediaan yang cukup untuk hari akhirat.

Mengingati Allah, bertasbih kepadaNya di waktu malam adalah hidangan rohani dan bekalan untuk jiwa dan hati. Orang yang telah merasakan nikmat zikrullah dan tasbih sentiasa memperbanyakkan zikir dan tasbih kerana mengikuti perintah Al-Quran. FirmanNya:

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾ وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

*"Dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhanmu (di dalam dan di luar solat), pada waktu pagi dan petang;" "Dan (dengan apa keadaan pun maka) pada sebahagian dari waktu malam sujudlah kepada Tuhan (dengan mengerjakan solat), dan (seboleh-bolehnya) bertasbihlah memujiNya (dengan mengerjakan solat tahajjud), pada sebahagian yang panjang dari waktu malam."* Al-Insan: 25-26

Firman Allah:

وَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا ۖ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٤٨﴾ وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَـٰرَ ٱلنُّجُومِ ﴿٤٩﴾

*"Dan (dengan yang demikian) bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), kerana sesungguhnya engkau tetap terselamat dalam pemuliharaan serta pengawasan Kami; dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu semasa engkau bangun." "Dan juga hendaklah engkau bertasbih kepadaNya pada waktu malam, dan ketika bintang-bintang tenggelam (pada waktu subuh)."* At-Tur: 48-49

FirmanNya lagi:

فَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ ٱلْغُرُوبِ ﴿٣٩﴾ وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَأَدْبَـٰرَ ٱلسُّجُودِ ﴿٤٠﴾

*"Oleh itu bersabarlah (wahai Muhammad) akan apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu itu), dan bertasbihlah sambil memuji Tuhanmu (terutama) sebelum*

*terbit matahari dan sebelum matahari terbenam." "Serta bertasbihlah kepadanya pada malam hari dan sesudah mengerjakan solat."* Qaf: 39-40

Kita semua berdosa dan cuai. Maka alangkah waiarnya kita mengetuk-ngetuk pintu Allah di waktu dinihari, di akhir malam sebelum fajar menyinsing, di kala itu kita memohon keampunan Allah, memohon rahmat Allah dan hidayah dariNya. Di waktu itulah waktu yang mustajab, waktu diterima segala permohonan. Sesungguhnya Allah memuji hamba-hambaNya yang meminta ampun pada waktu sahur itu, seperti di dalam firmanNya:

۞ قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿١٥﴾ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ إِنَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٦﴾ ٱلصَّٰبِرِينَ وَٱلصَّٰدِقِينَ وَٱلْقَٰنِتِينَ وَٱلْمُنفِقِينَ وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah supaya Aku khabarkan kepada kamu akan yang lebih baik daripada semuanya itu? Iaitu bagi orang-orang yang bertaqwa disediakan di sisi Tuhan mereka beberapa syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Disediakan juga pasangan-pasangan/isteri-isteri yang suci bersih, serta (beroleh pula) keredaan dari Allah. Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan hamba-hambaNya;" "(Iaitu) orang-orang yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman, oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka;" "(Dan juga) orang-orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), dan orang-orang yang benar (perkataan dan hatinya), dan orang-orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), dan orang-orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah), dan orang-orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur."* Ali Imran: 15-17

Dan firmanNya lagi:

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٥﴾ ءَاخِذِينَ مَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَبْلَ ذَٰلِكَ مُحْسِنِينَ ﴿١٦﴾ كَانُوا۟ قَلِيلًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿١٧﴾ وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa adalah ditempatkan di dalam beberapa taman syurga, dengan mata air-mata air terpancar padanya." "(Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang-orang yang berbuat*

*kebaikan." "Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: masa dari waktu malam, untuk mereka tidur." "Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun)."* Az-Zariyat: 15-18

Berdoa kepada Allah di tengah-tengah malam adalah sebaik-baik doa dan seindah-indahnya. Di tengah malam hamba Allah itu menundukkan diri dan merayu-rayu memohon kepada Tuhannya agar memperkenankan segala permohonannya. Firman Allah:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَـٰحِهَا وَٱدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

*"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas." "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."* Al-A'raf: 55-56

Dari Abu Umamah dia berkata:

"قيل يا رسول الله أي الدعاء أسمع؟ قال : جوف الليل الاخير ودبر الصلوات المكتوبات"

*"Ya Rasulullah, manakah doa yang paling diterima? Rasulullah saw pun menjawab: Tengah malam yang akhir - dinihari - dan di belakang solat fardhu."* Riwayat At-Tarmizi, hadis hasan dan sahih

Berkata Jabir:

"إن في الليلة ساعة لا يوافقها رجل مسلم يسأل الله تعالى خيرا من أمر الدنيا والآخرة إلا أعطاه إياه وذلك كل ليلة"

*"Aku dengar Rasulullah saw bersabda: Sesungguhnya di waktu malam ada suatu waktu yang tidak ditepati oleh seorang muslim yang memohon kepada Allah kebaikan dunia dan akhirat kecuali memberikan kepadanya dan waktu yang demikian ada pada tiap-tiap malam."* Riwayat Muslim

Doa di waktu sujud adalah dituntut dan doa di situ makbul. Jadi wajarlah orang yang sujud itu bersungguh-sungguh berdoa di waktu sujudnya. Dari Abu Hurairah dia berkata:

"أقرب ما يكون العبد من ربه وهو ساجد فأكثروا الدعاء"

*"Bahawasanya Rasulullah saw telah bersabda: Sehampir-hampir hamba itu kepada Aku hanya ialah di waktu sujud, maka perbanyakkanlah doa di waktu sujud."*

Alangkah wajar dan patutnya para du'at, yang selalu diganggu gugat, digigit dan disakiti oleh musuh-musuh Islam, musuh-musuh yang sentiasa mengatur tipu daya dan membuat berbagai-bagai fitnah dan pesona terhadap mereka. Alangkah wajarnya mereka meminta tolong kepada Allah dengan senjata doa dan berdoalah kepada Allah dan katakanlah:

*"Ya Tuhan kami! Kami menolak dada musuh dengan pertolongan Engkau, juga orang-orang yang sombong dan kami berlindung kepadaMu dari segala kejahatan mereka. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi kaum yang zalim. Dan selamatkanlah hami dengan rahmatMu dari orang-orang kafir. Ya Tuhan kami! Kalahkanlah musuh-musuhMu, musuh-musuh agamaMu dan tolonglah kami ke atas mereka dengan pertolongan yang mulia, yang memuaskan hati-hati kami dan menghapuskan kemarahan hati kami."*

Dan bacalah doa-doa lain yang dimudahkan Allah pada saudara.

Telah bersabda Rasulullah saw (dari Abu Hurairah):

"ينزل ربنا كل ليلة إلى سماء الدنيا حين يقضي ثلث الليل الأخر فيقول من يدعوني فأستجب له من يسألني فأعطيه ومن يستغفرني فأغفر له"

*"Tuhan kita turun ke langit dunia pada waktu-waktu malam tatkala tiba sepertiga malam yang akhir lalu berkata: Siapakah yang berdoa kepadaKu supaya Aku terima, siapakah yang meminta kepadaKu supaya Ku beri dan siapakah yang meminta ampun supaya Aku ampuni."* Riwayat Bukhari, Malik, Muslim dan lain-lain.

Adakah kita masih suka bermalas-malas dan mahu menangguh-nangguh lagi setelah diberikan tawaran? Sekiranya dikatakan kepada manusia bahawa tengah malam itu akan dibahagi-bahagikan harta dan daging kepada sesiapa yang bangun di tempat-tempat sekian, sudah tentu ramai manusia berlumba-lumba datang merebutnya walaupun terpaksa berjaga seluruh malam tersebut. Rasulullah saw telah menggembirakan kita dengan sabdanya:

"ليس صلاة أثقل على المنافقين من صلاة الفجر والعشاء ولو يعلمون ما فيهما لأتوهما ولو حبوا"

*"Dari Abu Hurairah, Rasulullah saw bersabda: Tiada solat yang paling berat kepada orang-orang munafiq kecuali solat subuh dan isha. Dan sekiranya mereka tahu apa yang ada pada keduanya, nescaya mereka mendatangi keduanya walaupun terpaksa merangkak-rangkak."* Muttafaqun Alaih

Sesungguhnya rumah yang dihidupkan dengan solat tahajjud di tengah malam adalah rumah yang diselubungi malaikat, dicurahi rahmat dan dilimpahi kebahagiaan yang sejati, alangkah patutnya suami isteri bangun bersama-sama bertahajjud di tengah malam supaya rumah mereka dilimpahi rahmat dan bahagia seperti ini. Telah berkata Abu Hurairah:

"رحم الله رجلا قام من الليل فصلى وأيقظ امرأته فإن أبت نصح في وجهها الماء . رحم الله امرأة قامت من الليل فصلت وأيقظت زوجها فإن أبى نضحت في وجهه الماء"

*"Telah bersabda Rasulullah saw: Semoga Allah memberi rahmat kepada seorang lelaki yang bangun di tengah malam lalu solat dan membangunkan isterinya, jika dia tidak mahu dia merenjis air di mukanya. Semoga Allah memberi rahmat kepada seorang perempuan yang telah bangun di tengah malam lalu dia solat dan membangunkan suaminya, kalau dia tidak mahu dia merenjiskan air di mukanya."* Riwayat Abu Daud dengan sanad sahih.

Wahai saudaraku!

Hampirkanlah diri saudara kepada Allah dengan berbagai-bagai solat sunat dan yang paling afdhal ialah qiyamullail bertahajjud di tengah-tengah malam tatkala manusia tidur nyenyak seperti yang telah ditegaskan oleh Rasulullah saw dengan sabdanya:

"أفضل الصلاة بعد المكتوبة قيام الليل"

*"Semulia-mulia solat setelah solat fardhu ialah solat tahajjud di tengah malam."* Riwayat Muslim

Yang boleh menolong saudara bersolat tahajjud ialah berniat ikhlas, menghadirkan keazaman, memperbaharui taubat, menjauhi maksiat di siang hari, tidur cepat dan tidur sekejap selepas solat zuhur (sekira mungkin) dan mohonlah pertolongan dari Allah.

Menjadi satu perkara penting kepada setiap muslim terutamanya kepada para pendakwah supaya sentiasa bangun malam bertahajjud untuk mengambil bekalan yang istimewa dari solat tahajjud. Rasulullah saw telah bersabda kepada Abdullah Ibn Amru Ibn Al-Aas:

"يا عبد الله لا تكن مثل فلان كان يقوم الليل فترك قيام الليل"

*"Hai Abdullah! Janganlah jadi seperti si fulan yang tadinya bangun malam kemudian dia meninggalkannya ibadah qiyamullail."* Muttafaqun Alaih

Aisyah berkata, maksudnya:

"كانت صلاة رسول الله صلى الله عليه وسلم عشر ركعات ويوتر بسجدة , ويركع ركعتي الفجر فتلك ثلاث عشرة ركعة"

*"Adalah solat Rasulullah - di waktu malam - sepuluh rakaat dan witir satu rakaat dan kemudian dia solat dua rakaat sebelum solat subuh. Jadi tiga belas rakaat."*

Alangkah banyaknya bekalan dari doa ma'thur ini dari Rasulullah saw tatkala solat tahajjud. Berkata Ibn Abbas:

*"Adalah Rasulullah apabila bangun solat tahajjud di malam hari baginda bersabda: Ya Allah, ya Tuhan, bagiMu segala puja dan puji. Engkau raja segala raja. Seluruh langit dan bumi serta segenap isi dan penghuninya, kepunyaanMu semuanya. Engkau mengatur sekaliannya dengan sempurna, tiada sesuatu pun yang ketinggalan. Engkau Hak dan Nyata. JanjiMu tepat. Pasti kami akan bertemu dengan Engkau, kata-kataMu benar, kenyataan syurga dan neraka, kesejahteraan dan kesengsaraan tidak dapat disangkal lagi. Kebenaran para nabi dan Muhammad saw, tidak dapat pula dibantah, tuntutan tanggungjawab, perhitungan neraca dan hari pembalasan pasti tiba saatnya. Ya Allah, ya Tuhan, aku menyerah dan tunduk kepadaMu, beriman dan yakin akan Engkau, bertawakkal kepadaMu. Di pihakMu aku berdiri dan padaMu aku bertahkim, maka ampunilah kelalaianku dan tutupilah kelemahanku, baik yang lampau mahupun yang kini dan yang mendatang, yang lahir dan batin serta yang Engkau lebih tahu daripadaku. Engkau yang memajukan dan Engkau pula yang memundurkan. Dan tiada Tuhan selain Engkau. Serta tiada helah mahupun kekuatan kecuali denganMu jua."* Riwayat Bukhari

Di dalam risalahnya Imam Hassan Al-Banna telah mendorong anggota Ikhwanul Muslimin bertahajjud di tengah malam, dia berkata: "Wahai saudaraku! Boleh jadi sebaik-baik waktu bermunajat, berbisik-bisik dengan Allah ialah tatkala bersunyi-sunyi dengan Tuhanmu, tatkala kebanyakan manusia tidur nyenyak dan seluruh alam sunyi sepi. Apabila malam melabuhkan tirainya, dan bintang-bintang telah ghaib lalu saudara menghadirkan hati di hadapan Allah dan saudara mengingat Tuhan saudara dan

saudara membanding-bandingkan kelemahan saudara dengan kebesaran Tuhan saudara lalu saudara bermesra-mesra ke hadratNya dan tenteramlah hati saudara dengan mengingatNya, bergembira denganNya, bergembira dengan rahmat kurniaNya. Menangis kerana takut kepadaNya, merasai intipanNya dan saudara sungguh-sungguh merayu kepadaNya dan bersungguh memohon keampunan dan mengemukakan segala hajat saudara kepada yang tidak dapat dilemahkan oleh sesuatu dan tidak leka dari sesuatu oleh sesuatu. Seperti firman Allah:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

*"Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: Jadilah engkau! Maka ia terus menjadi."* Yasin: 82

Dan saudara mintalah dunia dan akhirat saudara dan dakwah saudara. Memohon dikabulkan segala cita-cita dan harapan saudara, mohon kebaikan untuk tanahair, keluarga, sanak saudara dan untuk diri saudara sendiri. Firman Allah:

وَمَا جَعَلَهُ ٱللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلِتَطْمَئِنَّ قُلُوبُكُم بِهِۦ ۗ وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١٢٦﴾

*"Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu, dan supaya kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Ali Imran: 126

Sesungguhnya keseronokan, kelazatan dan kebahagiaan yang sejati yang tidak dapat digambarkan yang terdapat di dalam qiyamullail dan munajat dengan Allah itu telah menghilangkan segala penat tubuh badan dan keletihan kerana berdiri dengan tapak kaki bertahajjud. Kita lihat kekasih kita yang tercinta Nabi Muhammad saw bangun bertahajjud dan berdiri begitu lama sehingga bengkak-bengkak kakinya tetapi sedikit pun baginda tidak merasakan susah dan penat kerana baginda telah karam dalan lautan cinta kepada Allah dan telah merasa seronok dan enak menghampiri Allah dan berbisik-bisik dengan Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Setengah para Solihin pernah berkata yang bermaksud: "Tidak ada nikmat di dunia yang menyerupai nikmat syurga di akhirat kecuali nikmat yang ada di dalam qiyamullail, bertahajjud di tengah-tengah malam yang hanya dirasai oleh orang-orang bertahajjud. Marilah kita bersungguh-sungguh bertahajjud supaya kita juga merasai nikmat dan bahagia yang sedemikian."

Akhirnya saya katakan kepada saudara: "Bangunlah di tengah malam seperti bangunnya seorang hamba yang fakir, yang hina dan yang menyeludup di tengah-tengah

malam untuk mengetuk pintu tuannya yang pemurah, dan berdiri di depan pintunya dengan keadaan lesu, hina, dengan penuh rasa bersalah dan mengakui segaladosanya dan merasa sangat berhajat kepada keampunan tuannya, berharap kepada keredhaannya, berharap kepada rahmat kurnianya dan berharap kepada hidayahnya. Saudara! Ketuklah pintu Tuhanmu di kegelapan malam dengan beberapa rakaat solat tahajjud dengan penuh khusyuk, beberapa sujud yang panjang, doa-doa yang ikhlas, tasbih dan air mata yang mengalir kerana takut kepada Allah dan yakinlah bahawa Allah menerima segala permohonan saudara. Di dalam limpahan rahmat kurnia itu janganlah lupa mendoakan bagi saudara-saudaramu. Mohonlah kepada Allah supaya Dia memberi pertolongan kepada saudaramu, mujahidin pada jalanNya, para du'at, hingga mereka berjaya menegakkan agama Allah supaya kalimah Allah menjadi tinggi mengalahkan segala agama dan menguasai bumi Allah ini.

Wahai diriku berbaktilah kepada Tuhanmu.
Solatlah tatkala datang bencana.
Supaya hati suci dari segala noda dunia.
Limpahkanlah diri dengan air mata.
Siramilah dia dalam solat.
Kerana Tuhan akan memperkenankan.
Permohonan dari diri-diri yang menangis.

## BAB 12 DAN DI DALAM ZIKIR DAN DOA, ADA BEKALAN

وفي الذكر والدعاء ... زاد

Firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذْكُرُواْ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلاً ﴿٤٢﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya;" "Dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang."* Al-Ahzab: 41-42

Allah adalah matlamat kita, Dialah yang menjadikan kita dan memberi rezeki kepada kita, maka apakah patut untuk kita melupaiNya? Apakah ada sesuatu yang lain yang membolehkan kita merasa bahagia dengan mengingatinya, lebih baik dan lebih mulia dari kita mengingati dan berzikir kepada Allah? Sesungguhnya berzikir dan mengingati Allah adalah sesuatu yang tiada bandingnya. Dengan berzikir dan mengingati Allah, kita menghampirkan diri kepada Allah, bermesra denganNya, merasa tenteram denganNya, lapang dada dengan nurNya, keselamatan dan keamanan, penyerahan dan menyerahkan segala urusan kepadaNya. Tidak ada lagi ketakutan, kegoncangan, kecelakaan dan kegemparan. Firman Allah:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

*"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia."* Ar-Ra'd: 28

Setiap kali saudara mengingati Allah saudara bersama dengan Allah dan Allah bersama dengan saudara. Saudara bersama dengan Allah yang Maha Kaya, Maha Kuat, Maha Penyayang, yang memberi rezeki, yang di tanganNya segala urusan dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Oleh itu saudara tidak berhajat lagi kepada suatu apa pun jua. Apakah lagi yang kurang bagi seorang yang mendapati Allah? Tidak ada lagi yang kurang. Semuanya beres. Apakah pula yang ada bagi seorang yang tidak mendapati Allah? Tidak ada apa-apa baginya.

Setiap kali saudara mengingati Allah dengan menyebut satu dari nama-namaNya atau satu dari sifat-sifatNya-yang indah dan mulia, nescaya akan meninggalkan kesan dan pengaruh yang istimewa di dalam jiwa dan hati saudara. Ia akan memberi bekalan kepada rohani saudara yang mengangkat diri saudara dan diri saudara akan bertambah naik menghampiri Allah setiap saudara bertambah banyak mengingkari Allah. Adapun orang yang lupa kepada Allah, tidak berzikir kepada Allah, dia sentiasa terdedah

kepada gangguan dan tipu daya syaitan. Syaitan akan mendorongnya melakukan maksiat, dosa dan berbagai-bagai lagi kejahatan zahir dan batin. Terus meneruslah syaitan itu menarik ia turun ke tempat yang paling rendah dan hina. Memang tepatlah firman Allah:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

*"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keEsaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai."* Al-A'raf: 179

Firman Allah lagi:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

*"Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)."* Al-Baqarah: 152

Adakah lagi darjat yang lebih tinggi dari darjat orang yang berzikir dan mengingati Allah lalu dia berada di dalam jagaan Allah, peliharaan Allah, rahmat dan limpah kurniaNya. Rasulullah saw telah bersabda:

"يقول الله تعالى أنا عند ظن عبدي بي وأنا معه إذا ذكرني فإن ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي وإن ذكرني في ملأ ذكرته في ملأ خير منهم"

*"Telah berfirman Allah: Aku berada di dalam sangkaan hambaKu dan Aku bersama dia apabila dia mengingatiKu. Jika dia mengingatiKu pada dirinya, Aku ingat dia pada diriKu. Jika mengingatKu di tengah orang ramai, Aku sebut dan ingat dia di tengah orang ramai yang lebih baik dari mereka."* Hadis riwayat Bukhari dan Muslim

Sesungguhnya dengan mengingati Allah, kita telah melepaskan diri kita dari suasana yang buruk dan keji, dari fitnah yang berkecamuk, kita bersihkan hati kita untuk menuju Allah dan kita ikhlas kepadaNya. Itulah sebabnya Allah memerintahkan kita di dalam firmanNya:

فَفِرُّوٓاْ إِلَى ٱللَّهِۖ إِنِّي لَكُم مِّنۡهُ نَذِيرٞ مُّبِينٞ ۝٥٠

*"(Katakanlah wahai Muhammad kepada mereka): Maka segeralah kamu kembali kepada Allah (dengan bertaubat dan taat), sesungguhnya aku diutuskan Allah kepada kamu, sebagai pemberi amaran yang nyata."* Az-Zariyat: 50

Apabila kita berzikir dan mengingati Allah syaitan akan lari jauh dari kita bersama-sama dengan was-wasnya dan meninggalkan kita dan kita bersih dan kekotorannya.

Apabila kita menghayati tiap-tiap sifat Allah atau nama Allah kita ingat Dia dengan sifat-sifatNya, dengan nama-namaNya dan akan bertambahlah iman kita kepadaNya, bertambah-tambahlah kita mengagungkan Allah dan ini adalah sebaik-baik bekalan di sepanjang jalan hidup, jalan dakwah dan jalan jihad pada jalan Allah.

Rahmat yang menyelubungi kita dan sakinah yang melimpahi kita tatkala kita duduk mengingati Allah, semuanya itu adalah kebaikan dan bekalan yang besar. Menurut hadis riwayat Muslim:

"لا يقعد قوم يذكرون الله عز وجل إلا حفتهم الملائكة وغشيتهم الرحمة"

*"Tidak pernah duduk satu kaum yang mengingati Allah yang berzikir menyebut nama Allah kecuali mereka dikelilingi oleh malaikat dan diselubungi rahmat dan dilimpahi sakinah dan Allah menyebut mereka di kalangan malaikat yang ada di sisi Allah."*

Mengingat Allah dan menyebut namaNya inilah yang mendorong kita untuk menghiasi diri kita dengan sifat-sifat yang mulia yang layak untuk kita, bukan sifat-sifat yang tidak layak untuk kita. Setiap kali kita mengingati Allah Yang Maha Penyayang, yang memberi kebaikan, yang Halim, yang Mulia, Asy-Syabur, Asy-Syakur, yang Maha Pengampun, kita dapati diri kita mendapat rahmat dari Allah dan kita mesti mengasihani sesiapa yang ada di bumi. Kita mesti mengasihi mahkluk Allah di bumi terutamanya golongan yang memerlukan pertolongan dan bantuan supaya Allah mengasihi kita. Kita mesti memaafkan sesiapa yang berbuat kesalahan kepada kita supaya Allah memaafkan kita. Ini adalah bekalan yang besar di sepanjang jalan dakwah.

Oleh kerana banyaknya kebaikan yang terkandung di dalam zikrullah, mengingati Allah di setiap masa dan keadaan kita, Allah menyuruh kita supaya sentiasa mengingati Allah, berzikir dan memuji Allah. Ini adalah supaya kita memperoleh segala kebaikan ini dan supaya kita sentiasa disertai Allah. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذْكُرُواْ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾ هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya;" "Dan bertasbihlah kamu kepadanya pada waktu pagi dan petang." "Dialah yang memberi rahmat kepada kamu - dan malaikatNya pula (berdoa bagi kamu) - untuk mengeluarkan kamu dari gelap-gelita (kufur dan maksiat) kepada cahaya yang terang-benderang (iman dari taat); dan adalah ia sentiasa melimpah-limpah rahmatNya kepada orang-orang yang beriman (di dunia dan di Akhirat)."* Al-Ahzab: 41-43

Allah memuji orang-orang yang beriman di dalam firmanNya:

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَٰذَا بَٰطِلًا سُبْحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

*"(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."* Ali Imran: 191

Ini adalah kemuliaan dan kelebihan yang diberikan Allah kepada kita kerana kita diizinkan mengingati Dia di setiap waktu dan keadaan walaupun dalam keadaan kita berbaring. Maha Suci Engkau wahai Tuhanku alangkah pemurahnya Engkau.

Wahai saudaraku, bersungguh-sungguh membiasakan lidah saudara supaya sentiasa basah dengan menyebut nama Allah, zikrullah, lalu saudara ingat Allah di dalam waktu saudara makan, minum, memakai pakaian, di waktu hendak tidur, bangun tidur, dan di dalam perjalanan saudara, di dalam kerja dan di dalam segala keadaan dan suasana apa sekalipun. Janganlah membiarkan satu saat berlalu begitu sahaja tanpa berzikir kepada Allah. Sekiranya saudara di dalam suasana tidak membuat satu amal ibadat, maka penuhilah masa itu dengan zikrullah supaya saudara sentiasa memperbanyakkan kebaikan dan memperoleh ketenteraman. Juga supaya saudara sentiasa disertai Allah dan sentiasa mendapat keampunan Allah.

Ketahuilah wahai saudara bahawa mengingati Allah itu mesti dengan hati terlebih dahulu baharu menyebutnya dengan lidah. Apabila kita mengingat Allah dengan hati kita, akan mengalirlah ke segenap anggota kita. Lidah kita akan menyebut

nama Allah lalu lidah kita tidak akan memperkatakan sesuatu kecuali perkara-perkara yang baik sahaja. Mata kita tidak akan memandang kecuali yang halal sahaja. Telinga kita tidak akan mendengar kecuali apa-apa yang diredhai Allah. Tangan kita tidak akan bergerak kecuali untuk membuat kebaikan sahaja dan sama sekali tidak akan bergerak untuk melakukan kejahatan dan kemaksiatan. Kaki kita tidak akan berjalan menuju kepada perkara yang mungkar dan dusta. Demikianlah seterusnya sehinggalah seluruh anggota kita hanyalah untuk membuat kebaikan dan menjauhi segala yang dimurkai Allah. Otak kita tidak akan memikirkan sesuatu yang haram dan hati kita hanyalah mengingat Allah dan berazam terus menerus untuk melakukan segala perkara yang diredhai Allah.

Dengan pengertian zikrullah yang syumul dan lengkap ini saudara akan sentiasa memerhatikan dan mengintai-intai Allah dan mengingati bahawa Allah sentiasa melihat dan menjaga saudara. Itulah zikrullah. Bertaubat itu zikrullah. Berfikir untuk melaksanakan yang baik itu zikrullah. Memikirkan segala makhluk-makhluk Allah, ayat-ayat Allah yang terpampang dan tertulis adalah juga zikrullah. Menuntut ilmu dan juga mengajarkannya juga adalah zikrullah. Mencari rezeki yang halal dengan niat yang baik adalah zikrullah. Apa sahaja perkara yang baik yang kita buat dengan tujuan yang baik untuk menyempurnakan tugas kita adalah zikrullah. Suasana dan keadaan dan mengingat Allah di kala kita keseorangan dan sunyi sepi adalah mempunyai pengaruh yang mendalam. Ia melahirkan rasa nikmat dan kemanisan di dalam hati, menyinari hati dan melapangkan dada terutama tatkala air mata bercucuran kerana takut kepada Allah. Sesungguhnya salah satu golongan yang dinaungi Allah pada hari di mana tiada naungan kecuali naungan Allah ialah orang yang mengingati Allah di waktu sunyi sepi lalu bercucuranlah air matanya kerana takut akan Allah.

Manusia seringkali ditimpa kemalangan dan bencana di dalam hidup mereka, lalu mereka mencari ketenteraman dan kebahagiaan. Untuk itu mereka membelanjakan apa yang ada pada mereka, waktu yang banyak dan tenaga yang banyak dengan harapan supaya mereka mencapai semuanya ini. Sebenamya mereka tidak akan dapat mencapainya kerana ketenteraman dan kebahagiaan yang sejati itu hanya dapat dicapai dengan zikrullah, dengan mengingati Allah dan berdoa kepadaNya dengan ikhlas.

Golongan yang lupa dan kafir itu hanyalah mengingati Allah tatkala mereka ditimpa bencana dan kesusahan. Di waktu itu barulah mereka memohon kepada Allah supaya mereka diselamatkan dari bahaya dan bencana. Akan tetapi setelah mereka selamat, setelah mereka merasa aman, mereka akan kembali semula mengerjakan kejahatan dan kemungkaran dan terus menerus menjadi lupa dan leka. Adapun golongan mukminin, mereka itu sentiasa mengingati Allah di waktu senang dan di waktu susah. Mereka memuji Allah dan mengingat kepada Allah di dalam segala suasana dan keadaan dan mereka tidak melupakan Allah, di manapun mereka berada.

Golongan mukmin mengingat Allah tatkala menerima nikmat dan kesenangan dari Allah dengan bersyukur kepada Allah lalu dipergunakan semuanya itu untuk mencari keredhaan Allah. Apabila ditimpa bencana dan kesusahan, mereka ingat kepada Allah dan memuji Allah lalu memohon kepada Allah supaya Allah menolak segala bala dan bencana itu. Mereka bersabar dan berserah kepada Allah. Di waktu mendapat nikmat, mereka tidak mabuk atau lupa daratan dan tatkala ditimpa bala atau bencana mereka tidak berputus asa. Mereka sentiasa memuji Allah di dalam segala suasana. "Alhamdulillahi rabbil alamin ala kulli haal" Demikianlah ucapan mereka dan sikap mereka. Oleh kerana itu mereka sentiasa merasa aman, tenteram dan bahagia di mana pun mereka berada.

Seorang saudara kita telah dipenjarakan oleh pihak taghut. Dia dimasukkan ke dalam bilik yang sempit dan gelap. Tinggallah dia di situ keseorangan tetapi dia merasa aman dan tenteram kerana dia sentiasa ingat kepada Allah dan berzikir kepadaNya. Dia tidak merasa susah atau pun sempit bahkan dia merasa lapang lantaran zikrullah. Tatkala penjaga penjara membuka tingkap untuk memberi sedikit kerehatan kepadanya, saudara tersebut merasa susah hati kerana merasa terganggu dan dipesongkan dari mengingati Allah.

Satu dari limpah kurnia dan ganjaranNya yang baik kepada kita yang mengingati Allah ialah sabda Rasulullah saw:

*"Barangsiapa yang sibuk mengingati Aku lalu tidak sempat meminta kepadaKu. Aku beri kepadanya lebih baik dari apa yang diminta dari orang-orang yang meminta."*

Sesungguhnya tahlil, takbir, tasbih, istighfar, tahmid dan lain-lain pujian dan zikrullah dan berselawat kepada Rasulullah saw, semua itu mengandungi kemulian yang agung, kebaikan yang banyak serta pahala yang besar. Banyak lagi ayat-ayat dan hadis-hadis yang menjelaskan bagaimana baik dan mulianya zikrullah ini. Sudah sepatutnyalah kita merebut peluang keemasan ini lalu kita memperbanyakkan zikrullah, untuk membuat kebaikan yang banyak dan menolak berbagai-bagai kejahatan lahir dan batin.

Adapun doa itu adalah perkara yang sangat penting dan ia menjadi sumber bekalan yang sangat penting. Menurut pengertiannya, doa itu adalah rasa kefakiran seorang hamba kepada Tuhannya kerana dia merasakan kudrat kuasa Allah yang Maha Kuasa dan segala urusan itu adalah di dalam genggaman Allah. Inilah yang dinamakan perhambaan dan penyerahan diri kepada Allah dan beriman kepadaNya. Dia merasa lemah longlai di hadapan Allah dan merasa hancur berderai di hadapan Allah, lalu dia merayu-rayu dengan penuh rasa hina di hadapan Allah. Dia dapat merasakan limpah kurnia dan kemurahan Allah, merasakan ihsan Allah dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala-galanya. Apabila hatinya hidup dengan pengertian seperti ini, inilah yang sebenarnya menjadi bekalan yang sangat besar untuk kita di sepanjang hidup dan di sepanjang jalan dakwah dan jihad di jalan Allah.

Berdoa itu adalah ibadat, bahkan itulah intisari ibadat. Keengganan untuk berdoa adalah melambangkan kesombongan dan keingkaran kepada Allah. Satu daripada limpah kurnia Allah kepada kita iaitu Dia menyeru kita supaya kita berdoa kepadaNya dan Dia berjanji untuk mengabulkan doa kita. Dari Nu'man bin Basyir bahawasanya Rasulullah saw bersabda:

*"Doa itu adalah ibadat: Kemudian Rasulullah saw membaca ayat di dalam surah Ghafir: 60: Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepadaKu nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembahKu akan masuk ke neraka jahanam dalam keadaan hina dina."* Hadis riwayat Abu Daud

Berkata Abu Hurairah bahawa Rasulullah saw telah bersabda:

"من لم يسال الله يغضب عليه"

*"Barangsiapa tidak mahu meminta kepada Allah, Allah murka kepadanya."* Riwayat At-Tarmizi

Alangkah baiknya jika saudara saling doa mendoakan di antara saudara agar tiap kita mendoakan, supaya saudara kita mendapat rahmat dan hidayah, bahagia dan kebaikan dari Allah. Sekiranya kita berdoa kepada Allah untuk saudara kita supaya dia mendapat kebaikan, malaikat akan mendoakan untuknya yang demikian juga. Ini menurut pengertian hadis yang diriwayatkan oleh Muslim.

Seorang yang soleh berkata: "Berdoalah kepada Allah dengan lidah yang tidak pernah kamu gunakan berbuat maksiat". Ditanya kepadanya bagaimana? Dia menjawab: "Iaitu engkau meminta saudaramu supaya berdoa untuk mu". Ini juga untuk menguatkan ikatan cinta di kalangan saudara-saudara kita dengan kita dan mengukuhkan persaudaraan kerana Allah. Persaudaraan pada jalan Allah.

Ada beberapa waktu yang tertentu di mana doa kita akan mudah diterima Allah. Bolehlah saudara merujuk pada hadis-hadis yang berkenaan. Di antaranya ialah pada malam lailatul qadr, di bulan Ramadhan, di antara azan dan iqamah, di waktu sujud, di waktu perjalanan, di waktu turun hujan, waktu dinihari menjelang fajar dan di waktu-waktu yang lain yang telah disebutkan oleh hadis-hadis Rasulullah saw. Terutama ialah pada waktu kita teraniaya dan dizalimi.

Terdapat banyak doa-doa yang tersebut dalam Al-Quran, doa-doa dari Rasulullah saw, dan doa dari orang-orang yang soleh yang boleh kita amalkan kerana di dalamnya terdapat banyak kebaikan.

Perlu diingat bahawa ada adab-adab yang mesti dilazimi dan diamalkan supaya doa kita itu diterima dan diperkenankan oleh Allah. Di antaranya hati kita mesti hadir, mesti khusyuk, mesti tenang, mesti dilakukan dengan cara yang beradab dan ta'azim di hadapan Allah. Ianya hendaklah dimulakan dengan alhamdulillah (memuji Allah) dan berselawat kepada Rasulullah saw dan disudahi dengannya, ia hendaklah dilakukan dengan penuh perhatian, dengan penuh ketenteraman, tidak mengangkat suara lebih dari semestinya di waktu berdoa dan berzikir. Baiklah kita pilih-pilih doa-doa yang meliputi berbagai kebaikan dunia dan akhirat dan mengulanginya tiga kali, dan kita yakin Allah akan menerimanya.

Tidak perlulah kita bergopoh-gapah untuk meminta supaya dapat melihat hasil doa kita itu. Serahkanlah sahaja kepada Allah menurut masa yang dikehendakiNya. Janganlah kita berdoa untuk mendapat kecelakaan dan kesusahan untuk diri, keluarga dan harta. Jika kita berdoa, mohonlah yang pertama-tamanya untuk diri dan kemudian dari itu barulah untuk orang lain.

Barangsiapa mengamalkan dan memelihara adab-adab berdoa dan berzikir tadi, nescaya dia akan mendapat kesannya yang baik dengan izin Allah; iaitu merasa di dalam hatinya kemanisan iman, jiwanya bersinar, dadanya lapang dan mendapat limpah kumia dari Allah.

Apabila kita selesai dari mengerjakan doa dan zikir ini, hendaklah kita bersikap tenang, beradab dan khusyuk tanpa bising dan bercakap yang sia-sia yang boleh jadi akan menghapuskan faedah doa dan zikir itu, menghilangkan kesan dan pengaruhnya pada kita.

## BAB 13 DAN DI DALAM MENGIKUTI SUNNAH (1) ADA BEKALAN

## وفي اتباع السنة ... زاد

Sunnah itu mempunyai kedudukan yang istimewa dan sangat penting disematkan di hati umat Islam. Ia merupakan perlaksanaan yang sebenarnya, kenyataan yang sempurna dan yang pertama bagi Islam yang telah terlaksana di tangan Rasulullah saw. Itulah manhaj dan cara yang paling salim (selamat) di dalam kehidupan ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah pada hamba-hambaNya. Sunnah itu merupakan penerangan secara teliti bagi Kitabullah, juga merupakan sumber yang kedua di dalam perundangan Islam. KeIslaman seseorang itu tidak diterima jika meninggalkan atau menolak sunnah. Sebagaimana Al-Quran menjadi sumber perundangan Islam yang kaya untuk menjadi bekalan, demikianlah juga sunnah itu menjadi sumber yang penuh dengan bekalan.

Terlebih dahulu, lebih baiklah kita membicarakan tentang kepentingan sunnah dan kedudukannya sebelum kita membicarakan bekalan yang akan kita dapati dari sunnah itu. Dengan itu kita dapat memperoleh dorongan yang kuat untuk mengikuti sunnah tanpa cuai dan sentiasa hampir kepadanya, terutamanya di zaman ini di mana kita dapati suatu golongan manusia melaungkan kata-kata sumbang yang cuba meremeh-remehkan kepentingan sunnah ataupun meragui kepentingannya.

Sunnah Rasulullah saw adalah cara hidup Rasulullah saw, perbuatan, perkataan dan pengakuan Rasulullah saw.

Sesungguhnya pendirian kita terhadap sunnah itu jugalah yang menentukan pendirian kita terhadap Islam itu sendiri. Jika kita terima ajaran Islam menurut apa yang telah ditetapkan aleh Al-Qura sebagaimana yang disampaikan oleh Rasulullah saw kepada kita, maka wajiblah kita menerimanya, menerima keseluruhannya, selengkapnya tanpa menguranginya.

Wajarkah kita ragu-ragu untuk mengikuti Rasulullah saw, mengikuti hidayah dan sunnah, padahal Allah menyuruh kita mengikutinya sesuai dengan perintah Allah di dalam Al-Quran:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

*"Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi*

*Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)."* Al-Hasyr: 7

Firman Allah lagi:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

*"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada kitab Allah dan sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat: dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan."* An-Nur: 51

Firman Allah lagi:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

*"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya."* An-Nisa: 65

Firman Allah lagi:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾ قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." "Katakanlah (wahai Muhammad):*

*Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir."* Ali Imran: 31-32

Setelah begitu nyata dan terang di dalam Al-Qura bagaimana Allah mengikat cinta kita kepada Allah dan cinta Allah kepada kita dengan mengikuti sunnah Rasulullah saw yang tercinta, patutkah lagi seorang muslim yang benar merasa ragu-ragu dan ter-agak-agak untuk bersegera mengikuti sunnah Rasulullah saw? Sudah tentu muslim ini akan mendapat dorongan yang begitu kuat untuk mengikuti sunnah Rasulullah saw di dalam segala keadaan dan urusannya supaya dia dicintai Allah dan RasulNya dan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Jika kita yakin yang Al-Quran itu kalam Allah dan firman Allah dan kita yakin Muhammad itu pesuruh Allah, sudah tentu kita wajib mengikuti hidayah dan pimpinan Rasulullah saw tanpa ragu dan teragak-agak lagi.

Sesungguhnya segala ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw adalah perkara yang paling penting kepada manusia. Tidak akan ada kebaikan dan kejayaan bagi kita kecuali beriltizam dan mengikuti dengan sepenuh ikhlas dan redha kepada Al-Quran dan sunnah. Firman Allah:

قَالَ ٱهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعًۢا ۖ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾ وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

*"Allah berfirman: Turunlah kamu berdua dari syurga itu, bersama-sama, dalam keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain; kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu, maka sesiapa yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara." "Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta."* Taha: 123-124

Rasulullah saw telah bersabda:

"تركت فيكم ما أن تمسكتم به لن تضلوا بعدى أبدا كتاب الله وسنتى"

*"Aku tinggalkan padamu dua perkara selagi kamu berpegang kepada keduanya, nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Kitabullah dan sunnahku."*

Sesungguhnya mereka yang hidup bersama-sama dengan Rasulullah saw (para sahabat) telah melihat sebesar-besar perkara dan sepenting-penting perkara. Mereka melihat peristiwa-peristiwa yang paling besar di dalam ucapan dan perbuatan Rasulullah saw. Bukan hanya kerana sikap dan peribadi Rasulullah saw yang agung itu telah mempengaruhi hidup dan sikap mereka lalu menawan hati dan fikiran mereka bahkan mereka yakin sepenuhnya bahawa yang demikian itu adalah perintah Allah untuk mengatur hidup mereka, mengatur urusan mereka dari yang sebesar-besarnya hingga kepada yang sekecil-kecilnya. Mereka bersungguh-sungguh supaya tidak ada satu pun dari ucapan dan perbuatan Rasulullah saw yang luput dari mereka.

Sesungguhnya risalah kita, amanah kita dan tugas kita di dalam hidup di dunia ini ialah beribadat kepada Allah. Ini membawa pengertian bahawa segenap kegiatan hidup di segala jurusan mesti mengikuti dan sesuai dengan syariat Allah menurut apa yang telah dilaksanakan dan diajarkan oleh Rasulullah saw. Dengan beribadat kepada Allah kita akan mencapai keredhaan Allah dan berjaya memasuki syurgaNya dan terpelihara dari api neraka.

Pengertian ibadah bukan setakat solat, puasa, zakat dan haji sahaja bahkan pengertian ibadat di sini merangkumi seluruh bidang kehidupan dan seluruh kegiatan hidup ini asalkan ianya dilakukan dengan niat untuk mencari redha Allah dan di dalam batas-batas syarak. Oleh itu perlulah kita mempelajari dengan bersungguh-sungguh akan Al-Quran, sunnah Rasulullah saw dan perundangan Islam. Semuanya ini adalah semata-mata untuk mencari keredhaan Allah lalu hidup kita dan segala kegiatannya akan merupakan ibadat kepada Allah.

Marilah kita fikirkan. Pereka dan pembuat barang-barang dan alat perkakas tidak lupa untuk menyertakan "kertas panduan mengguna" (instruction manual) setiap kali mereka menjual barang-barang mereka. Ini adalah untuk menjamin supaya barang mereka tidak disalahgunakan, digunakan menurut cara-cara yang sewajarnya dan supaya barang itu tidak mudah rosak.

Kita sebagai golongan mukminin yakin bahawa Allah yang menciptakan kita, yang mengetahui segala perkara yang berkaitan dengan kita, mengetahui apa yang yang berfaedah dan apa-apa yang merosakkan kita, apa-apa yang baik dan apa-apa yang buruk untuk kita. Allah telah menyediakan Buku Panduan untuk diikuti oleh manusia di dalam kehidupannya. Buku panduan itu ialah Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw. Mengapakah kita tergamak untuk menyalahi segala ketentuan-ketentuan yang telah ditetapkan untuk kita lalu kita menolak segala ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran dan As-Sunnah dan mengambil sistem perundangan buatan manusia sebagai gantinya? Natijah dan akibat yang pasti dari sikap dan tindakan yang demikian tidak lain dan tidak bukan hanyalah kehancuran, kecelakaan, kebingungan, dan kesesatan. Sebaliknya kita akan dinafikan dari kehidupan yang baik, tenteram dan aman damai dan

kita akan dijauhkan dari segala kebahagiaan lahir batin jauh dari bahagia dunia dan akhirat. Semoga dijauhkan Allah yang demikian itu daripada kita.

Sesungguhnya sunnah itu adalah misalan dan contoh teladan yang telah ditegakkan oleh Rasulullah saw dari segala perkataan dan amalannya. Kehidupan Rasulullah saw itu adalah perlaksanaan yang hidup dan tafsiran yang nyata terhadap Al-Quran. Kita tidak dapat menghargai Al-Quran lebih daripada mengikuti apa yang telah diwahyukan kepada Rasulullah saw dan disampaikan kepada kita.

Sesungguhnya mengikuti Rasulullah saw di segala urusan hidup kita, inilah yang menjadikan hidup kita sentiasa di dalam keadaan penuh kesedaran dan keinsafan serta menguasai diri. Lantaran itu segala perkara yang kita buat atau kita katakan, menurut kehendak kita adalah patuh di bawah arahan dan penelitian yang istimewa dari rohani kita. Jadi kita lebih dahulu menguasai diri kita, menghisab diri kita sebelum kita dihisab oleh Allah. Ini adalah bekalan yang penting dan sungguh besar nilainya.

Kita juga mendapat faedah ijtima'i dari sikap mengikuti sunnah. Perbezaan tabiat, kecenderungan dan minat di kalangan manusia telah melahirkan beberapa adat yang lama kelamaan membawa persengketaan dan pertentangan di dalam masyarakat manusia. Akan tetapi Islam yang hanif, yang benar dan sempurna itu membawa setiap orang kepada satu cara hidup, satu sistem hidup yang lengkap yang mengatur hidup mereka dengan segala urusan yang dengannya minat mereka, kecenderungan mereka selaras, harmoni, seirama dan aman damai walau bagaimanapun perbezaan ekonomi dan sosial mereka. Lantaran itu tiap-tiap muslim di dalam masyarakat dan negaranya menjadi seperti batu bata yang telah dibentuk mengikut acuan yang tertentu yang selaras dan seirama dengan saudara-saudara mereka di dalam sebuah bangunan yang telah tersusun rapi tanpa bengkok, tanpa keganjilan dan permusuhan.

Jika umat Islam ini mengikuti sunnah Nabi mereka Rasulullah saw sudah tentu cukuplah ini buat mereka. Tidak perlulah lagi buat mereka untuk memandang ke Timur atau ke Barat di dalam segala urusan mereka. Mereka akan merasai keistimewaan mereka yang tersendiri dan yang berbeza dengan bangsa-bangsa jahiliyah. Mereka berbangga dengan kemerdekaan mereka, mereka berbangga dengan keperibadian mereka yang paling istimewa. Mereka dengan itu mampu mengembangkan urusan mereka kepada masa depan yang hidup di dalam keadaan yang berdikari, percaya kepada diri sendiri dan tidak merasa perlu meniru Barat atau Timur, tetapi cukuplah bagi mereka dengan mengikuti Rasulullah saw sahaja.

Sesungguhnya sikap bertaklid kepada tamadun asing, tamadun jahiliyah di dalam kehidupan muslimin adalah satu sikap yang sangat dalam pengaruhnya dan merbahaya kerana sikap yang demikian adalah hasil dari perasaan rendah diri (inferiority complex) dan konsep yang salah dan silap. Itulah yang melahirkan satu anggapan yang salah bahawa kaum muslimin tidak akan mampu menyesuaikan diri dengan kemajuan

yang terdapat di dunia Barat atau Timur selagi mereka tidak mahu menerima kaedah-kaedah masyarakat, sosial dan ekonomi yang dipakai oleh Barat atau Timur. Ini bahaya besar dan racun yang sangat bisa sebab kita tidak mungkin bertaklid kepada satu tamadun pada kulit luarannya sahaja tanpa dipengaruhi oleh jiwa tamadun tersebut.

Sesuatu tamadun itu bukan hanya satu bentuk yang kosong, tetapi dia mempunyai jiwa dan roh yang cergas. Jadi apabila kita menerima bentuknya, segala prinsip-prinsip asasnya yang menawan, sudah tentu dia membentuk kita menurut bentuknya. Lalu kita beransur-ansur sama ada yang disedari atau tidak meninggalkan bentuk kita dan tamadun kita dengan perlahan-lahan. Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:

"من تشبه بقوم فهو منهم"

*"Barangsiapa yang menyerupai satu kaum maka dia daripada mereka."* Riwayat Abu Daud

Ramai orang menganggap adat dan tradisi Barat di dalam kehidupan mereka adalah tinggi dan sempurna, dan adat kita, tradisi kita umat Islam sudah jatuh, telah usang dan lapuk padahal hakikat yang sebenarnya merekalah yang ketinggalan zaman lalu jatuh tersungkur kerana mereka telah jauh dari sunnah Nabi mereka, telah jauh dari ajaran Islam. Sesungguhnya Rasulullah saw tidak mengucapkan sesuatu dengan al-hawa akan tetapi baginda menimba dari sumber rabbani yang bersifat sempurna. Firman Allah:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

*"Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? sedang Dia Maha Halus urusan pentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya!"* Al-Mulk: 14

Ada para pengkritik menyatakan bahawa mengikuti dan mencontohi kehidupan Rasulullah saw itu adalah merupakan satu cengkaman terhadap kemerdekaan dan me-nindas keperibadian kemanusiaan. Ini adalah satu kritik yang batil kerana kemerdekaan yang sebenarnya hanyalah terdapat di dalam iltizam, mengikut dengan taat setia kepada manhaj dan sistem hidup yang telah disampaikan kepada kita oleh Allah yang telah menjadikan, yang telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Rasulullah saw. Allah menyuruh kita mencontohi Rasulullah saw dengan firmanNya:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"* Al-Ahzab: 21

Sesungguhnya segala perintah Rasulullah saw bukanlah hanya mengandungi nasihat tentang ibadah khusus semata-mata, bahkan berhubung pula dengan urusan hidup sehari-hari. Ada orang berpendapat bahawa kita disuruh mengikuti perintah-perintah yang berhubung dengan bahagian yang pertama tetapi kita tidak disuruh mengikuti bahagian yang kedua. Pandangan ini merupakan pandangan yang dangkal dan tidak menghargai nilai dan martabat nubuwwah sekaligus tidak menghargai Rasulullah saw. Padahal tidak ada lagi satu cara hidup yang dapat menandingi sistem rabbani yang kita ikuti itu di segenap urusan hidup kita.

Mereka yang meragui sunnah dan tidak meyakini kebenaran sumbernya adalah golongan yang hina dan sentiasa dibuai hayalan. Sesungguhnya Allah telah berjanji memelihara kitabNya yang mulia itu termasuklah juga sunnah Rasulullah saw sebagaimana dalam firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَـٰفِظُونَ ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."* Al-Hijr: 9

Sesungguhnya Allah telah memberi taufiq kepada imam-imam yang mulia yang berusaha menghimpun hadis-hadis Rasulullah saw, menapis dan menyusunnya seperti Imam Bukhari, Muslim dan lain-lainnya. Mereka telah bertungkus lumus dengan segala daya dan upaya meneliti dan memeriksanya dengan penuh ketelitian menurut kaedah yang sangat teliti, jauh lebih teliti daripada yang dibuat oleh orang-orang Barat tat-kala mereka mengkaji dan mengkritik sumber sejarah yang lalu. Mereka telah menulis sejarah bagi perawi-perawi hadis sama ada lelaki ataupun wanita. Satu sejarah yang telah diuji di bawah kajian dan kritik yang halus dan tajam yang berdasarkan kaedah-kaedah yang sangat teliti, maka sekiranya tiada lagi hujah yang ilmiah yang menimbulkan keraguan pada sumber itu atau pada salah seorang perawinya yang terakhir, jika tidak ada lagi berita-berita lain yang bertentangan dengannya barulah mereka tetapkan bahawa hadis itu benar. Kebenaran sesuatu sumber itu tidak dapat disangkal selagi dia tidak mampu membuktikan kepalsuan sumber itu.

Akhirnya, wajiblah setiap muslim merasa bangga dengan agamanya dan sunnah Nabinya dan tidak hanya mengikuti pendirian orang dan sikap mereka yang menolak tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada agama dan sunnah Nabinya tetapi lebih dari itu mestilah yakin dan percaya bahawasanya Islam adalah deen yang haq, sunnah

Rasulullah saw itu adalah sebaik-baik cara hidup dan sistem kehidupan yang lengkap dan sempurna.

## BAB 14 DAN DI DALAM JIHAD FI SABILILLAH ADA BEKALAN

وفي الجهاد في سبيل الله ... زاد

Jihad di jalan Allah adalah satu kewajipan yang berterusan sehingga hari Kiamat. Sesungguhnya Allah telah berfirman:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

*"Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya."* Al-Baqarah: 216

Samalah juga dengan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-Baqarah: 183

Jihad fi sabilillah adalah satu tahap yang tinggi di dalam Islam kerana sesuatu kebenaran itu mestilah mempunyai satu kekuatan yang dapat melindunginya. Benarlah Allah yang berfirman:

ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِم بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُولُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ۗ وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا ٱسْمُ ٱللَّهِ كَثِيرًا ۗ وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

*"Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: Tuhan kami ialah Allah. Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah*

*banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa."* Al-Hajj: 40

Banyak lagi ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang membicarakan urusan jihad.

Para mujahid sangatlah berhajat kepada bekalan iman dan taqwa kepada Allah yang dapat menolongnya di segala peringkat dan langkah jihad, satu bekalan yang dapat mendorong mereka tampil ke hadapan untuk segera menyahut seruan jihad tanpa ragu dan bimbang serta tidak berat melangkah di atas muka bumi ini, satu bekalan yang menolongnya untuk bertahan dan menyerang di tengah-tengah barisan musuh yang mengganas serta tidak terlintas di hati untuk menyerah kalah. Satu bekalan yang dapat membersihkan niatnya dan segala tujuan kebendaan dan duniawi tetapi hanya semata-mata bertujuan mencari keredhaan Allah. Supaya kalimah Allah menjadi tinggi dan kalimah kafir menjadi rendah dan kalah. Perbuatan mereka semata-mata kerana hendak menegakkan hakimiyah lillah, mempertahankannya dan menyebarkannya di seluruh pelusuk bumi sehinggalah tertegaknya daulah Islamiyah dan Khilafah Fil Ard.

Dalam pada itu jihad itu sendiri adalah merupakan sumber bekalan yang sangat penting. Jadilah suasana kehidupan seseorang muslim itu sentiasa hidup di dalam bersiap sedia, mengadakan segala kelengkapan dan persiapan untuknya dengan sendirinya. Jihad mengangkat taraf mujahidin dari segala kerendahan di dunia ini, dari segala keinginan jasmani, dari segala dorongan syahwat, dari segala tipu daya dunia, ke taraf dan darjat yang tinggi dan mulia, mengangkat kepala mereka untuk mencium bau syurga dan mencari segala nikmat yang ada padanya. Sesungguhnya itu menjadi bekalan yang sangat penting di sepanjang jalan dakwah.

Para mujahidin di jalan Allah maju berjuang di medan jihad untuk kemenangan Islam supaya agama Allah itu berkuasa di muka bumi untuk kebahagiaan manusia di seluruh dunia dengan segala kebaikan dan rahmat bahagia yang terkandung di dalam Islam. Menyelamatkan mereka dari segala kejahatan, syirik kesesatan, dan kecelakaan rohani dan jasmani. Semuanya itu menjadikan para mujahidin memegang peranan yang sangat penting sehingga mereka menjadi pahlawan yang gagah berani untuk menegakkan hakimiyah lillah dan memerangi segala kejahatan, menyuruh melakukan makruf dan membawa rahmat ke seluruh alam. Berbeza dengan golongan yang mementingkan diri sendiri yang sibuk melayani tuntutan jasmani mereka dan tidak lain yang difikirkan oleh mereka kecuali perkara yang titik bengik. Mujahidin di jalan Allah terus maju menuju keredhaan Allah, dengan mengorbankan harta dan diri mereka. Itu adalah peningkatan dan pembentukan peribadi muslim.

Mujahidin yang maju di medan jihad bersungguh-sungguh mencari keredhaan Allah, lalu mereka berjaya mencapai kemenangan ataupun mati syahid. Orang seperti ini tidak pernah terlintas di hati mereka rasa hasad dengki kepada saudara-saudaranya kaum muslimin dan tidak pernah terfikir mahu membuat dosa atau

menyakiti hati seseorang atau merampas hak orang lain atau membuat sesuatu yang dimurkai Allah. Mereka tidak tergamak berbuat demikian kerana mereka telah bersedia untuk berjihad dan berpegang dan terus mati syahid di jalan Allah. Dalam proses pembersihan dan perjuangan menguasai diri (mujahadah) seperti ini terdapat bekalan yang sangat berguna kepada mujahidin, bekalan yang menaikkan taraf mereka ke darjat yang tinggi walaupun mereka belum lagi syahid.

Mujahidin yang berjihad di jalan Allah berjuang melawan godaan syaitan yang cuba menghalang jihadnya dan memujuknya supaya mereka duduk bersenang lenang di tengah-tengah anak isterinya. Syaitan memujuk mereka menjauhi segala penat lelah perjuangan dan kerugian pengorbanan dan bermacam-macam lagi godaan syaitan. Perjuangan melawan hawa nafsu dan godaan syaitan seperti ini, menguatkan azam dan memelihara iman serta meneguhkannya. Sikap mereka adalah mengutamakan apa yang ada pada Allah di atas segala kepentingan dunia dan sentiasa bertawakkal kepada Allah, menyerah diri kepada Allah kerana Allah sentiasa menyertai mereka di dalam perjalanan. Dialah juga pengganti menjaga ahli-ahli, harta dan anak-anak di rumah. Semuanya itu melatih diri, menguatkan kemahuan dan membina keperibadian muslim di atas landasan taqwa. Itu adalah merupakan bekalan yang besar.

Mujahidin mestilah bersedia, melengkapkan segala kekuatan menurut kemampuan sepertimana firman Allah:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ
وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُوا۟ مِن شَىْءٍ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ
وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

*"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya."* Al-Anfal: 60

Kekuatan itu bukan hanya kekuatan senjata sahaja tetapi yang utama ialah kekuatan aqidah, kekuatan iman, kekuatan ukhuwwah, kekuatan ilmu, kekuatan harta dan segala sumber kekuatan.

Memperlengkapkan diri dengan semuanya itu adalah bekalan di sepanjang jalan hidup. Kalaulah kita diwajibkan menyediakan segala sumber kekuatan, wajiblah juga kita menghindarkan diri dari segala sumber kelemahan seperti lemah kemahuan,

dukacita, susah hati, kelemahan karya, kemalasan, kelemahan hati dan kebakhilan harta, kurang sikap mulia dan kurang mulia kerana hutang dan dikuasai orang. Rasulullah saw mendidik kita dengan doa ini supaya kita terlepas daripada kelemahan sedemikian:

”اللهم إني أعوذ بك من الهم الحزن وأعوذ بك من العجز والكسل وأعوذ بك من الجبن والبخل وأعوذ بك من غلبة الدين وقهر الرجال“

*"Tuhanku, aku berlindung denganMu dari kesengsaraan dan dukacita dan aku berlindung daripadaMu dari kelemahan dan kemalasan dan aku berlindung kepadaMu daripada kebaculan dan kebakhilan, dan aku berlindung kepadaMu dari menanggung hutang dan dari paksaan orang."*

Jika kita dapat melepaskan diri dari penyakit-penyakit tersebut itu adalah satu bekalan.

Alangkah baik dan wajarnya kepada setiap saudara muslim yang telah memasang niat untuk berjihad membaca Al-Quran di waktu sunyi dan memikirkan ayat-ayat Al-Quran berkenaan jihad yang sedang dibacanya kerana sesungguhnya persiapan kejiwaan untuk berjihad di jalan Allah akan memudahkan padanya menikmati ayat-ayat jihad dengan nikmat dan perasaan baru yang mendalam dan dia akan memperoleh bekalan yang besar, pengajaran yang sempurna yang memimpin dia di segala peringkat selepas sahaja dia membaca ayat-ayat jihad. Kita akan perturunkan di sini beberapa ayat jihad sebagai contoh supaya kita dapat mengetahui bagaimana ayat-ayat jihad itu mengupas segala urusan dengan teliti dan jelas. Firman Allah:

۞ فَلْيُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يَشْرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا بِٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَمَن يُقَٰتِلْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيُقْتَلْ أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٧٤﴾ وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓا۟ أَوْلِيَآءَ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّ كَيْدَ ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾ أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوٓا۟ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ ٱلْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَخْشَوْنَ ٱلنَّاسَ كَخَشْيَةِ ٱللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا۟ رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا ٱلْقِتَالَ لَوْلَآ أَخَّرْتَنَآ إِلَىٰٓ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَٰعُ ٱلدُّنْيَا قَلِيلٌ وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ ٱتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٧﴾

*"Oleh itu, orang-orang (yang beriman) yang mengutamakan kebahagiaan akhirat daripada (kesenangan) kehidupan dunia, hendaklah mereka berperang pada jalan Allah (untuk membela Islam). Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu ia mati (gugur syahid) atau beroleh kemenangan, maka Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar." "Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)." "Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan taghut (syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah." "Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad), akan orang-orang yang (pernah) dikatakan kepada mereka: Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah solat serta berikanlah zakat. (Mereka meminta juga hendak berperang), kemudian apabila mereka diperintahkan berperang, tiba-tiba sepuak di antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti mereka merasa gerun kepada (azab) Allah atau lebih gerun lagi. Lalu mereka (merayu kepada Allah dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan kami berperang (pada saat ini)? Mengapa Engkau tidak biarkan kami hingga ke tempoh yang singkat (iaitu akhir hayat kami)? Katakanlah (wahai Muhammad): Harta benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja, (dan akhirnya akan lenyap), dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertaqwa (kerana ia lebih mewah dan kekal selama-lamanya), dan kamu pula tidak akan dianiaya sedikit pun."* An-Nisa: 74-77

Kemudian lihatlah ayat yang memberi kata dua kepada orang mukmin sama ada hendak pergi berjihad ataupun hendak duduk diam dengan kesenangan dunia yang sementara, yang fana ini. Sama ada hendak mencapai pahala dan ganjaran besar atau pun hendak mendedahkan diri untuk menerima kutukan dan siksaan Allah. Pilihlah satu di antara dua, syurga atau neraka, redha Allah atau kutukanNya? Tidak ada yang ketiga. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَا لَكُمۡ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلۡتُمۡ إِلَى ٱلۡأَرۡضِۚ أَرَضِيتُم بِٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا مِنَ ٱلۡأٓخِرَةِۚ فَمَا مَتَٰعُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا فِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا تَنفِرُواْ

يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu, apabila dikatakan kepada kamu: Pergilah beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah, kamu merasa keberatan (dan suka tinggal menikmati kesenangan) di tempat (masing-masing)? Adakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat? (Kesukaan kamu itu salah) kerana kesenangan hidup di dunia ini hanya sedikit jua berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak." "Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah - membela agamanya), Allah akan menyeksa kamu dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikitpun kepadaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."* At-Taubah: 38-39

Firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلْأَدْبَارَ ﴿١٥﴾ وَمَن يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُۥٓ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَآءَ بِغَضَبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَمَأْوَىٰهُ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara menyerang, maka janganlah kamu berpaling undur dari menentang mereka." "Dan sesiapa berpaling undur dari menentang mereka pada ketika itu - kecuali ia bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat) peperangan, atau hendak menyatukan diri dengan pasukan yang lain - maka sesungguhnya ia tetaplah mendapat kemurkaan dari Allah, dan tempatnya ialah neraka jahanam; sedang neraka jahanam ialah seburuk-buruk tempat kembali."* Al-Anfal: 15-16

Cubalah saudara renungkan kisah Talut dan pembesar-pembesar Bani Israel yang terlukis dengan jelasnya di dalam surah Al-Baqarah, dengan segala peringkat peristiwa, dengan penapisan dan saringan yang menentukan siapa yang layak untuk pergi berperang sehingga terpilih dari mereka satu angkatan yang lulus ujian, yang sabar, yang berlindung pada Allah, menyerah kepadaNya, memohon dari Allah supaya mereka diberi ketabahan, ketahanan dan kemenangan. Akhirnya mereka mencapai kemenangan dengan pertolonganNya, dengan izinNya. Firman Allah:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِٱلۡجُنُودِ قَالَ إِنَّ ٱللَّهَ مُبۡتَلِيكُم بِنَهَرٖ فَمَن شَرِبَ مِنۡهُ فَلَيۡسَ مِنِّي وَمَن لَّمۡ يَطۡعَمۡهُ فَإِنَّهُۥ مِنِّيٓ إِلَّا مَنِ ٱغۡتَرَفَ غُرۡفَةَۢ بِيَدِهِۦۚ فَشَرِبُواْ مِنۡهُ إِلَّا قَلِيلٗا مِّنۡهُمۡۚ فَلَمَّا جَاوَزَهُۥ هُوَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَهُۥ قَالُواْ لَا طَاقَةَ لَنَا ٱلۡيَوۡمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦۚ قَالَ ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُواْ ٱللَّهِ كَم مِّن فِئَةٖ قَلِيلَةٍ غَلَبَتۡ فِئَةٗ كَثِيرَةَۢ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾ وَلَمَّا بَرَزُواْ لِجَالُوتَ وَجُنُودِهِۦ قَالُواْ رَبَّنَآ أَفۡرِغۡ عَلَيۡنَا صَبۡرٗا وَثَبِّتۡ أَقۡدَامَنَا وَٱنصُرۡنَا عَلَى ٱلۡقَوۡمِ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾ فَهَزَمُوهُم بِإِذۡنِ ٱللَّهِ وَقَتَلَ دَاوُۥدُ جَالُوتَ وَءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ٱلۡمُلۡكَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَعَلَّمَهُۥ مِمَّا يَشَآءُۗ وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٖ لَّفَسَدَتِ ٱلۡأَرۡضُ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾

"*Kemudian apabila Talut keluar bersama-sama tenteranya, berkatalah ia: Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebatang sungai, oleh itu sesiapa di antara kamu yang meminum airnya maka bukanlah ia dari pengikutku, dan sesiapa yang tidak merasai airnya maka sesungguhnya ia dari pengikutku, kecuali orang yang menceduk satu cedukan dengan tangannya. (Sesudah diingatkan demikian) mereka meminum juga dari sungai itu (dengan sepuas-puasnya), kecuali sebahagian kecil dari mereka. Setelah Talut bersama-sama orang-orang yang beriman menyeberangi sungai itu, berkatalah orang-orang yang meminum (sepuas-puasnya): Kami pada hari ini tidak terdaya menentang Jalut dan tenteranya. Berkata pula orang-orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Allah: Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah; dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang-orang yang sabar." "Dan apabila mereka (yang beriman itu) keluar menentang Jalut dan tenteranya, mereka berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir." "Oleh sebab itu, mereka dapat mengalahkan tentera Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Daud (yang turut serta dalam tentera Talut) membunuh Jalut. Dan (sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Daud) kuasa pemerintahan, dan hikmat (pangkat kenabian) serta diajarkannya apa yang dikehendakiNya. Dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia (yang ingkar dan derhaka) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini; akan tetapi Allah sentiasa melimpah kurniaNya kepada sekalian alam."* Al-Baqarah: 249-251

Jiwa dan perasaan yang menyelubungi mujahid fi sabilillah, tatkala dia melihat kemaraan golongan batil, kekuasaan taghut yang berperisai dengan segala sumber

kekuatan yang ada di bumi, melebihi mujahidin dari segi bilangan dan kelengkapan, melihat ancaman dan gertakan yang ditujukan kepada pendukung jihad dan kebenaran yang semuanya itu cuba menakut-nakutkan manusia. Bagi golongan mukmin yang meyakini bahawa kemenangan itu hanya ditentukan oleh Allah, hanya diberikan oleh Allah dan kekuatan itu semuanya adalah milik Allah. Segalanya itu sedikitpun tidak menggetarkan mereka, malah iman mereka akan terus meningkat. Tepat sekali firman Allah:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾ فَٱنقَلَبُوا۟ بِنِعْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوٓءٌ وَٱتَّبَعُوا۟ رِضْوَٰنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ ﴿١٧٤﴾ إِنَّمَا ذَٰلِكُمُ ٱلشَّيْطَـٰنُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَآءَهُۥ فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٥﴾

*"Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya. Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: Cukuplah untuk (menolong) kami, dan ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami)." "Setelah (pergi mengejar musuh), mereka kembali dengan mendapat nikmat dan limpah kurnia dari Allah, mereka tidak disentuh oleh sesuatu bencana pun, serta mereka pula menurut keredaan Allah. Dan ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang amat besar." "Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan yang (bertujuan) menakut-nakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya (kaum kafir musyrik). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu (jangan cuaikan perintahKu), jika betul kamu orang-orang yang beriman."* Ali Imran: 173-175

Demikianlah di dalam suasana jihad iman akan bertambah berbeza dengan suasana aman di luar suasana jihad. Al-Quran mengajar kita bahawasanya syarat kemenangan yang terpenting ialah zikrullah, sabar, tidak takut, tidak lemah, tidak merasa rendah diri, jauh dari maksiat, dan memohon keampunan dari Allah. Inilah yang meneguhkan hati dan pendirian mereka dan jiwa mereka menjadi besar dan kuat. Firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَٱثْبُتُوا۟ وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta*

*ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)."* Al-Anfal: 45

Firman Allah lagi:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَـٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسْتَكَانُواْۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾ وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّآ أَن قَالُواْ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِيٓ أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿١٤٧﴾ فَـَٔاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ ثَوَابَ ٱلدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ ٱلْأَخِرَةِۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

*"Dan berapa banyak dari Nabi-Nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar." "Dan tidaklah ada yang mereka ucapkan (semasa berjuang), selain daripada berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau dalam urusan kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami (dalam perjuangan); dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir." "Oleh itu, Allah memberikan mereka pahala dunia (kemenangan dan nama yang harum), dan pahala akhirat yang sebaik-baiknya (nikmat syurga yang tidak ada bandingannya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan."* Ali Imran: 146-148

Oleh itu para mujahid hendaklah mengetahui bahawasanya maksiat mereka kepada Allah adalah lebih bahaya kepada mereka daripada musuh mereka. Lantaran mereka mestilah sentiasa berwaspada dan menjaga diri dari segala dosa dan maksiat, lebih dari menjaga diri daripada musuh. Ini adalah bekalan yang besar.

Para mujahidin pada jalan Allah hendaklah sentiasa membetulkan niat untuk berjihad kerana pada hakikatnya dia berjanji dengan Allah dan jihad itu merupakan satu perjanjian yang ditawarkan oleh Allah kepada hamba-hambaNya yang beriman. Itu adalah satu perniagaan yang terjamin keuntungannya, satu keuntungan yang paling besar dan mulia. Firman Allah:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشۡتَرَىٰ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ أَنفُسَهُمۡ وَأَمۡوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلۡجَنَّةَۚ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ
فَيَقۡتُلُونَ وَيُقۡتَلُونَۖ وَعۡدًا عَلَيۡهِ حَقّٗا فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ وَٱلۡقُرۡءَانِۚ وَمَنۡ أَوۡفَىٰ بِعَهۡدِهِۦ مِنَ
ٱللَّهِۚ فَٱسۡتَبۡشِرُواْ بِبَيۡعِكُمُ ٱلَّذِي بَايَعۡتُم بِهِۦۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿١١١﴾

*"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."* At-Taubah: 111

Para mujahidin mestilah menyedari bahawa perniagaan ini mempunyai syarat-syarat dan sifat-sifat yang wajib dibuktikan dengan kenyataan supaya dia menjadi sempurna. Jelaslah di sini Allah menegaskan bahawa Dia membeli bukan dari muslim tetapi dari mukmin, sedangkan orang mukmin mempunyai sifat-sifat yang tertentu sebagaimana yang diberitakan oleh Al-Quran dan hadis-hadis dari Rasulullah saw. Contohnya firman Allah:

ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلۡأٓمِرُونَ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١١٢﴾

*"(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian)."* At-Taubah: 112

Barangsiapa yang bangkit keimanannya, dan iman ini mampu mendorong memproses dirinya untuk berjihad, dia seharusnyalah memeriksa dirinya untuk memastikan bahawa sifat-sifat orang-orang yang beriman itu benar-benar telah ada pada dirinya dan telah sesuai dengan sifat-sifat orang-orang yang beriman yang tersebut di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah saw. Dengan itu akan sempurnalah perniagaan itu dan menerima harganya yang sangat mahal iaitu syurga yang seluas langit dan bumi, di dalamnya terdapat segala nikmat dan bahagia yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas dihati manusia.

Dengan itu jihad menjadi pendorong yang beriman untuk menghiasi diri mereka dengan sifat-sifat mukmin dan ini adalah bekalan yang besar.

Satu dari pengertian jihad yang perlu diketahui oleh para mujahidin bahawa sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada mereka, kaya dari jihad mereka. Allah tidak berhajat kepada diri dan jihad mereka dan mereka mestilah menyedari bahawa diri merekalah yang sangat memerlukan Allah. Oleh itu mereka tidaklah perlu bersifat bakhil untuk berkorban di jalan Allah atau menunjuk-nunjukan jasa mereka kepada Allah, dengan segala pengorbanan mereka di jalan Allah. Firman Allah:

فَإِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَضَرۡبَ ٱلرِّقَابِ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثۡخَنتُمُوهُمۡ فَشُدُّواْ ٱلۡوَثَاقَ فَإِمَّا مَنَّۢا بَعۡدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّىٰ تَضَعَ ٱلۡحَرۡبُ أَوۡزَارَهَا ۚ ذَٰلِكَ وَلَوۡ يَشَآءُ ٱللَّهُ لَٱنتَصَرَ مِنۡهُمۡ وَلَٰكِن لِّيَبۡلُوَاْ بَعۡضَكُم بِبَعۡضٍ ۗ وَٱلَّذِينَ قُتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَلَن يُضِلَّ أَعۡمَٰلَهُمۡ ﴿٤﴾ سَيَهۡدِيهِمۡ وَيُصۡلِحُ بَالَهُمۡ ﴿٥﴾ وَيُدۡخِلُهُمُ ٱلۡجَنَّةَ عَرَّفَهَا لَهُمۡ ﴿٦﴾

*"Dengan yang demikian, apabila kamu berjuang menentang orang-orang kafir (dalam peperangan jihad) maka pancunglah lehernya, sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyaknya (serta mengalahkannya) maka tawanlah (mana-mana yang hidup) dan ikatlah mereka dengan kukuhnya. Setelah selesai pertempuran itu maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak memberi kebebasan (kepada orang-orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusnya. (Bertindaklah demikian terhadap golongan kafir yang menceroboh) sehinggalah berakhir peperangan jihad itu (dan lenyaplah sebab-sebab yang memimbulkannya). Demikianlah (diperintahkan kamu melakukannya) dan sekiranya Allah menghendaki, tentulah Dia membinasakan mereka (dengan tidak payah kamu memeranginya); tetapi Dia (perintahkan kamu berbuat demikian) kerana hendak menguji kesabaran kamu menentang golongan yang kufur ingkar (yang mencerobohi kamu). Dan orang-orang yang telah berjuang serta gugur syahid pada jalan Allah (mempertahankan agamanya), maka Allah tidak sekali kali akan mensia-siakan amal-amal mereka." "Allah akan memimpin mereka yang berjuang (ke jalan mendapat sebaik-baik balasan) dan menjadikan keadaan mereka baik dan berguna (di dunia dan di akhirat)" "Serta memasukkan mereka ke dalam syurga yang telah dijanjikan dan diterangkan sifat-sifatnya kepada mereka."* Muhammad: 4-6

FirmanNya lagi:

هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ تُدۡعَوۡنَ لِتُنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَمِنكُم مَّن يَبۡخَلُۖ وَمَن يَبۡخَلۡ فَإِنَّمَا يَبۡخَلُ عَن نَّفۡسِهِۦۚ وَٱللَّهُ ٱلۡغَنِيُّ وَأَنتُمُ ٱلۡفُقَرَآءُۚ وَإِن تَتَوَلَّوۡاْ يَسۡتَبۡدِلۡ قَوۡمًا غَيۡرَكُمۡ ثُمَّ لَا يَكُونُوٓاْ أَمۡثَٰلَكُم ﴿٣٨﴾

*"(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadanya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertaqwa dan berderma) Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu."* Muhammad: 38

Jika pengertian-pengertian ini menguasai jiwa mujahidin, mereka telah mencapai kebaikan dan bekalan yang besar. Firman Allah:

قُلۡ إِن كَانَ ءَابَآؤُكُمۡ وَأَبۡنَآؤُكُمۡ وَإِخۡوَٰنُكُمۡ وَأَزۡوَٰجُكُمۡ وَعَشِيرَتُكُمۡ وَأَمۡوَٰلٌ ٱقۡتَرَفۡتُمُوهَا وَتِجَٰرَةٞ تَخۡشَوۡنَ كَسَادَهَا وَمَسَٰكِنُ تَرۡضَوۡنَهَآ أَحَبَّ إِلَيۡكُم مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَجِهَادٖ فِي سَبِيلِهِۦ فَتَرَبَّصُواْ حَتَّىٰ يَأۡتِيَ ٱللَّهُ بِأَمۡرِهِۦۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴿٢٤﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."* At-Taubah: 24

Sesungguhnya jihad di jalan Allah mewajibkan kita, para mujahidin supaya berkasih sayang, bersaudara dan bersatu padu. Tidak tergambar sesuatu di dalam hati mereka untuk mengkaburkan cinta mereka terhadap saudara mereka dan melemahkan perpaduan mereka yang kuat dan ikatan yang teguh antara mereka, padahal mereka sedang di ambang syahid untuk menemui Tuhan mereka. Setiap celah renggang hubungan mereka bererti mendedahkan diri mereka dan saudara mereka kepada musuh. Oleh itu mereka mestilah berkasih sayang, percaya mempercayai di antara mereka dan sentiasa di dalam ikatan yang kuat seperti firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِهِۦ صَفّٗا كَأَنَّهُم بُنۡيَٰنٞ مَّرۡصُوصٞ ٤

*"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."* As-Saf: 4

Demikianlah kita lihat jihad itu menguatkan ikatan antara muslimin dan mengukuhkan pengertian persaudaraan pada jalan Allah kerana Allah. Sekurang-kurangnya bersangka baik kepada saudaranya, percaya kepada saudaranya dan yang paling tinggi darjatnya ialah mengutamakan saudaranya daripada dirinya sendiri. Sirah Rasulullah saw dan para sahabat memberitahu kita bagaimana cintanya mereka terhadap saudara mereka hingga mereka mengutamakan saudara mereka ke atas diri mereka. Ini adalah cinta suci yang agung, indah dan semerbak harum baunya sepanjang masa dan tidak ada tandingannya.

Jihad pada jalan Allah adalah merupakan satu pendedahan terhadap niat jahat para munafiqin dengan segala tipu helah mereka, menghalang mukminin untuk berjihad, melemahkan hati mereka supaya mereka tidak pergi berjihad. Jihad itu juga merupakan satu cara bagaimana orang-orang mukmin menghadapi mereka dengan segala rupa taktik dan dolak dalik mereka yang busuk itu, bagaimana cara mengatasi yang demikian supaya muslimin dan mukminin tidak terjebak di dalam perangkap mereka. Alangkah hebat dan tepatnya Surah At-Taubah tatkala membuka tembelang mereka dengan segala rupa taktik kotor mereka. Oleh kerana itu Surah At-Taubah dinamakan Al-Kasyifah atau Al-Fadhihah (pendedah) yang mesti dibaca berulang-ulang oleh mujahidin dengan bacaan yang penuh perhatian dan pengkajian supaya mereka mendapat pengajaran dan terpelihara dari putar belit golongan munafiqin itu. Ini merupakan bekalan yang banyak. Ayat yang mulia ini sebagai satu contoh seperti di dalam firmanNya:

فَرِحَ ٱلۡمُخَلَّفُونَ بِمَقۡعَدِهِمۡ خِلَٰفَ رَسُولِ ٱللَّهِ وَكَرِهُوٓاْ أَن يُجَٰهِدُواْ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ فِي سَبِيلِ
ٱللَّهِ وَقَالُواْ لَا تَنفِرُواْ فِي ٱلۡحَرِّۗ قُلۡ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرّٗاۚ لَّوۡ كَانُواْ يَفۡقَهُونَ ٨١

*"Orang-orang (munafik) yang ditinggalkan (tidak turut berperang) itu, bersukacita disebabkan mereka tinggal di belakang Rasulullah (di Madinah); dan mereka (sememangnya) tidak suka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah (dengan sebab kufurnya), dan mereka pula (menghasut dengan) berkata: Janganlah kamu keluar beramai-ramai (untuk berperang) pada musim panas ini. Katakanlah (wahai Muhammad): Api neraka jahanam lebih panas membakar, kalaulah mereka itu orang-orang yang memahami."* At-Taubah: 81

FirmanNya lagi:

لَوْ خَرَجُواْ فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالاً وَلَأَوْضَعُواْ خِلَـٰلَكُمْ يَبْغُونَكُمُ ٱلْفِتْنَةَ وَفِيكُمْ سَمَّـٰعُونَ لَهُمْ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾

*"Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan, dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim."* A-Taubah: 47

Sesungguhnya musuh-musuh umat Islam saling berseru di antara mereka lalu membuat satu muafakat bersama di antara mereka untuk menyerang kita dan menghancur leburkan kita. Mereka sangat rakus dan pelahap memanggil kuncu-kuncu mereka untuk mengeroyok mangsa-mangsa mereka sebagaimana yang telah diramalkan oleh Rasulullah saw kepada kita. Tidak ada yang dapat menegah makanan yang enak dan sedap, yang lembut dan empuk itu kecuali apabila makanan itu menjadi pahit maung dan tidak dapat ditelan oleh mereka, atau menjadi onak dan duri menyengkang kerongkong mereka, lalu mereka menjadi takut menghampirinya. Yang demikian itu tidak boleh berlaku kecuali kita dapat melepaskan diri kita dari sifat seperti buih di atas air, cinta dunia, takutkan mati dan lemah. Kita hendaklah mengutamakan apa yang ada pada sisi Allah dan kita jadikanlah mati syahid itu setinggi-tinggi cita-cita di dalam hidup kita. Apabila kita telah menjadi sedemikian rupa, Allah melontarkan rasa gerun, takut, gentar di hati-hati musuh kita, lalu mereka memandang hebat kepada kita serta takut untuk menghadapi kita.

Para mujahid mendapat pelajaran yang banyak dari peperangan dan pertempuran, pengetahuan ketenteraan, mendengar dan taat setia kepada pemimpin dan berdisiplin. Dengan demikian mereka mampu mengeluarkan diri mereka dari segala daya dan kekuatan dirinya kepada daya dan kekuatan Allah. Sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah. Sejarah menunjukkan banyaknya golongan yang kecil dapat mengalahkan golongan yang ramai dengan izin Allah. Keyakinan ini menjadi bekalan yang besar nilainya untuk para mujahid Islam.

Peperangan di dalam Islam mempunyai peraturan-peraturan, adab-adab yang mulia, batas yang tertentu dan istimewa disertai dengan rahmat di tengah kegawatan peperangan. Tidak ada penyiksaan, tidak ada pencurian, tidak ada pencerobohan dan tidak ada pencabulan terhadap kehormatan. Baridah telah berkata: "Adalah Rasulullah saw itu apabila melantik seseorang panglima perang di dalam satu angkatan perang atau satu sariyah, selalunya Rasulullah saw memberi wasiat supaya mereka bertaqwa kepada Allah dan berbuat baik, kemudian baginda bersabda:

"اغزو اباسم الله في سبيل الله قاتلوا من كفر بالله اغزوا ولا تغلوا ولا تعتدوا ولا تمثلوا ولا تقتلوا وليدا"

*"Berperanglah dengan nama Allah di jalan Allah, perangilah orang yang kufur kepada Allah. Berperanglah dan janganlah kamu khianat dan janganlah kamu menyiksa dan janganlah kamu membunuh kanak-kanak."* Riwayat Muslim

Alangkah baiknya ibarat dari kata-kata Imam Hassan Al-Banna untuk kita ambil sebagai penutup tajuk ini:

"Sesungguhnya zaman akan melahirkan peristiwa yang besar-besar dan peluang akan terbuka untuk membuat kerja yang besar-besar, dan sesungguhnya dunia menunggu seruan dakwah kamu, dakwah dan seruan hidayah, kejayaan dan keselamatan, supaya membebaskan bumi ini dari segala penderitaan yang mencengkamnya. Sesungguhnya tibalah giliran kamu untuk memimpin umat manusia, mengetuai bangsa-bangsa manusia dan hari-hari kemenangan itu digilirkan bagi manusia (menurut usaha dan kesungguhan masing-masing), kamu mengharapkan dari Allah sedangkan mereka tidak. Oleh itu bersedialah dan bekerjalah sekarang kerana dengan bertangguh ke hari esok hanyalah akan melemahkan kamu."

## BAB 15 DAN DI DALAM MENGIKUTI SUNNAH (2) ADA BEKALAN

وفي اتباع السنة ... زاد

Sunnah Rasulullah saw, cara hidup baginda itu semuanya merupakan bekalan sebab ia menghidupkan hati pengikut-pengikutnya dan membawa mereka naik ke mertabat yang tertinggi di dalam iman dan taqwa kepada Allah, membekali umat Islam di dalam iman dan taqwa kepada Allah, membekali umat Islam dengan segala kebaikan dan menjauhkan mereka dari segala kejahatan dan membangunkan keperibadian muslim. Muslim pada aqidahnya, pada ibadatnya, pada akhlaknya, pada tubuhnya, pada fikirannya dan pada masyarakat. Dengan kata lain Islam pada zahir dan Islam pada batin. Akhirnya terbentuklah mereka menurut bentuk Al-Quran dan sunnah Rasulullah saw, menurut bentuk yang kuat dan tinggi.

Sesungguhnya sunnah itu menjaga muslimin dengan segenap penjagaan yang teliti di segala kegiatan hidupnya bahkan sebelum lahirnya dan sesudah matinya, di waktu jaga dan tidurnya, di dalam gerak dan diamnya, di dalam rehat dan perjalanannya malah setiap waktunya merupakan satu sumber yang membekali muslimin dengan segala yang berfaedah kepada mereka. Sunnah itu juga memberi kekuatan kepada mereka, melindungi mereka daripada kelemahan dan kesusahan. Dari situlah mereka mengambil bekalan untuk mengembangkan hidup mereka di atas aqidah Islam yang diredhahi Allah.

Hidup yang dimaksudkan di sini bukanlah hanya sekadar hidup jasadiyah atau hidup haiwaniyah atau hidup jasmani sahaja. Akan tetapi yang dimaksudkan dengan kehidupan di sini dalah kehidupan hati yang mengenal Allah dan beriman kepadaNya. Sebagaimana firman Allah:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ زُيِّنَ لِلْكَٰفِرِينَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

*"Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk), dan Kami jadikan baginya cahaya (iman) yang menerangi (sehingga dapatlah ia membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan dapatlah) ia berjalan dengan suluhan cahaya itu dalam masyarakat manusia, (adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), yang tidak dapat keluar sama sekali daripadanya? Demikianlah (sebagaimana iman itu diperlihatkan keelokannya kepada orang-orang yang beriman), diperlihatkan pula pada pandangan orang-orang yang kafir itu akan keelokan apa yang mereka telah lakukan (dari perbuatan kufur dan segala jenis maksiat)."* Al-An'am: 122

Firman Allah lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱسْتَجِيبُواْ لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْۖ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَقَلْبِهِۦ وَأَنَّهُۥٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan."* Al-Anfal: 24

Jadi mengikut sunnah adalah bererti menyahut seruan ini, dengan itu hati menjadi hidup dan ini merupakan bekalan yang besar. Di samping itu sunnah tidak melupakan kehidupan tubuh dan keselamatan jasmani.

Sebenarnya Rasulullah saw sangatlah mencintai kita, terlalu suka kalau kita mendapat kebaikan, bersungguh-sungguh membawa kebaikan kepada kita, susah hatinya kalau kita ditimpa kesusahan dan sangat kasih dan sayang terhadap kita. Demikianlah yang disifatkan Allah dalam firmanNya:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

*"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman."* At-Taubah: 128

Mengapakah kita tidak bersegera mengikut sunnahnya? Bukankah kita telah puas hati dan yakin bahawa sunnah Rasulullah saw itu adalah satu sumber yang jernih, suci, murni dan kaya dengan segala bekalan dan kebaikan. Kita juga telah mengetahui bahawa perbuatan, perkataan, perintah dan larangan baginda adalah datangnya dari Allah. Dialah yang mencipta manusia, Yang Maha Mengetahui hamba-hambaNya serta segala yang berfaedah kepada mereka. Firman Allah:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

*"Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? sedang Dia Maha Halus urusan pentadbiranNya, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya!"* Al-Mulk: 14

### 15.1 Contoh yang sempurna

Seolah-olah kita merasakan hidup bersama Rasulullah saw melaksanakan contoh yang sempurna bagi satu kehidupan yang dikehendaki oleh Allah kepada hamba-hambaNya supaya mereka hidup menurut bentuk yang sempurna. Oleh kerana itulah Allah menyuruh kita mengikuti contoh yang sempurna ini di dalam firmanNya:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"* Al-Ahzab: 21

Firman Allah:

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِى يُحْبِبْكُمُ ٱللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Ali Imran: 31

Jadi Allah mengikut cinta kita denganNya dan cintaNya kepada kita dan pengampunanNya terhadap dosa-dosa kita dengan syarat kita mestilah mengikuti sunnah Rasulullah saw yang mulia itu. Sesungguhnya kekasih kita telah mencapai darjat keimanan dan taqwa di puncak yang tertinggi sekali. Kesungguhan kita di dalam mencontohi dan mengikuti sunnah baginda adalah merupakan satu usaha kita untuk menuju ke darjat iman yang tinggi itu dan mencari bekalan taqwa. Setelah kita ketahui Rasulullah saw bangun bertahajjud di tengah malam sehingga bengkak-bengkak kakinya tanpa merasa lesu dan lemah maka marilah kita menjadikan ini sebagai dorongan untuk mengikuti baginda bertahajjud di tengah malam menghadap Allah, memohon kepadaNya dan bermunajat. Itu adalah sebaik baik bekalan.

Hati Rasulullah saw sentiasa berhubung langsung dengan Allah, tidak melupakanNya walaupun sekelip mata. Baginda sentiasa mengingati Allah, menyebut nikmat dan kurniaNya kepada baginda setiap waktu, setiap perkataannya dan setiap perbuatannya. Di waktu senang dan di waktu susah, di waktu baginda meneliti dan

melihat tanda-tanda kekuasaan Allah di seluruh alam dan di kala terjadinya satu peristiwa alam.

Demikianlah baginda melihat Allah di dalam setiap sesuatu. Maka tatkala kita mencontohi Rasulullah saw, jadikanlah ini sebagai panduan yang boleh menolong kita terus menerus berhubung dengan Allah dan hati kita sentiasa bergantung kepadaNya. Inilah satu bekalan yang tidak mungkin putus dan sentiasa segar.

Marilah kita mengikuti sunnah di waktu kita makan, minum, memakai pakaian dan melucutnya, semasa tidur dan bangunnya, membuang air, bergaul dengan manusia dan setiap gerak geri kita. Itulah yang menjadikan kita sentiasa sedar dan ingat kepada Allah walau di mana pun kita berada dan apa sahaja yang kita buat. Dengan limpah kurnia Allah kepada kita, kita dapat membuat semua perkara dengan penuh ketelitian supaya tidak ada satu pun kegiatan hidup kita yang tidak sesuai dengan sunnah dan tidak mengikut sunnah. Akan tetapi semuanya diredhai Allah, bersih dari segala maksiat dan perkara yang haram. Inilah sebaik-baik bekalan kita.

Barangsiapa yang tidak mengikuti sunnah Rasulullah saw, dia akan mudah terjerumus ke lembah kelekaan, kelupaan dan kelalaian yang serupa dengan kehidupan binatang yang kegiatan hidupnya hanya menurut hawa nafsunya tanpa ingat kepada Allah dan kurniaNya. Sekiranya kita membicarakan satu contoh seperti doa ma'thur yang dibaca setelah selesai membuang air di mana kita memohon kepada Allah supaya menghapuskan kesakitan itu. Cubalah kita bayangkan bagaimana jadinya kalau najis itu ditahan dan tidak dapat keluar dari badan kita. Mesti kita mengalami sakit yang teruk yang kadang-kadang boleh membawa maut.

Di dalam buku ini kita tidaklah dapat memperkatakan seluruh sunnah Rasulullah saw dengan segala kebaikan dan bekalan yang ada padanya. Jadi saudara wajarlah rujuk kembali kepada Kitabullah dan sunnah Rasulullah saw di dalam kitab-kitab hadis yahg disusun oleh ulama-ulama yang mulia, yang telah bersusah payah mengumpulkan sunnah itu di dalam kitab mereka. Di sini kita hanya dapat mengemukakan beberapa contoh sahaja secara ringkas dengan pengakuan bahawa kita adalah serba kekurangan untuk menerangkan secara teliti semua kehebatan dan keindahan sunnah Rasulullah saw dengan segala kebaikan yang ada di dalam perbendaharaannya.

### 15.2 Keagungan sunnah dan keindahannya

Kita melihat bahawa sunnah nabawiyah itu mengasuh seorang muslim dari sebelum menjadi janin di dalam kandungan ibunya. Sunnah mendorong kita membangunkan keluarga Islamiyah di atas dasar taqwa mulai dari hari memilih isteri yang beragama dan solehah. Maka dengan ini kita telah menyediakan satu suasana, satu lingkungan Islamiyah yang bersih dari pengaruh jahiliyah. Di dalam suasana rumahtangga Islamiyah itu, seorang anak muda terbentuk dan terdidik dengan didikan

dan bentuk Islam. Sebelum anak itu dikandung iaitu tatkala kita hendak menyentuh isteri kita di dalam bilik, sunnah mengingatkan supaya memohon perlindungan untuk kita dan anak yang akan kita kandung itu dijauhi dari syaitan. Sunnah menyuruh kita juga melindungi janin dari segala gangguan, segala makan minum yang kita makan berdua mestilah dari yang halal, tatkala anak itu lahir ke dunia, kita perdengarkan lafaz azan di telinganya yang kanan dan lafaz iqamah di telinganya yang kiri. Selepas itu kita disuruh memilih nama yang baik-baik untuk anak itu, seperti nama nabi-nabi dan para solihin. Lalu terus menerus sunnah itu menjaga anak itu di segala yang baik dan tinggi dan yang tidak dapat ditandingi oleh sebarang teori dan ujikaji yang telah direka oleh manusia di dalam bidang ini hingga ke hari ini.

Kita dapati di dalam suasana itu, golongan pendidik, guru, doktor, pelatih tentera, pemimpin, penganjur yang mengarahkan di segala kegiatan hidup lalu dia menyuruh mencari ilmu, memelihara kesihatan, melatih muslim berenang, menembak, menunggang kuda dan mendorong golongan pemuda supaya berkahwin dan mengawasi muslim itu dari tiap-tiap perkara yang meruntuhkan keluarga dan masyarakat.

Sebagaimana sunnah itu mengasuh muslim itu sebelum dan setelah lahir hinggalah sepanjang hidupnya dia menjaga dan mengasuh muslim tatkala mengadapi maut lalu disuruh kita membantu muslim mengadapi maut itu membaca kalimah tauhid "La ilaha illallah" dan setelah matinya disuruh kita memandikannya, mengkapankannya dan segera dikebumikannya dan melarang kita membongkar kubur dan disuruh kita mendoakannya dan dilarang kita meratapinya.

Rasulullah saw yang kita cintai datang ke dunia ini membawa rahmat ke seluruh alam dan nyatalah rahmat itu di dalam wasiatnya tentang wanita, anak-anak, khadam-khadam, orang-orang tua, fakir miskin, golongan yang lemah, yang sakit, yang berhajat hinggakan kepada binatang. Kepada semua itu kita disuruh berbuat baik dan mengasihani mereka. Alangkah besarnya bekalan ini jika kita memiliki sifat rahmat lantaran kita telah mengikuti sunnah Rasulullah saw.

Sunnah Rasulullah saw menilik perasaan manusia dengan penilaian yang tinggi. Oleh itu kita dapati Rasulullah saw apabila berbual dengan seseorang, dia memberi perhatian dan mendengarkan sungguh-sungguh kepada perkataan orang tersebut, dia menghadapkan mukanya kepada orang itu dan dia memperjelaskan perbicaraannya kepada sesiapa pun. Kita dapati baginda apabila hendak menegur satu-satu kesalahan, baginda berkata: "Apakah satu kaum yang berbuat demikian?" tanpa menyebut nama orang yang berkaitan, sunnah melarang kita berbisik berdua-duaan tanpa disertai oleh orang yang ketiga yang berada di dalam satu tempat kerana takut yang demikian itu mendukacitakannya dan banyaklah lagi yang lain-lain.

Sunnah Nabawiyah menyeru supaya diperkuat hubungan di antara ibu bapa, anak-anak, kerabat, jiran hinggalah kepada persaudaraan di antara muslimin dan pada

jalan Allah dan kerana Allah, mesti ziarah menziarahi dan saling mengirimkan hadiah-hadiah di antara kaum muslimin, seperti mengucapkan "Assalamualaikum" yang mesti diamalkan, berjabat tangan, tersenyum simpul di hadapan saudara kaum muslimin, mesti menziarahi orang sakit dan menerima baik jemputannya, menyambut orang yang bersin dengan doa, mesti menghantar jenazah dan berbagai-bagai lagi arahan yang baik yang diarahkan oleh sunnah Rasulullah saw yang menguatkan perhubungan di antara muslimin dan melarang segala perkara yang menggugat ikatan dan perhubungan yang demikian, di dalam persaudaraan. Perhubungan yang kukuh seperti ini merupakan bekalan yang lazim bagi muslimin di atas jalan dakwah.

### 15.3 Sunnah dan pembinaan keperibadian muslim

Alangkah besar bekalan ini dari sunnah untuk membentuk keperibadian muslim yang kuat di dalam imannya, azamnya, kemahuannya, di dalam dirinya, di dalam akhlaqnya dan di dalam segala bentuk kekuatan dan kemuliaan. Di samping itu membersihkan muslimin dari segala bentuk kelemahan, dari kebatilan, dari kebakhilan, dari kemalasan, dari keraguan, dari tipu daya syaitan, dari pandangan keji, celaka dan sial. Supaya muslimin itu tidak mudah hanyut serta tidak berpendirian.

Sunnah Nabawiyah menyeru muslim itu supaya tidak hanyut mengikuti tarikan duniawi dan tidak tenggelam di dalam nikmat dan benda-benda dunia dan kita mesti mementingkan akhirat dari dunia dan lebih mengutamakan keredhaan Allah di segala kegiatan hidupnya. Alangkah perlunya kita menghayati pengertian ini pada hari ini di mana kita melihat manusia di dalam satu putaran yang berterusan di sekitar usaha mencari harta dan menyempurnakan hidup duniawi, mereka itu berada di dalam satu persaingan yang sengit di antara harga-harga barang keperluan hidup dengan mencari harta untuk membayar harga barang-barang itu yang terus menerus naik melambung tinggi harganya. Ini disertai dengan perlumbaan mereka dengan segala barangan yang terbaru yang mempesonakan, yang memperdayakan, yang mendorong manusia memilih yang membawa kepada kebinasaan, kepada kemewahan, kepada keborosan dan mendekatkan dia lebih kepada keduniaan. Dia akan merasakan dunia ini seperti darul na'im seolah-olah syurga mereka. Maka sunnah itulah yang melindungi kita dari segala yang demikian itu. Di dalam yang demikian itulah kita mendapat bekalan.

Perhatikanlah sunnah Nabawiyah itu hingga kepada waktu hendak tidur. Ia menyuruh kita supaya berwudhu dan tidur di atas sebelah kanan lalu membaca doa ma'thur yang di dalamnya mengingatkan kepada maut, kemudian doa tatkala mendapat mimpi yang tidak baik, kemudian doa sewaktu bangun tidur, seolah-olah sunnah itu sebagai ibu yang pengasih yang menjaga anaknya, memujuk-mujuk anaknya, mententeramkan anaknya dan melindunginya dari segala bahaya. Semoga Allah memberi selawat dan sejahtera kepada engkau hai kekasihku Rasulullah saw dan memberi ganjaran kepadamu lantaran jasamu yang begitu besar kepada kami umat muslimin.

Demikian kita mendapat bekalan yang banyak dari tiap-tiap sunnah yang diajarkan kepada kita oleh Rasulullah saw, di samping itu melahirkan keperibadian muslim yang tersendiri, unik, istimewa, bukan seperti keperibadian yang murat marit, yang bercampur aduk dari berbagai adat lapuk, pusaka usang jahiliyah dari sana sini.

Di sini terdapat satu perkara penting yang perlu diperhatikan iaitu dalam keghairahan kita memerhatikan hal-hal sunnah yang sunat, janganlah kita melupakan atau mengurangkan perhatian kita kepada perkara yang wajib. Kita tidak meletakkan sunnah itu ditempatnya yang menyeluruh lalu kita cerai beraikan atau pisah-pisahkan lantaran berpegang dengannya atau tidak beriltizam dengannya. Kita hendaklah dapat membezakan di antara iltizam kita dengan satu sunnah dengan mengiltizamkannya kepada saudara kita. Yang penting di sini ialah kita menyuruh orang mengikuti sunnah itu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berpegang kepadanya tanpa melukai hati manusia atau memanggilnya sebagai orang yang fasiq atau menjauhkan diri kita dari mereka atau menyusah-nyusahkan mereka.

Dalam hal ini mengingatkan saya kepada satu peristiwa di zaman Imam Hassan Al-Banna di dalam satu perjalanannya kerana urusan dakwah, beliau mendapati penduduk di sebuah kampung berselisih faham, dan terjadilah perpecahan, di mana penduduk di situ berpecah kepada dua golongan yang saling bertengkar sehingga hampir-hampir membawa mereka kepada satu pergaduhan lantaran perselisihan di atas cara memanggil azan. Segolongan pula menitahkan supaya berselawat kepada Rasulullah saw dengan cara yang tertentu. Hassan Al-Banna pun berkata: "Janganlah azan. Bersolatlah kalian tanpa azan." Lalu mereka berasa ta'jub dan hairan lalu berkata: "Kami tidak redha azan tidak berkumandang di angkasa kampung kami." Hassan Al-Banna berkata: "Sesungguhnya azan itu sunat, tetapi kesatuan dan bersatunya kalimah kamu adalah wajib dan fardhu, marilah kita tinggalkan yang sunat jika ia menyebabkan kita meninggalkan yang wajib." Barulah mereka menyedari kesalahan mereka di dalam perselisihan itu lalu mereka berdamai kembali.

## BAB 16 DAN DI DALAM DAKWAH KEPADA ALLAH ADA BEKALAN

وفي الدعوة الي الله ... زاد

Menyeru manusia ke jalan Allah adalah wajib bagi setiap muslimin dan muslimat, lelaki dan wanita, supaya kita menjadi saksi terhadap sekalian manusia.

Seperti firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدٗاۗ وَمَا جَعَلۡنَا ٱلۡقِبۡلَةَ ٱلَّتِي كُنتَ عَلَيۡهَآ إِلَّا لِنَعۡلَمَ مَن يَتَّبِعُ ٱلرَّسُولَ مِمَّن يَنقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيۡهِۚ وَإِن كَانَتۡ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى ٱلَّذِينَ هَدَى ٱللَّهُۗ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَٰنَكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿١٤٣﴾

*"Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang wngkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)."* Al-Baqarah: 143

Allah telah menjadikan umat Islam sebagai satu umat yang memimpin dunia dan guru yang mengajar manusia serta menjadi hakim kepada segala bangsa di dunia.

Dakwah adalah tugas para Rasul Allah, lantaran itu tugas dakwah merupakan satu tugas yang agung, mulia, tinggi darjatnya serta mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah. Ia juga merupakan sumber yang kaya dengan bekalan taqwa. Firman Allah:

وَمَنۡ أَحۡسَنُ قَوۡلٗا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ﴿٣٣﴾

*"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang*

*soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"* Fussilat: 33

Menyedari serta merasai kemuliaan tugas dakwah ini yang jelas digambarkan oleh ayat-ayat di atas itulah yang mendorong pendokong dakwah untuk melayakkan diri dalam usaha mencapai kemuliaan darjat yang tinggi ini. Lantaran itu segala perbuatan dan perkataan mestilah sesuai dan selaras dengan kemuliaan dan ketinggian darjat tugas itu. Apa-apa yang diserukan itu maka sewajarnyalah dilaksanakan dan diamalkan. Itulah bekalan dan itu merupakan pengawal yang teliti yang mengawal juru dakwah itu dari segala penyelewengan.

Dasar asasi di dalam dakwah Islamiyah ini adalah iman, mengEsakan Allah dan beribadah syumul kepadaNya. Melaksanakan urusan dakwah dengan menyampaikan risalah Islam kepada manusia dan menghidupkan jiwa dengan ma'arifatullah. Dengan mengenali Allah dalam ertikata yang sebenarnya dan mendorong supaya mereka akan lebih taat setia kepada Allah yang menjadikan iman mereka sentiasa baru, hangat dan berkobar-kobar lantas terus meningkat dan berkembang serta hati mereka sentiasa berhubung terus dengan Allah. Di sinilah terdapat bekalan yang besar.

Sahibuddakwah menghabiskan sebahagian dari masanya bersiar-siar di taman indah syurga. Perjumpaan mereka dengan berbagai perhimpunan manusia yang diseru ke jalan Allah itulah taman syurga mereka di dunia. Perhimpunan ini dinaungi oleh para malaikat serta mendapat limpah kurnia serta sakinah dari Allah. Allahlah yang menyiarkan berita-berita ini di kalangan para malaikat yang sentiasa berada di sisi Allah. Ini juga merupakan satu bekalan dan kebaikan yang besar.

Da'i di jalan Allah adalah merupakan manusia yang mengingatkan manusia lain akan hakikat pengertian kebaikan, segala kebaikan amal dan segala perkara yang meningkatkan amal dan mempertinggikan darjat mereka, memperbaiki urusan mereka, menjauhkan mereka dari segala penyelewengan dan kejahatan. Ini pula merupakan peringatan kepada manusia lain yang bakal diserunya ke jalan Allah. Jadi usaha dakwah ini berfaedah pada dirinya dan pada diri orang lain. Ini berbeza dengan hal orang yang tidak berdakwah, dia selalu melupakan segala pengertian-pengertian itu, bahkan dia pula memerlukan kepada peringatan dari orang.

Barangsiapa yang melibatkan diri di dalam arena dakwah, mestilah bersungguh-sungguh sedaya upaya membentuk dirinya serta menjadi contoh dan teladan yang baik kepada golongan yang diserunya dan yang diberi peringatan. Mereka mestilah menjadi teladan yang baik di setiap perkara yang diserunya, apa yang diperkatakan mesti diperkota bukan seperti ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul sedangkan dirinya tidak berbuat begitu, jangan melarang orang dari kejahatan sedangkan dirinya bergelumang dengan dosa dan tenggelam di dalam kemungkaran dan kejahatan. Para

da'i mestilah sentiasa mempunyai perasaan takut akan murka Allah dan azab-azabNya. Mereka mestilah sentiasa meletakkan ayat-ayat itu di hadapan mata dan hati mereka.

Niat ikhlas kerana Allah, membersihkannya dari segala tujuan duniawi merupakan perkara yang mesti di atas jalan dakwah, supaya Allah memberkati usaha dan amal kita, segala pengorbanan kita dan jihad kita. Semoga Allah menerimanya sebagai ibadah yang bersih dari segala riya yang meruntuhkan Islam. Bekalan iman dan taqwa menolong kita melahirkan keikhlasan dan membersihkan hati dari segala tujuan duniawi. Oleh kerana ikhlas itu sangat penting, Imam Hassan Al-Banna menjadikannya sebagai salah satu rukun dari rukun-rukun bai'ah yang sepuluh itu.

Tatkala panggilan jihad di jalan Allah dikumandangkan, kita dapati orang yang kurang bekalannya, orang yang keberatan dan lebih condong dengan tarikan duniawi dan keinginan jasadi, mereka ini tidak mampu untuk memisahkan diri mereka dari tuntutan-tuntutan tersebut. Maka dengan demikian dia terdedah kepada azab Allah. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمُ ٱنفِرُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلْتُمْ إِلَى ٱلْأَرْضِۚ أَرَضِيتُم بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْأٓخِرَةِۚ فَمَا مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فِي ٱلْأٓخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا تَنفِرُواْ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔاۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu, apabila dikatakan kepada kamu: Pergilah beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah, kamu merasa keberatan (dan suka tinggal menikmati kesenangan) di tempat (masing-masing)? Adakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat? (Kesukaan kamu itu salah) kerana kesenangan hidup di dunia ini hanya sedikit jua berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak." "Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah - membela agamanya), Allah akan menyeksa kamu dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikitpun kepadaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."* At-Taubah: 38-39

Adapun pembawa bekalan, maka sesungguhnya dia berangkat ke medan pertempuran, menyahut panggilan yang pertama, menyahut sebagai mujahid yang berjihad dengan dirinya dan hartanya. Kerana sesungguhnya dia telah menjadikan syiar cogan kata "Jihad itu jalan kami".

Di dalam bidang pengorbanan, kita dapati orang yang tidak mempunyai bekalan, mereka hidup dalam suasana penuh kebendaan, bakhil menyerahkan apa yang ada padanya pada jalan Allah. Tetapi pendokong dakwah dan jihad yang mempunyai bekalan yang banyak, rela mengorbankan segenap apa yang ada di tangannya, usahanya, fikirannya, kesihatannya, hartanya, jiwanya semuanya itu diserahkan dengan mudah di jalan Allah dengan penuh keyakinan bahawasanya apa yang ada pada Allah itu adalah lebih baik dan lebih kekal.

Barangsiapa berjalan di atas jalan dakwah, terdedah kepada goncangan-goncangan yang keras, tekanan-tekanan, ketukan-ketukan, kekuatan-kekuatan dan berbagai fitnah pesona yang menyebabkan orang yang tidak punya ataupun hanya punya sedikit bekalan, berganjak, lemah, lesu, menyerah dan tidak dapat bertahan di hadapan gelombang ujian yang bertubi-tubi dari segenap penjuru. Kadang-kadang hentaman yang bertubi-tubi ditujukan kepada barisan hadapan sekali, ini satu bahaya besar. Tetapi pendokong dakwah dan jihad di jalan dakwah yang mempunyai bekalan yang banyak bertambah iman di hadapan tekanan-tekanan dan fitnah-fitnah itu dan lari mendapat perlindungan Allah, memohon kepadaNya ketetapan, ketahanan dan ketabahan lalu Allah menetapkan dan menolongnya menurut kebenaran. Firman Allah:

وَلَمَّا رَءَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْأَحْزَابَ قَالُوا۟ هَـٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَـٰنًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

*"Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzab, berkatalah mereka: Inilah yang telah dijanjikan Allah dan RasulNya kepada kami dan benarlah (apa yang telah dijanjikan) Allah dan RasulNya. Dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah."* Al-Ahzab: 22

FirmanNya lagi:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

*"Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya. Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami)"* Ali Imran: 173

۞ أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

*"Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca kitab Allah, tidakkah kamu berakal?"* Al-Baqarah: 44

FirmanNya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!" "Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."* As-Saf: 2-3

Da'i kepada Allah amatlah berhati-hati dalam memilih pengertian-pengertian yang penting dan asasi yang berhubung secara langsung dengan urusan dakwah, yang berkaitan dengan urusan agama Allah. Ucapan-ucapan mereka disulami dengan ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabawiyah yang mulia. Kedua-dua sumber ini adalah sebagai pokok dan dasar ajaran Islam. Keduanya juga merupakan tarikan, pengaruh dan kesan yang baik yang sentiasa memperbaharui iman lagi menambah dan meningkatkannya. Terutamanya kalau pendokong dakwah itu menghayati segala apa yang diserukannya. Ini adalah perkara yang penting bagi pendokong dakwah Islamiyah supaya dia dapat menawan hati manusia dan mempengaruhi mereka. Apa yang keluar dari hati akan dapat menembusi hati. Jadi dia lebih dahulu tahu mengambil bekalan sebelum dia memberi bekalan pada orang lain.

Para dai'i amatlah berhati-hati dalam menggunakan waktunya, usahanya, hartanya dan badannya di dalam pengembaraan yang berulang-ulang di jalan dakwah kepada Allah. Ini adalah latihan dan tarbiyah untuk diri dan ini secara tidak langsung mampu mengikiskan sifat kemalasan, kebakhilan, kelemahan dan kebatilan dari diri dan sentiasa mempergunakan suaranya untuk mengumandangkan kalimah yang hak, kalimah yang benar walaupun pahit tanpa perasaan takut dan gerun kepada sesiapa kecuali kepada Allah sahaja. Latihan, riadah dan pengorbananan seperti ini membawa kebaikan yang banyak untuk membentuk keperibadian Islam kepada diri pendokong dakwah. Ini adalah bekalan yang sangat diperlukan oleh para da'i di jalan dakwah: Da'i ke jalan Allah yang melaksanakan tugas-tugas dakwah, bererti dia telah melengkapi dirinya dengan sifat para Nabi Allah dan bersungguh-sungguh meneliti segala ucapan dan setiap patah perkataannya kepada manusia, semua ucapannya mesti diusahakan supaya

semuanya sahih benar tanpa kesalahan dan tanpa penyelewengan, tanpa menyalahi Kitab Allah dan sunnah Rasulullah saw, kerana yang demikian itu menambah dosa yang amat sukar untuk ditarik kembali dari kalangan orang ramai dan susah memperbaiki kerosakan yang ditimbulkannya.

Membiasakan diri dengan perkataan dan ucapan yang cukup teliti dan memilih hanya yang benar, tepat, padat, tanpa sebarang kesalahan, tanpa kesamaran, merupakan perkara yang baik untuk membentuk syakhsiah Islamiyah.

Pendokong dakwah mesti menyedari tanggungjawabnya menjaga waktu, beriltizam menghadiri majlis-majlis yang telah ditentukan waktunya tanpa melambat-lambatkan kedatangannya supaya waktu orang-orang yang menunggunya tidak terbuang dengan sia-sia, atau membentangkan ucapan yang kurang faedahnya kepada hadirin. Dengan beriltizam sedemikian rupa para da'i sangatlah beruntung mempergunakan waktunya dan waktu para hadirin dengan sebaik-baiknya hanya kepada perkara yang berfaedah sahaja kerana masa itu adalah kehidupan kita, dan inilah umur kita. Padahal kewajipan-kewajipan kita lebih banyak daripada umur dan waktu kita.

Pendokong dakwah hanyalah bekerja dan beramal kerana Allah semata-mata berusaha mencari keredhaan Allah sahaja. Lantaran itu dia tidak memperalatkan tugas yang mulia ini untuk mencari keuntungan dunia ataupun menjadi alat untuk kepentingan pihak yang tertentu sekalipun mempunyai kekuatan yang besar dan jawatan yang tinggi. Kalau dia berbuat demikian dia meruntuhkan amal usahanya dan sengaja mencari-cari kutukan Allah kepada dirinya kerana memperalatkan agama Allah, mempergunakan Islam untuk menyesatkan manusia. Akhirnya dia menjadi orang yang paling rugi lantaran menjual akhiratnya untuk kepentingan dirinya dan orang lain.

Pendokong dakwah mestilah mengikuti ajaran Allah di dalam usaha dakwahnya, mestilah mengikuti sifat-sifat Rasulullah saw dalam menyampaikan dakwahnya kepada manusia. Bersifat lemah lembut, kasih sayang, hikmah, nasihat yang baik, bertukar fikiran dengan sebaik-baiknya, bersabar menerima segala azab dan sendaan (ejekan) dari orang ramai yang diseru, dari pihak yang berkuasa dan demikianlah seterusnya. Benarlah Allah Yang Maha Agung yang berfirman:

فَبِمَا رَحۡمَةٖ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمۡۖ وَلَوۡ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلۡقَلۡبِ لَٱنفَضُّواْ مِنۡ حَوۡلِكَۖ فَٱعۡفُ عَنۡهُمۡ
وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمۡ وَشَاوِرۡهُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِۖ فَإِذَا عَزَمۡتَ فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

*"Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka*

*lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya."* Ali Imran: 159

Firman Allah lagi:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦۖ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

*"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."* An-Nahl: 125

Firman Allah:

وَلَقَدۡ كُذِّبَتۡ رُسُلٞ مِّن قَبۡلِكَ فَصَبَرُواْ عَلَىٰ مَا كُذِّبُواْ وَأُوذُواْ حَتَّىٰٓ أَتَىٰهُمۡ نَصۡرُنَاۚ وَلَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِۚ وَلَقَدۡ جَآءَكَ مِن نَّبَإِيْ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٣٤

*"Dan demi sesungguhnya, Rasul-Rasul sebelummu pernah juga didustakan, maka mereka sabar terhadap perbuatan orang-orang yang mendustakan mereka dan menyakiti mereka, sehingga datanglah pertolongan Kami kepada mereka; dan sememangnyalah tiada sesiapa pun yang dapat mengubah kalimah-kalimah Allah (janji-janjiNya); dan demi sesungguhnya, telah datang kepadamu sebahagian dari khabar berita Rasul-Rasul itu."* Al-An'am: 34

Pendokong dakwah wajar dan merasa belas kasihan serta bersabar kepada manusia walaupun mereka berpaling dari dakwah kepada Allah. Firman Allah:

فَلَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِمۡ إِن لَّمۡ يُؤۡمِنُواْ بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِ أَسَفًا ٦

"Maka jangan-jangan pula engkau (wahai Muhammad), membinasakan dirimu disebabkan menanggung dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan buruk mereka, jika mereka enggan beriman kepada keterangan Al-Quran ini." Al-Kahfi: 6

Maka dengan demikian, timbullah sifat-sifat mulia ini di dalam diri pendokong dakwah ke jalan Allah di tengah-tengah usahanya berdakwah. Ini juga merupakan satu keuntungan yang besar dan bekalan yang banyak.

Pendokong dakwah ke jalan Allah tidak seharusnya terhalang dari melaksanakan tugasnya kerana keletihan dan kelesuannya, tidak terhalang oleh susahnya perjalanan, tidak terhalang oleh berjaga malam dan pengorbanan harta dan tenaga. Semuanya ini menjadi bekalan yang sangat besar faedahnya dan gunanya di dalam perjalanan yang panjang menuju ke akhirat. Bahkan dia memperolehi nikmat dan bahagia dari kesusahan, penderitaan dan pengorbanannya sebagai keuntungan dan ganjaran yang terjamin.

Pendokong dakwah melatih dirinya menjauhi al-ghurur (tertipu) lantaran telah ramai orang mendengar ucapannya, tidak putus asa dan lemah lantaran orang ramai berpaling daripadanya. Walaubagaimana buruk orang yang diserunya, adakalanya yang sedikit itu lebih baik dari yang banyak. Dia mesti tahu bahawa berdakwah menyampaikan seruan Islam itu adalah wajib. Tidak diwajibkan kepadanya supaya orang menerima sebab hidayah itu hanyalah dari Allah. Firman Allah:

مَّا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٩٩﴾

*"Tidak ada kewajipan yang ditugaskan kepada Rasulullah selain daripada menyampaikan (perintah-perintah Allah) sahaja; dan Allah sentiasa mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan."* Al-Maidah: 99

Firman Allah:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبْتُمُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦٥﴾

*"Dan pada hari (kiamat itu) Allah menyeru mereka lalu bertanya: Apa jawab kamu kepada Rasul-Rasul yang diutus kepada kamu dahulu?"* Al-Qasas: 65

Pendokong dakwah berkewajipan menyampaikan dakwah di jalan Allah kepada manusia walaupun terdedah kepada bahaya dan penyiksaan, celaan dan ejekan. Kerana demikianlah keadaan Rasulullah saw. Baginda membalas penyiksaan kaum Quraisy dengan mendoakan mereka:

"Ya Tuhanku, berilah petunjuk kepada mereka, sesungguhnya mereka tidak mengetahui."

Walaubagaimanapun pendokong dakwah akan terus menerus berdakwah kerana mencari keredhaan Allah. Seperti yang pernah dikatakan oleh Imam Hassan Al-Banna: "Jadikanlah dirimu ibarat sepohon pokok buah-buahan, manusia membalingnya dengan batu tetapi pokok itu menggugurkan buah-buahan kepada mereka." Jadi, melatih diri dengan membalas kejahatan dengan kebaikan adalah satu bekalan yang besar seperti firman Allah:

وَلَا تَسۡتَوِى ٱلۡحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُۚ ٱدۡفَعۡ بِٱلَّتِى هِىَ أَحۡسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيۡنَكَ وَبَيۡنَهُۥ عَدَٰوَةٞ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٞ ﴿٣٤﴾

*"Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib."*
Fussilat: 34

Kejayaan seorang pendakwah dapat diukur dari bilangan manusia yang diserunya, yang mengikuti seruannya, yang mencintainya dengan kecintaan yang setulus hati semata-mata kerana Allah. Ini merupakan nikmat dan kebaikan yang banyak dari Allah, yang mana hal-hal ini tidak dapat dicapai oleh kebanyakan manusia. Cukuplah baginya apabila ada orang yang menyambut seruannya, mencintainya setulus hati lalu mendoakan nya ke hadrat Ilahi dengan doa yang baik-baik ataupun sekurang-kurangnya mereka memandang simpati dengan penuh kecintaan dan rasa ikhlas, moga-moga dengan itu mereka mendapat keampunan dari Allah.

Pendokong dakwah mestilah menyedari dengan penuh keinsafan bahawa segala ucapan yang baik-baik yang telah disampaikan kepada manusia ini lantas menawan hati mereka adalah semuanya datang dari Allah, adalah semata-mata merupakan taufiq dan hidayah Allah kepadanya. Bukan dari kepandaiannya semata-mata, bukan dari kemampuannya yang luar biasa atau bukan dari kudrat kuasanya. Dengan adanya perasaan ini yang menyelinap di hati mereka, mereka tidak akan merasa sombong, tidak akan merasa takabbur, malah menanamkan rasa tawadhuk, bertambah taqwanya kepada Allah, sentiasa bersyukur kepadaNya, sentiasa memohon perlindungan dariNya, supaya Allah akan memberi hidayah demi hidayah dalam usaha-usaha dakwah ini sepertimana firman Allah:

وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ وَيُعَلِّمُكُمُ ٱللَّهُۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىۡءٍ عَلِيمٞ ﴿٢٨٢﴾

*"... Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."* Al-Baqarah: 282

Dan firmanNya lagi:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

*"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras."* Ibrahim: 7

Para pendokong dakwah menambahkan pengalaman dan pelajaraan dengan perjalanannya ke merata-rata tempat, melawat negeri dan daerah, dan di samping itu dia dapat mengenali berbagai-bagai jenis bangsa muslimin yang berbeza latar belakang dan suasana kehidupan mereka. Dia dapat mengenali dunia Islam secara lebih luas. Ini merupakan bekalan baginya di atas jalan dakwah. Pengalamannya meluas, kepandaian dan ilmunya bertambah dan dia semakin bijak dalam menghadapi segala lapisan masyarakat yang berbeza taraf hidup dan darjah kemampuannya. Ada yang hanya menghayati sebahagian dari Islam dan ada pula yang menghayati Islam secara syumul.

Dia juga menghadapi golongan yang mempusakai berbagai bid'ah, penyelewengan, khurafat dan karut marut jahiliyah. Golongan yang menghayati Islam secara luaran tanpa menyelami intisarinya. Golongan yang mempunyai pandangan dangkal terhadap Islam tanpa mengenali terasnya. Semuanya ini terpaksa dihadapi oleh pendokong risalah dakwah dengan rasa lapang dada dan penuh bijaksana menurut kemampuannya. Ini adalah bekalan dan keuntungan yang baik yang tidak dapat dicapai oleh orang yang tidak melibatkan diri dengan usaha dakwah.

Pendokong dakwah yang ikhlas, bertaqwa kepada Allah dan menimbang segala peristiwa yang terjadi dan pendirian Islam terhadapnya menurut neraca Islam, menurut timbangan Islam yang sahih tanpa nifaq, bermuka dua, tidak berpura-pura, tidak menjadi musang berbulu ayam. Dia tidak menjilat pihak yang berkuasa, tidak takut kepada sesiapa yang berkuasa walau besar manapun kuasanya. Dia tidak mencampur adukkan yang haq dan yang batil di dalam fikiran manusia dan Allah memisahkan yang buruk dari yang baik. Manusia belajar daripadanya, mempergunakan neraca ketuhanan. Dia menjadi guru yang bijaksana membawa manusia kepada perkara yang diredhai Allah dan menghindarkan mereka dari kemurkaan Allah. Ini adalah kebaikan bagi para pendokong dakwah dan bekalan yang baik lagi dakwah ke jalan Allah.

## BAB 17 DAN DI DALAM PERSAHABATAN YANG BAIK ADA BEKALAN

وفي الصحبة الصالحة ... زاد

Persaudaraan pada Allah, kerana Allah adalah satu nikmat besar dan bekalan yang baik yang sentiasa baru di sepanjang jalan. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan nikmat ini kepada mukminin di dalam seruanNya kepada kesatuan tanpa perpecahan sebagaimana firmanNya:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

*"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya."* Ali Imran: 103

Itu adalah satu nikmat yang sangat besar yang tidak dapat dibeli dengan harta atau dengan kemewahan duma, akan tetapi semuanya menjadi kenyataan dan sempurna semata-mata kerana limpah kurnia Allah dengan kudrat kuasaNya. FirmanNya:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

*"Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Al-Anfal: 63

Sesungguhnya ikatan aqidah Islamiyah itu adalah sekuat-kuat ikatan. Sesungguhnya orang-orang yang hidup di bawah naungan cinta dan persaudaraan Islam,

persaudaraan kepada Allah, kerana Allah, akan dapat merasa dan menikmati satu kebahagiaan yang hakiki, kepuasan jiwa yang tidak terperi, di mana ini semua tidak mungkin dapat dikecapi oleh orang-orang yang menilai hidup dengan nilai-nilai keduniaan yang fana ini. Jamaah Ikhwanul Muslimin telah menikmati kebahagiaan seperti ini. Mereka benar-benar merasa kehilangan, sunyi dan sepi apabila salah seorang dari saudaranya ghaib dari kalangan mereka, ataupun mereka dipisahkan oleh suasana dan keadaan yang memaksa mereka untuk berjauhan. Lantaran itulah sebahagian dari mereka telah mencipta satu perumpamaan yang melambangkan keakraban ukhuwwah Islamiyah mereka: 'Sesungguhnya ukhuwwah, suasana persaudaraan Ikhwanul Muslimin yang telah dinikmati oleh anggotanya yang setia adalah laksana ikan dengan air'.

Oleh kerana kepentingan persaudaraan kerana Allah, ukhuwwah Islamiyah di atas jalan dakwah, maka terjadilah peristiwa bagaimana Rasulullah saw mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar, peristiwa ini adalah merupakan satu contoh yang agung, paling tinggi di dalam percintaan kerana mengutamakan saudaranya lebih dari dirinya sendiri.

Sesungguhnya tugas yang paling besar yang telah disediakan oleh Rasulullah saw kepada muslimin adalah menegakkan aqidah Islam, aqidah tauhid, membangunkan daulah Islamiyah. Dalam perlaksanaannya pula perlulah ada perpaduan dan ikatan di antara para anggotanya di dalam jamaah Islamiyah. Parti Islam, hizbullah, yang telah menjual dirinya kepada Allah dan telah menolong syariatNya jadilah mereka satu barisan, satu parti yang tersusun rapi laksana sebuah bangunan.

Setelah kita jelaskan kepentingan ukhuwwah, kita akan cuba untuk memahami bagaimana ukhuwwah ini boleh menolong menambahkan bekalan di sepanjang jalan dakwah.

Seorang muslim tidak berjalan di sebatang jalan yang aman, akan tetapi dia berjalan di atas jalan yang penuh dengan onak dan duri, penuh dengan lumpur lecak yang licin dan penuh dengan fitnah pesona dan tipu daya. Dia ditunggu oleh penyamun-penyamun dan syaitan, bangsa jin dan manusia yang sentiasa mengintip-ngintip di setiap langkah. Lantaran itu dia sangat memerlukan pemimpin yang dapat memimpin tangannya dan menunjukkan kepadanya, memberinya peringatan tatkala dia lupa dan menolongnya tatkala dia lemah. Benarlah Allah di dalam firmanNya:

وَٱلۡعَصۡرِ ۝١ إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَفِي خُسۡرٍ ۝٢ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡحَقِّ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ ۝٣

*"Demi masa!" "Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian" "Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."* Al-Asr: 1-3

Kadang-kadang datang kepada muslim masa-masa kelesuan, kelalaian, kelekaan, kelupaan ataupun mengikuti pujukan syaitan. Kalau dia dibiarkan tinggal keseorangan di dalam suasana yang demikian, dia akan hanyut terdedah kepada kehancuran dan kebinasaan. Sesungguhnya serigala akan menerkam kambing yang terpisah dari kumpulannya. Muslim yang mempunyai sahabat yang soleh tidak akan sampai hati membiarkan saudaranya menyerahkan dirinya kepada syaitan dan membiarkan dia melakukan keterlanjuran, tetapi mereka akan mencarinya, memanggilnya, memberi peringatan kepadanya, menolongnya melawan godaan syaitan dan hawanya. Ini adalah bekalan yang besar sepanjang jalan dakwah.

Sesungguhnya sahabat yang soleh adalah orang yang sentiasa mengingatkan kita kepada kebaikan, apabila kita memandang wajahnya dia terus mengingatkan kita kepada Allah dan taat kepadaNya. Sebaliknya pula, sahabat yang durjana adalah jauh dari itu, dia mengingatkan kita ke arah maksiat malah mendorong kita melakukan dosa dan mungkar. Benarlah seperti sabda Rasulullah saw yang bermaksud:

"Sesungguhnya sahabat yang soleh itu diumpamakan seperti seorang penjual minyak wangi yang duduk di dalam majlis bersama kita, kalau engkau tidak mendapat sesuatu darinya, engkau masih dapat mencium keharuman baunya dan perumpamaan orang yang jahat yang duduk bersama kita di dalam satu majlis adalah diumpamakan seperti tukang penyembur api (tukang besi), jika engkau tidak terkena percikan apinya, engkau masih merasakan kepedihan asapnya."

Manusia itu adalah replika (cermin) sahabatnya. Dia akan merasakan hidupnya tidak bererti dan dirinya tidak berguna tanpanya dan sebaliknya dia akan merasakan dirinya bernilai semula apabila dia sentiasa berikat dengan sahabatnya.

Jadi kalaulah golongan manusia durjana yang telah mencabul harta dan kehurmatan orang lain masih boleh dan mampu bersatu padu, memilih ketua yang mereka taati, maka sudah tentu para pendokong al-haq dan pembawa risalah boleh bersatu padu dalam usaha-usaha baik mereka kerana mukmin itu adalah ibarat sebuah bangunan yang tersusun rapi, sebahagiannya menyokong sebahagian yang lain. Tidaklah mungkin satu jamaah itu dapat berdiri teguh dan melaksanakan tugas dan berbagai kerja, jika mereka tidak berusaha meneguhkan persaudaraan dan perpaduan sesama mereka.

Orang mukmin adalah cermin saudaranya.

Tidak ada gading yang tidak retak, tidak ada manusia yang tidak punya cacat cela. Fakta-fakta ini sering dilupakan orang dan tidak disedari. Jadi itulah sebabnya dia berhajat kepada orang yang mampu memimpinnya dan menyelamatkannya dari berbagai kesalahan dan kesilapan dan cacat cela. Jelas sekali bahawa ini tidak akan dapat dilakukan oleh sebarang orang kecuali orang-orang yang pengasih, ikhlas, yang sentiasa berlemah lembut di dalam pergaulannya dan halus budi bicaranya serta bijaksana di dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar. Ini adalah sebaik-baik bekalan di sepanjang jalan dakwah.

Di dalam perkara nasihat menasihati, adalah lebih baik kalau kita meneliti serba sedikit adab-adabnya, bagaimana menunaikannya dengan sebijiksana mungkin, nasihat yang baik dan perancangan yang lebih baik seperti firman Allah:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَـٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

*"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."* An-Nahl: 125

Salah seorang salafus soleh pernah berkata: "Laksanakanlah nasihat itu dengan cara yang paling sempurna dan terimalah dia dengan cara apa pun. Barangsiapa yang menasihati saudaranya secara rahsia, maka dia telah memperbaiki dan menghiasinya, tetapi barangsiapa yang menasihati saudaranya secara terang-terangan di hadapan khalayak ramai, dia memalukannya dan mengkhianatinya".

### 17.1 Persahabatan yang baik melipatgandakan kekuatan tenaga seseorang

Apabila dia memikirkan sesuatu perkara, dia meminta pandangan saudara-saudaranya, jadilah hasil pemikirannya merupakan gembelingan dari buah fikirannya dan buah fikiran sahabat-sahabatnya. Apabila dia membuat sesuatu kerja, semua saudara-saudaranya akan menolongnya menurut kemampuan masing-masing. Oleh itu dia akan mendapat faedah dari pertolongan-pertolongan mereka.

Persahabatan yang baik menambahkan lagi kebahagiaan yang dikecapinya, kerana penglibatan saudara-saudaranya bersama-sama di dalam kegembiraan itu meringankan kepenatan dan kesusahan semasa dia ditimpa bahaya dan bencana, mereka sentiasa menolongnya dengan harta dan usaha, mereka sentiasa mengingatkannya tentang Allah, menasihatinya supaya sentiasa bersabar tatkala ditimpa bencana, bala dan kesusahan,

mereka tidak akan membiarkan dirinya berdukacita membawa diri keseorangan serta mengasingkan dirinya. Ini adalah merupakan pembantu dan bekal di sepanjang jalan.

Saya melihat seorang muslim itu apabila berjalan di atas jalan dakwah, seolah-olah kelihatan kcpada saya dia berjalan bukan hanya bersama hatinya sahaja, tetapi dibawa bersama hati-hati kawan-kawannya. Setiap saudaranya itu tidak akan bakhil memberinya bekalan rohani yang dikurniakan Allah kepadanya. Bekalan inilah yang menolongnya mengenali jalanNya, menolongnya untuk taat setia kepada titah perintahNya, menolongnya supaya bertahan dan sentiasa ampuh mengatasi segala rintangan. Ini bukannya merupakan hanya satu bekalan, tetapi adalah bekalan yang berlipat ganda dan tidak ternilai.

Allah menyuruh kita supaya bertolong-tolongan dalam melakukan kebaikan dan taqwa seperti di dalam firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُحِلُّوا۟ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ وَلَا ٱلشَّهْرَ ٱلْحَرَامَ وَلَا ٱلْهَدْىَ وَلَا ٱلْقَلَٰٓئِدَ وَلَآ ءَآمِّينَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَٰنًا ۚ وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَٱصْطَادُوا۟ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا۟ ۘ وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Mekah untuk korban), dan mengenai kalung-kalung binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadah haji di tanah suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid Al-Haram itu - mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."* Al-Maidah: 2

Jelas sekali arahan ini bukanlah ditujukan kepada individu sahaja, tetapi arahan ini adalah ditujukan khasnya kepada jamaah dan kumpulan. Jadi persahabatan yang baik dan kukuh adalah wajib dan lazim untuk orang-orang yang berjalan di atas jalan dakwah.

Alangkah baik dan indahnya persahabatan di sebuah kampung, sebuah daerah, sebuah negeri, jika suasana bertolong-tolongan dapat dihidupkan, supaya lahirlah suasana kebaikan, taat kepada Allah, lebih-lebih lagi di zaman ini, semuanya sudah sedikit demi sedikit dilupakan orang dan diabaikan. Fenomena ini biasa kita lihat, di mana kebanyakan muslimin telah memandang ringan tentang qiyamullail, solat berjamaah di masjid terutamanya solat subuh dan isha, menghadiri pengajian Al-Quran, menghadiri majlis ilmu, majlis zikrullah dan menyertai rombongan dakwah kepada Allah dan menolong fakir miskin, golongan hunafa dan tertindas.

Alangkah besarnya faedah persahabatan yang baik di waktu susah dan di kala datangnya ujian dan mehnah. Di kala itu seorang muslim terdedah kepada berbagai gangguan, gugatan dan tekanan yang mendorongnya untuk menyeleweng dari urusan dakwahnya, meninggalkan dakwahnya terpesong dari jalan-jalan yang sahih dan lurus. Di sinilah letaknya tugas penting seorang sahabat yang baik, yang mampu memelihara seorang muslim yang lain, yang berusaha melindunginya dari keciciran, dari sikap masa bodoh, dari sikap berlepas tangan, dari sebarang penyelewengan, dari terpengaruh dengan janji-janji molok atau ancaman-ancaman dari musuh-musuh Allah. Musuh-musuh Allah ini berusaha bersungguh-sungguh menjalankan tipu daya yang diilhamkan oleh syaitan yang laknat supaya para amilin, para pekerja Islam meninggalkan tugas mereka dan juga kedudukan mereka dari barisan jihad dan gelanggang dakwah. Ini jelas kita lihat dengan nyata sekali di dalam sejarah perjuangan Ikhwanul Muslimin, mereka sentiasa diuji dengan segala rupa bentuk bencana dan mehnah. Ini semua dapat diatasi dengan berkat hidup berjamaah yang diikat dengan paduan kasih sayang dan persaudaraan yang kuat kerana Allah semata-mata.

Alangkah besarnya faedah yang akan dapat dicapai oleh seseorang di dalam suasana persahabatan yang baik dan harmonis. Saudara-saudaranya akan mendoakannya dengan doa yang baik-baik, doa-doa yang mustajab yang diperkenankan oleh Allah.

Alangkah besarnya bekalan yang akan didapati oleh seseorang di dalam persahabatan yang baik, yang berkasih sayang pada jalan Allah dan kerana Allah lantas mendapat redha Allah dan keampunanNya serta ganjaran baik dariNya lantaran perasaan cinta kerana Allah. Pandang memandang sesama mereka penuh erti dengan erti cinta yang ikhlas kerana Allah. Mereka berjabat tangan disulami dengan senyum simpul terhias di wajah masing-masing. Mereka ziarah menziarahi, wasiat mewasiati serta ingat mengingati ke arah kebaikan. Banyak hadis-hadis yang menggambarkan keadaan persahabatan yang baik serta ganjaran-ganjaran yang akan dikecapi di hari akhirat kelak. Di antara hadis-hadis tersebut Rasulullah saw pernah bersabda yang bermaksud:

*"Tujuh orang yang akan dinaungi Allah di hari tiada lagi naungan kecuali naungan Allah yang satu. Salah satunya adalah dua orang lelaki yang berkasih sayang kerana Allah, keduanya berkumpul kerana Allah dan berpisah kerana Allah."*

Dari Abu Hurairah, dari Rasulullah saw yang bermaksud:

"Ada seorang lelaki yang menziarahi saudaranya di sebuah kampung yang lain, lalu Allah menyuruh malaikat menunggunya di pertengahan jalan. Tatkala berjumpa dengan lelaki tersebut malaikat itu bertanya kepadanya:

Mahu ke mana?

Saya hendak menziarahi saudaraku di kampung itu.

Jawabnya: Adakah kamu hendak membalas budinya?, tanya malaikat itu lagi.

Tidak, tetapi saya mencintainya kerana Allah, jawabnya lagi.

Sesungguhnya aku ini utusan Allah kepadamu untuk memberitahumu, bahawasanya Allah telah mencintaimu sebagaimana kau mencintainya kerana Allah." Riwayat Muslim

Imam Muslim telah meriwayatkan di dalam Kitab Az-Zikr, bahawasanya Rasulullah saw telah bertemu dengan para sahabatnya di dalam satu majlis lalu bertanya:

Kenapa kamu duduk di sini?

Kami duduk di sini kerana mengingati Allah dan memujiNya kerana Dia telah memimpin kami kepada Islam. Dia telah memberi kami nikmat kumiaNya kepada kami', mereka menjawab.

Demi Allah, tiadakah perkara lain yang menyebabkan kamu duduk di sini selain yang demikian?

Demi Allah, kami bersumpah, tiada perkara lain yang menyebabkan kami duduk di sini selain yang demikian.

Adapun aku ini tidak menyuruh kamu bersumpah kerana menuduh kamu, akan tetapi Jibril telah datang kepadaku lalu memberitahuku bahawa sesungguhnya Allah membangga-banggakan kamu kepada malaikat-malaikatNya.

Oleh kerana pentingnya persahabatan yang baik itu dengan segala kebaikan dan faedah yang lahir daripadanya terhadap Islam dan umatnya, maka kita dapati Islam

berserta syariatnya memelihara nilai-nilai persahabatan, mengawalnya dari segala perkara yang mungkin merosakkan kesatuan dan perpaduan serta mengharamkan dari segala perkara yang mungkin membawa kepada dengki-mendengki, benci-membenci, tipu-menipu, berlaku curang, berlaku khianat, berjual beli dengan segala tipu daya, terlibat dengan riba, minuman keras, judi, ejek-mengejek, bersangka buruk, mengintai-intai dan mencari-cari kesalahan arang, putus memutus hubungan dan saling berpaling tadah. Ingatlah pesanan Rasulullah saw di dalam sabdanya:

"لا تقاطعوا ولا تدابروا ولا تباغضوا ولا تحاسدوا وكونوا عباد الله اخوانا . ولا يحل لمسلم أن يحجر أخاه فوق ثلاث"

*"Janganlah kamu saling putus memutus hubungan, janganlah kamu saling berpaling tadah, janganlah kamu saling berbenci-bencian, janganlah kamu saling berhasad dengki. Dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara. Dan tidaklah halal bagi seorang muslim berpaling dari saudaranya lebih dari tiga hari."* Riwayat Bukhari dan Muslim

Allah telah mengajarkan kepada kita seperti itu di dalam maksud ayat di dalam Surah Al-Hujurat tentang bagaimana caranya kita menghapuskan pertentangan di antara mukmin dengan cara yang paling hampir. Mereka wajib campur tangan untuk mendamaikan di antara dua pihak yang sedang bersengketa dari kalangan arang mukmin, seperti di dalam firman Allah:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱقْتَتَلُواْ فَأَصْلِحُواْ بَيْنَهُمَا ۖ فَإِنۢ بَغَتْ إِحْدَىٰهُمَا عَلَى ٱلْأُخْرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِى تَبْغِى حَتَّىٰ تَفِىٓءَ إِلَىٰٓ أَمْرِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن فَآءَتْ فَأَصْلِحُواْ بَيْنَهُمَا بِٱلْعَدْلِ وَأَقْسِطُوٓاْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ۝٩

*"Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."* Al-Hujurat: 9

Dan firmanNya lagi:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُواْ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ۝١٠

*"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."* Al-Hujurat: 10

Persaudaraan dan persahabatan yang baik melahirkan persatuan dan perpaduan, kekuatan dan kebaikan untuk seluruh umat Islam dan Islam itu sendiri. Sebaliknya pula perpecahan dan perselisihan membawa kepada kegagalan, kelemahan dan bahaya kepada Islam dan umatnya, seperti firman Allah:

وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُواْ فَتَفۡشَلُواْ وَتَذۡهَبَ رِيحُكُمۡۖ وَٱصۡبِرُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

*"Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."* Al-Anfal: 46

Syaitan dan musuh-musuh Allah marah tatkala melihat kesatuan, perpaduan muslimin dan bertolong-tolongan di antara mereka, maka mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memecah belahkan kaum muslimin. Alangkah perlunya kita menyedari perkara itu dan tidak membuka peluang kepada syaitan, jin dan manusia untuk mencapai tujuan jahat mereka.

Janganlah kita marah kepada diri kita dan janganlah memperkatakan sesuatu perkataan yang merosakkan saudara-saudara kita dan marilah kita menurut seruan Allah di dalam firmanNya:

وَقُل لِّعِبَادِى يَقُولُواْ ٱلَّتِى هِىَ أَحۡسَنُۚ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ يَنزَغُ بَيۡنَهُمۡۚ إِنَّ ٱلشَّيۡطَٰنَ كَانَ لِلۡإِنسَٰنِ عَدُوّٗا مُّبِينٗا ﴿٥٣﴾

*"Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia."* Al-Israa: 53

Alangkah bahagianya kita dengan nikmat Islam dan dengan nikmat persaudaraan pada Allah, kerana Allah dan alangkah perlunya kita memelihara nikmat-nikmat ini dengan segala kemampuan kita dan dengan segala cara dan jalan yang kita miliki.

Oleh itu wahai saudaraku!

Carilah sahabat-sahabat yang soleh, bersahabatlah dengan persahabatan yang baik kerana ini merupakan penolong dan bekalan di sepanjang jalan.

## BAB 18 DAN DI DALAM AMAL SOLEH ADA BEKALAN

وفي العمل الصالح ... زاد

Iman dan amal soleh tidak boleh dipisahkan. Amal soleh adalah pembuktian dan realisasi iman. Iman pula adalah syarat yang lazim untuk penerimaan sesuatu amal soleh. Kedua-duanya ini berulang kali disebut-sebut di dalam Al-Quran yang mulia. Kita dapati iman yang benar melahirkan amal soleh dan amal soleh mengukuhkan iman, menegakkan dan memantapkannya. Bolehlah kita katakan bahawa sesungguhnya amal soleh itu adalah buah iman dan taqwa. Amal soleh juga merupakan sumber untuk memperoleh bekalan taqwa dan iman di sepanjang jalan. Amal soleh adalah usaha kerja, perlaksanaan iman dan untuk melatih diri, memerangi hawa nafsu dan menguasainya supaya diri diredhai Allah. Ini merupakan satu penolong dan bekalan sepanjang jalan.

Sesungguhnya lahirnya iman dan amal soleh, subur dan berkembang biak dalam diri individu dan di dalam masyarakat, menimbulkan kebaikan yang banyak dan kejayaan yang besar sebagaimana yang telah ditentukan di dalam Kitab Allah, merupakan satu kejayaan dari sebarang kerugian seperti di dalam firman Allah:

وَٱلْعَصْرِ ۝١ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَفِى خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ ۝٣

*"Demi Masa!" "Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian." "Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."* Al-Asr: 1-3

Dengan demikian, mereka mendapat keampunan dan ganjaran yang besar seperti di dalam firmanNya:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ مِنْهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًۢا ۝٢٩

*"(Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar."* Al-Fath: 29

Oleh itu taubat mereka diterima dan segala kejahatan mereka digantikan dengan kebaikan-kebaikan. Firman Allah:

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَٰلِحًا فَأُوْلَٰٓئِكَ يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمْ حَسَنَٰتٍۢ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٠﴾

*"Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* Al-Furqan: 70

Iman dan amal soleh membawa kejayaan, menurut firman Allah:

فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ مِنَ ٱلْمُفْلِحِينَ ﴿٦٧﴾

*"(Demikianlah akibat orang-orang derhaka), adapun orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka semoga akan menjadilah ia dari orang-orang yang berjaya."* Al-Qasas: 67

Dan layak memasuki syurga Allah, seperti firmanNya:

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

*"Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun."* An-Nisa: 124

Orang-orang yang beriman dan beramal soleh akan berkuasa dan menjadi pemerintah (khalifah) di muka humi, seperti di dalam firmanNya:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

*"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan*

*mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka."* An-Nur: 55

Amal soleh adalah bidang perlaksanaan ilmu, iman adalah merupakan teori dan amal adalah praktik, melaksanakan ilmu yang telah kita baca, yang kita telah fahami dan kita dengari merupakan hujah kita, bukan ke atas kita. Amal itu memantapkan dan mengukuhkan ilmu. Amal adalah realisasi dari alam khayalan berupa teori kepada alam kenyataan hidup dan medan jihad dan mujahadah. Ini merupakan peningkatan jiwa dan pembinaan peribadi, menguatkan kemahuan serta memperolehi kepintaran dan pengalaman. Seperti apa yang pernah disuarakan oleh Imam Hassan Al-Banna:

"Sesungguhnya medan perkataan bukanlah medan khayalan, medan amal bukanlah medan perkataan, medan jihad bukanlah amal, medan jihad yang haq bukanlah sama dengan medan jihad yang salah. Sesungguhnya kita melihat bahawa ramai manusia telah membaca dan berilmu tetapi amatlah sedikit yang memindahkan ilmu-ilmu tersebut dalam bentuk amal."

Dorongan kebaikan dan dorongan kejahatan di dalam diri manusia itu saling bertentangan. Apabila sesuatu kebaikan telah terlaksana ini menunjukkan bahawa dorongan kebaikan telah menang dalam pertarungan dengan dorongan kejahatan. Lantas menguatkan lagi kedudukan dorongan kebaikan dan melemahkan dorongan kejahatan. Ini adalah merupakan bekalan dan kebaikan.

Kita ambil contoh!

Kita telah mengetahui tentang kebaikan-kebaikan berinfaq di jalan Allah, kita terasa ingin untuk melakukannya, serentak dengan itu timbul pula perasaan bakhil dan cintakan harta yang menghalang kita untuk terus melakukannya. Tetapi dengan cekal hati kita keluarkan juga wang kita untuk berbelanja di jalan Allah. Ini bererti kita telah mampu mengalahkan al-hawa. Kita telah melatih diri kita menjadi pemurah. Ini adalah merupakan satu kebaikan.

Kita telah membaca tentang kemuliaan jihad di jalan Allah, teori ini hanya akan tinggal teori sahaja sehinggalah kita turut melibatkan diri di dalam jihad di medan jihad di jalan Allah, mengalahkan tarikan duniawi, mengatasi segala keinginan jasadi, kemewahan dan kesenangan hidup, takutkan maut dan lain-lain yang menyebabkan seseorang itu lebih condong ke arah keduniaan dan tertarik kepadanya. Mengatasi segala tarikan itu tadi merupakan kemenangan ke atas al-hawa dan satu bekalan yang sangat tinggi mutunya.

Kita telah membaca tentang ukhuwwah Islamiyah dengan penuh kasih sayang, mengutamakan saudaranya lebih dari dirinya sendiri, kemuliaan sikap yang demikian dengan segala kebaikan-kebaikannya tetapi kadang kala diganggu oleh sikap ananiyah (ego) dan cinta diri. Kalau kita dapat mengatasi sifat-sifat negatif tadi bererti kita telah dapat bekalan yang baik.

Kita telah membaca tentang sifat sabar, baik hati, ketetapan dan ketabahan di dalam dakwah, lantas kita kagum dan tertarik ingin mencontohi sepertimana yang telah dilakukan oleh para pendokong dakwah sepanjang jalan dakwah. Tatkala kita melaksanakannya kita mendapat latihan, pengalaman dan kelincahan serta iman kita bertambah. Firman Allah:

ٱلَّذِينَ قَالَ لَهُمُ ٱلنَّاسُ إِنَّ ٱلنَّاسَ قَدْ جَمَعُوا۟ لَكُمْ فَٱخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَـٰنًا وَقَالُوا۟ حَسْبُنَا ٱللَّهُ وَنِعْمَ ٱلْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

*"Mereka juga ialah yang diberitahu oleh orang-orang (pembawa berita) kepada mereka: Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya. Maka berita itu makin menambahkan iman mereka lalu berkata: Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami)."* Ali Imran: 173

Firman Allah lagi:

وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

*"Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir."* Ali Imran: 141

Dakwah ditegakkan atas dasar kekuatan azam dan ulul 'azmi dan tidak dapat ditegakkan dengan mudah oleh orang-orang yang berada di dalam kesenangan. Al-Quran mendorong memperkuatkan azam dan melaksanakan kerja-kerja mulia dengan kesungguhan dan kekuatan yang ada pada kita.

Firman Allah:

يَـٰيَحْيَىٰ خُذِ ٱلْكِتَـٰبَ بِقُوَّةٍ ۖ وَءَاتَيْنَـٰهُ ٱلْحُكْمَ صَبِيًّا ﴿١٢﴾

*"Wahai Yahya, terimalah kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh! Dan Kami berikan kepadanya hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak."* Maryam: 12

FirmanNya lagi:

*"Dan turutlah - Al-Quran - sebaik-baik. (Panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya."* Az-Zumar: 55

Saudara muslim mestilah mampu memimpin dirinya, menguasai diri di dalam hidupnya, yang bersungguh membuat amal soleh dengan sepenuh kemampuan dan tenaganya. Itulah bekalan sepanjang jalan.

Bidang amal soleh itu luas dan tidak terbatas. Membuka peluang yang luas kepada saudara muslim untuk memperoleh bekalan di segenap jurusan. Di samping itu ia terbahagi kepada beberapa waktu yang telah diatur. Di sana ada amal-amal soleh yang disuruh di waktu malam, waktu siang, mingguan, bulanan, amal tahunan, itu adalah merupakan tajdid dan penerusan untuk mendapat bekalan sepanjang jalan.

Kita tidak lupa untuk mengingatkan kepada amal soleh di bulan Ramadhan yang di dalamnya berlipat ganda pahala dan ganjaran, dan banyak bekalan yang dapat diperoleh di bulan yang mulia ini. Sebagaimana yang disarankan oleh hadis-hadis Rasulullah saw.

Amal soleh membersihkan jiwa, meningkatkan diri dan mensucikannya dari segala kemungkaran dan kehinaan serta segala dosa dan noda. Ia juga menghiasi diri dengan sifat-sifat yang mulia dan ikhlas yang terpuji, ini adalah bekalan yang sangat penting sepanjang jalan.

Saudara muslim membuat amal soleh kerana menunaikan kewajipan. Faktor kedua ialah untuk mencari ganjaran untuk akhirat. Ketiganya untuk mendapat faedah dan bekalan di sepanjang jalan. Jika seorang muslim itu beramal soleh, maka ia telah menunaikan kewajipan dan mendapat ganjaran dan pahala dari Allah, tetapi amal soleh itu diamalkan menurut syarat-syaratnya.

Adapun faedah dan bekalan yang diharapkan itu, kita serahkan sahaja kepada Allah untuk menentukannya, sebab ada kemungkinan timbul satu kesempatan dan peluang yang tidak terduga yang menjadikan amalan membuahkan hasil-hasil yang

paling baik, berkat dan faedahnya di dunia dan di akhirat. Berlainan pula dengan si pemalas yang tidak suka beramal, sudahlah dia berdosa di atas kecuaiannya, dia juga tidak berpeluang mendapat ganjaran jihad dan dakwah dan pasti tidak mendapat satu faedah apa jua pun. Manakah di antara dua golongan itu yang paling baik kedudukannya dan yang paling tinggi maqamnya?

Sesungguhnya Allah mencintai urusan-urusan yang tinggi dan membenci urusan-urusan yang rendah dan hina. Maka dengan melakukan amal soleh kita sentiasa hidup di dalam urusan-urusan yang tinggi dan mulia dan mengatasi segala urusan yang rendah dan hina dan menjauhinya. Ini adalah bekalan dan ketinggian.

Orang yang melakukan amal soleh dengan sendirinya menjadi teladan yang baik kepada orang lain. Ini dengan sendirinya menolong kita menyebarkan kemuliaan dan kebaikan di dalam masyarakat dengan teladan amaliyah dan praktikal. Kesan pengaruhnya lebih besar dan dalam dari perkataan dan tulisan.

Amal soleh menyampaikan arahan kepada golongan yang tidak terpelajar di dalam bentuk amaliyah bukan dengan bentuk kata-kata juga kepada golongan yang tidak berkesempatan membaca.

Beramal soleh mestilah dengan ikhlas dan beriltizam dengan Kitabullah dan sunnah Rasulullah saw supaya amal soleh kita diterima Allah dan diredhaiNya. Dengan demikian kita mendapat bekalan yang banyak. Amal soleh itulah bidang melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhkan diri dari larangan Allah dan Allah tidak menyuruh kita membuat sesuatu kecuali yang baik sahaja untuk kita dan tidak melarang kita dari sesuatu kecuali membawa bahaya dan kejahatan kepada kita dan orang lain.

Kita semua mempunyai kemampuan dan keistimewaan masing-masing, mempunyai masa, usaha, kesungguhan, fikiran, harta dan jiwa. Maka apabila semua itu dapat dipergunakan di dalam amal soleh yang diredhai Allah, akan lahirlah hikmat Allah yang tadinya tersembunyi di belakang segala perintah Allah. Tatkala itulah kita telah menjadi umat sederhana (ummatan wasata), pemimpin, guru, dan pengarah, menjadi sumber kebahagiaan, membawa rahmat dan hidayah ke seluruh alam. Sesungguhnya ini satu maqam satu darjat yang tinggi dan mulia. Tetapi apabila kita mempergunakan semua itu kepada bukan tempatnya, kepada bukan amal soleh, lahirlah kerosakan di laut dan di darat. Kita berlindung dari yang demikian. Ini di dunia, adapun di akhirat, kejayaan dan nikmat syurga bagi golongan yang pertama. Kerugian azab neraka bagi golongan yang kedua. Demikianlah kita melihat kemuliaan amal soleh.

Suasana yang dilalui oleh dakwah Islam dan para muslimin di zaman ini mewajibkan kita bangun dan bangkit dari kabwah (diam termenung tanpa tindakan) lalu kita terus menerus bekerja sungguh-sungguh untuk menentang pendokong jahiliyah,

pendokong kebatilan dan musuh-musuh Islam, mereka berusaha siang dan malam dengan segenap kekuatan mereka merancang untuk menghapuskan Islam serta umatnya sekali. Perbuatan-perbuatan kita ini akan menambah lagi kadar dan nilai amal soleh dan menambah kepentingannya, kebaikannya, kesan dan pengaruhnya di bidang dakwah dan jihad di jalan Allah.

Sesungguhnya kebangkitan Islam itu menuntut dari putera-puterinya mempunyai kekuatan rohani dan kekuatan jiwa, kekuatan kemahuan dan kekuatan jasmani. Seperti yang pernah dipesankan oleh Imam Hassan Al-Banna:

"Kemahuan yang kuat tidak bercampur dengan kelemahan dan kesetiaan yang tidak bercampur dengan kepura-puraan dan khianat, serta pengorbanan yang banyak yang tidak terhalang oleh kerakusan dan kebakhilan. Memahami dasar pendirian dan iman dengannya dan menghargainya yang memelihara kita dari kesalahan dan kesilapan, melindungi kita dari penyelewengan, apologetik dan tipuan orang."

Amal soleh membawa perubahan yang dikehendaki di dalam diri dari sikap jahiliyah kepada cara hidup Islam. Anak kunci kebaikan bagi umat ini dengan firman Allah:

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

*"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya."* Ar-Ra'd: 11

Sekiranya kita telah dapat menguasai diri kita, lalu kita membiasakan diri kita mengikuti ajaran Islam barulah kita mampu mempengaruhi orang lain hingga kita membina masyarakat muslim dan menegakkan daulah Islamiyah. Kalau tidak sudah tentu orang yang tidak mempunyai sesuatu tidak dapat memberi sesuatu pada orang lain.

Saudara muslim itu, bersungguh-sungguh membuat amal soleh di dalam hidupnya dan pada waktunya. Dengan itu memastikan bahawa dia tidak membuang masa dengan sia-sia tanpa membuat amal soleh yang memberi faedah pada dirinya dan diri orang

lain. Mendorongnya mengatur waktunya, kerja-kerjanya, usahanya dan mengatur jadual menurut kepentingannya. Mana yang lebih utama didahulukan, diikuti dengan yang kedua dan seterusnya dengan menyedari bahawa masa adalah kehidupan. Sesungguhnya tugas dan kewajipan kita lebih banyak dari masa yang kita ada. Oleh itu pergunakanlah masa dengan sebaik-baiknya. Itulah bekalan dan kebaikan yang besar.

Amal soleh adalah bidang yang baik untuk mencapai pahala di akhirat. Sebanyak mana amal soleh yang kita buat, sebanyak itulah juga kita memperoleh simpanan kebaikan kita. Maka barangsiapa membuat kebaikan walau sebesar atom pun dia akan melihatnya nanti.

Alangkah perlunya kita membuat perkara yang boleh memberatkan timbangan kebaikan kita di akhirat.

Amal soleh dan membuat kerja-kerja yang baik dapat dibuat oleh saudara di segala tempat dan waktu menurut kemampuan saudara. Itu hanya akan mengharumkan nama baik saudara dan nama baik jamaah saudara di tempat itu. Keharuman itu kelak akan berpanjangan walaupun saudara telah meninggalkan tempat itu ataupun saudara-saudara telah meninggal dunia.

Keinginan muslim terhadap amal soleh itu berbeza-beza. Ada di antara mereka yang berkesempatan membuat amal soleh tetapi dibiarkan kesempatan itu berlalu begitu sahaja tanpa diisi dengan amal soleh. Yang lain pula mengambil kesempatan amal soleh, tetapi sambil lewa sahaja tanpa kesungguhan atau dibuatnya secara terpaksa. Tetapi ada juga yang melakukannya dengan penuh ikhlas dengan sepenuh minat, dengan segenap kesungguhan dan kekuatan. Yang lebih mulia dari mereka itu ialah yang tidak menunggu kesempatan yang datang kepada mereka akan tetapi mereka mencari-cari kesempatan dan berusaha ke arahnya lalu dia memulakannya tanpa menunggu orang lain. Merekalah yang menjadi pelopor kebaikan. Itulah golongan pemimpin Islam sahibuddakwah. Pendokong jihad fi sabilillah yang menjadi sebaik-baik umat, menjadi imam dakwah dan jihad. Alangkah bahagianya mereka itu. Firman Allah:

أُوْلَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلۡخَيۡرَٰتِ وَهُمۡ لَهَا سَٰبِقُونَ ﴿٦١﴾

*"Mereka itulah orang-orang yang segera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang-orang yang mendahului pada mencapainya."* Al-Mukminun: 61

Saudara muslim harus berusaha kepada darjat yang sedemikian tingginya sekiranya kita ini benar-benar beriman dan benar di dalam pengakuan kita sebagai pendokong dakwah yang meletakkan diri dan hartanya untuk dakwah dan rela mengorbankannya demi kejayaan dan kedaulatan Islam di muka bumi. Maka

berbahagialah saudara dan para muslimin apabila dapat berbuat demikian. Apalagi kalau jamaah dan harakah Islam dapat berbuat demikian.

## PENUTUP – JASA-JASA BEKALAN

Jalan dakwah, jalan kebaikan, jalan jihad, jalan kejayaan adalah jalan yang kita cintai kerana itulah jalan kepada Allah, jalan kepada keredhaan Allah, jalan menghampiri Allah. Setiap langkah kita di atas jalan ini, menambahkan cinta kita kepadaNya dan menambahkan keteguhan pegangan kepadaNya. Setiap kita menemui rintangan kesusahan, bertambahlah lagi keimanan dan keyakinan kita kepadaNya. Kita yakin bahawa itulah jalan yang benar dan itulah jalan para pendokong dakwah Islamiyah dan itulah jalan mukminin.

Kita telah mengetahui bahawa jalan dakwah dipenuhi dengan onak dan duri. Rintangan yang berbagai rupa. Jalan ini tidak dihampar dengan permaidani merah atau lain-lain yang lebih menyelesakan dan tidak pula ditaburi dengan berbagai bunga yang harum baunya. Akan tetapi walaubagaimana susah pun jalan ini, Dialah yang menyampaikan kita kepada segala kebaikan, kemenangan dan kekuasaan di dunia dan nikmat bahagia di akhirat serta keselamatan dari azab Allah.

Kita menyedari perlunya bekalan di sepanjang jalan itu, bekalan takwa, dan bekalan iman yang menolong orang yang mengharungi jalan ini, menolong dia berjaga-jaga dan berwaspada dari segala lubang-lubang dan lopak-lopak, menolong dia melangkah rintangan-rintangan tanpa penyelewengan dan kemalasan, tanpa berhenti dan berpaling ke belakang.

Kita telah mengetahui bahawa bekalan ini mempunyai sumber-sumber yang daripadanya kita mengambil bekalan di tengah-tengah perjalanan seperti stesen-stesen minyak yang disediakan di sepanjang jalan.

Kita telah menyentuh sedikit sebanyak akan sumber-sumber ini yang mana dapat memberi petunjuk, bagaimana caranya mengambil bekalan-bekalan daripadanya. Saya tidaklah mengakui bahawa saya telah menerangkan secara teliti seluruh tajuk ini. Tetapi hanyalah itu sahaja yang dapat saya terangkan dan saya masih tetap berhajat terus menerus kepada taufiq dan pertolongan Allah. Firman Allah:

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

*"Apa jua jenis rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatupun yang dapat menahannya; dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatupun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan (ingatlah) Dialah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* Al-Fatir: 2

Di dalam penutup ini kita akan menyebutkan jasa bekalan pada pendokong dakwah dan hasil bekalan dan apa yang wajib dibuat olehnya dan di mana dia wajib berjalan.

Berjalan sepanjang jalan tanpa bekalan, membawa kepada penyelewengan, kesalahan, perselisihan, perpecahan dan kegagalan. Orang yang membawa bekalan yang sedikit, mudah tertarik kepada godaan-godaan syaitan. Mudah tertarik kepada musuh-musuh Allah dengan kesesatan dan tipu daya yang bertujuan semata-mata menjauhkan diri dari jalan dakwah atau menjadikan dia sebagai penolong mereka memecah-belahkan kesatuan barisan dan memporak-perandakannya. Tetapi pendokong yang banyak bekalan dari iman dan takwa berkemampuan menentang syaitan dengan segala godaannya, sanggup melawan musuh-musuh Allah dengan segala tipu daya mereka, imannya mendorong dia menjadi pengawal dan penjaga yang amanah dan jujur pula bagi barisan jamaah Islam, barisan mujahidin, pendokong dakwah, melindunginya dari kegoncangan dan segala bahaya yang akan menimpa kesatuan dan melemahkan kekuatannya. Dia memperhatikan segala godaan syaitan dan fitnah musuh-musuhnya lalu dia kikis semuanya dan mengawalnya kembali supaya tidak lagi tergugat dan tergoda. Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ إِذَا مَسَّهُمۡ طَٰٓئِفٞ مِّنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبۡصِرُونَ ﴿٢٠١﴾ وَإِخۡوَٰنُهُمۡ يَمُدُّونَهُمۡ فِي ٱلۡغَيِّ ثُمَّ لَا يُقۡصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar)." "Sedang saudara (pengikut) syaitan-syaitan, dibantu oleh syaitan-syaitan itu dalam melakukan kesesatan, kemudian mereka tidak berhenti-henti (melakukan perbuatan yang sesat lagi menyesatkan itu)."* Al-A'raf: 201-202

Jalan dakwah, jalan jihad tidak sunyi dari golongan munafiq, golongan yang bermuka dua, tetapi pendokong dakwah yang mempunyai banyak bekalan sentiasa berwaspada dan menguasai fitnah dan tipu daya mereka. Adapun orang yang membawa bekalan yang sedikit kadang-kadang menjadi mangsa mereka. Allah telah menerangkan hal itu di dalam firmanNya:

لَوۡ خَرَجُواْ فِيكُم مَّا زَادُوكُمۡ إِلَّا خَبَالٗا وَلَأَوۡضَعُواْ خِلَٰلَكُمۡ يَبۡغُونَكُمُ ٱلۡفِتۡنَةَ وَفِيكُمۡ سَمَّٰعُونَ لَهُمۡۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾

*"Kalaulah mereka keluar bersama kamu, tidaklah mereka menambahkan kamu melainkan kerosakan, dan tentulah mereka segera menjalankan hasutan di antara kamu, (dengan tujuan) hendak menimbulkan fitnah (kekacauan) dalam kalangan kamu; sedang di antara kamu ada orang yang suka mendengar hasutan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim."* At-Taubah: 47

Perjalanan dakwah, angkatan Ar-Rahman, tentera Allah, para pendokong dakwah dan jihad sentiasa terdedah kepada berbagai serangan, baik secara terang-terangan mahupun secara sembunyi-sembunyi. Di antaranya serangan berupa propaganda palsu yang membawa keraguan kepada barisan jihad, menyebarkan fitnah-fitnah dan tuduhan-tuduhan palsu dan bermacam-macam lagi. Semuanya itu telah diatur sebegitu rupa oleh pendokong jahiliyah, musuh-musuh Allah dan boneka mereka dan munafiqin. Serangan-serangan itu ditumpukan kepada fahaman, manhaj, cara perjuangan Islam dan dakwah Islam atau ditumpukan kepada pimpinan barisan Islam barisan tentera Ar-Rahman dan angkatan rabbani atau kepada para pendokong dakwah. Tetapi pendokong dakwah dan jihad yang membawa bekalan, dilindungi oleh bekalannya dari segala kesan dan pengaruh tekanan yang mengajarkan kepadanya supaya dia teliti dan terus menyangka baik kepada ketua dan saudara-saudaranya, menurut perintah Allah kepada mukminin, firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."* Al-Hujurat: 6

Firman Allah lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱجۡتَنِبُواْ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعۡضَ ٱلظَّنِّ إِثۡمٞۖ وَلَا تَجَسَّسُواْ وَلَا يَغۡتَب بَّعۡضُكُم بَعۡضًاۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمۡ أَن يَأۡكُلَ لَحۡمَ أَخِيهِ مَيۡتٗا فَكَرِهۡتُمُوهُۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٞ رَّحِيمٞ ١٢

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika*

*demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani."* Al-Hujurat: 12

Bekalan sepanjang jalan itu memlindungi pendokongnya dari penyelewengan fikrah dan harakah, bekalan iman mendorong pendokongnya kepada iltizam dengan Kitab Allah, sunnah Rasulullah saw dan sunnah salafus soleh. Iltizam dengan kefahaman yang sahih, yang sejahtera, yang syumul terhadap Islam, menjauhi segala penyelewengan yang telah memporak-perandakan muslimin dan memecah belahkan mereka kepada berbagai golongan dan puak. Semoga Allah memberi rahmat kurniaNya kepada Imam Hassan Al-Banna yang telah menghimpunkan dua puluh dasar sebagai pagar yang melindungi kefahaman yang sahih, yang selamat sejahtera terhadap Islam. Jauh dari segala penyelewengan bid'ah, rekaan, khurafat dan karut marut.

Setelah beristiqamah di atas kefahaman yang sahih mungkin para pekerja Islam berselisih pendapat terhadap konsep yang sahih, kefahaman yang sahih dan sempurna terhadap Islam, akan tetapi pendokong bekalan akan dipimpin oleh bekalannya kepada konsep yang syumul, yang sahih, untuk beramal tanpa mengambil sebahagian Islam dan meninggalkan sebahagiannya atau merubahnya. Maka dia tidak menghadkan ibadahnya hanya kepada ibadah-ibadah khusus sahaja, atau berzikir, atau membuat kebajikan-kebajikan dalam erti kata yang sempit, atau semata-mata menuntut ilmu dan lain-lain tetapi dia juga berdakwah, berjamaah, berjihad di jalan dakwah dan berjuang di dalam jamaah harakiyah untuk membangunkan daulah Islamiyah dan mengembalikan khilafah Islam. Itulah yang ditekankan oleh Imam Hassan Al-Banna.

Para pekerja untuk Islam bekerjasama di atas kefahaman yang sahih terhadap Islam atas konsep yang sahih untuk bekerja tetapi kadang-kadang mereka berselisih di sekitar perancangan dan wasilah untuk mencapai tujuan-tujuan mereka. Tetapi para pendokong bekalan didorong oleh iman dan bekalannya untuk mengikuti tanpa membuat bid'ah rekaan. Ertinya mereka mengikuti jalan Rasulullah saw tatkala baginda membangunkan daulah Islamiyah yang pertama yang memulai perjuangan dengan menegakkan aqidah Islam di dalam jiwa para sahabat baginda lalu menghimpunkan mereka dan menyatu padukan mereka dengan ikatan aqidah dan ukhuwwah Islamiyah pada Allah, kerana Allah, kemudian persediaan kekuatan tenaga dan senjata untuk digunakan sebagai usaha yang terakhir.

Perlindungan ini, perlindungan dari perselisihan faham, konsep dan cara bekerja, itulah buah di sepanjang jalan dan menjadikan angkatan rabbani, angkatan Ar-Rahman berjalan di sepanjang jalan dakwah, menuju kemenangan dengan langkah-langkah yang tetap dalam kesatuan dan barisan yang kuat. Benarlah firman Allah Yang Maha Agung di dalam firmanNya:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِي مُسۡتَقِيمٗا فَٱتَّبِعُوهُۖ وَلَا تَتَّبِعُواْ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمۡ عَن سَبِيلِهِۦۚ ذَٰلِكُمۡ وَصَّىٰكُم
بِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

*"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."* Al-An'am: 153

FirmanNya lagi:

وَٱعۡتَصِمُواْ بِحَبۡلِ ٱللَّهِ جَمِيعٗا وَلَا تَفَرَّقُواْۚ وَٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ إِذۡ كُنتُمۡ أَعۡدَآءٗ فَأَلَّفَ بَيۡنَ
قُلُوبِكُمۡ فَأَصۡبَحۡتُم بِنِعۡمَتِهِۦٓ إِخۡوَٰنٗا وَكُنتُمۡ عَلَىٰ شَفَا حُفۡرَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنۡهَاۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ
لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya." Ali Imran: 103

FirmanNya lagi:

وَأَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُواْ فَتَفۡشَلُواْ وَتَذۡهَبَ رِيحُكُمۡۖ وَٱصۡبِرُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٤٦﴾

*"Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."* Al-Anfal: 46

Orang yang melalui jalan dakwah dan jihad terdedah kepada berbagai-bagai usaha dari segala penjuru untuk menarik taat setianya, wala' nya kepada berbagai fahaman dan sistem hidup, isme-isme atau kepada orang-orang yang tertentu di luar

jamaah Islam atau kepada lembaga-lembaga yang bukan harakah Islam. Maka barangsiapa yang tidak mempunyai bekalan atau kurang bekalannya mudah tertarik dan terpengaruh dengan usaha-usaha yang durjana itu. Tetapi pendokong dakwah, yang berjihad di jalan Allah tetap membulatkan taat setia kepada dakwah, kepada jihad dan jamaahnya sebab dakwahnya adalah dakwah yang paling tinggi mengatasi segalanya, dakwah inilah yang paling lengkap dan paling sempurna.

Pendokong dakwah tidak boleh taat setia kepada orang kafir atau kepada musuh-musuh Allah, atau kepada sistem hidup jahiliyah, jahiliyah Timur atau Barat tetapi taat setia hanyalah kepada Allah, kepada RasulNya dan kepada para mukminin. Firman Allah:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُمْ رَٰكِعُونَ ﴿٥٥﴾

*"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)."* Al-Maidah: 55

FirmanNya lagi:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُوْلَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

*"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."* At-Taubah: 71

Para pembawa bekalan, yang mempunyai bekalan, mempunyai penilaian dan pertimbangan sendiri tidak mudah hanyut mengikuti arus, tetapi dia menimbang segala perkara menurut pertimbangan syariat Islamiyah, bertindak di segala kegiatan hidupnya dengan ketelitian dan iltizam dengan ajaran Islam. Taat setia kepada hukum-hukum Islam.

Orang yang sedikit bekalan sering menyembunyikan diri, berpeluk tubuh, sedikit hasil karyanya, lemah memikul tugas-tugas penting dan tidak mampu memikul rancangan-rancangan yang besar. Tetapi bekalan yang banyak dapat memberi tenaga,

daya gerakan, menghasilkan daya karya, kekuatan azam dan kesanggupan menghadapi segala kemungkinan dan sanggup melaksanakan segala urusan dan tugas penting walau di waktu yang genting sekali.

Para pendakwah, tentera aqidah yang mempunyai bekalan, menghargai dan menyedari kedudukannya di dalam barisan, mengetahui, menghargai dan menjaga tempat yang mesti dijaga dan dipertahankan menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh iltizam. Taat setia di waktu senang dan susah tanpa maksiat. Kalau tiada bekalan maka terjadilah pelarian, kecuaian, kelemahan, kegagalan di dalam melaksanakan satu-satu kerja.

Pendokong dakwah menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain. Segala penilaian, kefahaman dan urusan yang penting yang dianjurkan dan diserukannya, dialah yang lebih dahulu melaksanakannya sebelum orang lain. Apa yang dikatakan itulah yang diperkotakan, bukan lain dikata lain dikota. Bekalan taqwa dan imanlah yang menolongnya untuk sentiasa merasai kehadiran Allah, sama ada di hadapan khalayak ramai atau berseorangan. Inilah yang menolong dia mengikuti sunnah Rasulullah saw dan mencontohinya dengan sebaik-baiknya.

Pendokong dakwah yang mepunyai bekalan yang banyak menghayati urusan umat Islam dan dunia Islam, mengetahui dan memerhatikan segala peristiwa yang terjadi di kalangan muslim seluruh dunia, merasai dan menyedari segala cita-cita dan kesakitan di mana pun mereka berada. Dia menyahut seruan mereka, menolong mereka menurut kemampuan sesuai dengan ajaran Islam yang mewajibkan setiap muslim menolong saudaranya di mana pun mereka berada di seluruh dunia. Muslimin itu merupakan satu badan, satu umat, kerana sesungguhnya barangsiapa yang tidak memperhatikan, tidak mahu menguruskan, mengambil berat urusan muslimin lain dan kepentingan mereka, maka dia bukan dari golongan muslimin.

Bekalan sepanjang jalan menolong pendokong dakwah untuk menunaikan janji dan taat setia kepada bai'ah (sumpah setia) tanpa mungkir atau mengubahnya sehingga dia menemui Allah di dalam keadaan yang sedemikian sesuai dengan firman Allah:

مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ رِجَالٞ صَدَقُواْ مَا عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ عَلَيۡهِۖ فَمِنۡهُم مَّن قَضَىٰ نَحۡبَهُۥ وَمِنۡهُم مَّن يَنتَظِرُۖ وَمَا بَدَّلُواْ تَبۡدِيلٗا ﴿٢٣﴾

*"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."* Al-Ahzab: 23

Kesimpulan dari urusan ini dapat ditegaskan bahawa sesungguhnya bekalan sepanjang jalan itu menjadikan pendokong dakwah contoh teladan, sebagai seorang saudara yang beramal dan faham akan agamanya yang sahih, selamat sejahtera, jauh dari segala penyelewengan dan arif mengetahui segala apa yang diwajibkan oleh agamanya kepada dirinya serta mengetahui tanggungjawab yang mesti dipikulnya. Ikhlas kepada Tuhannya kerana mengharapkan keredhaan Allah yang mengenali segala peringkat amal dan perjuangan, mengenali tujuan-tujuan amal dan jihad, mengetahui cara-caranya, memahami jalan-jalan dan tidak bertentangan di antara satu sama lain. Dia meyakini bahawa jihad itu adalah jalan para du'at, lalu dia mempersiapkan diri untuk berbuat demikian untuk mengikuti mereka.

Pendokong dakwah yang mempunyai bekalan yang banyak rela mengorbankan segala apa yang ada padanya untuk dakwah dan jihad. Dia bersungguh-sungguh memelihara ukhuwwah Islamiyah terhadap saudara-saudaranya, sekurang-kurangnya dia bersangka baik kepada mereka dan setinggi-tingginya mengutamakan saudara-saudaranya melebihi kepentingan diri mereka sendiri. Mereka akan tetap bertahan di atas jalan kebenaran dalam jihad fi sabilillah dalam rangka mencapai keredhaan Allah, walaupun ia mengambil masa yang lama. Walaupun bertahun-tahun sehingga dia menemui Tuhannya di dalam keadaan yang demikian. Dia menyerahkan diri sebulat hati untuk dakwah dan jamaah Islam serta membebaskan diri dari segala yang fahaman lain dan manusia yang tidak sealiran dengannya.

Dia percaya sepenuhnya kepada dakwah, jamaah dan pucuk pimpinannya dengan satu kepercayaan yang tidak bcrbelah bagi. Dia tidak dapat digoncang, tidak dapat dicampuri dengan keraguan, beriltizam dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya tanpa maksiat. Dia melaksanakan segala kewajipan sebagai seorang saudara yang amil yang bekerja dan benar.

Itulah yang kita harapkan sebagai jasa-jasa bekalan yang akhirnya manfaat darinya kembali kepada pendokong dakwah itu sendiri dengan bekalan yang banyak. Itulah natijah yang diharapkan dari bekalan-bekalan yang kita perkatakan di dalam buku ini.

Semoga Allah memberi hidayah dan taufiq kepada kita semua melalui jalan yang benar dan yang diredhaiNya. Amin.